KERAJAAN MALAYSIA

Kaedah Perolehan Kerajaan

(KEMASKINI 1 JANUARI 2022)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2 KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN 4
1. Tatacara Perolehan Kerajaan 4
(i) Perancangan Perolehan 4
(ii) Peruntukan/Pembiayaan..... 5
(iii) Larangan Pecah Kecil..... 5
(iv) Syarat Sub-Kontrak Atau Serah Hak..... 6
(v) Syarat Pegangan Ekuiti Syarikat Semasa Tempoh Kontrak 6
(vi) Penyediaan Spesifikasi 7
(vii) Penggunaan Kontrak Pusat/Kontrak Pusat Sistem Panel 8
2. Kontrak Pusat..... 8
3. Kontrak Panel Berpusat 9
4. Kaedah Pelantikan Syarikat Bagi Perkhidmatan Multimodal Transport Operator (MTO) 10
5. Pembelian Terus Bagi Perolehan Bekalan/Perkhidmatan dan Kerja-Kerja *Requisition* 11
6. Lantikan Terus 14
7. Sebut Harga..... 14
(i) Peraturan Sebut Harga 15
(ii) Perolehan Di Kalangan Syarikat Bertaraf Pembuat/Pembekal 15
(iii) Pelawaan Sebut Harga..... 15
(iv) Dokumen Sebut Harga..... 18
(v) Penjualan Dokumen Sebut Harga..... 19
(vi) Tatacara Menguruskan Sebut Harga 19
(vii) Tempoh Sah Laku Sebut Harga 21
(viii) Penerimaan Sebut Harga..... 21
(ix) Penilaian Sebut Harga 23
(x) Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa 23
(xi) Asas Penilaian Sebut Harga..... 26
(xii) Penyediaan Kertas Taklimat Sebut Harga..... 26
(xiii) Jawatankuasa Sebut Harga..... 27
8. Tender..... 29
(i) Had Nilai Tender..... 29
(ii) Perihal Umum..... 29
(iii) Dokumen Tender..... 32
(iv) Penjualan Dokumen Tender 40
(v) Tempoh Sah Laku Tender 41
(vi) Deposit Tender..... 42
(vii) Pengiklanan..... 43
(viii) Anggaran Harga Jabatan..... 45
(ix) Bantahan Ke Atas Spesifikasi Tender Yang Menjurus Kepada Sesuatu Jenama..... 46
(x) Pembukaan Tawaran Tender..... 47
(xi) Urus Setia Tender 48

(xii) Pembukaan Tender di Hadapan Awam..... 49
(xiii) Merahsiakan Maklumat Dan Kedudukan Sesuatu Tender 49
(xiv) Peruntukan Melarang Pengiklanan dan Publisiti..... 50
(xv) Penjelasan Lanjut Berkenaan Dengan Tender..... 50
(xvi) Larangan Mengubah Maklumat Dokumen Petender.... 50
(xvii) Penilaian Tender 50
(xviii) Perakuan Tender..... 55
(xix) Pertimbangan Dan Keputusan Lembaga Perolehan Agensi..... 55
9. Tender Terbuka Pra-kelayakan 56
10. Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi..... 58
(i) Pertimbangan Tender 58
(ii) Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan..... 58
(iii) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan 60
(iv) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah Dan Sarawak 61
(v) Keahlian Lembaga Perolehan Negeri 62
(vi) Agensi Kerajaan Yang Tidak Mempunyai/Belum Menubuhkan Lembaga Perolehan 63
(vii) Tanggungjawab Lembaga Perolehan 63
(viii) Had Nilai Dan Kuasa Lembaga Perolehan..... 66
(ix) Keutamaan Kepada Pembuat/Pembekal Tempatan..... 67
(x) Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan Dan Urus Setia Tender 68
(xi) Tarikh Kuat Kuasa..... 69
11. Garis Panduan Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan..... 69
(i) Jenis Tugasan 69
(ii) Kuasa Melulus..... 69
(iii) Garis panduan Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan..... 70
12. Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri 70
(i) Peraturan Perolehan Yang Perlu Diikuti..... 70
(ii) Kuasa Untuk Menimbang dan Menyetujuterima 70
13. Pelaksanakan Projek-Projek Kecil Secara Gotong Royong.... 72
(i) Kriteria Penentuan Projek Kecil Secara Gotong Royong 72
(ii) Syarat Pelaksanaan Projek Kecil Secara Gotong Royong 73
(iii) Kawalan Dan Pengurusan 74
(iv) Elaun Sagu Hati Kepada Peserta Gotong Royong..... 74
(v) Laporan Pelaksanaan Projek 74
14. Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat Dan Perbadanan 74
15. Peraturan Bagi Perolehan Dan Pembaikan/Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan 78

16. Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan 82
17. Tatacara Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina 83
(i) Penentuan Pelaksanaan Projek Secara Reka Dan Bina 83
(ii) Kaedah Perolehan 84
(iii) Garis Panduan Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina 84
(iv) Syarat-Syarat Am 84
18. Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan Information Telecommunication Technology (ICT) Kerajaan 85
(i) Peraturan Semasa Perolehan ICT 85
(ii) Perolehan ICT yang dilaksanakan hendaklah mematuhi peraturan semasa berkaitan ICT seperti berikut:..... 86
(iii) Garis Panduan Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan.. 87

LAMPIRAN 88

PK 2 KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN

1. Tatacara Perolehan Kerajaan

Agensi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sebelum melaksanakan perolehan Kerajaan:

(i) Perancangan Perolehan

(a) Agensi hendaklah mengemukakan senarai perolehan yang akan dipelawa bagi satu-satu tahun itu kepada Ketua Agensi masing-masing pada bulan Disember tahun sebelumnya. Senarai perolehan hendaklah termasuk kategori perolehan (bekalan/perkhidmatan/kerja), peruntukan kewangan dan tarikh tender yang akan dipelawa serta dijangka untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan.

(b) Agensi hendaklah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Amalan untuk menghabiskan peruntukan di penghujung tahun adalah tidak dibenarkan.

(c) Agensi perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut dalam perancangan perolehan:

(i) Menyediakan carta/jadual proses iaitu Jadual Umum untuk semua perolehan yang hendak dilaksanakan untuk tahun berkenaan dan seterusnya Jadual pelaksanaan khusus untuk setiap perolehan.

(ii) Menjalankan kajian pasaran/ sumber perolehan/ bekalan di pasaran tempatan untuk menentukan sama ada barangan terdapat di pasaran tempatan (*product availability*) dan mendapatkan anggaran harga pasaran. Dalam hal ini, trend harga pembelian dalam urusan perolehan sama ada oleh Agensi tersebut atau agensi lain boleh dijadikan sebagai panduan.

(iii) Mengambil kira dasar-dasar/peraturan khusus Kerajaan dan dasar-dasar semasa.

(iii) Penyediaan spesifikasi dan penyediaan dokumen-dokumen berkaitan bagi melaksanakan dasar dan peraturan antaranya barangan/bekalan hendaklah dari buatan tempatan. Barangan import hanya dibenarkan jika ia tidak boleh diperoleh dari sumber dalam negeri.

(ii) Peruntukan/Pembiayaan

(a) Agensi hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa Anggaran Peruntukan Belanja Mengurus atau Pembangunan bagi perolehan yang berkenaan telah diluluskan dan disediakan serta mencukupi.

(b) Agensi Kerajaan yang diberi peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran peruntukan atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan, tidak kira agensi mana yang melaksanakan projek atau melakukan perbelanjaan, dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

(c) Semua perolehan yang melibatkan pembiayaan daripada institusi kewangan antarabangsa hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh institusi kewangan antarabangsa berkenaan.

(iii) Larangan Pecah Kecil

(a) Agensi dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga dan tender.

(b) Dalam keadaan tertentu, projek-projek kerja yang telah dipersetujui untuk ditender boleh dipecah kecil kepada beberapa pakej dan hendaklah dipelawa secara tender sekiranya memenuhi kriteria seperti berikut;

(1) projek yang terdiri daripada beberapa pakej kerja yang memerlukan kepakaran khusus selaras dengan bidang-bidang pengkhususan CIDB;

(2) kerja-kerja khusus yang perlu mematuhi *standard* atau keperluan kejuruteraan yang ditetapkan;

(3) keperluan untuk menyiapkan projek dengan segera yang melibatkan penyampaian perkhidmatan yang kritikal kepada orang awam;

(4) tidak menyebabkan pertambahan siling peruntukan yang disediakan bagi projek berkenaan;dan

(5) agensi pelaksana berkeupayaan untuk menyelaras dan menyelia projek dengan berkesan.

(6) perancangan pakej tender secara berasingan hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Kementerian/Agensi untuk kelulusan. Sebarang pindaan kepada perancangan pakej tender asal yang diluluskan hendaklah dirujuk semula kepada Lembaga Perolehan untuk kelulusan.

(7) Agensi hendaklah memastikan peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam setiap pakej projek terhadap kesempurnaan seluruh projek dijelaskan sepenuhnya dalam kontrak masing-masing.

(iv) Syarat Sub-Kontrak Atau Serah Hak

(1) Agensi hendaklah memasukkan satu pernyataan khusus berkaitan larangan membuat sub-kontrak atau serah hak sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa tanpa mendapat kelulusan bertulis Kerajaan terlebih dahulu dalam dokumen tender/sebut harga di samping klausa dalam Surat Setuju Terima dan kontrak.

(2) Bagi kontrak sedia ada yang telah ditandatangani, klausa ini hendaklah dimasukkan sebagai perjanjian tambahan.

(3) Klausa mengenai larangan membuat sub-kontrak atau serah hak semasa tempoh kontrak ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Undang-Undang Agensi terlebih dahulu.

(v) Syarat Pegangan Ekuiti Syarikat Semasa Tempoh Kontrak

(4) Agensi hendaklah memasukkan satu pernyataan khusus berkaitan larangan membuat perubahan pegangan ekuiti syarikat sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan terlebih dahulu dalam dokumen tender/sebut harga di samping klausa dalam Surat Setuju Terima dan kontrak.

(5) Bagi kontrak sedia ada yang telah ditandatangani, klausa ini hendaklah dimasukkan sebagai perjanjian tambahan.

(6) Klausa mengenai larangan membuat perubahan dalam pegangan ekuiti syarikat semasa tempoh kontrak ini

hendaklah dirujuk kepada Bahagian Undang-Undang Agensi terlebih dahulu.

(7) Syarat larangan perubahan pegangan ekuiti syarikat sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa ini adalah tidak terpakai kepada syarikat tersenarai awam (*public listed companies*) iaitu syarikat berhad yang disenaraikan di Bursa Malaysia (contoh : Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain).

(vi) Penyediaan Spesifikasi

(a) Jawatankuasa Spesifikasi

Satu Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah dilantik oleh Ketua Agensi bagi menyediakan spesifikasi umum/ khusus/teknikal bagi tiap-tiap perolehan yang hendak dibuat. Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan, yang boleh juga terdiri daripada wakil-wakil agensi lain yang berkaitan.

(b) Tempoh Masa Penyediaan Spesifikasi

Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah diberi masa secukupnya dan bersesuaian dengan perolehan yang hendak dibuat untuk merangka dan mewujudkan spesifikasi yang sempurna dan jelas.

(c) Butiran Spesifikasi

(i) Dalam menggariskan spesifikasi, perkara-perkara seperti warna, saiz, bentuk, kualiti, pembungkusan, nisbah kandungan dan butir-butir lain yang berkaitan hendaklah dinyatakan dengan jelas supaya tidak menimbulkan keraguan kepada kontraktor/pembekal tentang apa yang dikehendaki oleh Agensi.

(ii) Bagi perolehan perkhidmatan, skop dan spesifikasi perkhidmatan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

(iv) Spesifikasi teknikal tidak boleh dibuat berdasarkan kepada sesuatu jenama atau buatan. Sekiranya tidak dapat dielakkan, ungkapan ‘atau persamaan’

hendaklah digunakan.

(iv) Spesifikasi hendaklah dibuat berasaskan fungsi penggunaan dan sekurang-kurangnya memenuhi piawaian Malaysia atau piawaian antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan. Sekiranya barangan tersebut tidak mempunyai sebarang piawaian, Agensi hendaklah memastikan barangan yang ditentukan adalah sesuai, selamat digunakan dan dijamin oleh pembuatnya atau petender.

(v) Spesifikasi yang disediakan hendaklah ditanda araskan (*benchmark*) dengan barangan buatan tempatan yang memenuhi piawaian yang diiktiraf.

(vi) Bagi perolehan peralatan yang melibatkan teknologi maklumat, spesifikasi teknikal hendaklah diluluskan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri. Arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh MAMPU mengenai perkara ini hendaklah dirujuk. Pembelian peralatan komputer secara *stand alone* tidak perlu mendapatkan persetujuan MAMPU.

(vii) Penggunaan Kontrak Pusat/Kontrak Panel Berpusat

Dalam membuat perolehan bekalan dan perkhidmatan, Agensi hendaklah memastikan bahawa bekalan dan perkhidmatan tersebut tidak terdapat dalam senarai Kontrak Pusat atau Kontrak Pusat Sistem Panel.

2. Kontrak Pusat

(i) Kontrak Pusat diwujudkan oleh Perbendaharaan bagi item barangan siap/perkhidmatan guna sama. Kerajaan boleh menambah dan mengurangkan bilangan item Kontrak Pusat dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

(ii) Harga bagi item Kontrak Pusat adalah mengikut harga kontrak yang ditetapkan.

(iii) Kaedah pelaksanaan perolehan bagi item Kontrak Pusat adalah seperti berikut:

(a) Anggaran Keperluan Bagi Item Kontrak Pusat

Agensi dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan serta mengemukakan anggaran keperluan dan jangka masa pembekalan yang diperlukan kepada Kontraktor yang dipilih untuk membolehkan pihak Kontraktor membuat perancangan pembekalan. Satu salinan jadual perancangan berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

(b) Laporan Prestasi Kontraktor

Agensi hendaklah mengemukakan sebarang aduan dengan serta merta jika ada, atau tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh Kontrak tamat kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang berbangkit akibat kegagalan Agensi mematuhi arahan ini.

(c) Penggunaan Kontrak

Semua Agensi hendaklah menggunakan Kontrak Pusat sepenuhnya dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada BPK, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut yang mana berkenaan.

(iv) Senarai item di bawah Kontrak Pusat adalah seperti di **Lampiran 2.0**.

3. Kontrak Panel Berpusat

(i) Agensi hendaklah melaksanakan perolehan bagi item Kontrak Panel Berpusat daripada panel pembekal atau kontraktor yang telah dilantik oleh Perbendaharaan. Harga adalah berdasarkan harga tawaran di kalangan panel. Kerajaan boleh menambah bilangan item Kontrak Panel Berpusat dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

(ii) Keterangan umum mengenai Kontrak Panel Berpusat adalah seperti berikut:

(a) Kajian Pasaran

Kajian pasaran yang berpatutan hendaklah dibuat supaya perolehan yang hendak dilaksanakan adalah paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.

(b) Kontrak Formal

Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1. Walau bagaimanapun, bagi kontrak bermasa kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000.

(c) Laporan Penyata Pesanan

Agensi Kerajaan hendaklah memastikan syarikat panel pembekal mengemukakan Laporan Penyata Pesanan seperti format yang ditetapkan di dalam Pekeliling berkaitan ke Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan bagi setiap suku tahun.

(d) Aduan Mengenai Syarikat Panel

Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat yang kurang memuaskan ke BPK, Kementerian Kewangan.

(e) Perolehan Item Kontrak Panel Daripada Punca Lain

Semua Agensi hendaklah menggunakan Kontrak Panel sepenuhnya dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada BPK, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut yang mana berkenaan.

(iii) Senarai item-item dan syarikat-syarikat di bawah Kontrak Pusat Sistem Panel adalah seperti di **Lampiran 2.1**.

4. Kaedah Pelantikan Syarikat Bagi Perkhidmatan Multimodal Transport Operator (MTO)

Tatacara perolehan bagi perolehan perkhidmatan MTO ditetapkan seperti berikut:

(i) Perolehan bernilai **sehingga RM50,000** boleh diuruskan secara pembelian terus dengan **mana-mana syarikat yang berdaftar dalam kod bidang 221709;**

(ii) Perolehan **melebihi RM50,000** hendaklah diuruskan melalui kaedah **sebut harga atau *e-bidding*** tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

(a) pelawaan hendaklah di kalangan sekurang-kurangnya 10 syarikat yang berdaftar di bawah kod bidang 221709;

(b) perolehan bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi;

(c) perolehan bernilai melebihi RM500,000 hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi; dan

(d) perolehan yang diuruskan secara *e-bidding* hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan yang berkuat kuasa.

5. Pembelian Terus Bagi Perolehan Bekalan/Perkhidmatan dan Kerja-Kerja *Requisition*

(i) Pembelian Terus ditafsirkan sebagai perolehan bekalan/ perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak.

(ii) Setiap jenis item ditafsirkan sebagai sesuatu barangan/ perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang.

(iii) Kerja *Requisition* ditafsirkan sebagai kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dengan menggunakan Jadual Kadar Harga.

(iv) Perolehan perkhidmatan percetakan, perkhidmatan agen pengembaraan, bekalan buku cetakan luar negara dan perkhidmatan *Multimodal Transport Operator* (MTO) sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan pembekal/syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

(v) Item-item Kontrak Pusat dan Kontrak Panel Berpusat hendaklah diperoleh melalui syarikat Kontrak Pusat atau Kontrak Panel Berpusat yang berkenaan.

Had Nilai, Kaedah Dan Syarat Pembelian Terus dan Sebut Harga Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Sehingga RM50,000

(vi) Had nilai pembelian terus dan sebut harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sehingga RM50,000 seperti berikut:

Bil.	Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak	a. Dilaksanakan secara pembelian terus daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa
ii.	Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak	Dilaksanakan secara sebut harga mengikut tatacara sedia ada dengan kelonggaran seperti berikut:- a. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera; b. Tempoh notis dipendekkan kepada tiga (3) hari; c. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga tidak diperlukan. Penyebut harga boleh mengemukakan dokumen sebut harga terus kepada urusetia melalui surat, faks atau emel seperti ditetapkan oleh agensi; dan d. Penilaian sebut harga oleh satu (1) Jawatankuasa Penilaian dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk pengerusi yang dilantik oleh Ketua Jabatan.	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) seperti di dalam peraturan sedia ada; ATAU a. Pegawai Pengawal boleh menubuhkan JKSH baharu untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 yang dikenali sebagai JKSH 'B'; dan b. JKSH 'B' hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk pengerusi yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan.

Syarat-Syarat Perolehan Lain

(vii) Agensi hendaklah memastikan syarat-syarat seperti berikut dipatuhi sebelum perolehan dilaksanakan:-

(a) Harga tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan hendaklah dipilih;

(b) Agensi hendaklah membuat kajian pasaran supaya harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan. Perolehan hendaklah tidak tertumpu kepada satu syarikat pembekal sahaja dan syarikat-syarikat lain yang berkelayakan hendaklah diberi peluang untuk menyertai perolehan tersebut;

(c) Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan harga pasaran, agensi boleh menggunakan harga pembelian lampau sebagai perbandingan; dan

(d) Bagi bidang khusus yang memerlukan lesen/permit yang sah atau keperluan lain yang disyaratkan mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan, agensi hendaklah memastikan bahawa pembekal yang dipilih mematuhi syarat-syarat tersebut. Antaranya memiliki lesen daripada Kementerian Dalam Negeri untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya.

Had Nilai Perolehan Kerja-Kerja *Requisition*

(viii) Had nilai kerja-kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Harga adalah sehingga RM50,000 sahaja dan hendaklah dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga.

(ix) Kerja bangunan/awam yang dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga Bangunan/Awam hendaklah dilaksanakan di kalangan kontraktor bangunan/awam Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau mempunyai PPK dan sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) (di Sabah) atau mempunyai PPK dan sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

(x) Kerja elektrik yang dilaksanakan secara undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Harga Elektrik hendaklah dilaksanakan di kalangan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK atau PPK dan sijil PUKONSA (di Sabah) atau sijil PPK dan sijil UPKJ (di Sarawak) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

(xi) Bagi kerja undian Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak boleh

mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.

(xii) Bagi kerja-kerja *requisition* yang melebihi RM50,000 sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bangunan/awam/elektrik yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK atau mempunyai PPK serta sijil PUKONSA atau PPK serta UPKJ dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Unit Audit Dalam Agensi

(xiii) Bagi memastikan perolehan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, peranan Pegawai Pengawal adalah penting dalam memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sepenuhnya:-

(a) Merancang perolehan tahunan agensi dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelak sebut harga atau tender;

(b) Memastikan perolehan jenis item yang sama dalam setahun yang melebihi had nilai pembelian terus dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan;

(c) Mengambil tindakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 59 sekiranya pegawai-pegawai yang menguruskan perolehan gagal mematuhi peraturan semasa yang ditetapkan; dan

(d) Unit Audit Dalam agensi bertanggungjawab memantau pelaksanaan perolehan secara pembelian terus dan perolehan selanjutnya bagi jenis item yang sama agar agensi mematuhi peraturan ini dan tidak memecah kecil perolehan. Satu rekod lengkap mengenai jenis item yang dibeli, nama pembekal dan nilai perolehan hendaklah disimpan oleh agensi dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal setiap tiga (3) bulan serta disalinkan kepada Unit Audit Dalam agensi.

6. Lantikan Terus

(i) Kaedah lantikan terus hanya ditetapkan bagi **perolehan kerja**. Kerja-kerja yang bernilai **tidak melebihi RM20,000** boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor **Gred G1** yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).

7. Sebut Harga

(i) Peraturan Sebut Harga

(a) Agensi hendaklah mengambil kira nilai perolehan tahunan atau nilai kontrak bagi menentukan kaedah perolehan secara sebut harga. Agensi dilarang memecah kecilkan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/tender.

(b) Agensi dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara pakej merangkumi kerja induk dan kerja melibatkan Wang Kos Prima bagi perolehan kerja. Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah mensyaratkan kontraktor induk melantik subkontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkenaan.

(ii) Perolehan Di Kalangan Syarikat Bertaraf Pembuat/Pembekal

(a) Perolehan hendaklah dipelawa di kalangan syarikat bertaraf pembuat tempatan di negeri berkenaan bagi sebut harga bekalan. Sekiranya bilangan syarikat pembuat di negeri berkenaan tidak mencukupi, pembuat di negeri berhampiran boleh dipelawa. Jika bilangan pembuat adalah kurang daripada bilangan minimum yang perlu dipelawa, maka sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan pembuat yang berkenaan sahaja.

(b) Sekiranya tidak terdapat pembuat, maka perolehan boleh dibuat di kalangan pembekal tempatan di negeri berkenaan. Jika bilangan pembekal di negeri berkenaan tidak mencukupi, pembekal di negeri berhampiran boleh dipelawa.

(c) Agensi dilarang mempelawa pembekal dan pembuat bersekali untuk menyertai sesuatu sebut harga.

(iii) Pelawaan Sebut Harga

(a) Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan

(1) Perolehan yang melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/ pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkaitan.

(2) Perolehan melebihi RM100,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkaitan. Sebut harga hendaklah terbuka kepada pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera. Syarikat pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga.

(3) Maksud pembuat/pembekal tempatan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah pembuat/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di negeri berkaitan. Sekiranya bilangan pembuat/pembekal di negeri berkenaan tidak mencukupi, pembuat/pembekal di negeri berhampiran/ sempadan boleh dipelawa.

(b) Perolehan Kerja

(1) Perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual Kadar Kejuruteraan Awam yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga seperti berikut:

(i) Perolehan yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan; dan

(ii) Perolehan yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan Gred G2 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan.

(2) Kerja-kerja kecil seperti menebuk lubang, mengubahsuai tandas, kerja-kerja pendawaian dan kerja-kerja lain yang melibatkan struktur bangunan hendaklah dirujuk dan mendapat persetujuan Jabatan Kerja Raya terlebih dahulu.

(3) Semua perolehan kerja elektrik yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor elektrik tempatan yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkenaan.

(4) Maksud kontraktor tempatan Gred G1 adalah kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di daerah berkenaan. Sekiranya bilangan kontraktor di daerah berkenaan tidak mencukupi, kontraktor di daerah berhampiran/sempadan boleh dipelawa.

(5) Maksud kontraktor tempatan Gred G2 adalah kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di negeri berkenaan. Sekiranya bilangan kontraktor di negeri berkenaan tidak mencukupi kontraktor di negeri berhampiran/sempadan boleh dipelawa.

(6) Bagi kerja-kerja kecil yang hendak dijalankan oleh agensi di bangunan guna sama (Bangunan yang digunakan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun) kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri; dan

(7) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan yang disewa, kebenaran tuan punya bangunan hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Kementerian/Jabatan bolehlah menggunakan perkhidmatan perunding yang bertanggungjawab ke atas bangunan tersebut dan jika perunding berkenaan enggan, Kementerian/Jabatan bolehlah melantik perunding sendiri dengan mengikut peraturan semasa.

(8) Bagi perolehan kerja mekanikal seperti di **Jadual 1** di bawah, sebut harga/tender hendaklah dipelawa daripada gred asal (berdasarkan anggaran nilai kerja mekanikal oleh Jabatan) sehingga gred G7.

(9) Tawaran hendaklah dibuat berdasarkan had nilai kerja mekanikal sedia ada (seperti di 1PP/PK 1) bagi kerja mekanikal selain daripada yang disenaraikan dalam **Jadual 1** tersebut:

Jadual 1

Bil.	Sistem Mekanikal (Kategori ME)	Pengkhususan
1.	*Lift/ Dumbwaiter/ Escalators System*	M03
2.	*Medical Gases Pipeline Systems*	M06
3.	*Sterilizers and Associated Equipment*	M06
4.	*Boilers/ Calorifiers/ Hot Water Reticulation System*	M18
5.	*Building Management System/ Building Automation System/ Building Supervisory System*	M04
6.	*Kitchen Equipment & LPG System*	M07 & B20
7.	*Laboratory Equipment*	M06
8.	*Pneumatic Tube System*	M15
9.	*Dental Chair System*	M06/MOF050102

(10) Peraturan di perenggan 7(iii)(b)(8) hingga (9) di atas adalah turut terpakai untuk pelawaan secara tender bagi kerja mekanikal seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** di atas.

(iv) Dokumen Sebut Harga

(a) Bagi pelawaan sebut harga bekalan dan perkhidmatan dokumen sebut harga iaitu **Borang Q (Lampiran 2.3)** hendaklah digunapakai. **Borang Q** boleh diubah suai mengikut keperluan Agensi. Dokumen sebut harga merupakan sebahagian daripada kontrak dan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

(1) Arahan kepada penyebut harga;
(2) Syarat-syarat am/syarat-syarat khas yang jelas;
(3) Format kontrak jika berkaitan;
(4) Spesifikasi; dan
(5) Pengalaman/Senarai Pesanan bekalan/ perkhidmatan yang sedang dan telah dibuat (jika perlu).

(b) Bagi perolehan kerja, borang/format]abatan Kerja Raya (JKR)/]abatan Pengairan dan Saliran (JPS) boleh digunakan. Borang-borang tersebut boleh diubah suai mengikut keperluan Agensi. Dokumen sebut harga hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

(1) Arahan kepada penyebut harga (contoh di **Lampiran 2.4**);
(2) Syarat-syarat sebut harga (contoh di **Lampiran 2.5**);

(3) Borang sebut harga termasuk Ringkasan Sebut Harga/Senarai Kuantiti (tetap atau sementara)(contoh di **Lampiran 2.6**, **Lampiran 2.7** **dan** **Lampiran 2.8**);
(4) Spesifikasi;
(5) Pelan Tapak Bina dan Lukisan Teknikal (jika ada);
(6)]adual Kadar Harga (jika perlu);
(7) Pengalaman dan Senarai Kerja Dalam Tangan; dan
(8) Sekiranya sebut harga melibatkan taklimat/lawatan tapak/premis tujuh hari hendaklah dikira mulai tarikh taklimat/lawatan tapak/premis. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.

(c) Senarai semakan hendaklah disediakan dan disertakan bersama dokumen sebut harga bagi memastikan pembuat/ pembekal/kontraktor mengemukakan tawaran sebut harga yang lengkap berserta semua dokumen yang diperlukan. Senarai semakan seperti contoh di **Lampiran 2.9**.

(v) Penjualan Dokumen Sebut Harga

Agensi tidak digalakkan menjual dokumen sebut harga. Walau bagaimanapun, sekiranya Agensi mengenakan bayaran, maka kadar harga semuka dokumen hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan bagi dokumen tender yang berkuat kuasa tertakluk kepada bayaran maksimum RM50.00 bagi satu (1) set dokumen sebut harga.

(vi) Tatacara Menguruskan Sebut Harga

(a) Agensi hendaklah membuat pelawaan dengan mengemukakan dokumen sebut harga kepada pembuat/ pembekal/kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB, yang mana berkenaan.

(b) Agensi hendaklah mempamerkan pemberitahuan/notis sebut harga di papan kenyataan awam Agensi masing-masing, selain daripada mempelawa sebut harga kepada penyebut harga yang telah dikenal pasti.

(c) Tempoh sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut dan pemberitahuan/notis sebut harga hendaklah sentiasa dipamerkan di papan kenyataan sepanjang tempoh tersebut. Sekiranya sebut harga melibatkan taklimat/lawatan tapak/premis tujuh hari hendaklah dikira mulai tarikh taklimat/lawatan tapak/premis. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA, UPKJ atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat,Kementerian Kewangan;

(d) Kaedah pelawaan sebut harga hendaklah dilaksanakan sama ada melalui pos berdaftar, pos laju, serahan tangan atau e-mel.

(e) Satu (1) daftar hendaklah diselenggarakan untuk mencatatkan senarai edaran sebut harga atau pembuat/ pembekal/kontraktor.

(f) Semua borang sebut harga hendaklah diberi nombor siri untuk pengawalan.

(g) Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

(h) Agensi hendaklah mensyaratkan kepada penyebut harga supaya mengemukakan tawaran harga dan tawaran teknikal dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi sebut harga kerja memadai tawaran dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja.

(i) Pemberitahuan/Notis Sebut Harga di papan kenyataan awam/Laman Web Agensi hendaklah menyatakan:

(1) Agensi yang memanggil sebut harga;
(2) Tajuk sebut harga;
(3) Syarat kelayakan penyebut harga;
(4) Bidang/gred/kategori/pengkhususan; dan

(5) Tempat sebut harga perlu dihantar, tarikh dan waktu tutup.

(j) Sebut harga hendaklah diterima, dibuka dan dijadualkan sebagaimana yang dilaksanakan bagi tender.

(vii) Tempoh Sah Laku Sebut Harga

Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga bergantung kepada kompleksiti sebut harga yang dilaksanakan. Tempoh sah laku tawaran sebut harga tidak boleh dilanjutkan. Jika tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran, sebut harga hendaklah dipelawa semula.

(viii) Penerimaan Sebut Harga

(a) Peti Tawaran

(1) Peti tawaran hendaklah disediakan dengan dilabelkan tajuk, rujukan sebut harga, tarikh dan waktu tawaran ditutup.

(2) Peti tawaran hendaklah dikunci dengan dua (2) kunci yang berbeza dan anak kuncinya hendaklah dipegang secara berasingan oleh dua (2) orang pegawai kanan Agensi.

(3) Agensi hendaklah menyediakan anggaran harga Jabatan bagi setiap sebut harga dan memasukkannya ke dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup sebut harga.

(4) Peti tawaran hendaklah ditutup pada tarikh dan waktu yang ditetapkan. Waktu sebut harga ditutup hendaklah ditetapkan pada jam 12.00 tengah hari pada hari bekerja. Agensi hendaklah memastikan langkah-langkah diambil supaya tawaran yang diterima melalui pos dimasukkan ke dalam peti tawaran sebaik sahaja tawaran diterima dan hendaklah dimasukkan sebelum tarikh dan waktu tutup. Dokumen sebut harga yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan.

(b) Pembukaan Peti Tawaran

(1) Peti tawaran hendaklah dibuka secepat mungkin selepas sebut harga ditutup.

(2) Tawaran hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Bahagian secara bertulis. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) pegawai yang mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

(c) Tugas-Tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga

(1) Tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga adalah seperti berikut:

(i) Membuka peti tawaran pada tarikh dan waktu yang ditetapkan;

(ii) Memberi nombor kod untuk setiap dokumen tawaran sebut harga;

(iii) Menandatangani ringkas pada lembaran yang menyatakan harga dan pada apa-apa pindaan tulisan atau taipan bertindih dalam tawaran sebut harga;

(iv) Merekod pada borang jadual sebut harga dengan mencatatkan nama penyebut harga, kod penyebut harga, harga yang ditawarkan, tempoh siap/tempoh penyerahan dan menandatangani borang tersebut;

(v) Memastikan bahawa tawaran harga dan tawaran teknikal telah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi sebut harga kerja memadai tawaran dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja;

(vi) Mengesahkan penyebut harga telah mengemukakan semua dokumen yang diperlukan seperti dalam Senarai Semakan; dan

(vii) Mencatatkan apa-apa syarat yang tidak dipatuhi jika berkaitan seperti tawaran alternatif dan lain-lain.

(ix) Penilaian Sebut Harga

(a) Semua sebut harga yang diterima hendaklah dikaji dan dinilai sebelum syor dibuat kepada Jawatankuasa Sebut Harga. Sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan hendaklah disyorkan.

(b) Dalam penilaian sebut harga, perkara-perkara seperti jangka masa siap, kadar harga, kekerapan perkhidmatan, kawasan perlaksanaan, kos penyelenggaraan untuk tempoh tertentu dan sebagainya perlu diambil kira.

(c) Bagi sebut harga tertentu, jika perlu, nasihat daripada Jabatan Teknik seperti JKR dan JPS atau Agensi yang seumpamanya hendaklah diperoleh.

(d) Penilaian sebut harga hendaklah disiapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen diterima daripada Urus Setia.

(x) Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa

Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan sebut harga.

(a) Penilaian Sebut Harga Bekalan Dan Perkhidmatan

Penilaian sebut harga bekalan/perkhidmatan hendaklah dibuat oleh dua (2) jawatankuasa yang berasingan seperti berikut:

(1) **Jawatankuasa Penilaian Teknikal**

(i) Keahlian Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli.

(ii) Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan tentang barangan/perkhidmatan berkaitan. Sekiranya Agensi tidak mempunyai kemahiran dalaman, kepakaran dari Jabatan Teknik (JKR dan JPS) atau Jabatan lain boleh digunakan seperti Jabatan Kimia, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, MAMPU dan sebagainya.

(iii) Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah membuat penilaian berasaskan kepada spesifikasi perolehan dalam dokumen sebut harga. Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan, pernyataan pematuhan (*statement of compliance)* dan/atau penilaian fizikal. Walau bagaimanapun, maklumat dan teknologi semasa mengenai barang/perkhidmatan tersebut boleh diambil kira.

(iv) Penilaian teknikal hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian teknikal secara edaran adalah tidak dibenarkan.

(2) **Jawatankuasa Penilaian Harga**

(i) Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang, iaitu seorang pengerusi dan seorang ahli.

(ii) Penilaian harga sesuatu sebut harga hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan penyebut harga dan sebagainya. Perbandingan antara satu tawaran penyebut harga dengan tawaran penyebut harga yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).

(iii) Penilaian bagi pembelian harta modal seperti kenderaan, jentera berat, sistem maklumat dan lain-lain hendaklah berdasarkan kepada prinsip

tawaran harga menyeluruh (*total cost bid*), yang bermaksud mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan/ pemasangan, jaminan, penyenggaraan dan lain-lain.

(iv) Penilaian harga hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian harga secara edaran adalah tidak dibenarkan.

(3) Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang tidak kompleks seperti perolehan pakaian sukan, kasut, perabot, ubat, rangsum atau catuan basah/kering, beg, alat tulis, peralatan pejabat dan sebagainya, memadai Agensi menubuhkan satu]awatankuasa Penilaian sahaja.

(4) Penilaian sebut harga hendaklah disiapkan seboleh-bolehnya tidak melebihi tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tawaran sebut harga dikemukakan kepada]awatankuasa Penilaian.

(5) Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa.

(b) Penilaian Sebut Harga Kerja

(1) Penilaian sebut harga kerja hendaklah dibuat oleh satu (1) Jawatankuasa Penilaian sahaja.

(2) Penilaian hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang pegawai. Salah seorang ahli]awatankuasa hendaklah seorang pegawai teknikal dalam bidang kerja tersebut.

(3) Penilaian harga hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian harga secara edaran adalah tidak dibenarkan.

(4) Penilaian sebut harga hendaklah seboleh-bolehnya disiapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari

tarikh tawaran sebut harga dikemukakan kepada]awatankuasa Penilaian.

(5) Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli]awatankuasa.

(xi) Asas Penilaian Sebut Harga

Asas-asas penilaian sebut harga termasuklah perkara-perkara berikut:

(1) Penyebut harga memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

(2) Keupayaan/kemampuan penyebut harga seperti pengalaman kerja yang Iepas, prestasi kerja/kontrak semasa, projek yang sedang dilaksanakan/dalam tangan.

(3) Analisa harga dengan mengambil kira tempoh siap/ penghantaran.

(4) Kemampuan kewangan hendaklah dinilai bagi sebut harga bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 dari segi modal minimum sekurang-kurangnya 1.5% daripada anggaran harga Jabatan. Modal minimum hendaklah dalam bentuk aset mudah cair iaitu campuran nilai positif purata baki akhir bulan dalam penyata bulanan bank bagi tiga (3) bulan terakhir termasuk deposit tetap, baki nilai kemudahan kredit dan nilai kemudahan kredit tambahan yang layak/akan diperolehi oleh penyebut harga daripada bank atau institusi kewangan.

(xii) Penyediaan Kertas Taklimat Sebut Harga

Setelah laporan penilaian sebut harga diterima oleh Urus Setia Sebut Harga, Kertas Taklimat Sebut Harga hendaklah disediakan dengan maklumat-maklumat seperti berikut :-

(a) Salinan borang notis sebut harga;

(b) Salinan spesifikasi sebut harga;

(c) Jadual sebut harga;

(d) Senarai syarikat yang telah dijemput dan syarikat yang menjawabltidak menjawab;

(e) Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan/ClDB;

(f) Laporan Penilaian Sebut Harga;

(g) Kertas perakuan Sebut Harga; dan

(h) Maklumat berkaitan yang mungkin dikehendaki atau yang disyaratkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga.

(xiii) Jawatankuasa Sebut Harga

(a) Penubuhan Dan Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga

(1) Pegawai Pengawal hendaklah melantik semua ahli Jawatankuasa Sebut Harga secara bertulis bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan atau Pegawai Kewangan Negeri bagi Jabatan-jabatan Negeri.

(2) Pegawai Pengawal atau Pegawai Kewangan Negeri boleh melantik Pemegang Waran Peruntukan atau mana-mana pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebagai Pengerusi.

(3) Keahlian jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai di mana seorang daripadanya hendaklah pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Bagi perolehan kerja, seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal.

(4) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dilantik atas nama jawatan secara tahunan/dua tahun sekali.

(5) Ketua]abatan boleh melantik secara bertulis pegawai lain sekiranya Jabatan tidak mempunyai pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi melaksanakan tugas tersebut.

(6) Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah bersidang secepat mungkin supaya keputusan dapat dibuat dengan segera. Jawatankuasa Sebut Harga seboleh-bolehnya hendaklah bersidang dalam tempoh dua (2) minggu selepas penilaian dibuat.

(7) Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga atau mana-mana Jawatankuasa Penilaian.

(b) Pertimbangan Sebut Harga

(1) Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah menimbang sebut harga dan memilih sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan. Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah berpuas hati semua penyebut harga telah diberi peluang yang saksama.

(2) Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah bersidang/ bermesyuarat untuk memutuskan sebut harga. Pertimbangan sebut harga secara edaran tidak dibenarkan.

(3) Perbincangan dan keputusan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dicatatkan dalam minit dan ditandatangani oleh pengerusi dan ahli Jawatankuasa Sebut Harga. Asas-asas pemilihan sebut harga hendaklah dicatatkan dengan jelas.

(4) Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah sebulat suara.

(5) Keputusan yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi had nilai hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan untuk keputusan.

(c) Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga

(1) Pesanan Kerajaan/inden kerja hendaklah dikeluarkan dengan segera kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang berjaya setelah menerima keputusan]awatankuasa Sebut Harga. Contoh inden kerja di **Lampiran 2.10**.

(2) Pesanan Kerajaan/inden Kerajaan adalah memadai dikeluarkan bagi bekalan/perkhidmatan/kerja di mana kontrak formal tidak sesuai. Walau bagaimanapun, dokumen sebut harga hendaklah disertakan bersama pesanan tempatan atau inden Kerajaan supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya.

(3) Agensi hendaklah mengadakan satu kontrak formal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa atau perolehan kerja, yang mana berkenaan, untuk ditandatangani selaras dengan AP 176.1(c).

(4) Keputusan muktamad Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dipamerkan di papan kenyataan Jabatan/Laman Web Agensi dengan menyatakan nama syarikat yang berjaya, harga tawaran dan tempoh siap/penghantaran secepat mungkin selepas pesanan Kerajaan/inden Kerajaan dikeluarkan.

(d) Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

1. Agensi hendaklah menyediakan laporan perolehan secara sebut harga iaitu rekod lengkap sebut harga yang mengandungi maklumat antaranya tajuk perolehan, nama pembuat/pembekal/kontraktor, nilai perolehan dan sebagainya seperti format di **Lampiran 2.11**.

8. Tender

(i) Had Nilai Tender

Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melibatkan perbelanjaan tahunan atau sesuatu kontrak melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender terbuka.

(ii) Perihal Umum

(a) Tender Bekalan dan Perkhidmatan

(1) Tender tempatan bagi barangan buatan tempatan hendaklah dipelawa dengan menggunakan harga bersih sahaja. Tender tempatan bagi barangan yang perlu diimport hendaklah dipelawa dengan menggunakan harga tawaran *Free On Board* (FOB) sahaja.

(2) Tender antarabangsa hanya dipelawa sekiranya tidak boleh disediakan atau dikeluarkan oleh sumber dalam negara.

(b) Tender Kerja

(1) Semua tender kerja hendaklah dipanggil secara tempatan kecuali jika kontraktor tempatan tidak mempunyai kepakaran atau keupayaan berkenaan dengannya dan sukar dilaksanakan secara usaha sama.

(2) Bagi tender kerja yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usaha sama, kesemuanya hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor Kerja (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan mengikut nilai tender.

(3) Bagi maksud menggalakkan pemindahan teknologi dan penyertaan kontraktor tempatan dalam kerja yang mana kontraktor tempatan tidak mempunyai kepakaran atau keupayaan, tender kerja tersebut hendaklah dipelawa secara usaha sama antara syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa.

(4) Bagi pelawaan secara tender bagi perolehan kerja mekanikal, peraturan di perenggan 7(iii)(b)(8) hingga (9) adalah terpakai.

(5) Pelawaan tender kerja hendaklah dibuat kepada syarikat-syarikat berdasarkan had kewangan seperti berikut:

(i) Tender Kerja yang dianggarkan bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan.

(ii) Tender Kerja yang dianggarkan bernilai antara RM30 juta hingga RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:

(a) Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; atau

(b) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang

ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% warganegara tempatan.

(iii) Tender Kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:

(a) Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan;

(b) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau

(c) Syarikat usahasama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia ataupun tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan.

(6) Kontraktor Gred G7 dan ke bawah hendaklah mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit bagi tiga (3) tahun berturut-turut bagi perolehan yang dipelawa secara tender;

(i) Bagi memastikan projek Kerajaan dilaksanakan oleh kontraktor yang berkeupayaan, semua Agensi yang mempelawa tender kerja di kalangan kontraktor Gred G7 dan ke bawah hendaklah mewajibkan salinan Penyata Kewangan Beraudit yang telah diaudit dan disahkan oleh Juruaudit bertauliah bagi tiga (3) tahun berturut-turut sebagai salah satu dokumen wajib yang perlu dikemukakan.

(ii) Agensi juga diingatkan supaya mewajibkan semua kontraktor yang akan menyertai perolehan kerja untuk turut mengemukakan perkara-perkara berikut:

(a) senarai kontrak kerja semasa (kerja dalam tangan); dan
(b) laporan penyeliaan projek atas prestasi kerja semasa.

(iii) Dokumen Tender

(a) Penyediaan Dokumen Tender

(1) Setiap set dokumen tender hendaklah sempurna serta mengandungi antara lain perkara berikut:

(i) Syarat-syarat dan arahan kepada petender - Maklumat-maklumat penting yang wajib dipatuhi oleh petender;

(ii) Spesifikasi - spesifikasi umum/khusus/teknikal bagi bekalan/perkhidmatan/kerja yang dikehendaki oleh Agensi;

(iii) Borang tender - Borang hendaklah diisi dan ditandatangani oleh petender bagi menyertai tender;

(iv) Contoh Surat Setuju Terima tender - Contoh surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui dalam surat niat atau apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui melalui rundingan sebelumnya;

(v) Syarat-syarat kontrak - Syarat-syarat kontrak yang akan diguna pakai bagi petender yang berjaya;

(vi) Senarai kuantiti/ringkasan tender - Maklumat yang menjelaskan huraian kerja/kuantiti yang diperlukan dan tempoh masa yang akan diikat;

(vii) Jadual kadar harga - Jadual kadar harga yang perlu diisi oleh petender (jika berkenaan);

(viii) Lukisan teknikal/pelan - Sesuatu pelan, model atau lukisan yang diperlukan (jika berkenaan);

(ix) Tempat penghantaran - Tempat serahan terakhir di mana barangan yang diperolehi akan

diserah kepada Agensi;

(x) Tempoh siap/penghantaran;

(xi) Cadangan pemindahan teknologi - Cadangan pembuatan/ pemasangan dalam negeri, penggunaan bahan tempatan dan tempat di mana barang-barang yang ditender akan dibuat secara langsung di Malaysia dengan menggunakan bahan tempatan ke peringkat yang maksimum, mewujudkan loji di Malaysia dan pemindahan teknologi melalui program offset (jika sesuai);

(xii) Prestasi/rekod pengalaman - Maklumat tentang pengalaman petender dalam bidang berkaitan yang dibekalkan/dilaksanakan kepada Agensi dan pihak swasta;

(xiii) Syarat tiga (3) tahun penyata kewangan yang telah di audit;

(xiv) Profil dan kedudukan kewangan petender - Maklumat terperinci tentang latar belakang dan keupayaan kewangan petender;

(xv) Senarai Semak - Senarai dokumen/perkara yang perlu dikemukakan oleh petender seperti contoh di **Lampiran 2.12**;

(xvi) Tempoh sah laku tawaran; dan

(xvii) Perkara-perkara lain yang berkenaan.

(2) Setiap dokumen tender hendaklah diberi nombor siri.
(3) Agensi hendaklah

(b) Perkara-perkara Utama Yang Perlu Dimasukkan Dalam Dokumen Tender Bekalan dan Perkhidmatan

(1) Agensi dikehendaki memastikan perkara-perkara berikut dinyatakan dalam dokumen tender, di mana berkenaan:

(i) Tempoh sah laku tender;

(ii) Larangan publisiti;

(iii) Cara pembelian (FOB/Harga Bersih);

(iv) Penghantaran barangan import dan eksport Kerajaan [Multimodal Transport Operator (MTO)];

(v) Mata wang;

(vi) Jadual pelaksanaan perkhidmatan/jadual penghantaran;

(vii) Tempoh siap perkhidmatan/penghantaran;

(viii) Tempat penghantaran;

(ix) Terma pembayaran;

(x) Insurans Kumpulan Wang Insurans Barang-barang Kerajaan (KWIBK);

(xi) Addendum;

(xii) Tempoh tanggungan kecacatan/waranti;

(xiii) Bantahan spesifikasi seperti menjurus kepada sesuatu jenama;

(xiv) Offset;

(xv) Denda (pelanggaran syarat kontrak untuk bekalan/perkhidmatan);

(xvi) Penamatan kontrak;

(xvii) Timbang tara;

(xviii) Draf perjanjian kontrak; dan

(xix) Syarat-syarat lain yang perlu bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

(2) Agensi hendaklah menyatakan dengan jelas perkara-perkara berikut:

(i) Perincian teknikal dan perincian harga hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri;

(ii) Kedua-dua sampul perincian tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu bungkusan; dan

(iii) Petender tidak dibenarkan mencatat nama petender dan harga dalam dokumen spesifikasi yang dikemukakan. Bagi Petender yang tidak mengikut arahan ini akan menyebabkan tawaran tender mereka tidak layak dipertimbangkan.

(c) Perkara-perkara Utama Yang Perlu Dimasukkan Dalam Dokumen Tender Kerja

(1) Agensi hendaklah menggunakan Borang JKR Siri 203 untuk tender kerja yang dilaksanakan secara konvensional. Projek-projek yang dilaksanakan secara *Turnkey* atau *Design & Build* boleh menggunakan Borang PWD DB/T yang berkuat kuasa. Senarai borang tender dan borang-borang lain yang perlu digunakan adalah seperti di **Lampiran 2.13**.

(2) Penggunaan borang JKR Siri 203 hendaklah dipakai jika dipersetujui oleh pembiaya bagi projek yang dibiayai oleh peruntukan asing.

(3) Agensi hendaklah memasukkan peruntukan dalam Arahan Kepada Petender bahawa semua tender yang bernilai RM500,000 ke atas, levi sebanyak 0.25% daripada nilai harga kontrak akan dikenakan ke atas petender yang berjaya, seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994 (Akta 520).

(4) Agensi hendaklah memastikan bahawa borang piawai/format yang ditetapkan yang berkuat kuasa diguna pakai sepenuhnya.

(5) Syarat bayaran terus kepada sub kontraktor hendaklah dimasukkan ke dalam dokumen tender dan dokumen kontrak.

(6) Sekiranya syarat tender mewajibkan lawatan tapak/premis/sesi taklimat, Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil

Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak/premis atau sesi taklimat. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA, UPKJ atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan. Agensi hendaklah menyediakan satu daftar kehadiran dengan merekodkan maklumat syarikat dan penama yang dibenarkan hadir dengan menyemak nama penama di sijil yang berkaitan.

(d) Perkara-perkara Utama Yang Perlu Dimasukkan Dalam Dokumen Tender Antarabangsa

(1) Agensi hendaklah menyatakan dengan jelas perkara-perkara utama yang perlu dimasukkan dalam dokumen tender bekalan/perkhidmatan dan kerja, termasuk meminta petender mengemukakan cadangan pembiayaan ke atas tawaran tender mereka, sama ada dalam bentuk pinjaman 'dua hala', kredit pembekal atau pembiayaan perniagaan yang lain, jika ada. Untuk tujuan tersebut, cadangan pembiayaan seperti di **Lampiran 2.14** hendaklah dimasukkan ke dalam dokumen tender.

(2) Bagi tender kerja, jika ia melibatkan kaedah teknologi baru, petender hendaklah mengemukakan cadangan-cadangan berikut:

(i) Setakat mana loji dan peralatan akan dibawa masuk ke Malaysia;

(ii) Sama ada loji dan peralatan pemprosesan akan ditubuhkan di Malaysia; atau

(iii) Cadangan lain sekiranya ada.

(3) Loji-loji yang dibawa masuk untuk kontrak kerja, sama ada untuk kegunaan pembinaan atau dijadikan sebahagian daripada kerja kekal, adalah tidak dikecualikan daripada cukai walaupun projek tersebut adalah projek Kerajaan.

(4) Agensi hendaklah menggunakan Kumpulan Wang Insurans Barang-barang Kerajaan (KWIBK) dan

pembelian secara FOB dimasukkan ke dalam dokumen tender bagi perlindungan insurans dalam tempoh penghantaran barangan import Kerajaan. Badan Berkanun hendaklah menguruskan perlindungan insurans untuk pembelian tersebut melalui broker atau syarikat insurans yang diluluskan oleh Perbendaharaan.

(e) Kadar Bayaran Dokumen Tender (*Hard Copy/Soft Copy*) Bagi Tender Bekalan/Perkhidmatan/Kerja

(1) Dokumen tender hendaklah dijual dalam bentuk hard copy. Sekiranya perlu, agensi boleh menyediakan dokumen tender dalam bentuk soft copy, dan bayaran tambahan sebanyak RM10 bagi sekeping cakera liut (disket)/cakera padat hendaklah dikenakan kepada petender yang memerlukan.

(2) Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *soft copy* dan *hard copy*, dokumen dalam *hard copy* hendaklah diguna pakai. Walau bagaimanapun, tawaran tender hendaklah dikemukakan dalam bentuk *hard copy* sahaja.

(3) Pengiraan harga satu (1) set dokumen tender untuk tender bekalan, perkhidmatan dan kerja hendaklah dibuat berdasarkan kadar berikut:

(i) Harga semuka dokumen yang menggunakan kertas saiz A4 adalah RM0.35 dan saiz A3 adalah RM0.70;

(ii) Harga bagi sesalinan lukisan/pelan ialah :

Saiz kertas	Harga (RM)
A3	0.70
A2	3.50
A1	6.50
A	8.00

(iii) Walau apa pun kadar yang ditetapkan di perenggan (i) dan (ii) di atas, bayaran minimum bagi tiap-tiap satu (1) set dokumen tender ialah RM50.

(4) Agensi hendaklah memastikan bahawa bayaran yang dikenakan adalah seperti di atas jika dokumen tender disediakan oleh perunding yang dilantik. Walau bagaimanapun, perunding tersebut tidak dibenarkan mengguna kadar-kadar di atas untuk apa-apa jenis tuntutan termasuk tuntutan imbuhan balik daripada Agensi.

(5) Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpalang (*postal order*), dan dibayar atas nama Ketua Agensi berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. Wang tunai atau cek tidak boleh diterima.

(6) Apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan bagi maksud perolehan Kerajaan yang bernilai melebihi RM500,000 perlu juga dikenakan bayaran seperti di perenggan 8.(iii)(e)(3).

(f) Dokumen Tender Yang Mempunyai *Security Document/ Security Drawing*

(1) Definisi *Security Document* adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

(i) Berdasarkan tafsiran Arahan Keselamatan, *Security Document* adalah dokumen terperingkat, iaitu dokumen yang mengandungi maklumat rasmi yang mesti diberi perlindungan untuk kepentingan keselamatan dan yang bertanda dengan sesuatu peringkat keselamatan.

(ii) Mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), *Security Document* adalah termasuk dokumen-dokumen seperti berikut:

(a) sesuatu peta, pelan, model, graf atau lukisan;

(b) sesuatu gambar foto;

(c) sesuatu piring hitam, pita rakam, runut bunyi atau data-data lain (bukan imej yang boleh dilihat) supaya boleh (dengan atau tanpa bantuan sesuatu alat kelengkapan lain) dikeluarkan ulang darinya;

(d) sesuatu filem, negatif, pita rakam atau alat-alat lain yang mengandungi satu imej atau lebih yang boleh dilihat supaya boleh (seperti tersebut di atas) dikeluarkan ulang darinya; dan

(e) apa-apa juga yang ditafsirkan oleh ketua Agensi sebagai *Security Document*.

(2) Definisi *Security Drawing* adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

(1) Berdasarkan tafsiran Arahan Keselamatan, *Security Drawing* termasuk di bawah dokumen rasmi, iaitu apa-apa jenis maklumat yang tercatat berkenaan dengan perkara-perkara rasmi.

(2) *Security Drawing* adalah termasuk dokumen-dokumen seperti berikut:

(a) perkara yang bertulis, bertaip, bertulis trengkas, disalin, berstensil dan bercetak dan juga draf serta buangan daripada perkara itu;

(b) fotograf, foto salinan, pelan cetak, negatif foto dan filem, jalur suara dan rakaman;

(c) pelan, pelan lakar, lukisan, gambar rajah, peta dan aneka jenis carta;

(d) huruf cetak atur atau huruf cetak miring, blok litograf, acuan, stensil, proses plat atau alat-alat lain yang digunakan untuk membuat dokumen-dokumen rasmi; dan

(e) apa-apa juga yang ditafsirkan oleh

ketua Agensi sebagai *Security Drawing*.

(3) Bagi dokumen tender yang mempunyai *Security Drawing* atau *Security Document*, deposit sebanyak RM5,000 hendaklah dikenakan kepada petender. Deposit ini akan dikembalikan apabila *Security Drawing* atau *Security Document* tersebut dikembalikan kepada Agensi dalam keadaan asal semasa ianya dikeluarkan.

(4) Bayaran deposit untuk *Security Drawing* atau *Security Document* hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpalang (*postal order*), dan dibayar atas nama Ketua Agensi berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. Wang tunai atau cek tidak boleh diterima.

(5) Ketua Agensi hendaklah mengadakan peruntukan dalam dokumen tender di mana petender dikehendaki memberi Aku Janji untuk tidak menzahirkan (*reproduce*) dan tidak membocorkan apa-apa maklumat dalam *Security Drawing/Security Document* dan untuk mengembalikan *Security Drawing/Security Document* kepada Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam dokumen tender.

(iv) Penjualan Dokumen Tender

(a) Penjualan dokumen hendaklah berasaskan syarat-syarat yang dinyatakan dalam iklan tender.

(b) Agensi hendaklah meletakkan contoh dokumen tender yang dijual ditempat menjual tender untuk membolehkan petender menyemak dokumen tender tersebut sebelum membuat pembelian.

(c) Satu petender hanya dibenarkan membeli satu dokumen tender dan mengemukakan satu tawaran tender sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

(v) Tempoh Sah Laku Tender

(a) Sebelum sesuatu tender dipelawa, satu jadual pelaksanaan hendaklah disediakan bagi menunjukkan anggaran masa untuk setiap peringkat dari tarikh penyediaan spesifikasi sehingga keputusan dibuat. Contoh jadual pelaksanaan bagi tender Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja adalah seperti di **Lampiran 2.15**.

(a) Tempoh sah laku tender yang munasabah hendaklah ditetapkan dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

(1) jangka masa untuk menilai tawaran dari segi teknikal;

(2) jangka masa untuk menilai tawaran dari segi harga;

(3) jangka masa untuk menilai keupayaan petender;

(4) jangka masa untuk menyediakan laporan dan masa yang diperlukan untuk membuat keputusan bagi tender tersebut; dan

(5) jangka masa untuk membuat keputusan dan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada petender yang berjaya.

(b) Penilaian tender hendaklah dilakukan dengan segera dan tidak melewati tempoh ditetapkan dalam jadual pelaksanaan tender.

(c) Tempoh sah laku tender yang minimum adalah sembilan puluh (90) hari, yang dikira dari tarikh tender ditutup. Agensi hendaklah memastikan supaya tempoh sah laku tender tidak terlalu panjang kerana ini menyebabkan petender menaikkan harga tawaran mereka.

(d) Agensi tidak digalakkan untuk melanjutkan tempoh sah laku tawaran tender daripada tempoh sah yang telah ditetapkan kerana ini boleh menyebabkan petender menarik diri. Sekiranya perlanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan.

(e) Sebarang pembatalan tender hendaklah mendapat kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan dan dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan Agensi dengan menyatakan sebab-sebab pembatalan.

(vi) Deposit Tender

(a) Deposit tender adalah dikecualikan bagi tender tempatan. Walau bagaimanapun, bagi petender tempatan yang mendapat pengecualian daripada pendaftaran, deposit tender hendaklah dikenakan sebanyak 2.5% daripada tawarannya atau maksimum RM10,000. Deposit tender hendaklah dalam bentuk draf bank/jaminan bank dan hendaklah dikemukakan bersekali dengan tawaran tender.

(b) Tender bekalan/perkhidmatan antarabangsa hendaklah dikenakan deposit tender mengikut kadar berikut:

Anggaran Nilai Tender (RM)	Deposit Tender (RM)
Sehingga 5 juta	60,000
Melebihi 5 juta sehingga 10 juta	150,000
Melebihi 10 juta sehingga 20 juta	350,000
Melebihi 20 juta sehingga 30 juta	600,000
Melebihi 30 juta	1,000,000

(c) Tender kerja antarabangsa hendaklah dikenakan deposit tender mengikut kadar berikut:

Anggaran Nilai Tender (RM)	Deposit Tender (RM)
Sehingga 10 juta	50,000
Melebihi 10 juta sehingga 20 juta	150,000
Melebihi 20 juta sehingga 50 juta	350,000
Melebihi 50 juta sehingga 100 juta	750,000
Melebihi 100 juta	1,000,000

(d) Deposit tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/jaminan bank dalam Ringgit Malaysia daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia. Deposit tender akan dikembalikan seperti berikut:

(1) Kepada petender yang berjaya, sebaik sahaja petender tersebut mengemukakan Bon Pelaksanaan; dan

(2) Kepada petender yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, sebaik sahaja tawaran tender tersebut di setuju terima oleh petender yang berjaya atau selepas tamatnya tempoh sah laku tender, mengikut yang mana terdahulu.

(e) Deposit tender akan dirampas sekiranya syarat dalam pelawaan tender telah ditetapkan bahawa petender yang dikenakan deposit tender enggan menandatangani sesuatu kontrak selepas tendernya disetuju terima atau menarik balik tendernya sebelum keputusan dibuat.

(f) Deposit tender bagi petender yang tidak berjaya hendaklah dikembalikan setelah tender itu di setuju terima oleh petender yang berjaya atau selepas tamatnya tarikh sah laku tender. Deposit petender yang berjaya hendaklah dikembalikan selepas Bon Pelaksanaan diterima.

(vii) Pengiklanan

(a) Pengiklanan Tender Tempatan

(1) Semua pelawaan tender tempatan hendaklah diiklankan dalam portal MyPROCUREMENT. Kandungan iklan tender hendaklah jelas, kemas, ringkas dan tidak mendatangkan apa-apa keraguan atau pembaziran.

(2) Agensi boleh juga membuat pengiklanan tender tempatan dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama Bahasa Melayu.

(3) Kandungan iklan tender hendaklah menyatakan perkara-perkara berikut:

(i) Agensi yang memanggil tender;

(ii) Tajuk tender yang diiklankan;

(iii) Jenis tender, sama ada terbuka dan/atau khas Bumiputera;

(iv) Syarat-syarat kelayakan petender:

(a) bagi tender bekalan dan/atau perkhidmatan berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang dan sub-bidang yang berkenaan; atau

(b) bagi tender kerja - berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkenaan;

(v) Tempat, tarikh dan masa dokumen tender dijual;

(vi) Tempat, tarikh dan masa bagi taklimat/lawatan tapak/premis (jika berkenaan). Jika syarat sesuatu urusan tender mewajibkan kehadiran untuk lawatan tapak atau sesi taklimat, maka Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat tender. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa kontraktor/ syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA, UPKJ atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat,Kementerian Kewangan;

(vii) Harga, cara bayaran dan jawatan penerima bayaran dokumen tender; dan

(viii) Tempat, tarikh dan waktu tender diterima dan ditutup.

(4) Bagi mengurangkan kos pengiklanan, Agensi yang mempunyai banyak tender adalah digalakkan untuk merangkumkan kesemua tender di dalam satu kenyataan tender sahaja

(5) Masa yang cukup hendaklah diberi bagi membolehkan petender mengkaji tawaran dan membuat persediaan bagi sesuatu tender. Untuk tujuan ini, tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dari tarikh iklan atau tarikh dokumen tender mula dijual atau tarikh taklimat/ lawatan tapak/premis yang mana terkemudian. Agensi hendaklah memastikan tender diiklankan dalam portal MyPROCUREMENT sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sehingga tarikh tamat.

(6) Agensi hendaklah menetapkan jam 12.00 tengah hari

pada hari pelawaan tender ditutup (hari bekerja) sebagai waktu terakhir untuk menerima tawaran tender. Tawaran tender yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan.

(7) Agensi adalah bertanggungjawab untuk memasukkan/menghantar sesalinan kenyataan tender yang diiklankan ke dalam laman web masing-masing.

(8) Bagi tawaran tender kerja untuk projek kerja/pembinaan Kerajaan, semua agensi Kerajaan juga dikehendaki memasukkan secara '*online*' maklumat iklan tender kerja ke dalam laman web CIDB. Iklan tersebut boleh dimasukkan secara percuma melalui laman web khas CIDB iaitu di alamat *www.tender.gov.my*. Panduan untuk memasukkan iklan tender kerja secara online tersebut turut boleh diperolehi daripada alamat tersebut.

(b) Pengiklanan Tender Antarabangsa

(1) Semua pelawaan tender antarabangsa hendaklah diiklankan dalam portal MyPROCUREMENT.

(2) Agensi boleh juga membuat pengiklanan tender antarabangsa dalam sekurang-kurangnya dua (2) akhbar harian utama, iaitu satu (1) Bahasa Melayu dan satu (1) Bahasa Inggeris.

(3) Tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya lima puluh enam (56) hari dari tarikh dokumen tender mula diiklan atau dijual atau tarikh taklimat/lawatan tapak/premis yang mana terkemudian.

(4) Tawaran tender kerja antarabangsa hendaklah juga mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Pengiklanan Tender Tempatan yang mana berkenaan.

(viii) Anggaran Harga Jabatan

(a) Penyediaan Anggaran Harga

(1) Agensi hendaklah menyediakan Anggaran Harga Jabatan bagi setiap tender dan memasukkannya ke

dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup tender.

(2) Bagi perolehan Bekalan/Perkhidmatan yang sukar ditentukan Anggaran Harga Jabatan, Agensi boleh memasukkan harga pembelian lampau perolehan berkenaan.

(ix) Bantahan Ke Atas Spesifikasi Tender Yang Menjurus Kepada Sesuatu Jenama

(a) Bantahan oleh Petender

(1) Agensi hendaklah memasukkan suatu peruntukan dalam dokumen tender yang membolehkan petender membuat bantahan secara bertulis kepada Agensi dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapati spesifikasi tender menjurus kepada sesuatu jenama. Bantahan tersebut berserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada Agensi yang membuat pelawaan tender dalam tempoh seperti berikut:

(i) Empat belas (14) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual bagi tender tempatan; dan

(ii) Dua puluh lapan (28) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual bagi tender antarabangsa.

(2) Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(b) Penubuhan Jawatankuasa untuk Menimbangkan Bantahan

(1) Apabila terdapat bantahan dari petender, Agensi hendaklah menubuhkan jawatankuasa untuk menimbang serta memutuskan bantahan yang dibuat oleh petender. Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh wakil Agensi yang membuat tawaran dengan dua (2) orang ahli lain yang terdiri daripada wakil Perbendaharaan dan seorang pegawai dari agensi lain yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang tersebut.

(2) Sekiranya bantahan didapati berasas, tender tersebut hendaklah dibatalkan dan ditender semula mengikut spesifikasi yang telah disemak semula.

(x) Pembukaan Tawaran Tender

(a) Keahlian Jawatankuasa Pembuka Tender

(1) Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dianggotai sekurang- kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Sekiranya Bahagian/Unit berkenaan kekurangan pegawai, pelantikan boleh dibuat di kalangan pegawai daripada Bahagian/Unit lain dalam Agensi tersebut.

(2) Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.

(b) Tugas Jawatankuasa Pembuka Tender

Jawatankuasa Pembuka Tawaran Tender hendaklah memastikan perkara-perkara yang dinyatakan di bawah dilaksanakan dengan sempurna:

(1) Peti tawaran dibuka secepat mungkin selepas tender ditutup.

(2) Setiap tawaran tender yang diterima, dibuka dan disemak nombor siri dengan rekod penjualan dokumen.

(3) Nombor kod hendaklah diberi untuk setiap dokumen dan senarai harga, dokumen spesifikasi teknikal dan katalog/brosur petender serta ditandatangani ringkas.

(4) Lembaran yang menyatakan harga dan apa-apa pindaan yang terdapat dalam tawaran tender hendaklah ditandatangani ringkas.

(5) Nama petender dipastikan tidak tercatat di dalam dokumen spesifikasi teknikal petender dan sekiranya terdapat nama/tanda syarikat dalam dokumen tersebut, maka ianya hendaklah dicatatkan dalam borang jadual tender.

(6) Dokumen tawaran harga dijadualkan dengan menggunakan nombor kod yang diberikan.

(7) Menyedia dan melengkapkan senarai semakan dan borang jadual tender dengan mencatatkan nama

petender, kod petender, amaun yang ditender, tempoh siap atau tempoh penyerahan. Nama dan jawatan semua ahli Pembuka Tender hendaklah dicatatkan dalam borang jadual tender dan ditandatangani oleh setiap ahli. Contoh Jadual Harga Tender bagi tender bekalan dan perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran 2.16** dan **Lampiran 2.17** dan tender kerja seperti di **Lampiran 2.18**; dan

(8) Menyediakan Jadual Harga Tender untuk dipamerkan di papan kenyataan Agensi atau dalam laman web Agensi seberapa segera yang boleh, dengan tidak menzahirkan nama petender yang mengambil bahagian. Contoh Jadual Harga Tender yang perlu dipamerkan bagi tender bekalan/perkhidmatan dan kerja adalah seperti di **Lampiran 2.19** dan **Lampiran 2.20**. Bagi tender yang melibatkan keselamatan negara, Agensi tidak diwajibkan mempamerkan jadual harga tersebut.

(xi) Urus Setia Tender

(a) Urus Setia Tender bertanggungjawab menguruskan semua urusan tender dari mula sehingga proses tender selesai. Sebagai panduan, antara tugas-tugas Urus Setia adalah seperti berikut:

i. Menguruskan perancangan awal dan jadual pelaksanaan tender;
ii. Menguruskan dan menyediakan dokumen tender;
iii. Menguruskan iklan atau pelawaan tender;
iv. Menguruskan pelantikan Jawatankuasa Pembuka Tender;
v. Menguruskan pelantikan Jawatankuasa Penilaian Tender;
vi. Menyemak pendaftaran dengan Sistem ePerolehan. Menyediakan rekod penjualan dokumen tawaran dan mengatur lawatan tapak/premis (jika berkenaan);
vii. Menutup peti tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;
viii. Menjaga keselamatan peti tender dan dokumen tender;
ix. Mengatur pembukaan tender;
x. Mengatur penilaian tender; dan
xi. Mengatur mesyuarat Lembaga Perolehan.

(b) Urus Setia Tender hendaklah menyediakan Kertas Taklimat Tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan. Urus Setia Tender adalah bertanggungjawab memastikan peraturan perolehan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya serta memberi nasihat kepada Lembaga Perolehan Agensi.

(xii) Pembukaan Tender di Hadapan Awam

(a) Semua tawaran tender bekalan/perkhidmatan yang dianggarkan bernilai melebihi RM30 juta dan tender kerja yang bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dibuka di hadapan awam.

(b) Pembukaan tender di hadapan awam bermaksud pembukaan tender di kalangan petender yang membeli dan mengembalikan dokumen tender sahaja.

(xiii) Merahsiakan Maklumat Dan Kedudukan Sesuatu Tender

(a) Dokumen Tender Diklasifikasikan Sebagai Sulit

Semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender, tawaran tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan tender sebelum keputusan muktamad dibuat.

(b) Merahsiakan Maklumat Tender

Ketua Agensi adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575). Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam Akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

(xiv) Peruntukan Melarang Pengiklanan dan Publisiti

Agensi hendaklah memasukkan peruntukan berkenaan larangan pengiklanan dan publisiti dalam syarat pelawaan tender dan dokumen kontrak. Contoh peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

"IKLAN & PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu."

(xv) Penjelasan Lanjut Berkenaan Dengan Tender

Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada Pengerusi Lembaga Perolehan sekiranya Jawatankuasa Penilaian memerlukan penjelasan lanjut daripada petender semasa proses penilaian tender. Walau bagaimanapun, sebarang perundingan tidak dibenarkan. Penjelasan tersebut hendaklah diuruskan oleh Urus Setia Tender secara bertulis.

(xvi) Larangan Mengubah Maklumat Dokumen Petender

(a) Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusan tender termasuk mempertimbangkan sesuatu tender dilarang mengubah apa-apa maklumat yang dikemukakan petender di dalam dokumen tender termasuk harga, pengalaman petender dan sebagainya.

(b) Sekiranya terdapat kesilapan pengiraan oleh petender dan berlaku perbezaan harga di antara harga di dalam *Bill Of Quantities (BQ)* dan Borang Tender yang telah ditandatangani, maka harga di dalam Borang Tender hendaklah diguna pakai dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan.

(xvii) Penilaian Tender

(a) Jawatankuasa Penilaian Tender, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa

(1) Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua

Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.

(2) Penilaian tender bekalan, perkhidmatan dan kerja berasaskan *Turnkey* atau *Design and Build* hendaklah dibuat oleh dua (2) jawatankuasa yang berasingan seperti berikut:

(i) Jawatankuasa Penilaian Teknikal

(a) Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurang seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

(b) Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan tentang barangan/perkhidmatan tersebut. Sekiranya Agensi tidak mempunyai kemahiran dalaman, maka pakar dari Jabatan-jabatan Teknik/pakar yang lain boleh digunakan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kimia, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, MAMPU dan sebagainya.

(c) Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah membuat penilaian secara terperinci bagi memastikan penilaian yang dibuat adalah berasaskan kepada spesifikasi perolehan yang ditetapkan dalam dokumen tender. Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan, pernyataan pematuhan (*statement of compliance*) dan/atau penilaian fizikal. Walau bagaimanapun, maklumat dan teknologi semasa mengenai barang/perkhidmatan tersebut boleh

diambil kira.

(d) Penilaian teknikal hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian teknikal secara edaran adalah tidak dibenarkan.

(ii) Jawatankuasa Penilaian Harga

(a) Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang, iaitu seorang pengerusi dan seorang ahli, di mana salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

(b) Penilaian harga sesuatu tender hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan petender dan sebagainya. Perbandingan antara satu tawaran petender dengan tawaran petender yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).

(c) Penilaian bagi pembelian harta modal seperti kenderaan, jentera berat, sistem maklumat dan lain-lain hendaklah berdasarkan kepada prinsip tawaran harga menyeluruh (*total cost bid*), yang bermaksud mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan/pemasangan, jaminan, penyenggaraan dan lain-lain.

(d) Penilaian harga hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian harga secara edaran adalah tidak dibenarkan.

(e) Proses penilaian tender hendaklah disiapkan dan dilaksanakan seboleh-bolehnya tidak melebihi tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh tawaran tender

dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian.

(f) Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa.

(b) Penilaian Tender Kerja

(1) Penilaian tender kerja, kecuali tender yang berasaskan konsep *Turnkey* atau *Design and Build* boleh dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilaian sahaja.

(2) Penilaian tender kerja terbahagi kepada dua berdasarkan Anggaran Jabatan iaitu:

i. Penilaian Tender Kerja Kecil bagi projek secara konvensional bernilai RM10 Juta Dan Ke Bawah; dan

ii. Penilaian Tender Kerja besar bagi projek secara konvensional bernilai melebihi RM10 juta dan projek secara *Design & Build.*

(3) Proses penilaian tender hendaklah seboleh-bolehnya disiapkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian.

(4) Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa.

(c) Asas Penilaian Tender

(1) Asas-asas penilaian tender oleh Jawatankuasa termasuklah perkara-perkara berikut:

(i) Memastikan petender memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan dalam dokumen tender.

(ii) Menilai kemampuan teknikal petender seperti kakitangan profesional dan teknikal, pengalaman kerja, rekod prestasi, projek yang sedang dilaksanakan/dalam tangan dan loji

(disewa atau milik sendiri)) bagi perolehan tender bernilai RM10 juta dan ke atas.

(iii) Menilai kemampuan kewangan petender dari segi modal pusingan, *nett worth*, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

(iv) Menganalisis harga tender dengan mengambil kira tempoh siap/penghantaran yang ditawarkan berdasarkan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan.

(v) Memastikan kontraktor Gred G7 dan ke bawah mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun berturut-turut sebagai salah satu dokumen wajib yang perlu dikemukakan bagi perolehan yang dipelawa secara tender.

(xiv) Memastikan kontraktor mengemukakan perkara-perkara berikut:

(a) senarai kontrak kerja semasa (kerja dalam tangan);
(b) laporan penyeliaan projek atas prestasi kerja semasa; dan
(c) Laporan Jurutera projek atas prestasi kerja.

(d) Garis Panduan Penilaian Tender

(1) Penilaian tender dalam perolehan Kerajaan dibahagikan seperti berikut:

i. Bekalan;
ii. Perkhidmatan;
iii. Kerja besar bagi projek secara konvensional bernilai melebihi RM10 juta dan projek secara *Design & Build;* dan
iv. Kerja kecil bagi projek secara konvensional bernilai RM10 juta dan ke bawah.

(2) Garis Panduan Penilaian Tender bagi (i), (ii) dan (iii) di atas adalah seperti di **Lampiran 2.21(a)** dan (iv) adalah seperti di **Lampiran 2.21(b)**.

(xviii) Perakuan Tender

(a) Perakuan Kepada Lembaga Perolehan Agensi

(1) Ketua Jabatan hendaklah membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan Agensi berdasarkan kepada Laporan Penilaian Tender. Perakuan tersebut hendaklah berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan agensi dan hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip perolehan dan dasar-dasar semasa Kerajaan. Perakuan tersebut juga hendaklah menyatakan dengan khusus tawaran petender yang dicadangkan untuk dipertimbangkan.

(2) Urus Setia yang menguruskan tender sesuatu Agensi hendaklah menyediakan Kertas Taklimat Tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Agensi.

(xix) Pertimbangan Dan Keputusan Lembaga Perolehan Agensi

(a) Tatacara Pertimbangan Tender

(1) Penjelasan dan panduan berkenaan pelantikan, keahlian, pihak berkuasa dan had nilai setuju terima Lembaga Perolehan Agensi hendaklah mengikut AP dan peraturan yang berkaitan.

(2) Urus Setia Lembaga Perolehan Agensi hendaklah merekodkan segala keputusan penting seperti nombor tender, tarikh keputusan tender, nama/kod petender yang berjaya, harga tawaran, tempoh siap, sebab-sebab penerimaan/penolakan dan sebagainya.

(3) Urus Setia Lembaga Perolehan Agensi hendaklah mendapatkan tandatangan Ahli Lembaga Perolehan Agensi sebaik sahaja keputusan tender telah dibuat.

(4) Keputusan muktamad Lembaga Perolehan Agensi hendaklah dipamerkan di papan kenyataan Jabatan dengan menyatakan nama syarikat yang berjaya,

harga tawaran dan tempoh siap secepat mungkin selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan, ditandatangani dan dikembalikan dan disiarkan di dalam laman web agensi masing-masing dan pautan (*hyperlink*) kepada laman web MyGovernment Portal *[www.malaysia.gov.my*].

(5) Pengumuman keputusan muktamad tersebut di papan kenyataan Jabatan dan di laman web masing-masing hendaklah dinyatakan di dalam dokumen tender untuk memudahkan kontraktor membuat rujukan.

(6) Sekiranya sesuatu tender itu perlu dirujuk kepada Perbendaharaan untuk keputusan, rujukan tersebut hendaklah sampai kepada Perbendaharaan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan Lembaga Perolehan Agensi.

9. Tender Terbuka Pra-kelayakan

Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melibatkan perbelanjaan tahunan atau sesuatu kontrak melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Walau bagaimanapun, bagi tender yang memerlukan tapisan awal dengan kriteria tertentu atau memerlukan keperluan khusus atau kepakaran seperti pembinaan hospital, pembangunan sistem, perolehan peralatan kompleks boleh di pelawa secara tender terbuka pra-kelayakan. Selain itu, sekiranya Agensi berpandangan perolehan tersebut memerlukan pra-penilaian awal untuk mendapatkan syarikat/pembekal/kontraktor yang benar-benar kompeten dan berwibawa, maka Agensi boleh melaksanakan perolehan secara tender terbuka pra-kelayakan.

Secara amnya, pelaksanaan tender terbuka pra-kelayakan hendaklah mematuhi tatacara dan peraturan tender terbuka di samping tiga (3) tambahan peringkat seperti berikut:

(i) Peringkat Penetapan Kriteria Pra-Kelayakan

(a) Agensi hendaklah menetapkan sekurang-kurangnya tiga (3) kriteria pra-kelayakan khusus seperti berikut:

(1) Keupayaan kewangan (contoh: *net worth* atau modal pusingan atau modal mudah cair.

(2) Pengalaman syarikat dalam melaksanakan perolehan yang serupa.

(3) Syarikat mempunyai prestasi kerja/perkhidmatan/pembekalan yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun terkini.

(4) Lain-lain kriteria yang sesuai.

(b) Kriteria pra-kelayakan ini hendaklah terlebih dahulu dibawa untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Agensi.

(ii) Peringkat 1 (Pra-Kelayakan)

(a) Agensi hendaklah membuat pelawaan tender terbuka pra-kelayakan di kalangan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang ditetapkan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan atau berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor Kerja (SPKK) atau mempunyai Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam gred, kelas, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan mengikut nilai tender bagi perolehan kerja.

(b) Agensi hendaklah memastikan tender diiklankan dalam Portal MyPROCUREMENT sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sehingga tarikh tamat iklan.

(c) Penilaian pra-kelayakan hendaklah dilaksanakan oleh jawatankuasa penilaian yang dilantik bagi menilai syarikat yang menyertai tender terbuka pra-kelayakan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Agensi.

(d) Lembaga Perolehan Agensi memutuskan senarai nama syarikat yang melepasi dan lulus semua kriteria pra-kelayakan untuk pelawaan ke peringkat kedua.

(iii) Peringkat 2

(a) Pelawaan di peringkat ini hendaklah dibuat di kalangan semua syarikat yang telah melepasi penilaian peringkat 1 (Pra-Kelayakan) beserta tender dokumen dan telah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi. Pelawaan ini tidak perlu diiklankan dan syarikat hendaklah dipelawa melalui surat pelawaan.

(b) Tempoh pelawaan hendaklah sekurang-kurangnya 21 hari berturut-turut dari tarikh surat pelawaan sehingga tarikh tender ditutup. Agensi hendaklah memastikan syarikat yang dipelawa mempunyai masa yang mencukupi untuk mengisi tender dokumen dan seterusnya mengemukakan tawaran sebelum tarikh tutup.

(c) Agensi hendaklah membuat penilaian teknikal dan penilaian kewangan.

(d) Tender Terbuka Pra-Kelayakan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi tertakluk kepada had kuasa Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan.

10. Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi

(i) Pertimbangan Tender

(a) Semua perolehan secara tender hendaklah dipertimbangkan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan Agensi.

(b) Semua perolehan yang melibatkan peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada sebahagian atau sepenuhnya, hendaklah dibawa ke Lembaga Perolehan Persekutuan untuk pertimbangan dan keputusan.

(ii) Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan

(a) Ahli Lembaga Perolehan Persekutuan hendaklah dilantik oleh Menteri Kewangan manakala ahli Lembaga Perolehan Negeri dilantik oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

(b) Pelantikan Lembaga Perolehan Persekutuan akan diuruskan oleh Perbendaharaan manakala Lembaga Perolehan Negeri diuruskan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.

(c) Lembaga Perolehan ‘A’ dan ‘B’ sebelum ini dimansuhkan, dan digantikan dengan Lembaga Perolehan Agensi.

(d) Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pegawai Pembangunan Negeri dimansuhkan dan sebarang perolehan yang perlu diputuskan

hendaklah dibawa ke Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan yang menyalurkan peruntukan. Perolehan Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan peruntukan Persekutuan juga hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian yang menyalurkan peruntukan tersebut.

(e) Bagi projek di Sabah dan Sarawak, Pegawai Pengawal mempunyai pilihan sama ada untuk membuat pertimbangan dan keputusan di peringkat Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan yang menyalurkan peruntukan tersebut atau di Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah/Sarawak (LPPS).

(f) Agensi adalah bertanggungjawab memastikan sebarang perubahan kepada keahlian Lembaga Perolehan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan/Pihak Berkuasa Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkaitan.

(g) Bagi Syarikat-syarikat Kerajaan dan Badan Berkanun, penubuhan Lembaga Perolehannya hendaklah berdasarkan undang-undang tubuh masing-masing. Dalam keadaan tertentu, Kementerian Kewangan boleh menubuhkan Lembaga Perolehan khusus bagi pelaksanaan projek-projek yang diberi peruntukan khas dari semasa ke semasa.

(h) Agensi Persekutuan hendaklah menubuhkan Lembaga Perolehan di peringkat Agensi berkenaan. Bagi Badan Berkanun Persekutuan, cadangan keahlian Lembaga Perolehan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian masing-masing.

(i) Lembaga Perolehan selaku Pihak Berkuasa Melulus yang akan mempertimbang dan menyetuju terima tender sehingga had nilai ditetapkan.

(j) Keahlian/wakil semua Lembaga Perolehan hendaklah terdiri daripada pegawai awam daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan/atau yang setara bagi Lembaga Perolehan Badan Berkanun.

(k) Hanya ahli yang diwartakan berserta Urus Setia mesyuarat

sahaja dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat.

(l) Kuorum bagi mesyuarat Lembaga Perolehan hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

(m) Kehadiran Ketua Setiausaha Perbendaharaan/wakil (Bahagian Perolehan Kerajaan) adalah mandatori bagi semua Lembaga Perolehan Agensi.

(n) Keahlian Lembaga Perolehan hendaklah diwartakan dalam Warta Kerajaan Persekutuan atau Warta Kerajaan Negeri, yang mana berkenaan.

(o) Pewartaan bagi Lembaga Perolehan Persekutuan akan diuruskan oleh Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Pewartaan bagi Lembaga Perolehan Negeri diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri. Pewartaan Lembaga Perolehan Badan Berkanun hendaklah diuruskan sendiri oleh Kementerian berkenaan. Salinan warta hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.

(iii) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan

(a) Keahlian Lembaga Perolehan Kementerian adalah seperti berikut:

Lembaga Perolehan

Pengerusi	:	Ketua Setiausaha Kementerian atau Timbalan Ketua Setiausaha
Ahli	:	(a) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakil (Bahagian Perolehan Kerajaan); dan (b) Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakil. (c) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi

pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(b) Keahlian Lembaga Perolehan Jabatan Kerja Raya adalah seperti berikut:

Lembaga Perolehan

Pengerusi : Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya

Ahli :
(a) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakil (Bahagian Perolehan Kerajaan); dan

(b) Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

(c) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(iv) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah Dan Sarawak

(a) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

Ahli :
(a) Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah atau wakil;

(b) Pegawai Kemajuan Negeri Sabah atau wakil;

(c) Ketua Penolong Pengarah Seksyen Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah atau wakil; dan

(d) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(b) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak

Ahli :

(a) Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak atau wakil;

(b) Pegawai Kemajuan Negeri Sarawak atau wakil;

(c) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak atau wakil; dan

(d) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(v) Keahlian Lembaga Perolehan Negeri

(a) Keahlian Lembaga Perolehan Negeri adalah seperti berikut:

Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri

Ahli : (a) Pegawai Kewangan Negeri, jika tidak menjadi Pengerusi, atau wakil;

(b) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri atau wakil;

(c) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

(vi) Agensi Kerajaan Yang Tidak Mempunyai/Belum Menubuhkan Lembaga Perolehan

(a) Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai Lembaga Perolehannya sendiri hendaklah merujuk kepada Lembaga Perolehan Kementerian yang bertanggungjawab ke atas Agensi berkenaan.

(b) Agensi yang tidak mempunyai Lembaga Perolehannya sendiri dan tidak terletak di bawah mana-mana Kementerian yang mempunyai Lembaga Perolehan hendaklah mengemukakan perakuan tender kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan keputusan.

(vii) Tanggungjawab Lembaga Perolehan

(a) Tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab mempertimbang dan menyetuju terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan. Antara tanggungjawab dan tugas-tugas Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:

(1) Memeriksa dan meneliti pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan), iklan tender, spesifikasi tender,

dokumen tender (jika perlu), jadual tender yang disediakan oleh]awatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan laporan penilaian kewangan dan lain-lain;

(2) Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa. Bagi tender bekalan, pelawaan hendaklah di kalangan pembuat tempatan sahaja dan jika tiada pembuat tempatan, tender hendaklah dipelawa di kalangan pembekal. Tender tidak boleh dipelawa bersekali di kalangan pembuat tempatan dan pembekal;

(3) Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender;

(4) Mempertimbang dan memutuskan tender yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan;

(5) Memutuskan untuk menender semula atau mengesyorkan kaedah perolehan yang lain, jika Lembaga Perolehan mendapati tatacara perolehan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku;

(6) Mempertimbang dan menyetuju terima tender dengan syarat keputusan hendaklah sebulat suara dan selaras dengan had nilai yang ditetapkan;

(7) Mempertimbang dan menyetuju terima mana-mana sebut harga yang diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang melebihi had nilai sebut harga;

(8) Sekiranya ahli Lembaga Perolehan masih memerlukan maklumat lanjut daripada petender mengenai sesuatu perkara semasa mesyuarat bersidang, Lembaga Perolehan boleh meminta Urus Setia Tender mendapatkan maklumat berkenaan;

(9) Mana-mana ahli Lembaga Perolehan yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu tender itu, ahli tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri daripada perbincangan dan keputusan tender berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan;

(10) Ahli Lembaga Perolehan hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu tender serta bebas dari pengaruh luar; dan

(11) Memastikan ahli Lembaga Perolehan berserta Urus Setia mesyuarat sahaja berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan tender hendak dibuat. Mana-mana pihak yang bukan ahli Lembaga Perolehan tidak dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat dan Pengerusi Lembaga Perolehan hendaklah memastikan peraturan ini dipatuh.

(b) Pengerusi Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab memastikan Agenda Mesyuarat turut merangkumi pengesahan minit mesyuarat, perancangan tender, laporan kemajuan tender /perunding sebelum membincangkan kertas pertimbangan tender. Bagi tujuan penyelenggaraan rekod, kesemua perkara tersebut hendaklah diminitkan dengan jelas bagi memudahkan rujukan. Bagi kertas pertimbangan tender, perkara-perkara yang dibincangkan termasuk alasan penolakan dan pemilihan syarikat yang berjaya hendaklah dimasukkan dalam minit mesyuarat.

(c) Pengerusi Lembaga Perolehan diberi kuasa untuk melanjutkan tempoh sah laku tender. Agensi hendaklah memastikan pelanjutan tempoh tersebut dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat.

(d) Sekiranya ahli Lembaga Perolehan masih memerlukan maklumat lanjut daripada petender mengenai sesuatu perkara setelah menerima kertas taklimat tender dan dokumen berkaitan sebelum mesyuarat bersidang, kelulusan bertulis darlpada Pengerusi Lembaga Perolehan berkenaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

(e) Keputusan tender hendaklah dibuat dalam tempoh sah laku tender. Keputusan Lembaga Perolehan hendaklah ditandatangani oleh ahli-ahli Lembaga Perolehan sebaik sahaja keputusan dibuat semasa mesyuarat bersidang. Contoh Kertas Keputusan Tender adalah seperti di **Lampiran 2.22**.

(f) Lembaga Perolehan hendaklah kerap bersidang bagi memastikan keputusan perolehan dapat dibuat dengan cepat. Bagi maksud ini, Agensi hendaklah menjadualkan tarikh Lembaga Perolehan bersidang sepanjang tahun. Bagi Agensi yang menguruskan bilangan tender yang banyak, Lembaga

Perolehan hendaklah bersidang sekurang· kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) minggu. Alasan Lembaga Perolehan tidak dapat bersidang yang menyebabkan Agensi terpaksa melaksanakan perolehan secara pembelian terus/sebut harga sementara menunggu keputusan Lembaga Perolehan hendaklah dielakkan sama sekali.

(viii) Had Nilai Dan Kuasa Lembaga Perolehan

(a) Had nilai dan kuasa Lembaga Perolehan Agensi untuk mempertimbang dan menyetuju terima tender adalah ditetapkan seperti berikut:

(1) Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan Kerja Raya

		Sehingga
(i)	Tender Kerja	RM100 juta
(ii)	Tender Bekalan/Perkhidmatan	RM50 juta

(2) Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah/Sarawak

		Sehingga
(i)	Tender Kerja/Bekalan/ Perkhidmatan	RM30 juta

(3) Lembaga Perolehan Badan Berkanun

		Sehingga
(i)	Tender Kerja/Bekalan/ Perkhidmatan	RM100 juta

(4) Lembaga Perolehan Syarikat Kerajaan

		Sehingga
(i)	Tender Kerja/Bekalan/ Perkhidmatan	RM300 juta

(b) Lembaga Perolehan Agensi hanya boleh mempertimbang dan menyetuju terima tender dengan syarat keputusan yang dibuat adalah sebulat suara dan tidak melebihi had nilai dan kuasa yang ditetapkan. Keputusan yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi had nilai dan kuasa Lembaga Perolehan Agensi hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

(c) Keputusan Lembaga Pengarah yang tidak selaras dengan

keputusan Lembaga Perolehan Agensi hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

(d) Dalam keadaan di mana Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada petender yang berjaya dipilih dan petender berkenaan menolak tawaran atau tidak mengembalikan SST dalam tempoh yang ditetapkan, maka perkara ini hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk memilih petender lain dalam tempoh sah laku tender.

(ix) Keutamaan Kepada Pembuat/Pembekal Tempatan

(a) Lembaga Perolehan Agensi hendaklah memastikan dasar dan peraturan mengenai perolehan bahan/barangan/ perkhidmatan tempatan dipatuhi dan mengambil kira perkara tersebut semasa mempertimbangkan sesuatu tender.

(b) Pembuat/Pembekal tempatan dimaksudkan seperti berikut:

(1) Perolehan Bekalan

(i) Pembuat

Sekiranya terdapat pembuat tempatan (*local manufacturer*), tender hendaklah dipelawa di kalangan pembuat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan. Syarikat pembekal hanya boleh dipelawa sekiranya tidak terdapat pembuat tempatan. Pembuat tempatan dan syarikat pembekal tidak boleh dipelawa bersekali.

(ii) Pembekal/Agen

Sekiranya tidak terdapat pembuat tempatan yang ingin menyertai tender atau sanggup membekal terus kepada Agensi, Agensi hendaklah mempelawa syarikat pembekal/agen yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

(iii) Barangan Import

Agensi hendaklah memastikan kelulusan Pegawai Pengawal telah diperolehi terlebih

dahulu sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 dilaksanakan. Pegawai Pengawai adalah bertanggungjawab untuk membuat semakan status barangan tempatan/import sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 dilaksanakan. Semakan status barangan tempatan/import hendaklah dibuat secara berikut:

(1) merujuk terus kepada portal agensi yang disenaraikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); dan

(2) melalui kaedah/mekanisme lain sebagaimana yang diperkenalkan dan ditetapkan oleh MITI dari semasa ke semasa.

(2) Perolehan Perkhidmatan

Agensi hendaklah mempelawa syarikat pembekal perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

(x) Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan Dan Urus Setia Tender

(a) Setiap Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan Urus Setia Tender adalah bertanggungjawab memastikan semua urusan perolehan dilaksanakan mengikut peraturan dan dasar perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

(b) Urus Setia Tender yang menguruskan tender sesuatu Agensi hendaklah menyediakan Kertas Taklimat Tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan. Urus Setia Tender adalah bertanggungjawab memastikan peraturan perolehan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya serta memberi nasihat kepada Lembaga Perolehan Agensi. Tanggungjawab Urus Setia Tender adalah seperti yang nyatakan dalam Kaedah Perolehan Kerajaan Secara Tender.

(c) Urus Setia Tender hendaklah membuat semakan dengan pihak yang berkaitan bahawa peruntukan bagi sesuatu perolehan yang akan dibawa untuk pertimbangan dan keputusan Lembaga Perolehan telah diluluskan dan adalah mencukupi.

(d) Agensi adalah bertanggungjawab menyelenggara satu daftar berkaitan dengan semua tender yang dilaksanakan. Maklumat asas tender hendaklah mengikut format seperti di **Lampiran 2.23**. Seksyen Pematuhan, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan akan melakukan naziran ke atas proses tender yang dilaksanakan oleh semua Agensi dari semasa ke semasa.

(xi) Tarikh Kuat Kuasa

(a) Peraturan ini adalah berkuat kuasa **mulai 29 Jun 2018**.

11. Garis Panduan Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan

Perbendaharaan telah menetapkan garis panduan tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan untuk dipatuhi oleh Agensi Kerajaan.

(i) Jenis Tugasan

Jenis tugasan ke luar negara dikategorikan kepada dua (2) seperti berikut:-

(a) Tugasan sebelum pelawaan tender adalah tugasan yang dibuat sebelum Agensi membuat pelawaan sesuatu tender; dan

(b) Tugasan selepas pelawaan tender adalah tugasan yang dilaksanakan selepas pelawaan sesuatu tender.

(ii) Kuasa Melulus

(a) Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk meluluskan semua permohonan tugasan sebelum pelawaan tender ke luar negara, manakala permohonan kelulusan tugasan selepas pelawaan tender hendaklah dikemukakan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

(b) Pegawai Pengawal dikehendaki memastikan kuasa yang diberikan untuk meluluskan tugasan sebelum pelawaan tender ini tidak disalahgunakan dengan memastikan tugasan dan bilangan pegawai yang benar-benar perlu sahaja dibenarkan. Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan tiada tugasan berkaitan perolehan yang berulang-ulang dibuat bagi perolehan yang sama.

(c) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa sebarang tugasan ke luar negara berkaitan perolehan

Kerajaan tidak dibiayai oleh syarikat swasta. Syarikat yang menawarkan pembiayaaan untuk sebarang tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan boleh disenarai hitamkan.

(iii) Garis panduan Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan

Garis panduan dan borang permohonan untuk tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan yang perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan adalah seperti di **Lampiran 2.24**.

12. Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri

(i) Peraturan Perolehan Yang Perlu Diikuti

(a) Pihak Yang Memanggil Tender/Sebut Harga/Pesanan Tempatan

(1) Semua perolehan hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi berkenaan dengan perbincangan dan perundingan bersama-sama sama ada Duta Besar/Pesuruhjaya Tinggi/Kuasa Usaha/Konsul Jeneral/Konsul (Ketua Perwakilan) terlebih dahulu.

(2) Di mana Agensi memerlukan perkhidmatan perunding, pelantikan perunding di negara berkenaan hendaklah dibuat oleh Ketua Perwakilan berdasarkan kadar bayaran di negara tersebut. Perunding yang dilantik hendaklah berdaftar dengan pihak berkuasa di negara yang berkenaan.

(ii) Kuasa Untuk Menimbang dan Menyetujuterima

(a) Lembaga Perolehan

(1) Lembaga Perolehan hendaklah terdiri dari sekurang-kurangnya tiga (3) orang dan di pengerusikan oleh Ketua Perwakilan.

(2) Ahli-ahli Lembaga Perolehan yang lain hendaklah dilantik oleh Ketua Perwakilan dan pelantikan ini hendaklah diwartakan selaras dengan peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 192.

(3) Kuorum bagi Lembaga Perolehan hendaklah seramai tiga (3) orang.

(b) Had Nilai Setuju Terima Tender

(1) Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan ini adalah diberi kuasa menimbang serta menyetuju terima semua tender sehingga RM7 juta sahaja. Walau bagaimanapun bagi tender-tender yang mempunyai aspek teknikal hendaklah dirujuk dan mendapat persetujuan daripada Ibu Pejabat (Kementerian Luar Negeri) terlebih dahulu.

(2) Semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perolehan adalah muktamad dengan syarat keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara. Jika keputusan tidak dibuat secara sebulat suara, satu laporan lengkap hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Luar Negeri untuk keputusan seterusnya.

(3) Bagi tender-tender yang bernilai melebihi RM7 juta, ianya hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kewangan setelah ditimbang dan dibuat perakuan terlebih dahulu oleh Lembaga Perolehan melalui Kementerian Luar Negeri.

(4) Nilai RM7 juta yang dimaksudkan di sini adalah nilai yang dikira berasaskan kadar pertukaran mata wang pada tarikh tender ditutup.

(5) Bagi perolehan secara sebut harga dan pesanan tempatan kuasa adalah terletak kepada Ketua Jabatan/ Agensi masing-masing selaras dengan peraturan di dalam Arahan Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

(c) Kuasa Untuk Menandatangani Kontrak

(1) Semua kontrak hendaklah ditandatangani oleh Ketua Perwakilan bagi negara yang berkenaan.

(d) Kuasa Untuk Meluluskan Arahan Perubahan (*Variation Order*) Bagi Kontrak Kerja

(1) Sebelum arahan perubahan diluluskan, Ketua Perwakilan hendaklah memastikan bahawa perubahan-perubahan yang dibuat adalah benar-benardiperlukan dan ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung tambahan tersebut.

(2) Pihak berkuasa bagi meluluskan perubahan tersebut adalah seperti berikut:-

	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa
a.	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM7 juta dan perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 30%, ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM7 juta tetapi perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM2 juta.	Ketua Perwakilan di negara yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang tidak rendah dari Gred 48 atau yang setaraf dengannya yang di beri kuasa secara bertulis oleh Ketua Perwakilan.
b.	Dalam hal lain	Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

(e) Peraturan-Peraturan lain

Bagi perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan, peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa hendaklah diguna pakai.

13. Pelaksanakan Projek-Projek Kecil Secara Gotong Royong

Gotong royong adalah satu konsep kerja beramai-ramai secara bermuafakat untuk menyempurnakan sesuatu kerja tanpa mengharapkan keuntungan kewangan. Kerja-kerja secara bergotong royong bertujuan mewujudkan semangat kerjasama di kalangan anggota masyarakat di samping mengeratkan hubungan antara Kerajaan dengan rakyat.

(i) Kriteria Penentuan Projek Kecil Secara Gotong Royong

Kriteria bagi menentukan projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan secara gotong royong adalah seperti berikut:

(a) had maksimum kewangan sebanyak RM100,000 dan disediakan secara pemberian terus kepada pihak yang menerajui projek gotong royong;

(b) projek kecil yang tidak memerlukan kepakaran khusus seperti mekanikal dan elektrikal. Namun sekiranya perlu, kerja-kerja seperti elektrikal dan mekanikal tersebut hendaklah dilaksanakan oleh syarikat yang berdaftar dalam bidang yang berkenaan;

(c) boleh dilaksanakan sendiri oleh Pihak Peneraju Projek yang terdiri daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau Jawatankuasa Kemajuan Mukim Badan/Pertubuhan/Persatuan lain yang melibatkan masyarakat setempat atau Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan diawasi oleh Pegawai Penyelia;

(d) mestilah bebas daripada semua halangan (*free from encumbrances*) seperti pemilikan tapak projek dan sebagainya;

(e) melibatkan tenaga penduduk tempatan dan bercorak kemasyarakatan seperti kerja-kerja pembinaan, pembersihan atau lain-lain kerja bercorak fizikal termasuk rumah untuk Program Bantuan Rumah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat atau Program Perumahan Rakyat Termiskin; dan

(f) tempoh pelaksanaan tidak melebihi 14 hari kerja berturut-turut atau 14 hari dalam tempoh maksimum 3 bulan. Sebarang pelanjutan tempoh perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal/Pegawai Pemegang Waran/Pemegang Waran Kecil terlebih dahulu.

(ii) Syarat Pelaksanaan Projek Kecil Secara Gotong Royong

Pelaksanaan projek-projek kecil secara gotong royong hendaklah tertakluk kepada syarat dan peraturan seperti berikut:

(a) senarai projek yang akan dilaksanakan secara gotong royong hendaklah dikenal pasti terlebih dahulu dan dipersetujui oleh Pegawai Pengawal;

(b) Pegawai Pemegang Waran/Pemegang Waran Kecil hendaklah melantik Pegawai Penyelia yang bertanggungjawab memastikan hal-hal kewangan diuruskan dengan betul dan telus, menyelia pelaksanaan projek dan bertanggungjawab mengesahkan projek berkenaan siap;

(c) Pihak Peneraju Projek bertanggungjawab memastikan keselamatan bahan-bahan dan peralatan projek sepanjang tempoh pelaksanaan; dan

(d) mana berkenaan/perlu, Pegawai Penyelia bolehlah mendapat kerjasama Jabatan Teknik seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi pelaksanaan projek tersebut.

(iii) Kawalan Dan Pengurusan

Dalam mengendalikan projek kecil secara gotong royong, tatacara kewangan seperti berikut hendaklah dipatuhi sepenuhnya:

(a) Pihak Peneraju Projek hendaklah membuka/mempunyai satu akaun di bank tempatan;

(b) sumbangan kewangan daripada swasta dan dermawan/orang perseorangan boleh juga diterima oleh Pihak Peneraju Projek dengan syarat resit dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam akaun gotong royong berkenaan; dan

(c) satu penyata kewangan berasingan hendaklah disediakan dan disimpan oleh Pihak Peneraju Projek bagi setiap projek dan boleh diperiksa oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa.

(iv) Elaun Sagu Hati Kepada Peserta Gotong Royong

Bayaran bagi urusan gotong royong seperti elaun sagu hati dan makan minum peserta adalah dihadkan sehingga 20% daripada peruntukan pemberian Kerajaan. Jumlah bayaran sagu hati kepada peserta hendaklah mengikut kemahiran dan tahap penglibatan peserta yang ditetapkan oleh Pihak Peneraju Projek.

(v) Laporan Pelaksanaan Projek

Semua Pegawai Pemegang Waran/Pemegang Waran Kecil dikehendaki mengemukakan laporan pelaksanaan projek gotong royong secara berkala bagi setiap separuh tahun pertama dan kedua kepada Pegawai Pengawal masing-masing seperti format di **Lampiran 2.25**. Laporan juga hendaklah dikemukakan oleh setiap Kementerian yang berkenaan kepada Kementerian Kewangan bagi setiap separuh tahun pertama dan kedua (sebelum 31 Julai dan 31 Januari tahun berikutnya).

14. Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat Dan Perbadanan

(i) Tatacara ini terpakai bagi semua Kementerian/Agensi yang diberi peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran peruntukan atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan.

(ii) Pembelian tanah berbentuk:

(a) Tanah kosong mengikut peraturan berkaitan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian; atau

(b) Tanah beserta dengan bangunan sama ada bangunan telah siap atau sedang dalam pembinaan (termasuk pembelian di dalam sesuatu skim strata).

(iii) Pembelian adalah tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi dan hendaklah dibuat melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (**PTP**) dan dipindah milik serta didaftarkan di atas nama **PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN**.

(iv) Pembelian tanah milik orang perseorangan, syarikat dan perbadanan dibenarkan sekiranya pemilik berkenaan telah mempunyai hak milik bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun serta bebas daripada sebarang bebanan dan syarat kegunaan yang akan menghalang daripada sebarang pembangunan yang dicadangkan. Pembelian tanah di bawah pada (ii)(a) beserta cadangan membina infrastruktur atau cadangan membina bangunan oleh pemilik tanah tidak dibenarkan.

(v) Pegawai Pengawal diberi kuasa meluluskan pembeilan sesuatu tanah secara terus melalui rundingan pemilik yang berdaftar/pemaju tanpa perlu merujuk kepada Kementerian Kewangan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap permohonan dikemukakan bersekali dengan perakuan daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan galian (JKPTG) dan penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Format senarai semak JPHK adalah seperti di **Lampiran 2.25(a).**

(vi) Bagi pembelian tanah di bawah para (ii)(b), Kementerian/Agensi hendaklah mematuhi semua peraturan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengawas Ke Atas Harta-harta Kerajaan (JPHK), Jabatan Perdana Menteri. Satu senarai semak bagi pematuhan ke atas semua arahan JPHK hendaklah disertakan semasa memohon kelulusan Pegawai Pengawal bersekali dengan perakuan JKPTG dan JPPH.

(vii) Satu Jawatankuasa Rundingan Harga di peringkat Kementerian/Agensi hendaklah ditubuhkan dan wajib dianggotai oleh wakil-wakil daripada JKPTG, JPPH dan dipengerusikan oleh pegawai di Kementerian/Agensi yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan. Pelaksanaan rundingan harga hanya dibenarkan selepas semua peraturan di para (ii) hingga (vi) di atas dipatuhi. Tugas-tugas Jawatankuasa Rundingan Harga ini adalah seperti berikut:

(a) mendapatkan maklumat-maklumat tanah yang lengkap;

(b) memastikan tapak yang hendak dibeli bebas daripada sebarang bebanan (*encumbrances*) dan syarat kegunaan tanah hendaklah bersesuaian dengan cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan;

(c) mengadakan rundingan harga dengan pemaju/pemilik bagi mendapatkan harga yang berpatutan dengan memastikan harga pembelian hendaklah tidak melebihi harga penilaian yang ditentukan oleh JPPH dan mencatatkan keputusan rundingan tersebut;

(d) memaklumkan dan merundingkan terma-terma bagi Perjanjian Jual Beli; dan

(e) memperakukan harga yang telah dirunding kepada Pegawai Pengawal untuk keputusan muktamad.

(viii) Sekiranya Jawatankuasa gagal mendapatkan persetujuan harga dan terma perjanjian yang muktamad, Jawatankuasa boleh memperakukan kepada Pegawai Pengawal untuk membatalkan pembelian tersebut.

(ix) Kaedah pembayaran hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

(1) Bagi pembelian tanah di bawah (ii)(a):

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetuji selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 85% setelah Borang Pindah Milik atau Memorandum of Transfer (Sabah dan Sarawak) iaitu Borang 14A KTN (Semenanjung), Borang G (Sarawak) dan Borang LSE 18 Schedule XIII (Sabah) diserahkan untuk didaftarkan di Pejabat Tanah yang berkenaan; dan

(c) baki 5% dibayar setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP.

(x) Bagi pembelian tanah berserta bangunan yang telah disiapkan di bawah para (ii)(b):

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetujui selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 85% setelah Borang Pindah Milik atau Memorandum of Transfer (Sabah dan Sarawak) iaitu Borang 14A KTN (Semenanjung), Borang G (Sarawak) dan Borang LSE 18 Schedule XIII (Sabah) diserahkan untuk didaftarkan di Pejabat Tanah yang berkenaan; dan

(d) baki 5% dibayar setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP.

(xi) Bagi pembelian tanah berserta bangunan yang sedang dalam proses pembinaan di bawah para (ii)(b):

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetujui selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 20% setelah Borang Pindah Milik atau Memorandum of Transfer (Sabah dan Sarawak) iaitu Borang 14A KTN (Semenanjung), Borang G (Sarawak) dan Borang LSE 18 Schedule XIII (Sabah) diserahkan untuk didaftarkan di Pejabat Tanah yang berkenaan serta setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP; dan

(c) baki 70% untuk bayaran seterusnya hendaklah dibuat mengikut kaedah bayaran kemajuan projek-projek Kerajaan yang berkuat kuasa.

(xii) Bagi pembelian di bawah para (ii)(b) yang melibatkan bangunan di dalam sesuatu skim strata:

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetujui selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 85% mengikut kemajuan pembinaan bangunan; dan

(c) baki 5% dibayar setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP.

(xiii) Bagi pembelian yang melibatkan pembinaan, pemilik/pemaju hendaklah dikenakan syarat supaya mengemukakan bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada keseluruhan harga pembelian. Tempoh sah laku bon pelaksanaan hendaklah meliputi 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan.

(xiv) Kementerian/Agensi hendaklah melantik pegawai yang sesuai untuk mengesahkan semua bayaran dan memantau pelaksanaan sepenuhnya syarat-syarat jual beli tanah sehingga sempurna didaftarkan di atas nama PTP. Walaupun Perjanjian Jual Beli ditandatangani oleh PTP, Kementerian/Agensi boleh memasukkan nama pengurus/pentadbir kontrak di dalam perjanjian tersebut di atas nama jawatan pegawai di Kementerian/Agensi yang membiayai pembelian tanah bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan kontrak.

(xv) Sekiranya perjanjian ditamatkan atas sebab kegagalan pemilik/pemaju menyempurnakan obligasinya, Kementerian/Agensi hendaklah memastikan bayaran tertentu yang telah dibuat kepada pemilik/pemaju dikutip balik dengan dikenakan kadar faedah tidak kurang daripada 8% setahun dan terma ini hendaklah dimasukkan dalam Perjanjian Jual Beli.

15. Peraturan Bagi Perolehan Dan Pembaikan/Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan

(i) Agensi hendaklah terlebih dahulu merancang dan mengatur keperluan alat ganti/bahan bagi kerja pembaikan/senggaraan tersebut. Agensi adalah dilarang dari menumpukan ke satu limbungan/kontraktor sahaja bagi pembaikan/senggaraan bot/kapal di bawah jagaan masing-masing, kecuali agensi yang berurusan di bawah program penswastaan.

(ii) Kerja pembaikan/senggaraan bot/kapal TLDM bagi stesen luar pantai bolehlah menggunakan peraturan di bawah ini atau mana-mana peraturan yang sedia ada.

(iii) Peraturan Perolehan

(a) Agensi hendaklah menguruskan sendiri perolehan bot/kapal mengikut tatacara perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Satu Jawatankuasa hendaklah ditubuhkan bagi penyediaan dan penilaian spesifikasi teknikal.

(b) Perolehan bot/kapal Kerajaan hendaklah dibuat daripada kalangan pembina tempatan yang berdaftar dengan

Kementerian Kewangan mengikut kelas dan kelayakan masing-masing. Butir-butir lanjut mengenai kelas imbungan dan bot/kapal adalah seperti berikut:

Kelayakan Dan Kelas Limbungan Pembaikan Dan Penyelenggaraan

BIL	KELAS BOT/KAPAL/LIMBUNGAN	KELAYAKAN MENGIKUT KELAS BOT/KAPAL
1	Kelas A	600 tan ke atas
2	Kelas B	400 tan hingga 600 tan
3	Kelas C	200 tan hingga 400 tan
4	Kelas D	50 tan hingga 200 tan
5	Kelas E	Bawah 50 tan

Kelayakan Dan Kelas Limbungan Bagi Pembinaan Dan Pembaikan/Penyelenggaraan

BIL	KELAS LIMBUNGAN	KELAYAKAN MENGIKUT KELAS BOT/KAPAL
1	Kelas AA	600 tan ke atas
2	Kelas BB	400 tan hingga 600 tan
3	Kelas CC	200 tan hingga 400 tan
4	Kelas DD	50 tan hingga 200 tan
5	Kelas EE	Bawah 50 tan
6	Kelas FF (Pembuat)	Tanpa Limbungan

(c) Perolehan bot/kapal Kerajaan yang memerlukan kemudahan pembinaan khusus, di mana limbungan tempatan tertentu sahaja mempunyai kemudahan tersebut, rundingan terus bolehlah diadakan dengan limbungan berkenaan, dengan syarat kelulusan daripada Kementerian Kewangan diperolehi terlebih dahulu.

(d) Agensi hendaklah memastikan semua kontrak pembinaan bot/kapal Kerajaan yang ditandatangani dengan limbungan/kontraktor tempatan hendaklah mengandungi syarat di mana semua perkhidmatan sokongan mestilah diperolehi daripada syarikat-syarikat tempatan. Keutamaan hendaklah diberikan kepada syarikat bertaraf Bumiputera.

(e) Bagi perolehan bot/kapal terpakai, agensi dikehendaki mematuhi peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

(iv) Peraturan Perolehan Perkhidmatan Senggaraan Dan Pembaikan

(a) **Senggaraan Berjadual**

(1) Bagi senggaraan berjadual yang tidak dilaksanakan sendiri, agensi bolehlah menghantar bot/kapal kelimbungan/kontraktor yang berdekatan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan secara giliran mengikut kelas yang bersesuaian.

(2) Bagi agensi yang memerlukan perkhidmatan pembaikan/ penyenggaraan secara berjadual dan bagi tempoh tertentu, satu perjanjian hendaklah ditandatangani dengan mana-mana limbungan/ kontraktoryang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Kadar bayaran bagi perkhidmatan yang diperlukan hendaklah mengikut Jadual Kadar Pembaikan dan Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan yang berkuatkuasa tertakluk kepada potongan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

(b) Senggaraan Di Limbungan Kerajaan

(1) Agensi yang memiliki kemudahan limbungan sendiri dikehendaki menggunakan kemudahan tersebut secara optimum untuk penyenggaraan bot/kapal masing-masing. Agensi tersebut hendaklah menggunakan perkhidmatan kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah bidang Penyenggaraan dan Pembaikan Bot/Kapal (untuk limbungan Kerajaan) dengan menggunakan harga jadual kadar Kelas E yang berkuatkuasa tetapi dengan potongan tidak kurang dari 25%.

(c) Senggaraan Bot Kecil

(1) Agensi bolehlah menghantar bot-bot kecil di bawah 10 tan (berat sesaran) ke mana-mana limbungan/kontraktor yang berdekatan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan. Harga kerja-kerja senggaraan tersebut hendaklah berasaskan Jadual Kadar Kelas E yang berkuat kuasa tetapi dengan potongan tidak kurang dari 15%.

(d) Pembaikan Kerosakan Kecemasan

(1) Bagi bot/kapal yang mengalami kerosakan kecemasan semasa menjalankan tugas, pembaikan bolehlah dibuat oleh mana-mana limbungan/kontraktor tempatan yang berhampiran secara lantikan terus.

(2) Untuk pembaikan peralatan bot/kapal yang tidak memerlukan bot/kapal memasuki limbungan, pembaikan bolehlah dilaksanakan oleh kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

(e) Senggaraan dan Pembaikan Lain

(1) Kerja-kerja pembaikan kecil di luar keupayaan anak-anak kapal dan kosnya tidak melebihi RM100,000 setahun bagi sebuah bot/kapal bolehlah ditawarkan secara lantikan terus dengan mana-mana limbungan/kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Kerja pembaikan kecil dan kosnya tidak melebihi RM50,000 setahun bagi sebuah bot/kapal boleh dihantar ke mana-mana limbungan/kontraktor yang diketahui sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik dan dengan harga yang berpatutan, sama ada berdaftar atau tidak.

(2) Bagi keperluan alat ganti dan bahan-bahan lain yang berkaitan yang tidak terdapat dalam simpanan/stok agensi, pembelian boleh dibuat daripada limbungan/kontraktor yang sedang membaiki bot/kapal tersebut dengan syarat Sijil Ketiadaan (*Non-Availibility* [N.A]) telah dikeluarkan oleh agensi tersebut. Untuk mengelakkan kelewatan penyiapan bot/kapal, Sijil N.A juga boleh dikeluarkan dalam keadaan di mana pembekal Kontrak Pusat dan kontrak agensi tidak dapat membekal alat ganti tersebut dalam masa yang diperlukan.

(v) Jadual Kadar Pembaikan Dan Senggaraan

Pembaikan dan senggaraan bot/kapal Kerajaan hendaklah dihantar kepada limbungan/kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dimana syarat-syarat dan harga pembaikan/senggaraan hendaklah juga mengikut Jadual Kadar Pembaikan dan Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan yang berkuatkuasa tertakluk kepada potongan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

16. Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan

(i) Perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan adalah perkhidmatan bukan perunding. Oleh itu, perolehan perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan hendaklah diuruskan mengikut tatacara perolehan semasa iaitu secara pembelian terus/sebut harga/tender mengikut nilai perolehan yang berkenaan. Bayaran kepada pensyarah/penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/latihan/seminar/bengkel tidak boleh menggunakan kadar bayaran perunding kerana khidmat yang diberikan tidak melibatkan kerja-kerja perunding yang sebenarnya.

(ii) Agensi hendaklah memastikan peruntukan telah diluluskan dan mencukupi.

(iii) Agensi hendaklah memberi keutamaan kepada kepakaran yang sedia ada di kalangan anggota perkhidmatan awam/agensi Kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan/ceramah atau mengendalikan kursus/ latihan yang diperlukan.

(iv) Pelawaan untuk mendapatkan perkhidmatan penceramah atau pengendalian kursus/latihan hendaklah menyatakan dengan jelas skop perkhidmatan, bidang kepakaran/ kelayakan/pengalaman penceramah, jumlah masa syarahan, bilangan peserta dan sebagainya supaya harga yang ditawarkan dapat diperincikan untuk penilaian.

(v) Agensi hendaklah memastikan harga dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah munasabah, paling menguntungkan, berkualiti dan sesuai dengan keperluan perkhidmatan awam.

(vi) Bagi penetapan kadar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi kerajaan termasuk pengendalian kursus dan latihan, Agensi hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Pengurusan Wang Awam (WP10.9) yang berkuat kuasa.

17. Tatacara Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina

(i) Penentuan Pelaksanaan Projek Secara Reka Dan Bina

(a) Semua projek Kerajaan hendaklah dilaksanakan secara konvensional. Walau bagaimanapun, Agensi boleh melaksanakan projek kerja secara Reka dan Bina tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal atau

Ketua Jabatan bagi Jabatan Teknik. Asas penentuan bagi projek-projek yang hendak dilaksanakan secara Reka dan Bina ditetapkan seperti berikut:

(1) Skop kerja yang kompleks dan melibatkan kepakaran khusus, yang mana kepakaran tersebut tidak terdapat dalam Agensi berkenaan atau Jabatan Teknik. Contohnya projek yang memerlukan kepakaran atau teknologi tinggi dalam pembinaan seperti Pusat Angkasa Negara;

(2) Reka bentuk bangunan/struktur ditentukan oleh sistem kelengkapan, perkhidmatan atau peralatan yang akan ditempatkan. Contohnya projek hangar bagi pesawat penggempur dan *bunker* bagi misil/peluru; atau

(3) Projek-projek khas yang perlu disiapkan dalam masa yang singkat bagi menepati jadual yang telah ditetapkan atau demi kepentingan dan keselamatan Negara yang bukan berpunca daripada kelemahan perancangan Agensi. Contohnya pembinaan Stesen Pusat Penggera Tsunami.

(b) Projek-projek yang mana telah terdapat reka bentuk atau lukisan piawai adalah tidak dibenarkan untuk dilaksanakan secara Reka dan Bina.

(ii) Kaedah Perolehan

(a) Projek secara Reka dan Bina boleh dilaksanakan mengikut kaedah perolehan seperti berikut:

(1) Tender Terbuka

Projek Reka dan Bina hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka melalui proses pra-kelayakan bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan dan berkeupayaan sahaja dipelawa menyertai tender.

(2) Tender Terhad

Tender terhad hanya dibenarkan dalam keadaan seperti di perenggan 17(i)(a)(3) di atas.

(iii) Garis Panduan Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina

(a) Agensi hendaklah merujuk Garis Panduan Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina seperti di **Lampiran 2.26** dalam melaksanakan projek secara Reka dan Bina.

(iv) Syarat-Syarat Am

(a) Dalam melaksanakan projek secara Reka dan Bina, Agensi dikehendaki mematuhi syarat-syarat am seperti berikut:

(1) Semua Agensi yang melaksanakan projek pembangunan hendaklah mematuhi dasar dan peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa termasuk peraturan berkaitan *Industrialised Building System* (IBS);

(2) Agensi bukan teknikal hanya dibenarkan melaksanakan sendiri projek mengikut had nilai dan kuasa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Agensi bukan teknikal yang tidak mempunyai keupayaan teknikal untuk menguruskan pelaksanaan projek secara Reka dan Bina hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknik;

(3) Tapak adalah bebas daripada sebarang halangan; dan

(4) Kelulusan Jawatankuasa Standard dan Kos di Unit Perancang Ekonomi hendaklah diperolehi sebelum tender dipanggil selaras dengan Surat Pekeliling Am yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

(b) Agensi hendaklah memastikan semua kehendak pelanggan/pengguna telah diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan *(Government's Requirements)* bagi mengelakkan berlakunya perubahan dalam skop kerja semasa pembinaan.

(v) Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, Agensi boleh mendapat keterangan lanjut dengan merujuk kepada:

Ketua Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
(u.p.: Pengarah Kanan, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan)

18. Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan Information Telecommunication Technology (ICT) Kerajaan

(i) Peraturan Semasa Perolehan ICT

Perolehan ICT boleh dibahagikan kepada lima (5) proses utama seperti berikut:

(a) Perancangan Perolehan;
(b) Pelaksanaan Perolehan;
(c) Proses Penilaian Perolehan;
(d) Pemantauan dan Pelaksanaan Projek; dan
(e) Pengurusan dan Pentadbiran Kontrak.

(ii) Perolehan ICT yang dilaksanakan hendaklah mematuhi peraturan semasa berkaitan ICT seperti berikut:

(a) **Kelulusan Teknikal** - Dirujuk dan mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Agensi, JPICT Kementerian dan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaras dengan Surat Pekeliling Am semasa dan pekeliling MAMPU yang berkuat kuasa.

(b) **Keutamaan Perkhidmatan Pakar Dalaman** - Mengutamakan penggunaan kepakaran dalaman sektor awam untuk pembangunan ICT bagi mengurangkan kebergantungan Agensi kepada kepakaran luar.

(c) **Keutamaan Bahan/Barangan/Perkhidmatan Tempatan** – Mengutamakan produk keluaran syarikat berstatus *Multimedia Super Corridor* (MSC) Malaysia dan memastikan perolehan ICT yang diimport hendaklah dilaksanakan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

(d) **Penglibatan Perunding Asing Sebagai Perunding ICT** – Memastikan semua perolehan ICT yang memerlukan perkhidmatan perunding asing secara *outsourcing* hendaklah mendapat kebenaran MAMPU, Jabatan Perdana Menteri.

(e) **Pemilikan Kod Sumber *(Source Code)* Dan/Atau *Intellectual Property Rights* (IPR)** - Kod sumber dan/atau *Intellectual Property Rights* (IPR) bagi pembangunan sistem

aplikasi dan serahan-serahan lain yang berkaitan hendaklah menjadi Hak Milik Kerajaan Malaysia.

(f) **Pemindahan Teknologi *(Transfer of Technology)*** - Pemindahan teknologi dan pengetahuan hendaklah dilaksanakan dengan sempurna dalam tempoh kontrak bagi memastikan Pegawai Teknikal Agensi berupaya menyelenggara perkakasan/perisian/rangkaian/sistem aplikasi selepas tamat tempoh jaminan.

(g) **Akta Rahsia Rasmi Atau Tapisan Keselamatan** – Bagi perolehan yang memerlukan syarikat/perunding mendapat akses kepada data/ maklumat/premis Kerajaan atau kawasan-kawasan sensitif/terperingkat, Agensi hendaklah melaksanakan tapisan keselamatan dan memastikan kakitangan syarikat yang terlibat di dalam projek Kerajaan menandatangani Borang Perakuan Untuk Ditandatangani Oleh Penjawat Awam/Syarikat Berkenaan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

(iii) Garis Panduan Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan

(a) Agensi hendaklah merujuk Garis Panduan Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan seperti di **Lampiran 2.27** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Am dan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU, JPM berkaitan ICT, Arahan Perbendaharaan serta Pekeliling lain berkaitan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

LAMPIRAN

Jadual 1

SENARAI ITEM-ITEM KONTRAK PUSAT

BIL	ITEM	NAMA SYARIKAT	SPESIFIKASI/ KADAR HARGA	TELEFON PEGAWAI MOF 03-8882
1.	Perkhidmatan Poslaju	**Lampiran 1**	Lampiran A – Lampiran E	4093/8898/3047
2.	Sampul Surat	**Lampiran 2**	Jadual I – Jadual II	8862/3245/3236
3.	*High Density Polyethylene* (HDPE) *Fittings*	**Lampiran 3**	Digugurkan mulai 1 Januari 2022	8862/3245/3236
4.	Alat Pemadam Api Mesra Alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System Dan 1MY227 Clean Agent Fire Suppression System*	**Lampiran 4**	Lampiran A	8862/3245/3236
5.	Peluru Senjata Laras Kecil Dan Alat *Pyrotechnics*	**Lampiran 5**	Garis Panduan	8862/3262/3245
6.	Perisian Microsoft (MLA 2.0)	**Lampiran 6**	Garis Panduan & Soalan Lazim	8905/4025/3237
7.	Kertas A4 Putih 80 gsm	**Lampiran 7**	Jadual I -IV	4093/8898/3047

Lampiran 1

KONTRAK PUSAT BAGI PERKHIDMATAN POS LAJU

TUJUAN

1. Pekeliling Perbendaharaan (PP) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Agensi Kerajaan mengenai Kontrak Pusat bagi Perkhidmatan Pos Laju.

BUTIR-BUTIR KONTRAK

2. Kementerian Kewangan telah bersetuju melanjutkan kontrak bagi Perkhidmatan Pos Laju untuk tempoh selama tiga (3) tahun mulai 1 Oktober 2020 hingga 30 September 2023 dengan syarikat Pos Malaysia Berhad dan selepas ini disebut sebagai Kontraktor.

3. Butiran Kontraktor seperti berikut:

Syarikat/ No. Kontrak	Alamat/No.Telefon/ No. Faks/E-mel	Bank
Pos Malaysia Berhad 1991 0101 9653 PERB/PK/1/2020	Pos Malaysia Berhad Aras 8, Menara Dayabumi 50670 KUALA LUMPUR Telefon : 03-2267 2267 samb. 6415 No. Faks : 03-2267 2255 E-mel : kontrakpusatposlaju@pos.com.my	HSBC Amanah (Malaysia) Bank Berhad Cawangan Utama Kuala Lumpur Lebuh Ampang 50100 KUALA LUMPUR No. Akaun Bank: 001-139377-021

HARGA

4. Kadar harga bagi Perkhidmatan Pos Laju seperti di *Lampiran A, B, C* dan *D* Kadar harga tersebut tertakluk kepada kadar cukai perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

JENIS PERKHIDMATAN POSLAJU (DOMESTIK DAN LUAR NEGARA)

5. Perkhidmatan kurier domestik seperti berikut:

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Skop Perkhidmatan	Kadar Harga
1	Pos Laju biasa iaitu *Next Day Delivery* (NDD)	Serahan dibuat dalam masa satu (1) hingga lima (5) hari bekerja.	***Lampiran A***

2	*Time Certain Service* (TCS)	Serahan sebelum jam 10.00 pagi dengan tambahan caj sebanyak RM3.50 kepada kadar Pos Laju biasa bagi setiap konsainan.	***Lampiran B***
3	*Same Day Delivery Service* (SDD)	Serahan pada hari yang sama dengan tambahan caj RM7.00 kepada kadar Pos Laju biasa bagi setiap konsainan.	***Lampiran C***

6. Perkhidmatan kurier antarabangsa (luar negara) seperti di ***Lampiran D***.

PUSAT POS LAJU

7. Perkhidmatan kutipan (*pick-up*) bagi item yang hendak dihantar adalah disediakan jika diperlukan oleh Kementerian/Jabatan. Perkhidmatan kutipan ini berserta serahan pintu ke pintu disediakan oleh Pusat Pos Laju seperti di ***Lampiran E***.

WAKTU OPERASI PERKHIDMATAN POS LAJU

8. Perkhidmatan Cawangan Pos Laju beroperasi seperti berikut:

NEGERI	HARI	WAKTU OPERASI
Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya)	Isnin- Jumaat	8.30am – 5.30pm
	Sabtu	8.30am -1.00 tengahari
	Ahad & hari cuti umum	Tutup
Kedah, Johor, Kelantan & Terengganu	Ahad - Khamis	8.30am – 5.30pm
	Sabtu	8.30am -1.00 tengahari
	Jumaat & hari cuti umum	Tutup

Nota:

Pos Laju tidak beroperasi pada setiap Sabtu minggu ketiga.

PENGIRAAN KADAR POS LAJU MENGIKUT BERAT VOLUMETRIK

9. Bagi barangan yang bersaiz besar tetapi ringan atau barangan yang bersaiz ganjil pula, kaedah berat volumetrik akan digunakan. Apabila ukuran dimensi salah satu sisi barangan melebihi 30cm, formula pengiraan berat volumetrik ialah seperti berikut:-

$$\frac{\textit{panjang (cm) x lebar (cm) x tinggi (cm)}}{6{,}000}$$

Bacaan yang diperolehi adalah ukuran berat volumetrik. Kadar caj Pos Laju akan dikenakan berdasarkan kepada berat sebenar atau berat volumetrik, mana-mana yang lebih tinggi.

PEMBAYARAN BIL

10. Pembayaran bil-bil yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara semasa yang ditetapkan dan masih berkuat kuasa. Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh Kontraktor dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bil yang lengkap itu diterima.

11. Walau apa pun peraturan penerimaan yang diamalkan oleh sesuatu Jabatan, pengesahan penerimaan perkhidmatan mestilah dibuat dengan segera pada hari perkhidmatan disempurnakan untuk membolehkan Kontraktor mengemukakan bil pembayaran seberapa segera.

12. Bayaran hanya perlu dijelaskan setelah mendapat bil tuntutan daripada kontraktor. Bayaran akan dikembalikan sekiranya item yang dipos tidak dapat diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan.

PEMBUNGKUSAN

13. Agensi hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa barang-barang yang diserahkan oleh Agensi untuk dihantar melalui Perkhidmatan Pos Laju hendaklah dibungkus dengan sempurna mengikut amalan biasa untuk mengelak dari berlakunya kerosakan. Kontraktor hendaklah setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, menepati apa-apa arahan secara bertulis mengenai Perkhidmatan Pos Laju yang diberi dari semasa ke semasa oleh Kerajaan dan Agensi.

14. Apa-apa kehilangan atau kerosakan pada barang-barang yang telah disahkan oleh Agensi dibungkus dengan sempurna mengikut amalan biasa akan ditanggung oleh Kontraktor dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Notis Penolakan oleh Agensi.

PERKHIDMATAN TIDAK MEMENUHI TEMPOH PENYERAHAN

15. Kontraktor hendaklah memulangkan caj pengeposan kepada pengirim sekiranya berlaku kelewatan serahan atau serahan yang tidak mengikut standard Pos Laju. Pemulangan caj pengeposan ini adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

i. Terhad kepada Perkhidmatan Kurier Domestik sahaja;

ii. Maklumat nama, alamat, dan nombor telefon penerima serta pengirim ditulis dengan betul, jelas dan lengkap di Nota Konsainan Pos Laju;

iii. Tempoh serahan mengikut hari bekerja sahaja; dan

iv. Terhad kepada cubaan serahan kali pertama sahaja.

16. Bagi perkhidmatan lain seperti TCS dan SDD, hanya caj tambahan/surcaj perkhidmatan akan dikembalikan jika berlaku serahan yang tidak menepati tempoh penyerahan TCS dan SDD tetapi mematuhi tempoh penyerahan NDD.

17. Walau apa pun di perenggan 15 dan 16, Kontraktor tidak akan memulangkan caj pengeposan sekiranya kelewatan serahan berlaku disebabkan perkara-perkara berikut:

i. *Force majeure* termasuk bencana alam, cuaca buruk, tanah runtuh atau banjir;

ii. Kiriman ditahan atau dirampas oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa yang lain di bawah undang-undang Malaysia;

iii. Faktor teknikal seperti kerosakan kapal terbang, pembatalan atau perubahan jadual penerbangan; dan

iv. Perubahan laluan yang dibuktikan di luar kawalan Kontraktor.

18. Jika berlaku kehilangan dan kerosakan, bayaran pampasan akan dibayar mengikut nilai sebenar barang tersebut tertakluk kepada had maksima RM300.00. Jika barangan melebihi nilai pampasan yang dinyatakan, barangan boleh diinsuranskan oleh Kerajaan melalui skim yang ditawarkan oleh Kontraktor.

SKIM KONTRAK TAKAFUL POS LAJU (PILIHAN)

19. Skim ini ialah skim perlindungan ke atas barangan semasa di dalam pengendalian Pos Laju bagi penghantaran domestik dan antarabangsa. Perlindungan adalah terhadap apa-apa kerosakan kepada barangan disebabkan pecah, rosak, kemalangan dan kehilangan.

20. Kadar premium adalah 0.1% dari nilai barangan yang hendak diinsuranskan dan tertakluk kepada nilai minimum premium sebanyak RM1.00 bagi setiap konsainan. Had maksima nilai barangan yang boleh dilindungi ialah RM10,000.00 bagi setiap konsainan.

PENGGUNAAN KONTRAK

21. Agensi hendaklah menggunakan PP ini sepenuhnya bagi penghantaran dokumen dan barangan yang tidak memerlukan pengendalian khusus (*special handling*) seperti penghantaran item yang bersifat mudah rosak (*perishable*), memerlukan kawalan rantaian suhu tertentu (*cold-chain*), serta barangan yang sensitif kepada suhu (*temperature sensitive*) dan lain-lain.

22. Agensi tidak dibenarkan untuk mendapatkan perkhidmatan penghantaran dokumen dan barangan yang tidak memerlukan pengendalian khusus (*special handling*) di luar Kontrak Pusat kecuali jika terbukti Kontraktor tidak dapat melaksanakan perkhidmatan tersebut. Dalam hal ini, Agensi hendaklah mendapatkan kelulusan awal daripada BPK, Kementerian Kewangan, atau Pegawai Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan.

23. Perolehan perkhidmatan penghantaran bagi barangan yang memerlukan *special handling* atau perolehan yang dibuat di luar Kontrak Pusat, hendaklah dilaksanakan berdasarkan tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

ADUAN

24. Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi kontraktor yang kurang memuaskan, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
E-MEL :kontrakpusat@treasury.gov.my

25. Agensi juga boleh membuat aduan secara terus kepada Kontraktor melalui e-mel kontrakpusatposlaju@pos.com.my berkenaan kelewatan penghantaran dan lain- lain permasalahan mengenai perkhidmatan Pos Laju.

HAL-HAL LAIN

26. Sebarang pertanyaan mengenai PP ini juga boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel kontrakpusat@treasury.gov.my atau melalui talian telefon 03-8882 4093 atau 03-8882 3278.

Lampiran A

KONTRAK PUSAT PERKHIDMATAN POS LAJU KEPADA SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI MALAYSIA UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN
(1 OKTOBER 2020 –30 SEPTEMBER 2023)

KADAR CAJ BAGI PERKHIDMATAN
POSLAJU BIASA IAITU *NEXT DAY DELIVERY* (NDD)

ZON	DI BAWAH 2.000 KG (0.001 KG - 2.000 KG)		2.001 KG DAN KE ATAS (MAKSIMA SEHINGGA 30.000KG)
	500 GM PERTAMA	TAMBAHAN 250 GM	TAMBAHAN 1.00KG
	KADAR (RM)	KADAR (RM)	KADAR (RM)
Zon 1	5.00	0.60	1.20
Zon 2	5.00	0.98	1.95
Zon 3	5.00	0.65	1.25
Zon 4	8.30	1.80	5.80
Zon 5	8.30	1.80	5.80

Nota:

- Kadar harga di atas adalah termasuk 10% Surcaj Bahan Api dan 5% Caj Pengendalian
- Tertakluk kepada Cukai Jualan & Perkhidmatan (**SST**) 6%
- Kadar harga di atas adalah termasuk kos insurans *Pos Coverage* sebanyak **RM0.10** bagi setiap konsainan;
- Senarai kawasan liputan di **Jadual 1**
- Maklumat zon adalah seperti berikut:

ZON	KAWASAN LIPUTAN
Zon 1	Dalam Lembah Klang
Zon 2	Antara Negeri (Dalam Semenanjung)
Zon 3	Dalam Negeri (Semenanjung/Sabah/Sarawak)
Zon 4	Semenanjung ke Sabah/Sarawak
Zon 5	Sabah/Sarawak ke Semenanjung & Antara Sabah dan Sarawak

Jadual 1

SENARAI LIPUTAN KAWASAN SERAHAN POS LAJU (SEMENANJUNG)

Pos Laju	POSKOD		Kawasan	Tempoh Serahan
	Dari	Ke		
AS - KGR	01000	01999	Kangar	D+1
AS - KGR	02000	02099	Kuala Perlis	D+2
AS - KGR	02100	02199	Padang Besar	D+2
AS - KGR	02200	02299	Kaki Bukit	D+2
AS - KGR	02400	02499	Beseri	D+2
AS - KGR	02500	02599	Mata Air	D+2
AS - KGR	02600	02699	Arau	D+2
AS - KGR	02700	02899	Simpang Empat (Perlis)	D+2
AS - AOR	05000	05999	Alor Setar	D+1
AS - AOR	06250	06299	Alor Setar	D+1
AS - AOR	06500	06549	Langgar	D+1
AS - AOR	06550	06599	Alor Setar	D+1
AS - AOR	06600	06649	Kuala Kedah	D+2
AS - PDN	06650	06699	Simpang Empat	D+2
AS - PDN	06700	06709	Pendang	D+2
AS - PDN	06710	06749	Felda Lubuk Merbau	D+2
AS - PDN	06750	06759	Sungai Tiang	D+2
AS - PDN	06761	06799	Pendang	D+2
AS - PDN	06800	06899	Kota Sarang Semut	D+2
AS - KJT	06000	06009	Jitra	D+1
AS – KJT	06010	06019	Universiti Utara Malaysia/ Changloon	D+1
AS – KJT	06050	06099	Bukit Kayu Hitam	D+1
AS – KJT	06100	06149	Kodiang	D+1
AS – KJT	06150	06199	Ayer Hitam	D+1
Johor Baharu
81200 Johor

Nama Pengurus : Puan Nurul Aini binti Abdul Samat
No. Tel : 012-373 7090

12. Pertubuhan Peladang Kawasan Manir Belara
Km.10, Jalan Kelantan, Manir
Kuala Terengganu
21200 Terengganu

Nama Pengurus : En. Ramli bin Hamzah
No. Tel : 019-976 1197

13. Pertubuhan Peladang Kawasan Repek Telong
Bt. 19 1/2, Kampong Badak
Bachok
16300 Kelantan

Nama Pengurus : En. Wan Mat Amin bin Wan Abdul Rahman
No. Tel : 019-948 8163

14. Pertubuhan Peladang Kawasan Kijal
Kijal, Kemaman
24100 Terengganu

Nama Pengurus : En. Amran bin Rifin
No. Tel : 019-927 1229

15. Pertubuhan Peladang Kawasan Langkawi
Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa
Padang Mat Sirat, Langkawi
07100 Kedah

Nama Pengurus : En. Ismihan bin Mahamed
E-mel : ppklangkawi@gmail.com

LAMPIRAN 5A5

SENARAI PUSAT PENYEMBELIHAN DAN PEMPROSESAN AYAM

1) PUSAT PEMPROSESAN SUNGAI BAKAP, S.P.S., PULAU PINANG

Milik:
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Alamat Pusat Pemerosesan:
NAFAS Food Processing & Marketing Sdn. Bhd.
[Syarikat milik penuh NAFAS]
Lot 1549, Mukim 12, Valdor Industrial Land
14200 Sungai Bakap
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang

Tel : 04-582 8899
Faks : 04-582 0099

Pengurus Besar:
Encik Zainal Bin Rasidi

2) PUSAT PEMPROSESAN MACHAP

Milik:
Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ)

Alamat Pusat Pemerosesan:
Pusat Industri Peladang
Batu 53 ¼, Jalan Air Hitam - Johor
86100 Air Hitam,
Batu Pahat,
Johor.

Tel : 07-754 1500 / 754 2000
Faks : 07-754 2005

3) PUSAT PEMPROSESAN SELANGOR

Milik:
Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS)

Alamat Pusat Pemerosesan:
Kilang Pemerosesan Ayam
Pertubuhan Peladang Negeri Selangor
No 4, Jalan Lingkungan Raja Lumu
Kawasan Industri Pandamaran
42000 Pelabuhan Klang
Selangor.

Tel : 03-3168 5914 /
03-3167 5484

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga .....

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI.....

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
.....	.....
No.Telefon:	.....
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	No. Telefon: .....
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini	Tarikh: .....

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

   1.1. Syarat penyerahan/penyempurna .....

   1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki .....

   1.3 Arahan pengiriman .....

   1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan dan bertanda nombor sebut harga .....

   1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari ..... hb .....

   1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah ..... hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: .....

Jawatan: .....

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan ..... * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.			JUMLAH	_____

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga : .....

Nama dan K/P : .....

Alamat Syarikat : .....

Tarikh : .....

Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PERSETUJUAN**

(i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan

(ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. **PEMERIKSAAN**

(i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

(ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**

(i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

(ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang

yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

(iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

(i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

(i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;

(ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

(a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,

(b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,

(c) Senarai Kerja Dalam Tangan,

(d) Jadual Kadar Harga (jika ada),

(e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

(a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga …… serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

(b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

(c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi ……..... minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM ……..... (Ringgit Malaysia: ……..... sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

---

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

\+ Pengiraan harga dokumen sebu tharga hendaklah dbuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d)**.**

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

(i) Suruhanjaya Tenaga
(ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
(iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
(iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
(v) Pihak Berkuasa Tempatan

** Potong jika tidak diperlukan*

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya

daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

(a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

(b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

(c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

(d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan

(e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan**.**

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan**,** kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil.....

……..
……..
……..
……..

Tuan,

Sebut harga untuk .....

.....
Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia: ....(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada .....haribulan.....20....

…….	. ……..
Tandatangan Kontraktor	Tandatangan Saksi
Nama Penuh:.....	Nama Penuh:…….....
No. K/P:.....	No. K/P:.....
Alamat:.....	Alamat:.....
.....	.....
.....	.....

Atas sifat:.....

.....
Meterai atau Cap Kontraktor

Sebut harga .....

.....

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

Bil.	**Huraian Kerja**	**Jumlah Harga Pukal (RM)**
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

Sebut harga .....

.....

RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)

Bil.	Huraian Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah (RM)
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga				

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

CONTOH SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
5.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB		
7.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
8.	Borang Maklumat Penyebut Harga		
9.	Pematuhan Kepada Spesifikasi		
10.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
11.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)		
12.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
13.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir		

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
14.	Lain-lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ..... (jika ada).
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:
	Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

J.K.R. 58-Pin. 3/2008

KERAJAAN MALAYSIA
BORANG PERJANJIAN INDEN KERJA

Vot. ……..... No. Inden ……...……
Kerja …… No. Tanggungan .....
Ruj. Fail …… Kerani Kewangan .....

A. Kepada Kontraktor:
Nama ……..…….

Alamat ……..……
…….....

Sila laksanakan kerja-kerja di bawah ini:

……
……

untuk jumlah wang sebanyak Ringgit : …….....
…….....
.

dan sen ……..… (RM …….....……) mengikut syarat-syarat berikut:

1. Kontraktor tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada Pegawai Inden menyerahhak atau menyewakan mana-mana bahagian Kerja.
2. Kerja ini hendaklah dimulakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Inden Kerja dan hendaklah disiapkan pada .....
3. Dokumen-dokumen berikut hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga –
   a) Borang Perjanjian Inden Kerja
   b) Syarat-syarat Sebut Harga
   c) Spesifikasi
   d) Ringkasan Tender/Senarai Kuantiti
   e) Lukisan

Tandatangan .....
(Pegawai Inden)
Nama .....
Jawatan .....
Tarikh .....

4. Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan syarat-syarat di atas.

Tandatangan	Tandatangan
.....	.....
(Kontraktor)	*(Saksi)*
Nama	Nama .....
Atas sifat	Jawatan .....
diberikan dengan sempurna untuk	Alamat .....
menandatangani untuk dan bagi pihak	
	.....
.....	
(Meterai atau Cop Kontraktor)	
Tarikh	Tarikh .....

FORMAT LAPORAN PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

***NAMA AGENSI:**

LAPORAN BULAN:

BIL	TAJUK PEROLEHAN	KATEGORI PEROLEHAN [Bekalan(B)/ Perkhidmatan(P)/ Kerja(K)]	NAMA SYARIKAT	TARAF SYARIKAT [Bumiputera(B)/ Bukan Bumiputera (BB)] [Pembuat (P)]	NILAI PEROLEHAN [RM]	TEMPOH PENGHANTARAN / TEMPOH SIAP	BARANGAN BUATAN TEMPATAN/ BARANGAN IMPORT

*** Sila isi Kementerian/Jabatan/Pejabat/PTJ**

Catatan:
Laporan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan setiap bulan dan satu (1) salinan dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dan Unit Audit Dalam Agensi.

CONTOH SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila Tandakan √ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

1.	Salinan Sijil Pendaftaran dan Taraf Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)	☐
2.	Salinan Sijil Pendaftaran dan Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	☐
3.	Borang Tender Telah Diisi dan Ditandatangani	☐
4.	Ringkasan Tender Telah Diisi dan Ditandatangani	☐
5.	Jadual Kadar Harga Telah Diisi dan Ditandatangani	☐
6.	Senarai Kuantiti Telah Diisi dan Ditandatangani	☐
7.	Borang Maklumat Petender	☐
8.	Borang Spesifikasi	☐
9.	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog	☐
10.	Borang Servis Penyelenggaraan	☐
11.	Senarai Kakitangan Teknikal	☐
12.	Salinan Akaun Syarikat Yang Telah Disahkan dan Diaudit	☐
13.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi 3 Bulan Terakhir	☐
14.	Tiada Nama Syarikat Dalam Dokumen Tawaran Teknikal	☐
15.	Senarai Semakan Yang Telah Ditandakan	
16.	Lain-lain Sekiranya Ada (Sila Catatkan)	☐
		☐

SENARAI BORANG TENDER, DOKUMEN KONTRAK DAN BORANG - BORANG LAIN BAGI TENDER KERJA JABATAN KERJA RAYA

JENIS KERJA	BORANG KONTRAK	BORANG TENDER	SURAT SETUJU TERIMA	BORANG-BORANG LAIN
1. Kontrak kerja berasaskan pelan dan spesifikasi (*lump sum*)	PWD 203 (Rev.10/83) Termasuk Addendum 1- 7	JKR 203C (Pind.4/2005)	JKR 203D (Pind.6/2005)	
2. Kontrak kerja berasaskan Senarai Bahan (*Bills of Quantities*)	PWD 203A (Rev.10/83) Termasuk Addendum 1- 7	JKR 203B (Pind.4/2005)	JKR 203D (Pind.6/2005)	
3. Kontrak kerja bagi Sub-kontrak Dinamakan (*Nominated Sub-contractor*) di mana kontrak utama berasaskan JKR 203 atau JKR 203A	JKR 203N Sem.10/83 termasuk Addendum	JKR203N 1/83 Termasuk Addendum	JKR 203N 4/83 Surat Setuju Terima Tender oleh Kontraktor Utama kepada Subkontraktor Dinamakan	JKR 203N 2/88 Syarat-syarat membuat Tender dan Maklumat Am untuk digunakan oleh Sub-kontraktor Dinamakan JKR 203N 3/93 Arahan kepada Kontraktor Utama untuk menyetuju terima tender daripada Sub-kontraktor Dinamakan JKR 203N 5/83 Perintah Rasmi untuk memulakan kerja oleh Kontraktor Utama kepada Sub-Kontraktor Dinamakan JKR 203N 6/88 Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Sub- kontraktor JKR 203N 7/88 Surat Jaminan Tanggung Rugi

JENIS KERJA	BORANG KONTRAK	BORANG TENDER	SURAT SETUJU TERIMA	BORANG- BORANG LAIN
4. Kontrak kerja bagi Pembekal Dinamakan (*Nominated Supplier*) di mana kontrak utama berasaskan JKR 203 atau JKR 203A	JKR 203P/83	JKR 203P I/83	JKR 203P 4/83	JKR 203P 2/83 Syarat-syarat membuat Tender dan Maklumat Am untuk digunakan oleh Pembekal JKR 203P 3/83 Arahan kepada Kontraktor Utama untuk menyetuju terima tender daripada Pembekal Dinamakan JKR 203P 5/83 Pesanan untuk membekal dan menyerah-Hantar Artikel- artikel JKR 203P5A/83 Jadual Artikel- artikel Yang Dipesan untuk di bekal dan Diserah-Hantar JKR 203P 6/88 Surat Pemberitahuan Penamaan kepada Pembekal Dinamakan JKR 203P 7/88 Surat Jaminan Tanggung Rugi

JENIS KERJA	BORANG KONTRAK	BORANG TENDER	SURAT SETUJU TERIMA	BORANG- BORANG LAIN
5. *Condition Of Contract for International Civil Engineering Contracts (Locally Funded Projects)*	PWD FORM 203 CEWI (1/84 Edition)			
6. Bekalan Barang-barang (Stor)	PWD 203H Rev. 12/83	PWD 203I	PWD 203K Rev. 1/82	PWD 203J Rev. 1/84 *Schedule of Stores for use in.*
7. Bekalan Jentera dan Peralatan Kejuruteraan	JKR 203E Sem. 10/89	JKR 203F Sem. 10/89	JKR 203G Sem. 10/89	
8. Bekalan Batu Kuari	PWD 203Q Rev. 9/70	JKR 203Q1	JKR 203Q3	PWD 203Q2 *Schedule of Rates & prov. Quantities of Metal to be supplied and delivered and other works to be performed* JKR 203Q4 Rev. 1/62 *Rules for working of Government owned Quarry*
9. Mengangkut bahan-bahan dalam satu-satu daerah	JKR 203R	JKR 203R1	JKR 203R3	JKR 203R2 *Schedule of Rates & Prov. Quantities of Materials for Transportation*

JENIS KERJA	BORANG KONTRAK	BORANG TENDER	SURAT SETUJU TERIMA	BORANG- BORANG LAIN
10. *Condition Of Contract For Design & Build and Turnkey Projects*	PWD FORM DB/T 2002 Edition	P.W.D Fom DB/T -A2002		

SENARAI BORANG-BORANG PENTADBIRAN KONTRAK KERJA JABATAN KERJA RAYA

Bil.	TAJUK BORANG	NOMBOR RUJUKAN
1.	Perakuan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion*)	JKR 203S-Pin. 2/83
2.	Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (*Certificate of Delay and Extension of Time*)	JKR 203T-Pin. 4/83
3.	Arahan Pegawai Penguasa (*Superintending Officer's Instruction*)	JKR 203U/82-Pin.1/92
4.	Arahan Perubahan Kerja	JKR-APK
5.	Permohonan Untuk Mendapatkan Kelulusan Perubahan Kerja	JKR-KPK
6.	Permohonan Untuk Kelulusan Kerja Tambahan Kuantiti Sementara	JKR-KKS
7.	Perakuan Pelarasan Harga Kontrak	JKR-PHK JKR
8.	Perakuan Pendudukan Separa (*Certificate of Partial Occupation*)	203W/82
9.	Perakuan Kerja Tak Siap (*Certificate of Non-Completion*)	JKR 203X-Pin.1/83
10.	Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (*Certificate of Completion of Making Good Defects*)	JKR 203Y-Rev.1/99
11.	Perakuan Bayaran Interim	JKR 66 (Pin.3/1999)
12.	Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad	JKR 66A (Pin.2/1999)
13.	Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor	

CADANGAN PEMBIAYAAN

Petender dikehendaki mengemukakan kredit pembekal atau peraturan perjanjian pinjaman bagi membiayai pembelian ini. Pinjaman tersebut seelok- eloknya hendaklah meliputi keseluruhan jumlah tender ini. Kemudahan kredit atau perjanjian pinjaman yang dicadangkan itu hendaklah menyebut perkara- perkara yang berikut:

i) Jenis kemudahan;

ii) jumlah pinjaman;

iii) tujuan;

iv) mata wang;

v) faedah;

vi) tempoh akhir matang;

vii) tempoh pengeluaran;

viii) jadual pembayaran;

ix) tempoh penangguhan;

x) bayaran bank: yuran pengurusan, yuran perkhidmatan, perbelanjaan dan lain-lain;

xi) dokumentasi;

xii) undang-undang tubuh;

xiii) tarikh mati/tamat/akhir tawaran (tarikh itu hendaklah bersamaan dengan tarikh sah laku tender; dan

xiv) syarat-syarat lain yang berkaitan.

(Versi Bahasa Inggeris)

FINANCIAL PROPOSAL

Tenderers are requested to submit a Supplier's credit or a loan arrangement agreement to finance this purchase. Preferably this loan should cover the total value of this tender. The proposed credit facility should state the following terms:

i) Type of facility;

ii) loan amount;

iii) purpose;

iv) currency;

v) interest;

vi) final maturity;

vii) drawdown period;

viii) repayment schedule;

ix) grace period;

x) bank charges, management fee, commitment fee, expenses, etc.;

xi) documentation;

xii) governing law;

xiii) expiry date of offer (this date should correspond to the validity date of tender); and

xiv) any other conditions.

CONTOH
JADUAL PELAKSANAAN TENDER

BIL.	JENIS AKTIVITI	TEMPOH MASA	Jan 2006				Feb 2006				Mac 2006				Apr 2006				Mei 2006			
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1.	Penyediaan Spesifikasi	30 hari																				
2.	Penyediaan Dokumen Tender	20 hari																				
3.	Iklan	min. 21 hari																				
4.	Pembukaan Peti Tender/Pamer Jadual Tender Di Papan Kenyataan	1 hari																				
5.	Semakan Ke Atas Tawaran Tender	14 hari																				
6.	Penilaian Tawaran Teknikal Penilaian Tawaran Kewangan	30 hari																				
7.	Penyediaan Kertas Taklimat Tender	21 hari																				
8.	Pertimbangan Lembaga Perolehan	1 hari																				
9.	Pengeluaran Surat Setuju Terima	2 hari																				

JADUAL TENDER
BEKALAN

(Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tender: ……
……

Tarikh Tender Ditutup	Jenis Tender	Kod/Bidang/Sub Bidang Yang Ditetapkan	Anggaran Jabatan
Tarikh : ……..	……	…….	...……..

Jam : ……..

Bil.	Nama Kontraktor	Barang-barang	Taraf		Harga *FOB*	Harga Bersih	Buatan	Tempoh Penyerahan	Tempoh Sah Laku	Tarikh Tamat Pendaftaran
			Pembuat/ Pembekal	Bumiputera/ Bukan Bumiputera						

Sebanyak ( ) tender yang telah diterima dan dibuka pada jam ……
seperti terjadual di atas.

..……
(Pengerusi)

……
(Ahli)

……..
(Ahli)

Tarikh : ……

JADUAL TENDER PERKHIDMATAN

(Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tender : ……
……

Tarikh Tender Ditutup	Jenis Tender	Kelas/Tajuk/Tajuk Kecil Yang Ditetapkan	Anggaran Jabatan
Tarikh : ……..	……	……	...……..

Jam : ……..

Bil.	Nama Kontraktor	Taraf (Bumiputera/Bukan Bumiputera)	Harga	Tempoh Sah Laku	Tarikh Tamat Pendaftaran

Sebanyak ( ) tender yang telah diterima dan dibuka pada jam ……
seperti terjadual di atas.

..……
(Pengerusi)

……
(Ahli)

……..
(Ahli)

Tarikh : ……

JADUAL TENDER KERJA

(Untuk Disediakan Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender)

Tender : ……
……..…

Tarikh Tender Ditutup	Jenis Tender	Kelas/Tajuk/Tajuk Kecil Yang Ditetapkan	Anggaran Jabatan
Tarikh : ……..	……	…….	...……..

Jam : ……..

Bil.	Nama Kontraktor	Kelas	Taraf (Bumiputera/Bukan Bumiputera)	Harga	Tempoh Siap

Sebanyak ( ) tender yang telah diterima dan dibuka pada jam ……
seperti terjadual di atas.

..……
(Pengerusi)

…….
(Ahli)

……..
(Ahli)

Tarikh : ……

JADUAL TENDER BEKALAN/PERKHIDMATAN

(Untuk Dipamer Di Papan Kenyataan)

Tajuk : ……
No. Tender : ……

Bil.	Kod Petender	Harga	Tempoh Penghantaran/ Penyiapan (Jika Berkenaan)

Sebanyak ( ) tender yang telah diterima dan dibuka pada jam …… seperti terjadual di atas.

Nota: Harga-harga tawaran di atas adalah harga yang tercatat dalam dokumen tender yang diterima dan sebelum diperiksa. Kerajaan adalah tidak terikat menerima tender terendah atau mana-mana tender.

..……
(Pengerusi)

…….
(Ahli)

……..
(Ahli)

Tarikh : ……

JADUAL TENDER KERJA

(Untuk Dipamer Di Papan Kenyataan)

Tajuk : …….
No. Tender : …….

Bil.	Kod Petender	Harga	Tempoh Siap (Jika Berkenaan)

Sebanyak ( ) tender yang telah diterima dan dibuka pada jam …… seperti terjadual di atas.

Nota: Harga-harga tawaran di atas adalah harga yang tercatat dalam dokumen tender yang diterima dan sebelum diperiksa. Kerajaan adalah tidak terikat menerima tender terendah atau mana-mana tender.

……..
(Pengerusi)

……..
(Ahli)

……..
(Ahli)

Tarikh : ……

GARIS PANDUAN PENILAIAN TENDER

i. Bekalan;
ii. Perkhidmatan; dan
iii. Kerja besar bagi projek secara konvensional bernilai melebihi RM10 juta dan projek secara *Design & Build*

Bahagian Perolehan Kerajaan
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENILAIAN TENDER

Keluaran
BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapat keuntungan sebelum mendapat izin bertulis daripada pengeluar.

Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 3, 4 dan 5, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

No. Tel : 03 – 8882 3265
No. Faks : 03 – 8882 4352

PENDAHULUAN

Garis Panduan ini bertujuan memberi panduan umum dan sebagai rujukan bagi semua Kementerian dan agensi Kerajaan dalam melaksanakan proses penilaian tender. Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan proses penilaian tender dapat dilaksanakan dengan lebih teratur bagi menjamin ketelusan serta nilai faedah terbaik *(best value for money)* kepada Kerajaan. Ia juga diharap dapat memberi pengetahuan dan maklumat berguna dalam merealisasikan tatacara kerja yang lebih cekap dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi dan profesionalisma perkhidmatan awam dalam proses pembangunan negara.

BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
PUTRAJAYA

Januari 2008

KATA-KATA ALUAN

Sejajar dengan pengumuman Rancangan Malaysia Ke - 9 oleh YAB PM yang menggariskan arah pembangunan negara bagi tempoh 2006 hingga 2010, adalah wajar setiap pihak mengambil inisiatif dan langkah bagi memastikan kejayaan rancangan tersebut. Kegagalan bukan merupakan satu opsyen. Kejayaan RMKe-9 antara lain banyak bergantung kepada kecekapan menguruskan perolehan tender bagi projek-projek yang dirancangkan.

Sehubungan itu, bagi memastikan semua projek di bawah RMKe-9 dapat dilaksanakan dengan segera, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan mengeluarkan buku Garis Panduan Penilaian Tender ini bagi memperjelaskan proses dan aliran kerja tender berasaskan peraturan yang berkuat kuasa.

Garis panduan ini mengandungi maklumat secara umum mengenai tatacara perolehan secara tender dan boleh dijadikan rujukan yang mudah dirujuk oleh pegawai Kerajaan terutamanya yang terlibat dalam urusan tender agensi masing-masing. Adalah diharapkan dengan terbitnya garis panduan ini, pegawai agensi akan dapat menguruskan tender dengan lebih cekap dan teratur.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

29 Januari 2008

SENARAI KANDUNGAN

Kandungan Muka Surat

Sistem Perolehan Kerajaan 1
1. Objektif Perolehan Kerajaan 1
2. Prinsip-prinsip Perolehan 1
3. Jenis Perolehan 1

Perolehan Secara Tender 2
4. Had Nilai Tender 2
5. Kerja 2
6. Bekalan 5
7. Perkhidmatan 6

Proses Perolehan Secara Tender 6
8. Perancangan Tender 6
9. Urus Setia Perolehan/Pegawai Proses Tender 6
10. Jawatankuasa-jawatankuasa Proses Tender 8
11. Penyediaan Spesifikasi 9
12. Penyediaan Dokumen Tender 11
13. Pengiklanan Tender 12
14. Peti Tawaran Tender 14
15. Anggaran Jabatan 14
16. Pembukaan Peti Tawaran Tender 14
17. Panduan Penilaian Tender 15
18. Etika Penilaian 16
19. Peraturan Meminta Penjelasan Tender 16

Kandungan Muka Surat

Penilaian Tender Bekalan Dan Perkhidmatan 17
20. Tugas Jawatankuasa Penilaian Teknikal 17
21. Penilaian Teknikal Peringkat Pertama – Pematuhan Kepada Spesifikasi/Syarat Wajib 18
22. Penilaian Teknikal Peringkat Kedua – Pematuhan Kepada Spesifikasi Am..... 19
23. Tugas Jawatankuasa Penilaian Harga 24

Penilaian Tender Kerja 28
24. Jawatankuasa Penilaian Tender Kerja 28
25. Maklumat-Maklumat Yang Diperlukan Untuk Penilaian..... 29
26. Penilaian Peringkat Pertama..... 33
27. Penilaian Peringkat Kedua - Penilaian Keupayaan Petender..... 39
28. Penilaian Peringkat Ketiga - Tender Yang Paling Menguntungkan Untuk Diperakukan..... 51
29. Proses-Proses Penilaian..... 54
30. Laporan Penilaian..... 59
31. Penyediaan Kertas Taklimat Tender..... 59
32. Lembaga Perolehan 60
33. Perkara-Perkara Yang Perlu Diteliti Oleh Ahli Lembaga Perolehan Setelah Menerima Kertas Taklimat Tender 62
34. Perkara-perkara Yang Boleh Dilaksanakan Oleh Ahli Lembaga Perolehan 62
35. Keputusan Tender..... 63
36. Proses Kerja dan Carta Aliran Perolehan Secara Tender 63

Kandungan Muka Surat

Lampiran A
Carta Aliran Tender Terbuka Bagi Perolehan Kerja 65

Lampiran B
Carta Aliran Tender Terbuka Bagi Perolehan Bekalan/Perkhidmatan 69

Lampiran C
Carta Aliran Tender Terhad Bagi Perolehan Kerja 73

Lampiran D
Carta Aliran Tender Terhad Bagi Perolehan Bekalan/Perkhidmatan 78

Lampiran E
Carta Aliran Pra Kelayakan (*Pre-Q*) Bagi Tender Kerja 83

Lampiran F1
Contoh Laporan Penilaian Teknikal Untuk Tender Perkhidmatan 87

Lampiran F2
Contoh Laporan Penilaian Harga Untuk Tender Perkhidmatan .. 97

Lampiran G1
Contoh Laporan Penilaian Teknikal Untuk Tender Bekalan 102

Lampiran G2
Contoh Laporan Penilaian Harga Untuk Tender Bekalan 129

Lampiran H
Contoh Kertas Taklimat Tender (Perkhidmatan) 135

Lampiran I
Contoh Kertas Keputusan Tender (Perkhidmatan) 146

Lampiran J
Contoh Kertas Taklimat Tender (Bekalan) 147

Lampiran K
Contoh Kertas Keputusan Tender (Bekalan) 158

Lampiran L
Contoh Kertas Taklimat Tender (Kerja) 159

Lampiran M
Contoh Kertas Keputusan Tender (Kerja) 173

SISTEM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Objektif Perolehan Kerajaan

Objektif perolehan Kerajaan adalah untuk memastikan semua perolehan Kerajaan diuruskan secara terbaik dan paling menguntungkan (*best value for money*).

2. Prinsip-prinsip Perolehan

a. Akauntabiliti awam;
b. Diuruskan secara telus (*transparent*);
c. Nilai faedah terbaik (*best value for money*);
d. Saingan terbuka; dan
e. Adil dan saksama.

3. Jenis Perolehan

Perolehan Kerajaan dibahagikan kepada 3 jenis iaitu kerja, bekalan dan perkhidmatan.

a. Kerja

Perolehan kerja melibatkan kerja-kerja pembinaan sivil seperti bangunan, lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, tapak kawasan, empangan air dan kerja perparitan serta juga merangkumi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal.

Syarikat yang ingin menyertai perolehan kerja perlu berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelas dan gred yang berkaitan.

b. Bekalan

Perolehan bekalan merangkumi barangan/peralatan yang dibekalkan bagi menjalankan sesuatu program, aktiviti atau projek Kerajaan seperti makanan, pakaian, kenderaan dan kelengkapan pejabat.
Syarikat yang ingin menyertai perolehan bekalan perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

c. Perkhidmatan

Perolehan perkhidmatan tidak termasuk perkhidmatan perunding adalah ditafsirkan sebagai khidmat tenaga manusia atau kepakaran untuk melaksanakan dan menyiapkan sesuatu projek tertentu.

Perkhidmatan adalah meliputi perkhidmatan seperti pengendalian kursus dan latihan, penyenggaraan dan pembaikan, pencucian dan pembersihan, penyewaan dan pengurusan bangunan, pengiklanan, pengangkutan dan sebagainya.

Syarikat yang ingin menyertai perolehan perkhidmatan perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

PEROLEHAN SECARA TENDER

4. Had Nilai Tender

Semua perolehan sama ada kerja, bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM200,000 setahun hendaklah dipelawa secara tender.

5. Kerja

Sebelum sesuatu tender kerja dipelawa, Agensi hendaklah:-

a. Mengkhaskan semua perolehan kerja yang bernilai RM200,000 ke bawah kepada kontraktor kelas G1;

b. Mengagihkan sekurang-kurangnya 50% daripada kerja-kerja yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM350,000 untuk ditandingi di kalangan kontraktor Bumiputera;

c. Memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada nilai keseluruhan kerja tahunan untuk ditandingi di kalangan kontraktor Bumiputera sahaja;

d. Merujuk kepada Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya Malaysia/Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia) bagi melaksanakan semua perolehan kerja di bawah peruntukan

Persekutuan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 182 dan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Seterusnya jika Agensi mendapat kebenaran/pengecualian di bawah AP182 untuk melaksanakan perolehan kerja dan perlu menggunakan perkhidmatan perunding, Agensi hendaklah melantik perunding bagi melaksanakan skop perundingan mengikut bidang yang berkaitan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.

e. Pelawaan tender kerja hendaklah dibuat kepada syarikat-syarikat berdasarkan had kewangan seperti berikut:

i. Tender kerja yang dianggarkan bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat yang seratus peratus (100%) milik warganegara.

ii. Tender kerja yang dianggarkan bernilai antara RM30 juta hingga RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:

- syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau

- syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuh dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara <u>dengan syarat</u> pegangan saham individu asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) dan lembaga pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai seratus peratus (100%) oleh warganegara.

ii. Tender kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:

- syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau

- syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau

- syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di BSKL atau tidak) <u>dengan syarat</u> pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus

(49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

f. Semua tender hendaklah dipelawa secara tempatan.

g. Tender antarabangsa boleh dipelawa bagi kerja yang memerlukan kepakaran khusus yang tidak boleh diperolehi secara tempatan atau dibiayai daripada pihak pinjaman luar yang mengenakan syarat tender antarabangsa.

h. Pelawaan tender kerja hendaklah dibuat di kalangan kontraktor yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan) mengikut kelas dan had seperti berikut :

KONTRAKTOR KERJA
KATEGORI BANGUNAN/AWAM/MEKANIKAL

Gred	**Had Nilai Perolehan Kerja**
G1	RM200,000 dan ke bawah
G2	Melebihi RM200,000 hingga RM500,000
G3	Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM1,000,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM3,000,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM5,000,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM10,000,000

KONTRAKTOR KERJA
KATEGORI ELEKTRIK

Gred	**Had Nilai Perolehan Kerja**
G1	Sehingga RM200,000
G2	Sehingga RM500,000
G3	Sehingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM200,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM200,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM200,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM200,000 dan ke atas

Bagi perolehan kerja mekanikal seperti di Jadual 1 di bawah, sebut harga/tender hendaklah dipelawa daripada gred asal

(berdasarkan anggaran nilai kerja mekanikal oleh Jabatan) sehingga gred G7.

Jadual 1

Sistem Mekanikal (Kategori ME)	Pengkhususan
Lift/ Dumbwaiter/ Escalators System	M03
Medical Gases Pipeline Systems	M06
Sterilizers and Associated Equipment	M06
Boilers/ Calorifiers/ Hot Water Reticulation System	M18
Building Management System/ Building Automation System/ Building Supervisory System	M04
Kitchen Equipment & LPG System	M07 & B20
Laboratory Equipment	M06
Pneumatic Tube System	M15
Dental Chair System	M06/MOF050102

6. Bekalan

Bagi perolehan bekalan yang bernilai melebihi RM200,000 agensi hendaklah mempelawa tender.

Tender tempatan hendaklah dipanggil bagi semua perolehan bekalan yang boleh didapati di dalam negeri.

Tender antarabangsa hanya boleh dipelawa bagi perolehan bekalan yang tidak boleh diperolehi di dalam negeri atau perolehan yang dibiayai daripada pihak pinjaman luar yang mengenakan syarat tender antarabangsa.

7. Perkhidmatan

Bagi perolehan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000 agensi hendaklah mempelawa tender.

Tender untuk perkhidmatan hendaklah dipelawa secara tempatan. Walau bagaimanapun tender antarabangsa hanya boleh dipelawa bagi perolehan perkhidmatan yang tidak boleh diperolehi di dalam negeri atau perolehan yang dibiayai daripada pihak pemberi pinjam luar yang mengenakan syarat tender antarabangsa.

PROSES PEROLEHAN SECARA TENDER

8. Perancangan Tender

Perancangan tender penting untuk menentukan supaya perolehan dilaksanakan mengikut jadual berdasarkan pemilihan yang tepat ke atas syarikat dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:-

a. produk;
b. kualiti;
c. kuantiti;
d. masa; dan
e. harga.

Agensi hendaklah menyediakan carta/jadual perancangan/ pelaksanaan bagi menentukan jangkaan proses tender termasuk tempoh menyediakan spesifikasi, pengiklanan, penilaian, keputusan tender, penyediaan dokumen kontrak dan pemantauan projek sehingga selesai.

Agensi hendaklah memastikan keperluan sebenar barangan berdasarkan pegangan stok dan peruntukan yang mencukupi sebelum mempelawa tender.

9. Urus Setia Perolehan/Pegawai Proses Tender

Agensi hendaklah menubuhkan Urus Setia untuk mengendalikan tender-tender yang dipelawa. Urus Setia boleh terdiri daripada beberapa pegawai atau seorang pegawai (*desk officer*).

Tugas-tugas Urus Setia termasuk:

a. Menyediakan carta/jadual perancangan/pelaksanaan bagi menentukan jangkaan proses tender termasuk tempoh menyediakan spesifikasi, pengiklanan, penilaian serta keputusan tender;

b. Menyediakan spesifikasi tender dan dokumen tender;

c. Mengiklan tender dan menjual dokumen tender;

d. Menguruskan perlantikan Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan oleh Ketua Jabatan;

e. Menyediakan peti tender dengan dilabelkan dengan tajuk, tarikh dan waktu tutup tender serta dikunci dengan kemas;

f. Menerima dokumen tender dan Jadual Tender daripada Jawatankuasa Pembuka Tender;

g. Mempamerkan Jadual Tender di papan kenyataan agensi di tempat yang mudah dilihat oleh orang awam bagi tempoh sekurang-kurangnya dua (2) minggu;

h. Mengedarkan dokumen tender untuk penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan;

i. Menerima laporan-laporan penilaian teknikal dan kewangan dan menyatukan/merangkumkan laporan-laporan tersebut dan membuat syor;

j. Menyediakan Kertas Taklimat Tender dan mengemukakannya kepada Urus Setia Lembaga Perolehan;

k. Memperolehi keputusan Lembaga Perolehan;

l. Menyediakan dan menghantar Surat Niat atau Surat Setuju Terima kepada kontraktor yang berjaya dipilih;

m. Sekiranya Surat Niat dikeluarkan, maka rundingan hendaklah dibuat dengan mencatatkan segala persetujuan dan seterusnya menyediakan dan menghantar Surat Setuju Terima jika perubahan-perubahan telah dipersetujui; dan

n. Menguruskan kontrak untuk ditandatangani.

Urus Setia Lembaga Perolehan

Agensi hendaklah menubuhkan Urus Setia Lembaga Perolehan yang bertanggungjawab menguruskan penyediaan dan perjalanan mesyuarat Lembaga Perolehan serta melaksanakan keputusan Lembaga Perolehan.

Tugas-tugas Urus Setia Lembaga Perolehan adalah:

a. Menerima kertas-kertas taklimat tender;

b. Membawa/membentang kertas-kertas tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan;

c. Memperolehi tandatangan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Perolehan di Borang Keputusan Lembaga Perolehan setiap kali mesyuarat Lembaga Perolehan tamat;

d. Menyediakan minit mesyuarat Lembaga Perolehan; dan
e. Memaklumkan Urus Setia Perolehan/Pegawai Proses Tender di agensi/bahagian mengenai keputusan Lembaga Perolehan.

10. Jawatankuasa-jawatankuasa Proses Tender

Agensi hendaklah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu untuk proses tender yang teratur dan sempurna. Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat ialah:

a. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi

Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi hendaklah menyediakan spesifikasi teknikal bagi setiap perolehan yang hendak dibuat.

Ahli jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkelayakan di dalam bidang berkenaan termasuk wakil-wakil daripada agensi lain yang berkaitan.

Ketika menyediakan spesifikasi, Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi hendaklah juga menyediakan kriteria-kriteria penilaian teknikal bersekali dengan wajaran/skim pemarkahan untuk panduan Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Ini adalah kerana sebarang penilaian hendaklah

berasaskan spesifikasi yang telah ditetapkan semasa pelawaan tender.

b. Jawatankuasa Penilaian Teknikal

Ahli jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan mengenai barangan/ perkhidmatan tersebut. Sekiranya agensi Kerajaan tidak mempunyai kepakaran dalaman maka kepakaran dari jabatan-jabatan teknik/pakar yang lain boleh digunakan seperti Jabatan Kimia, Jabatan Haiwan, MAMPU, dan sebagainya.

c. Jawatankuasa Penilaian Harga

Jawatankuasa Penilaian Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai yang mahir atau berpengalaman dalam bidang tersebut, di mana salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi atau Jawatankuasa Penilaian Teknikal tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Harga.

11. Penyediaan Spesifikasi

Spesifikasi yang tepat perlu disediakan bagi membolehkan syarikat mendapat gambaran yang jelas mengenai kehendak-kehendak Kerajaan dalam sesuatu perolehan. Penyediaan spesifikasi hendaklah mengambil kira ciri-ciri berikut :

a. Spesifikasi tidak boleh menjurus kepada sesuatu jenama atau buatan. Sekiranya ini tidak dapat dielakkan, ungkapan "atau persamaan" hendaklah digunakan;

b. Spesifikasi hendaklah dibuat berasaskan fungsi penggunaan dan memenuhi Standard Malaysia (MS) atau Standard Antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan;

c. Spesifikasi yang disediakan hendaklah ditandaaraskan (*benchmark*) kepada barangan buatan tempatan yang memenuhi piawaian yang diiktiraf; dan

d. Bagi perolehan kerja kontraktor hendaklah diwajibkan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang dinyatakan di dalam senarai bahan/barangan binaan tempatan yang dikeluarkan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd. Manakala bagi perolehan bekalan agensi hendaklah merujuk kepada senarai bahan/barangan buatan tempatan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS Sdn Bhd.

12. Penyediaan Dokumen Tender

a. Kandungan Dokumen Tender

Dokumen tender merupakan dokumen penting yang akan menentukan dan menjelaskan keperluan terperinci agensi. Agensi hendaklah menyediakan dokumen tender yang lengkap bagi memastikan proses tender berjalan dengan licin dan teratur.

Dokumen tender hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

i. arahan kepada petender;
ii. borang tender;
iii. spesifikasi;
iv. surat setuju terima tender;
v. terma-terma kontrak/dokumen perjanjian;
vi. senarai kuantiti/ringkasan tender;
vii. jadual kadar harga;
viii. lukisan teknikal/pelan;
ix. tempat penghantaran;
x. cadangan pemindahan teknologi;
xi. prestasi/trek rekod;
xii. profail dan kedudukan kewangan petender; dan
xiii. perkara-perkara lain yang berkaitan.

b. Penjualan Dokumen Tender

Setiap dokumen tender hendaklah dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan. Kadar minimum yang dikenakan kepada petender adalah RM50 bagi satu (1) set dokumen tender mengikut harga semuka dokumen yang ditetapkan.

Bagi tender yang mempunyai s*ecurity drawing* atau s*ecurity document* deposit sebanyak RM5,000 hendaklah dikenakan.

Bagi tender antarabangsa, deposit tender hendaklah dikenakan mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan.

Bagi syarikat tempatan yang mendapat pengecualian daripada pendaftaran, deposit tender hendaklah dikenakan sebanyak 2.5% daripada harga tawarannya atau maksimum RM10,000. Semua deposit tender hendaklah dalam bentuk draf bank/jaminan bank.

Bayaran ke atas dokumen tender hendaklah dibuat dengan draf bank dari bank-bank yang beroperasi di Malaysia atau kiriman pos dalam Ringgit Malaysia yang dipalang dan dibayar atas nama Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan/Ketua Badan-Badan Berkanun yang berkenaan.

13. Pengiklanan Tender

a. Publisiti tender

Semua pelawaan tender hendaklah diberi publisiti yang seluas-luasnya supaya semua pembekal yang *bona fide* berpeluang menyertai tender dan membolehkan Kerajaan mendapat tawaran yang terbaik.

Semua pelawaan tender hendaklah diiklankan dalam portal MyPROCUREMENT. Kandungan iklan tender hendaklah jelas, kemas, ringkas dan tidak mendatangkan apa-apa keraguan atau pembaziran.

Tender tempatan hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama berbahasa Melayu. Bagi tender antarabangsa sekurang-kurangnya di dalam dua akhbar di mana satu berbahasa Melayu dan satu lagi berbahasa Inggeris (AP 172).

b. Kandungan Iklan Tender

Iklan tender hendaklah menyatakan:-

i. jabatan yang memanggil tender;
ii. tajuk tender yang diiklankan;
iii. jenis tender sama ada tender terbuka/khas Bumiputera dan sebagainya;
iv. syarat-syarat layak memasuki tender iaitu pendaftaran dengan Kementerian Kewangan bagi bekalan/ perkhidmatan dan CIDB bagi kerja;
v. tempat, tarikh dan masa dokumen dijual;
vi. harga, cara dan jawatan penerima bayaran dokumen tender; dan
vii. tempat, tarikh dan waktu tender diterima dan ditutup.

c. Edaran Kenyataan Tender

Agensi adalah bertanggungjawab untuk memasukkan/ menghantar sesalinan kenyataan tender yang diiklankan ke dalam laman web masing-masing dan pautan (*hyperlink*) kepada laman web *MyGovernment Portal* [www.gov.my].

d. Tempoh Pelawaan Tender

Tempoh minimum pelawaan tender adalah seperti berikut:

i. 21 hari bagi tender tempatan
ii. 56 hari bagi tender antarabangsa

Tarikh tender ditutup hendaklah dikira dari tarikh dokumen tender mula dijual. Bagi tender yang melibatkan lawatan tapak/premis, agensi hendaklah memastikan bahawa tarikh tutup tender hendaklah dikira dari tarikh lawatan yang ditetapkan.

e. Masa Tutup Tender

Agensi mestilah menetapkan jam 12.00 tengahari pada hari tawaran ditutup sebagai waktu akhir untuk menerima dokumen tender daripada petender.

Tawaran tender yang dihantar selepas dari masa dan tarikh tutup tidak boleh dipertimbangkan dalam apa jua keadaan.

f. Tender Pra-Kelayakan

Bagi sesuatu tender yang dilaksanakan secara pra-kelayakan, agensi hendaklah terlebih dahulu mengiklan tender untuk menjemput kontraktor yang berkelayakan untuk memasuki tender pra-kelayakan tersebut. Tatacara pengiklanan hendaklah mengikut peraturan seperti di para 13(a), 13(b), 13(c), 13(d) dan 13(e) di atas. Kontraktor yang berminat boleh membeli dokumen yang menerangkan ciri-ciri dan kelayakan syarikat yang boleh dan layak untuk memasuki tender berkenaan. Jika perlu, satu taklimat hendaklah juga diadakan.

Seterusnya dokumen tender hanya dijual kepada syarikat yang telah lulus penilaian dan disenaraipendekkan oleh Lembaga Perolehan/Perbendaharaan mana yang berkenaan. Tempoh tawaran tender adalah sama seperti di para 13(d) di atas.

14. Peti Tawaran Tender

Peti tawaran tender hendaklah disediakan dan diletakkan di tempat yang strategik bagi memudahkan syarikat mengemukakan tawaran tender.

Semua peti tawaran tender hendaklah dilabelkan dengan tajuk, tarikh dan waktu tutup tender.

Peti tawaran tender hendaklah dikunci dengan dua kunci yang berbeza dan anak kuncinya hendaklah dipegang secara berasingan oleh dua pegawai.

Peti tawaran tender hendaklah ditutup pada waktu yang ditetapkan dan dilakri.

15. Anggaran Jabatan

Agensi hendaklah menyediakan harga anggaran jabatan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tender sebelum peti tawaran tender berkenaan ditutup.

16. Pembukaan Peti Tawaran Tender

Selepas tender ditutup, peti tawaran tender hendaklah dibuka secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada 3 hari oleh satu Jawatankuasa Pembuka Tender. Sekiranya peti tawaran tender tidak dapat dibuka dalam tempoh tersebut kebenaran Ketua Jabatan hendaklah diperolehi.

a. **Keahlian Jawatankuasa Pembuka Tender**

i. Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) pegawai yang mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional;

ii. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan; dan

iii. Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah berlainan daripada Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender.

b. Tugas Jawatankuasa Pembuka Tender

i. Membuka peti tawaran tender pada waktu dan tarikh yang ditetapkan;

ii. Membuka setiap tawaran tender dan memberi nombor kod pengenalan bersiri kepada setiap tawaran yang diterima;

iii. Membuat senarai semakan ke atas semua dokumen yang disyaratkan yang dikemukakan oleh syarikat;

iv. Menyedia dan melengkapkan borang Jadual Tender dengan mencatatkan nama petender, tawaran harga ditender, tempoh siap atau tempoh penyerahan dan seterusnya menandatangani borang tersebut. Nama dan jawatan semua ahli jawatankuasa hendaklah dicatatkan di borang Jadual Tender;

v. Menandatangani ringkas pada helaian yang menyatakan harga dan apa-apa pindaan tulisan atau taipan dalam dokumen tender;

vi. Memastikan bahawa tawaran harga dan tawaran teknikal yang dikemukakan dalam dua sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi tender bekalan dan perkhidmatan;

vii. Memastikan bahawa nama petender tidak tercatat di dalam dokumen spesifikasi teknikal petender. Sekiranya terdapat nama/tanda syarikat dalam dokumen teknikal maka ianya perlu dicatatkan dalam borang jadual tender; dan

viii. Borang Jadual Tender hendaklah dipamerkan di papan tanda yang mudah dilihat oleh orang awam sekurang-kurangnya bagi tempoh dua minggu.

17. Panduan Penilaian Tender

Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.

Penilaian tender bekalan, perkhidmatan dan kerja berasaskan *Design and Build* hendaklah dibuat oleh 2 jawatankuasa yang berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Manakala penilaian tender kerja, selain daripada tender yang berasaskan konsep *Design and Build*, bolehlah dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilaian sahaja.

Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga masing-masingnya hendaklah mengkaji semua dokumen tender yang diterima sebelum syor dibuat kepada Lembaga Perolehan. Tawaran tender yang paling menguntungkan kerajaan hendaklah disyorkan.

18. Etika Penilaian

Etika Am Bagi Jawatankuasa Penilaian :

i. Penilaian dibuat secara objektif, adil dan saksama;
ii. Penilaian dibuat berasaskan penilaian yang seragam/sama;
iii. Bebas daripada pengaruh luar;
iv. Memastikan tiada kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak;
v. Segala maklumat adalah dirahsiakan;
vi. Penilaian dibuat secara bermesyuarat;
vii. Mengetahui dan jelas tentang kandungan Arahan Kepada Petender; dan
viii. Segala perakuan penilaian dicatatkan dengan jelas dan terperinci.

Etika Penilaian Khusus Bagi Jawatankuasa Teknikal:

i. Ahli tidak boleh mengetahui nama petender;
ii. Ahli tidak boleh mengetahui harga tawaran;
iii. Memahami spesifikasi yang disediakan;
iv. Mengetahui dan jelas tentang kandungan Arahan Kepada Petender; dan
v. Penilaian dibuat berdasarkan maklumat-maklumat yang terdapat dalam dokumen tawaran tender sahaja.

19. Peraturan Meminta Penjelasan Tender

Sekiranya Jawatankuasa Penilaian memerlukan sebarang kepastian/ keterangan (*clarification*) berkaitan maklumat-maklumat di dalam dokumen tender, Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah mendapat kebenaran bertulis Pengerusi Lembaga Perolehan terlebih dahulu. Penjelasan tersebut hendaklah diuruskan oleh Urus Setia Tender secara bertulis. Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender adalah dilarang menghubungi syarikat tanpa kebenaran bertulis Pengerusi Lembaga Perolehan.

PENILAIAN TENDER BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

20. Tugas Jawatankuasa Penilaian Teknikal

Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan mengenai perolehan barangan/ perkhidmatan tersebut. Penilaian ini perlu dilakukan dengan terperinci bagi memastikan penilaian yang dibuat adalah berasaskan kepada spesifikasi yang ditender. Penilaian hendaklah dibuat secara fizikal dan secara mesyuarat.

Penilaian hendaklah mengambil kira antara lain perkara-perkara berikut:

i. Pematuhan kepada spesifikasi yang telah ditetapkan;
ii. Keupayaan/kapasiti maksimum dan minimum;
iii. Pematuhan kepada keperluan mandatori;
iv. Tatacara ujian (*methods of tests/test protocol*);
v. Pemilikan loji dan peralatan asas yang utama yang terbukti beroperasi untuk tahap minima;
vi. Kepantasan (s*peed)*;
vii. Pematuhan kepada ciri-ciri keselamatan wajib;
viii. Pematuhan kepada keutamaan teknikal, contoh: *equipment rating*;
ix. Mempunyai sijil ujian/pengesahan standard;
x. Keputusan ujian untuk ujian kualiti (*quality control*);
xi. Jangka hayat dan faktor keupayaan;
xii. Memenuhi keperluan pengguna dan berkualiti;
xiii. Keputusan ujian dan analisa;
xiv. Pematuhan kepada Standard Malaysia (MS) atau Standard Antarabangsa; dan

xv. Pematuhan penggunaan bahan/barangan tempatan yang disenaraikan dalam senarai bahan/barangan binaan tempatan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd dan senarai bahan/barangan buatan tempatan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS Sdn Bhd.

Penilaian teknikal ke atas tender bekalan dan perkhidmatan boleh dijalankan dalam dua peringkat iaitu:

i. Penilaian Peringkat Pertama

Penilaian berasaskan pematuhan kepada beberapa ciri spesifikasi wajib yang telah ditetapkan dalam dokumen spesifikasi teknikal bagi menentukan sama ada petender layak dipertimbangkan untuk peringkat penilaian seterusnya. Sekiranya tiada ciri spesifikasi wajib ditetapkan semasa penyediaan dokumen spesifikasi teknikal, proses penilaian bolehlah diteruskan ke peringkat kedua.

ii. Penilaian Peringkat Kedua

Penilaian peringkat ini adalah berasaskan spesifikasi am seperti yang ditetapkan dalam dokumen spesifikasi teknikal. Penilaian ini dibuat berasaskan satu sistem pemarkahan (*point system*) dan penentuan markah dibuat secara objektif dan kuantitatif bagi setiap kriteria serta wajaran penilaian yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi atau Jawatankuasa Penilaian Teknikal di peringkat awal sebelum proses penilaian dijalankan.

21. Penilaian Teknikal Peringkat Pertama – Pematuhan Kepada Spesifikasi/Syarat Wajib

a. Penilaian di peringkat ini merupakan satu proses untuk menyenarai pendek petender-petender yang mematuhi spesifikasi wajib yang ditetapkan. Untuk tujuan ini, semakan boleh dilakukan ke atas kecukupan dokumen teknikal terutamanya yang melibatkan spesifikasi wajib seperti katalog, sampel produk, maklumat dan manual produk atau dokumen/syarat yang lain yang ditetapkan. Kegagalan petender mengemukakan dokumen teknikal yang melibatkan spesifikasi/syarat wajib seperti yang ditetapkan oleh Agensi, boleh mengakibatkan tender tersebut tidak dipertimbangkan.

b. Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah menyemak dan memastikan setiap spesifikasi/syarat wajib dipenuhi dan dipatuhi oleh petender-petender berdasarkan maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh petender. Pematuhan kepada spesifikasi/syarat wajib hendaklah ditandakan pada dua kedudukan sahaja sama ada mematuhi atau tidak mematuhi tanpa kompromi. Oleh itu, Jawatankuasa Penyediaan Spesfikasi perlu berhati-hati dan mengkaji secara mendalam kemampuan bakal petender mematuhi syarat tersebut sebelum meletakkan spesifikasi/syarat wajib semasa di peringkat penyediaan spesifikasi lagi.

c. Selepas semakan dibuat, petender yang melepasi peringkat penilaian pertama ini layak untuk dipertimbangkan untuk proses penilaian di peringkat kedua. Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah menyediakan maklumat lengkap pematuhan spesifikasi/syarat wajib termasuk meletakkan tahap atau maklumat terperinci barangan/perkhidmatan tersebut bukan sekadar dilabel/ditanda mematuhi dan tidak mematuhi. Maklumat ini penting terutama tahap atau maklumat yang mengakibatkan kegagalan petender tersebut mematuhi spesifikasi/syarat wajib yang ditetapkan seperti jadual di bawah:

Kod Petender	Spesifikasi Wajib (Nyatakan sama ada mematuhi spesifikasi / syarat wajib)	Catatan (tahap atau maklumat terperinci)
1/5	M	
2/5	T	
3/5	M	
4/5	M	
5/5	T	

Nota: M - Mematuhi
T - Tidak Mematuhi

22. Penilaian Teknikal Peringkat Kedua – Pematuhan Kepada Spesifikasi Am

a. Proses penilaian teknikal di peringkat kedua adalah di kalangan petender-petender yang melepasi penilaian peringkat pertama sekiranya terdapat spesifikasi/syarat wajib ditetapkan oleh Agensi. Proses penilaian di peringkat kedua ini akan mengukur dan menilai ke atas pematuhan petender kepada spesifikasi am.

b. Secara asasnya, tahap ketepatan bagi sesuatu tawaran diklasifikasikan sebagai salah satu yang berikut:

Tahap	Ciri Ketepatan
I	Tawaran yang melebihi had spesifikasi dan kelebihan tersebut boleh memberi faedah atau keuntungan kepada pengguna.
II	Menepati spesifikasi, atau tawaran yang melebihi had spesifikasi tetapi kelebihan itu tidak diperlukan oleh pengguna.
III	Terdapat sedikit penyimpangan (*deviation*) dan ia tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan serius.
IV	Terdapat penyimpangan yang ketara dan ia boleh menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan dengan serius.
V	Tidak menepati spesifikasi atau tiada komitmen atau tidak mengemukakan katalog / maklumat untuk semakan.

c. Tahap ketepatan bagi tawaran yang telah diklasifikasikan di atas perlu dipindahkan melalui skim pemarkahan seperti jadual di bawah:

Tahap	I	II	III	IV	V
Markah	5	4	3	1	0

Sebagai alternatif, Agensi boleh menyediakan skim pemarkahan yang mempunyai jarak tidak setara di antara tahap, bagi tujuan pemarkahan yang lebih jelas. Namun begitu, Agensi perlu konsisten bagi sesuatu skim pemarkahan. Alternatif skim pemarkahan adalah seperti jadual di bawah:

Tahap	I	II	III	IV	V
Markah	7	6	4	2	0

d. Terdapat dua proses pemarkahan keseluruhan bagi setiap petender yang boleh digunakan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal bergantung kepada jenis perolehan dan tahap kompleksiti barangan atau perkhidmatan tersebut. Dua jenis proses pemarkahan keseluruhan yang boleh digunakan oleh Agensi adalah seperti berikut:

i. Skim Pemarkahan Terus

Skim Pemarkahan Terus ini adalah sesuai untuk perolehan yang tidak kompleks dan spesifikasi am barangan/perkhidmatan tersebut adalah pada tahap wajaran yang hampir sama. Cara pengiraan penilaian teknikal menerusi Skim Pemarkahan Terus adalah seperti berikut:

Petender 1/5						
Spesifikasi Am	Tahap (Markah)					
	I (5)	II (4)	III (3)	IV (1)	V (0)	Catatan
1. Ciri spesifikasi am 1		X				
2. Ciri spesifikasi am 2		X				
3. Ciri spesifikasi am 3	X					
Jumlah	5	8	0	0	0	Jumlah besar =13 Peratus= 13/15 = 86.67%

Proses menyediakan skim pemarkahan ini perlu diulang bagi setiap petender yang perlu dinilai. Catatan dimasukkan untuk menunjukkan ciri sebenar barangan/perkhidmatan tersebut berbanding spesifikasi am.

ii. Skim Pemarkahan Mengikut Keutamaan (*Weighted Point Evaluation Method* – WPEM)

Skim Pemarkahan Mengikut Keutamaan adalah sesuai untuk perolehan yang kompleks. Di samping itu, ciri-ciri spesifikasi am barangan/perkhidmatan tersebut mempunyai tahap kepentingan yang berbeza yang boleh ditentukan mengikut wajaran yang ditentukan

semasa penyediaan spesifikasi. Faedah penggunaan skim pemarkahan ini dapat menunjukkan perbezaan markah di antara spesifikasi-spesifikasi am yang berkait secara langsung dengan kepentingan kegunaan kepada Agensi yang dapat ditentukan melalui wajaran berdasarkan ciri-ciri berikut:

Kedudukan Wajaran	Ciri Wajaran Untuk Spesifikasi Am
5	Sangat Diperlukan Ciri spesifikasi yang perlu ada dan utama yang membolehkan pengguna mendapat kelebihan serta menerima faedah sepenuhnya.
4	Diperlukan Ciri spesifikasi yang diperlukan bagi membolehkan pengguna mendapat kelebihan dan menerima faedah.
3	Tahap Sederhana Diperlukan Ciri spesifikasi yang masih diperlukan pada tahap sederhana sahaja bagi faedah pengguna.
2	Kurang Diperlukan Ciri spesifikasi yang kurang diperlukan bagi pengguna dan sekiranya ada, ianya memberi kelebihan pada tahap minima. Ketiadaan spesifikasi ini masih tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan.
1	Tahap Pilihan Diperlukan Spesifikasi pilihan (ada atau tiada). Ketiadaan spesifikasi ini tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan serius.

Cara pengiraan penilaian teknikal menerusi Skim Pemarkahan Mengikut Keutamaan adalah seperti berikut:

Petender 3/8

Spesifikasi Am	Wajaran (1-5)	Tahap (Markah)					Nilai Wajaran	Catatan
		I (7)	II (6)	III (4)	IV (2)	V (0)		
1. Ciri spesifikasi am 2	5		X				30	
2. Ciri spesifikasi am 2	4		X				24	
3. Ciri spesifikasi am 3	3	X					15	
Jumlah Markah							=69 Peratus =69/84 =82.14%	

Proses menyediakan skim pemarkahan ini perlu diulang bagi setiap petender yang perlu dinilai. Catatan dimasukkan untuk menunjukkan ciri sebenar barangan/perkhidmatan tersebut berbanding spesifikasi am.

e. Selepas penilaian dibuat ke atas semua petender, Jawatankuasa Penilaian Teknikal perlu mengemukakan senarai petender-petender yang disokong mengikut keutamaan serta kedudukan dengan memberi perincian penilaian yang telah dibuat. Di samping itu, Jawatankuasa juga perlu mengemukakan senarai petender yang ditolak dan tidak disokong dengan turut mengemukakan perincian dan ulasan.

f. Tender Yang Diperakukan Mengikut Keutamaan dan Kedudukan

i. Pada prinsipnya tender yang paling menguntungkan Kerajaan untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima hendaklah tender yang lulus peringkat pertama dan kedua penilaian serta mendapat markah pada julat yang tinggi dalam penilaian teknikal.

ii. Jawatankuasa Penilaian Teknikal perlu memperakukan petender berdasarkan keutamaan

dan kedudukan markah yang diperolehi setelah proses penilaian teknikal selesai.

iii. Sekiranya Jawatankuasa perlu melaporkan dan mengesyorkan sesuatu perkara yang dirasakan penting termasuk pemilihan lebih daripada satu petender atau melaksanakan semula tender akibat hampir semua petender tidak melepasi penilaian tender, ianya perlu dimasukkan dalam Laporan Penilaian Teknikal bagi memudahkan Lembaga Perolehan membuat keputusan.

g. Segala maklumat, proses dan hasil penilaian teknikal yang dilaksanakan di atas (perenggan a – f) hendaklah dimasukkan dalam Laporan Penilaian Teknikal.

23. Tugas Jawatankuasa Penilaian Harga

Penilaian terhadap perincian harga petender yang dilakukan Jawatankuasa Penilaian Harga akan merangkumi dua aspek utama, iaitu:

a. Penilaian Harga Tender Bekalan dan Perkhidmatan

i. Jawatankuasa perlu membuat satu penganalisaan harga yang ditawarkan oleh petender berasaskan kesaksamaan dan harga pasaran terbuka. Untuk tujuan perbandingan, harga anggaran Jabatan yang disediakan perlu menunjukkan maklumat terperinci mengenai pecahan harga yang dijangkakan. Sekiranya Jawatankuasa mendapati harga anggaran dibuat pada harga pasaran yang lama, Jawatankuasa perlu mengambil inisiatif untuk menyemak semula harga pasaran terkini dengan disokong dokumen-dokumen yang berkaitan;

ii. Di dalam membuat penilaian harga sesuatu tender, faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh bayaran, diskaun dan sebagainya perlu diambil kira;

iii. Penilaian bagi pembelian harta modal seperti kenderaan, jentera berat, sistem maklumat dan lain-lain hendaklah berdasarkan kepada prinsip tawaran harga menyeluruh (*total cost bid*), yang bermaksud mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan/pemasangan, jaminan, penyelenggaraan dan lain-lain;

iv. Bagi tender yang melibatkan pelbagai item, analisis laris penggunaan (*fast moving item*) hendaklah juga dibuat; dan

v. Di samping itu, Jawatankuasa perlu mengambil kira kriteria-kriteria berikut berdasarkan maklumat lengkap harga yang dimasukkan oleh petender, jika berkaitan iaitu:

a. Kos pengangkutan dan pengendalian;

b. Harga tawaran yang lengkap dan tiada kesilapan dalam pengiraan. Sekiranya ada kesilapan pengiraan, Jawatankuasa perlu memaklumkan kesilapan pengiraan dan menyatakan pengiraan yang sepatutnya. Sekiranya terdapat kesilapan pengiraan oleh petender dan berlaku perbezaan harga di antara harga di dalam Bill Of Quantities (BQ)/Jadual Harga dan Borang Tender yang telah ditandatangani, harga di dalam Borang Tender hendaklah diguna pakai dalam menyusun harga petender;

c. Peratus keutamaan Bumiputera;

d. Harga FOB/CIF/*ex-stock* berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tender;

e. Harga seunit dan harga tawaran menyeluruh (*total bid cost*) yang mengambil kira harga alat ganti dan perkhidmatan selepas jualan;

f. Duti dan cukai;

g. Jadual penghantaran; dan

h. Jadual pembayaran.

b. Penilaian Keupayaan Kewangan Petender

Bagi menilai keupayaan kewangan syarikat terutamanya bagi tender yang besar (bernilai melebihi RM10 juta), penilaian ke atas kedudukan syarikat perlu dibuat. Ini bagi memastikan syarikat yang terpilih adalah berkeupayaan dan kukuh dari segi kedudukan kewangannya dalam menyempurnakan obligasi kontrak. Kegagalan untuk menyemak kedudukan

keupayaan kewangan petender boleh mengakibatkan perolehan lewat dilaksanakan dan risiko kegagalan petender untuk menyelesaikan obligasinya bagi sesuatu perolehan tersebut boleh berlaku.

Bagi tujuan penilaian ini, beberapa dokumen berkaitan kedudukan kewangan petender perlu diperolehi semasa dokumen tender dikemukakan, antara lain seperti:

i. Profil dan kedudukan kewangan petender yang mengandungi maklumat terperinci tentang latar belakang dan keupayaan kewangan petender;
ii. Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya;
iii. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai wang dalam tangan petender bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup tender;
iv. Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan petender termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan.

Kaedah Penilaian Keupayaan kewangan petender

i. Semakan terhadap dokumen-dokumen kewangan yang disediakan oleh petender boleh menunjukkan kedudukan kewangan petender berdasarkan analisis ke atas penyata kewangan seperti berikut:

Jenis Analisis Yang Sesuai	Tafsiran
i. Nisbah Semasa (*Current Ratio*) $= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	▪ Menunjukkan kedudukan aset semasa berbanding liabiliti semasa untuk menilai kecairan syarikat dan kebolehan membayar hutang jangka pendek ▪ Nilai nisbah yang lebih besar adalah lebih baik
ii. *Acid Test Ratio* atau *Quick Asset Ratio* $= \frac{\text{Tunai + Akaun Pemiutang}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	▪ Bagi menilai kecairan jangka masa singkat tanpa bergantung kepada hasil jualan daripada stok sedia ada.

	▪ Nilai nisbah yang lebih besar adalah lebih baik

Nota: Agensi juga boleh menggunakan analisis kewangan yang bersesuaian selain di atas untuk proses penilaian kedudukan kewangan petender

ii. Semakan ke atas penyata bulanan akaun bank berkaitan wang dalam tangan bagi 3 bulan terakhir sebelum tender ditutup boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan syarikat untuk menampung kos operasi syarikat. Sekiranya penyata tersebut menunjukkan keadaan positif (peningkatan wang masuk melebihi wang keluar) kedudukan syarikat tersebut adalah stabil.

iii. Di samping itu, Jawatankuasa Penilaian Harga boleh menyemak mengenai kemudahan kredit dari Bank/Institusi Kewangan sama ada telah digunakan sepenuhnya atau tidak. Sekiranya syarikat dapat menguruskan kemudahan kredit ini dengan baik, penilaian yang sewajarnya harus diberikan kepada petender berkenaan.

Semakan Am Berkaitan Petender

i. Jawatankuasa Penilaian Harga perlu menyemak kedudukan syarikat berdasarkan profail syarikat yang diberi. Semakan ini termasuk untuk menyemak sama ada sijil pendaftaran atau sijil taraf Bumiputera petender masih berkuat kuasa, kepakaran khusus petender perlu bersamaan dengan kod bidang pendaftaran syarikat.

ii. Selain itu, Jawatankuasa Penilaian Harga perlu menyemak perkara-perkara berikut:

   a. bilangan kakitangan yang akan terlibat bagi perolehan tersebut (untuk tender perkhidmatan);
   b. profail pekerja yang dicadangkan oleh petender bersesuaian dengan harga yang ditawarkan;
   c. prestasi kontrak perolehan semasa atau yang lepas, sekiranya ada; dan
   d. perkara-perkara lain yang berkaitan tentang syarikat atau perkara yang berkaitan mengenai tender berkenaan, sekiranya perlu.

Tender Yang Diperakukan Mengikut Keutamaan dan Kedudukan

i. Pada prinsipnya tender yang paling menguntungkan Kerajaan yang diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima hendaklah tender yang memberikan nilai faedah terbaik kepada Agensi berdasarkan proses penilaian yang telah dilakukan.

ii. Jawatankuasa Penilaian Harga perlu menyusun petender berdasarkan kedudukan harga dari terendah hingga seterusnya termasuk meletakkan anggaran Jabatan sebagai rujukan. Seterusnya, kedudukan harga petender perlu disusun berdasarkan petender yang harus diperakukan dan ditolak berdasarkan justifikasi-justifikasi yang berkaitan.

iii. Sekiranya Jawatankuasa perlu melaporkan dan mengesyorkan sesuatu perkara yang dirasakan penting termasuk pemilihan lebih daripada satu petender mengikut item berdasarkan prinsip faedah terbaik, ianya perlu dimasukkan dalam Laporan Penilaian Harga bagi memudahkan Lembaga Perolehan membuat keputusan.

Segala maklumat, proses dan hasil penilaian harga yang dilaksanakan di atas hendaklah dimasukkan dalam Laporan Penilaian Harga.

PENILAIAN TENDER KERJA

Penilaian tender kerja di bawah adalah bagi projek secara konvensional bernilai melebihi RM10 juta dan projek secara *Design & Build.*

24. Jawatankuasa Penilaian Tender Kerja

Penilaian tender kerja hendaklah dilakukan oleh satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh tidak kurang dari dua orang pegawai. Salah seorang ahli Jawatankuasa hendaklah Juru Ukur Bahan atau pegawai teknikal dalam bidang yang berkaitan.

Kaedah dan kriteria-kriteria penilaian yang telah ditetapkan bagi penilaian tender kerja hendaklah disediakan oleh jabatan serta dimasukkan ke dalam peti tender sebelum peti tender ditutup sebagai asas penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Tender Kerja.

Penilaian ke atas tender-tender kerja dijalankan dalam tiga peringkat iaitu:

iii. Penilaian Peringkat Pertama

Penilaian berasaskan kepada beberapa pra-syarat yang telah ditetapkan untuk menentukan sama ada petender layak dipertimbangkan untuk penilaian seterusnya.

iv. Penilaian Peringkat Kedua

Penilaian pra-kelayakan pos-tender untuk mengukur dan menentukan keupayaan petender melaksanakan dan menyiapkan projek yang ditender. Penilaian ini dibuat berasaskan satu sistem pemarkahan (*point system*) dan penentuan markah dibuat secara objektif dan kuantitatif bagi setiap kriteria penilaian.

v. Penilaian Peringkat Ketiga

Penilaian yang melibatkan pelarasan harga tender untuk mengambil kira tempoh penyiapan kerja yang ditawarkan dan juga kesan rendahan harga dan pendekan tempoh penyiapan ke atas keupayaan petender bagi menentukan tender yang paling menguntungkan untuk diperakukan.

25. Maklumat-Maklumat Yang Diperlukan Untuk Penilaian

a. Borang-Borang Maklumat

Penilaian tender memerlukan maklumat dan data-data berhubung dengan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal, memiliki loji/peralatan asas dan prestasi kerja semasa petender. Maklumat dan data-data ini hendaklah diperolehi daripada petender dengan lengkap semasa mengemukakan tender masing-masing. Borang-borang maklumat ini adalah:

Borang A	-	Surat pengakuan kesahihan maklumat dan dokumen yang dikemukakan.
Borang B	-	Maklumat Am Latar Belakang Petender.
Borang C	-	Data-data Kewangan.
Borang D	-	Rekod Pengalaman Kerja.
Borang E	-	Kakitangan Teknikal.

Borang F	-	Hakmilik Loji dan Peralatan Pembinaan Asas setelah diisi dengan senarai Loji dan Peralatan Asas.
Borang G	-	Senarai Kontrak Kerja Semasa.
Borang CA	-	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kedudukan Kewangan Petender.
Borang GA	-	Laporan Penyeliaan Projek Atas Prestasi Kerja Semasa Petender.
Borang GA1	-	Laporan Jurutera Projek Atas Prestasi Kerja Semasa Petender.

b. Dokumen-dokumen Sokongan

Bagi memastikan kesahihannya, maklumat dan data-data yang diterima daripada petender hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen sokongan berikut:

i. Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan oleh Juruaudit yang bertauliah bagi tahun kewangan terakhir, atau sekiranya tiada, salinan penyata kewangan syarikat bagi tahun kewangan setahun sebelumnya. Penyata kewangan syarikat bagi tahun-tahun terdahulu daripada tahun yang dinyatakan di atas, tidak boleh diterima. Penyata kewangan syarikat yang tidak diaudit oleh juruaudit bertauliah juga tidak boleh diterima.

ii. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan Petender bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup tender.

iii. Laporan bank/institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan petender dalam satu sampul berlakri.

iv. Salinan pengesahan/perakuan siap kerja bagi setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di Borang D.

v. Salinan penyata caruman KWSP bagi bulan caruman terakhir setiap pekerja atau salinan perjanjian

perkhidmatan Professional yang diambil berkhidmat secara kontrak disenaraikan di Borang E.

vi. Salinan sijil kelayakan setiap kakitangan teknikal kategori A dan B yang disenaraikan di Borang E.

vii. Salinan kad pendaftaran atau dokumen-dokumen yang lain yang membuktikan pemilikan petender atau perjanjian sewa pajak/sewa beli atas loji dan peralatan yang disenaraikan di Borang F.

viii. Salinan Perakuan Bayaran Interim terakhir bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang G.

ix. Laporan Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender di dalam sampul berlakri.

c. Cara Untuk Mendapatkan Maklumat

i. Bagi memastikan petender akan memberikan maklumat-maklumat sebagaimana yang dikehendaki, Borang A, B, C, D, E, F dan G hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada dokumen tender.

ii. Selain itu, semasa lawatan ke tapak bina yang diatur oleh Jabatan, petender hendaklah dimaklumkan dan diberi penerangan mengenai Peraturan Baru Penilaian Tender dan mereka hendaklah diperingatkan betapa mustahaknya mereka mengemukakan dokumen-dokumen seperti mana yang diminta dalam Arahan Kepada Petender serta akibatnya terhadap tender mereka sekiranya mereka gagal berbuat demikian.

iii. Bagi petender usahasama atau gabungan seperti antara kontraktor-kontraktor Bumiputera yang dibenarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), setiap ahli gabungan hendaklah diminta mengisi dan melengkapkan borang-borang maklumat secara berasingan.

d. Kegagalan Petender Mengemukakan Maklumat

i. Semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta hendaklah diperolehi daripada petender semasa mengemukakan tendernya sebelum tender ditutup.

ii. Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan dokumen wajib, tendernya hendaklah ditolak (*disqualified*) di peringkat pertama penilaian tender dan tidak boleh diberi pertimbangan seterusnya.

iii. Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan, maklumat dan data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen-dokumen tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh diambil kira dalam Penilaian Keupayaan petender yang berkenaan. Ini bermakna kriteria-kriteria yang mana penilaiannya memerlukan maklumat atau data-data ini, hendaklah diberi markah nilaian kosong, atau nilai-nilai yang bergantung kepada dokumen-dokumen tersebut hendaklah diambil sebagai kosong.

iv. Walau bagaimanapun, sekiranya dokumen berkaitan senarai kontrak kerja semasa tidak dikemukakan seperti di Borang G, maklumat-maklumat tersebut hendaklah diambil kira sebagaimana tercatat (kecuali Pegawai Penilai mempunyai maklumat yang kemas kini mengenai projek berkenaan) kerana ini akan memberi kesan negatif terhadap nilai keupayaan petender.

e. Kesahihan dan Pengesahan Maklumat dan Data-data Penilaian

i. Maklumat-maklumat yang diberi oleh petender melalui borang-borang maklumat hendaklah disemak dan di mana perlu, diperbetulkan supaya selari dengan dokumen-dokumen sokongan yang dikemukakan bersamanya. Setelah itu, maklumat dan data-data tersebut hendaklah dianalisa dan dijadualkan dalam borang-borang 1 hingga 12 untuk membolehkan nilaian yang sewajarnya dibuat ke atas setiap kriteria penilaian keupayaan bagi petender yang berkenaan.

ii. Sekiranya petender didapati tidak memberikan mana-mana maklumat yang dikehendaki, memalsu atau menyorokkannya, catatan yang sewajarnya hendaklah dibuat dalam Analisis Data-data Penilaian dan hendaklah juga dimasukkan dalam Laporan Tender. Dalam kes pemalsuan atau penyorokan

maklumat dokumen yang diberikan, tawaran tender yang berkenaan hendaklah sekali-kali tidak boleh diperakukan kepada Lembaga Perolehan untuk disetuju terima.

iii. Penilaian keupayaan petender hendaklah dibuat hanya berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang diterima daripada petender bersama-sama tawaran tendernya sahaja, tanpa semakan lanjut dengan mana-mana pihak. Bagaimanapun, bagi semua tender yang lulus penilaian keupayaan sekiranya terdapat terdapat sebarang keraguan terhadap kesahihan dokumen-dokumen sokongan yang diterima daripada/melalui petender, semakan yang sewajarnya hendaklah dibuat dengan Pegawai Penguasa, Juruperunding, Pusat Khidmat Kontraktor, Bahagian dan Unit-Unit Perolehan dan pihak-pihak lain yang berkenaan oleh Pegawai Penilai untuk mengesahkan maklumat-maklumat dan data-data yang digunakan dalam penilaian keupayaan petender-petender berkenaan.

26. Penilaian Peringkat Pertama

a. Petender Yang Perlu Dinilai

Penilaian hanya perlu dilaksanakan ke atas tender terendah sehingga beberapa tender dalam lingkungan harga yang munasabah. Tender-tender yang harganya dianggap terlalu tinggi berbanding dengan Anggaran Jabatan bolehlah dikecualikan daripada penilaian. Walau bagaimanapun, hendaklah dipastikan bilangan tender yang dinilai seboleh-bolehnya dapat menghasilkan tiga (3) tender yang layak dipertimbang untuk diperakukan untuk disetuju terima di peringkat ketiga.

b. Pra-syarat Kelayakan

Pra-syarat kelayakan yang telah ditetapkan dan perlu ditepati oleh petender bagi melayakkan tawaran tendernya dipertimbangkan untuk penilaian Peringkat Kedua adalah seperti berikut:

i. Kesempurnaan Tender

Hanya tender-tender yang lengkap dan bebas dari segala kecacatan dari segi undang-undang dan

kontrak yang boleh menjejaskan kelayakannya mengikut amalan semasa, layak dipertimbangkan. Misalnya tawaran tender yang mana borang tendernya tidak ditandatangani atau ditandatangani oleh pihak yang tidak diberi kuasa atau di mana harga tender tidak dicatat di dalam borang tender atau tidak menepati mana-mana syarat tender yang penting tidak layak dipertimbangkan. Kesemua dokumen asal tender juga hendaklah dikembalikan oleh petender. Dokumen asas yang dimaksudkan adalah:

a) Borang Tender

b) Senarai Kuantiti / Ringkasan Tender

c) Agenda (tambahan) yang dikemukakan kepada kontraktor selepas dokumen dijual kepada mereka (jika ada)

d) Reka bentuk, spesifikasi, senarai harga dan sebagainya yang perlu bagi membolehkan kerja yang direka bentuk oleh kontraktor dinilai.

ii. Kecukupan Dokumen Wajib

Petender hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen-dokumen sokongan yang secukupnya semasa mengemukakan tendernya untuk membolehkan penilaian keupayaannya dibuat. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan untuk menentukan sama ada petender menepati pra-syarat, iaitu dokumen-dokumen berikut telah ditetapkan sebagai dokumen wajib yang mesti dikemukakan oleh petender untuk melayakkan tendernya dipertimbangkan:

a) Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya; atau

Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai wang dalam tangan petender bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup tender; atau

Salinan Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan petender.

DAN

b) Laporan Penyelia Projek mengenai prestasi kerja semasa petender dalam sampul berlakri bagi setiap kerja semasa yang dilaksanakan.

Sekiranya petender tidak mengemukakan Borang GA dan maklumat projek semasanya tetapi Pegawai Penilai mengetahui petender mempunyai projek semasa, maka petender tidak layak dipertimbangkan untuk penilaian seterusnya dengan alasan tiada penilaian boleh dibuat ke aras petender. Ketiadaan maklumat tersebut memberi kesan negatif terhadap Kerajaan.

iii. Kecukupan Modal Minima

Hanya petender yang dapat mengemukakan bukti yang ia mempunyai modal dalam bentuk aset mudah cair sekurang-kurangnya tiga (3%) peratus daripada nilai kerja pembina (builder's works) mengikut Anggaran Jabatan layak dipertimbangkan. Modal dalam bentuk aset mudah cair ialah jumlah campuran Modal Pusingan (Aset Semasa tolak Liabiliti Semasa seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan) atau nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga bulan terakhir termasuk deposit tetap, saham-saham amanah (seperti Amanah Saham Bumiputra, Amanah Saham Mara dan sebagainya) dan Bon Perbendaharaan (sekiranya ada), yang mana lebih tinggi, dan jumlah baki Nilai Kemudahan Kredit yang dinikmati dan nilai kemudahan Kredit Tambahan yang layak/akan diperolehi oleh petender daripada Bank atau Institusi Kewangan.

Jumlah Nilai Purata Baki Akhir Bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga bulan terakhir ditentukan seperti berikut:

a. Penyata Bulanan Bank yang terakhir antara tiga (3) bulan yang disyaratkan tersebut mestilah dikemukakan oleh petender bagi tujuan

penilaian. Bagi menentukan Penyata Bulanan Bank terakhir yang dimaksudkan, Pegawai Penilai boleh berpandukan kepada Penyata Bulanan Bank bagi bulan sebelum tender ditutup atau Penyata Bulanan Bank terakhir yang mana majoriti petender berupaya mengadakannya. Sekiranya petender gagal mengemukakan Penyata Bulanan Bank bagi bulan terakhir maka Nilai Purata Baki Akhir dalam Penyata Bulanan bagi tiga (3) bulan terakhir hendaklah diambilkira sebagai kosong (0).

b. Di mana petender mengemukakan hanya satu (1) atau dua (2) Penyata Bulanan Bank, sekiranya nilai baki bersih di antara Penyata Bulanan Bank tersebut adalah positif maka nilai ini hendaklah dibahagikan dengan tiga (3) dan sekiranya nilai baki bersih tersebut adalah negatif, maka nilai ini hendaklah dibahagikan dengan bilangan Penyata Bulanan Bank yang dikemukakan oleh petender.

c. Saham-saham dan Bon Perbendaharaan yang boleh diambil kira adalah yang dimiliki atas nama pemilik firma Perkongsian (*Partnership*) dan pemilik Persendirian (*Sole Proprietorship*) sahaja.

d. Deposit tetap yang telah dicagarkan untuk mendapatkan kemudahan Kredit atau Deposit Tetap yang telah diambilkira dalam Lembaran Imbangan untuk menghasilkan aset semasa tidak boleh diambil kira.

e. Jumlah Nilai Baki Kemudahan Kredit yang dinikmati ditentukan berasaskan salah satu formula seperti yang dinyatakan di bawah ini.

Di mana Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan Petender dalam Borang CA ada dikemukakan/ dinyatakan, jumlah Baki Kemudahan Kredit yang dinikmati ialah jumlah (baki) kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair yang dinyatakan dalam Borang CA seperti baki kemudahan overdraf dan baki talian kredit

yang sedang dinikmati atau diperakui/dijamin, pinjaman yang akan/layak diperolehi untuk projek dan baki Surat Jaminan Kredit (*Letter of Credit*) (LC) yang belum digunakan.

Di mana Borang CA tidak dikemukakan tetapi laporan Bank/Institusi Kewangan dalam bentuk lain yang menyatakan jumlah kasar kemudahan kredit yang sedang/telah dinikmati (belum mengambilkira nilai yang telah digunakan) ada dikemukakan, Jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang dinikmati dikira berasaskan jumlah kasar kemudahan Kredit tersebut tolak nilai negatif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dari Bank/Institusi Kewangan yang sama. Jika tiada penyata bulanan dari Bank/Institusi Kewangan yang sama, jumlah kasar kemudahan kredit yang dinyatakan dalam laporan Bank/Institusi Kewangan tersebut tidak boleh diambil kira.

Nilai Kemudahan Kredit (KK) yang dijanjikan atau akan dipertimbangkan/ditentukan seperti berikut:

i.	Surat tanpa komitmen sepenuhnya mengenai KK baru yang dijanjikan oleh satu atau lebih Bank.	-	Ambil 50% nilai yang tertinggi dari sebuah Bank.
ii.	Surat tanpa komitmen sepenuhnya mengenai KK tambahan yang dijanjikan oleh satu atau lebih bank.	-	Ambil 50% jumlah nilai dari semua Bank berkenaan.
iii.	Surat dan komitmen sepenuhnya mengenai KK yang dijanjikan.	-	Ambil 100% nilai yang tercatat.

iv. Surat tanpa apa-apa janji dari Bank. - 0% (tiada nilai)

Bagi petender-petender usahasama atau gabungan, kumpulan modal minimum hendaklah dianalisa secara bergabung di mana aset mudah cair, ahli-ahli gabungan digabungkan mengikut ekuiti masing-masing.

iv. Prestasi Kerja Semasa Yang Memuaskan

Kerja Semasa bermaksud kerja kontrak yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada tarikh tutup tender.

Prestasi Kerja Semasa dinilai berasaskan pencapaian kemajuan kerja sebenar petender berbanding dengan kemajuan yang sepatutnya dicapai mengikut program kerja, dan nilainya dikira mengikut formula berikut:

$$\text{Prestasi Kerja Semasa (PKS)} = A - S\,(P + D) / P$$

Di mana,

A = Peratus kemajuan sebenar yang dicapai.

S = Peratus kemajuan yang sepatutnya dicapai mengikut jadual, atau 100% sekiranya tarikh penyiapan sudah luput.

P = Tempoh kontrak, termasuk tempoh lanjutan masa yang diluluskan dan/atau yang patut diluluskan.

D = Tempoh luput tarikh penyiapan kerja (tempoh LAD) pada tarikh penilaian kemajuan kerja terakhir atau nilai kosong sekiranya tarikh luput belum luput.

Adalah perlu diperhatikan bahawa nilai PKS membawa tanda (-) dan hendaklah ditulis sedemikian sekiranya pencapaian kemajuan sebenar petender di belakang jadual.

Petender hendaklah dipastikan tidak mempunyai kerja semasa yang mana prestasinya boleh dianggap

sebagai "sakit" atau sedang menghadapi tindakan untuk penamatan pengambilan kerjanya. Sekiranya prestasi semasa petender tiga puluh (30) peratus atau lebih terkebelakang dari jadual, prestasi kerjanya adalah ditakrifkan sebagai "sakit". Sekiranya diketahui atau terdapat bukti-bukti bahawa kerja semasa yang dilaksanakan oleh petender merupakan "projek sakit" atau petender sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerjanya, tender berkenaan hendaklah ditolak dan tidak layak dipertimbangkan.

Sekiranya petender mempunyai lebih daripada satu kerja semasa, nilai prestasi kerjanya hendaklah berasaskan kerja semasa yang mana prestasinya adalah terendah. Sekiranya petender didapati menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerjanya berhubung dengan pelaksanaan mana-mana kerja semasanya dimana notis untuk tujuan itu telah dikeluarkan terhadapnya, Prestasi Kerja semasanya hendaklah dikira sebagai "sakit" walaupun terdapat kerja semasanya yang lain berjalan lancar.

Bagi petender-petender usahasama atau gabungan prestasi kerja semasa hendaklah dianalisa berasaskan kerja-kerja secara yang dilaksanakan oleh setiap ahli gabungan.

Petender yang didapati gagal menepati salah satu daripada pra-syarat kelayakan di atas tidak layak diberi pertimbangan.

27. Penilaian Peringkat Kedua - Penilaian Keupayaan Petender

a. Petender yang perlu dinilai

Penilaian Keupayaan hanya perlu dibuat ke atas beberapa petender yang lulus Penilaian Peringkat Pertama, bermula dengan tender terendah mengikut susunan semula harga sehingga menghasilkan tiga (3) hingga lima (5) petender yang lulus Penilaian Keupayaan diperolehi bergantung kepada bilangan tender yang diterima.

b. Faktor-faktor penilaian

i. Faktor-faktor berikut digunakan bagi menilai keupayaan petender:

A – Kedudukan Kewangan

A1. Keupayaan Biayaan (*Financial Bid Capacity*)

B – Keupayaan Teknikal

B1. Pengalaman Kerja

B2. Kakitangan Teknikal

B3. Pemilikan Loji/Peralatan Asas (bagi Kerja Kejuruteraan Awam sahaja)

ii. Faktor-faktor diuntukkan wajar (*weightage*) pentingan seperti berikut:

Faktor-faktor	Kej'teraan Awam	Binaan Bangunan	M&E
A - Kedudukan Kewangan			
A1 - Keupayaan Biayaan	45%	50%	50%
B - Keupayaan Teknikal			
B1 - Pengalaman kerja	35%	40%	35%
B2 - Kakitangan Teknikal	15%	10%	15%

Faktor-faktor	Kej'teraan Awam	Binaan Bangunan	M&E
B3 - Pemilikan Loji Dan Peralatan Asas	10%	5%	0%
Jumlah	**105%**	**105%**	**100%**

c. Kriteria-kriteria Penilaian

A. **Kedudukan Kewangan**

A1 - **Keupayaan Biayaan**

1) Keupayaan Biayaan (KB) petender adalah jumlah Nilai Tahunan Projek yang dijangka dapat dibiayai oleh petender daripada pelbagai punca kewangannya. Faktor ini dinilai berasaskan Modal Pusingan dan *Nett Worth* seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan (*Balance Sheet*) sekiranya petender adalah Syarikat Sdn. Bhd. atau petender yang mengemukakan Lembaran Imbangan, atau Wang Dalam Tangan Semasa iaitu nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga bulan terakhir sekiranya petender bukan Syarikat Sdn. Bhd. dan tidak mengemukakan Lembaran Imbangan, dan juga mengambil kira, Kemudahan Kredit daripada Bank atau Institusi Kewangan lain, dan jumlah Nilai Tahunan Baki Kerja dalam tangan yang masih belum disiapkan, mengikut formula dan takrif-takrif seperti berikut:

a) Bagi petender syarikat Sdn. Bhd. atau mana-mana petender yang mengemukakan Lembaran Imbangan,

$$KB = [(10 \times MP) + \{(5 \times (NW - MP)) @ (9 \times KK)\}] - (0.5 \times NTBK)$$

atau

b) Bagi petender bukan syarikat Sdn. Bhd. dan tidak mengemukakan Lembaran Imbangan,

$$KB = [(10 \times WDTS) + (9 \times KK)] - (0.5 \times NTBK)$$

di mana,

@ = Bermakna yang mana lebih tinggi

MP = Modal Pusingan, iaitu perbezaan antara Aset Semasa dan Liabiliti Semasa petender seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan dan dicampur nilai positif perbezaan antara Wang Dalam Tangan Semasa dengan Wang Dalam Tangan dalam Lembaran Imbangan.

NW = *Nett Worth* iaitu perbezaan antara Jumlah Aset dan Jumlah Liabiliti petender seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan.

WDTS = Wang Dalam Tangan Semasa iaitu nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga bulan terakhir.

KK = Nilai baki Kemudahan Kredit dalam bentuk mudah cair yang diperolehi atau layak diperolehi seperti yang dinyatakan dalam Laporan bank atau institusi kewangan lain atas borang CA atau jumlah kasar nilai kemudahan

kredit seperti yang dinyatakan oleh Bank/Institusi Kewangan (dalam borang selain dari borang CA) tolak nilai negatif baki purata akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga bulan terakhir dari bank/institusi kewangan yang sama.

NTBK = Jumlah Nilai Tahunan Baki Kerja Dalam Tangan, iaitu jumlah baki nilai kerja dalam tangan bagi kerja-kerja yang belum mencapai 75% kemajuan (termasuk kontrak baru yang diketahui akan diawardkan kepadanya) tidak termasuk Wang Kos Prima dan Jumlah Peruntukan Sementara yang perlu disiapkan oleh petender dalam tempoh satu tahun dari tarikh tutup Tender.

2) Kriteria penilaian keupayaan Petender membiayai projek yang ditender ialah nisbah bandingan nilai Keupayaan Biayaannya berbanding dengan Nilai Tahunan Projek. Nilai Tahunan Projek ialah nilai Projek mengikut Anggaran Jabatan setelah ditolak Wang Kos Prima dan Jumlah Peruntukan Sementara (nilai kerja pembina) dibahagi dengan Purata Tempoh Siap Inginan. Kalau tiada Tempoh Siap Inginan, gunakan Tempoh Penyiapan Penengah tempoh-tempoh yang ditender oleh petender-petender.

3) Bentuk-bentuk Kemudahan Kredit Mudah Cair yang boleh diterima untuk kegunaan pengiraan di atas adalah seperti kemudahan overdraf dan talian kredit yang sedang dinikmati atau diperakui/dijamin dan pinjaman yang layak diberikan dan Surat Jaminan Kredit (*Letter of Credit*) (LC) oleh pihak bank atau

Institusi Kewangan lain kepada petender. Kemudahan kredit yang dijanjikan atau akan dipertimbangkan tertakluk kepada syarat-syarat atau pernyataan umum tanpa komitmen daripada Bank atau Institusi Kewangan lain tidak boleh diambil kira dalam pengiraan di atas.

B. **Keupayaan Teknikal**

B1 - **Pengalaman**

1) Faktor ini dinilai berasaskan kriteria-kriteria berikut:

B1.1 Jumlah nilai kerja yang disiapkan dalam tempoh lima tahun yang lepas.

B1.2 Nilai kerja terbesar yang pernah disiapkan dalam tempoh lima tahun yang lepas.

2) Jenis kerja yang diambil kira hendaklah terhad kepada kerja-kerja yang Sebandingan atau yang Serupa dengan projek yang ditender sahaja. Penentuan sama ada sesuatu pengalaman kerja itu Sebanding atau Serupa dengan projek yang ditender, hendaklah berpandukan kepada penjenisan kerja mengikut Kepala dan Sub-kepala yang dipakai bagi pendaftaran kontraktor-kontraktor kerja oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan mengikut takrif-takrif berikut:

a) Serupa ertinya –

i) Kerja yang diliputi oleh kepala kerja dan sub kepala kerja yang sama seperti kerja yang ditender.

ii) Kerja yang diliputi oleh kepala kerja yang sama tetapi sub-kepala kerja yang berlainan daripada kerja yang ditender dan bersifat lebih komplek.

b) Sebanding ertinya –

i) Kerja yang diliputi oleh kepala kerja yang sama tetapi Sub–kepala Kerja yang berlainan daripada kerja yang ditender dan tidak bersifat lebih komplek.

ii) Kerja yang diliputi oleh kepala kerja yang berlainan daripada kerja yang ditender tetapi bersifat lebih komplek daripada kerja yang ditender.

Kerja yang diambil kira juga terhad kepada kerja yang dilaksanakan oleh petender sebagai Kontraktor Utama dan Sub-kontraktor Yang Dinamakan sahaja. Kerja yang dilaksanakan sebagai sub-kontraktor biasa tidak boleh diambil kira kecuali ada pengesahan dari pihak Pegawai Penguasa dan Kontraktor Utama dan jenis serta skop kerja hendaklah bersesuaian dengan kerja yang ditender.

B2 - **Kakitangan Teknikal**

1) Faktor ini dinilai berasaskan kriteria-kriteria berikut:

B2.1 Bilangan kakitangan teknikal di bawah penggajian petender berbanding dengan bilangan Anggaran Keperluan Minimum (AKM) kakitangan teknikal untuk melaksanakan Projek yang ditender dengan memuaskan.

B2.2 Pengalaman kakitangan teknikal di bawah penggajian petender.

2) Bilangan AKM kakitangan teknikal bagi sesuatu projek hendaklah ditetapkan sebelum penilaian kriteria ini dibuat. AKM bergantung kepada jenis dan nilai kerja pembina yang terkandung dalam sesuatu projek.

3) Kakitangan teknikal yang diambil kira dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori A, Kategori B dan Kategori C. Pembahagian ini berasaskan disiplin dan/atau kelulusan/kelayakan mereka seperti berikut:

Kategori A - Jurutera (Awam, Mekanikal dan Eletrik) bidang pembinaan, Arkitek, Juru Ukur Bahan, ahli-ahli *Institute Of Building* siswazah dalam bidang Pengurusan Binaan lepasan universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Kategori B - Pemegang Diploma lepasan Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan, dalam bidang pembinaan dan juga siswazah-siswazah dalam bidang-bidang lain.

Kategori C - Kakitangan-kakitangan lain yang membantu atau menjalankan tugas teknikal seperti pengawasan kerja di tapak bina, kerja ukur mengukur, reka bentuk dan sebagainya.

4) Kakitangan-kakitangan tersebut di atas yang boleh diambil kira hendaklah hanya mereka yang sedang dalam penggajian petender pada tarikh tutup Tender sahaja termasuk ahli profesional yang diambil khidmat secara kontrak.

5) Bagi mengambil kira perbezaan kategori dan pengalaman kakitangan teknikal dalam penggajian petender, bilangan dan pengalaman mereka dikira atas asas-asas berikut:

a) Seorang kakitangan kategori C disama nilai sebagai 0.50 orang kakitangan kategori A dan seorang kakitangan kategori B disama nilai sebagai 0.70 orang kakitangan kategori A, dari segi bilangan dan pengalaman. Maka Faktor Penyama 1.00, 0.70 dan 0.50 digunakan masing-masing bagi kategori A, B dan C.

b) Bagi kakitangan kategori C dan B, peratus (%) bilangan daripada AKM

dihadkan kepada 100% dan Jumlah pengalaman purata dihadkan kepada 10 tahun. Ini adalah untuk memastikan markah maksimum yang diperolehi bagi kriteria-kriteria ini sekiranya petender tidak mengambil bekerja kakitangan teknikal kategori A tidak melebihi 75%.

B3 - **Pemilikan Loji dan Peralatan Asas**

1) Kriteria yang digunakan untuk mengukur faktor Pemilikan loji dan peralatan asas ialah bilangan loji/peralatan asas yang dimiliki atau yang disewa pajak/sewa beli oleh petender dan sesuai digunakan dalam projek yang ditender, berbanding dengan bilangan Anggaran Keperluan Minimum (AKM) Loji/Peralatan Asas yang diperlukan untuk melaksanakan kerja dengan memuaskan.

2) Jenis-jenis dan bilangan AKM Loji/Peralatan Asas bagi sesuatu projek hendaklah ditentukan sebelum mempelawa tender atau selewat-lewatnya sebelum penilaian kriteria ini dibuat. Jenis-jenis dan bilangan AKM Loji/Peralatan Asas bergantung kepada jenis, nilai dan tempoh penyiapan kerja yang perlu dijalankan. Panduan bagi menetapkan jenis dan bilangan AKM Loji/Peralatan Asas disediakan berdasarkan tempoh penyiapan biasa. Pemilihan jenis kerja untuk menetapkan jenis-jenis dan bilangan AKM Loji/Peralatan Asas mengikut panduan ini hendaklah pada amnya berdasarkan jenis kerja utama yang mempunyai nilai majoriti dalam projek yang ditender.

3) Loji dan peralatan yang boleh diambil kira dalam penilaian ini hendaklah terhad kepada loji dan peralatan seperti berikut:

a) Loji dan peralatan yang terdapat dalam senarai Loji/Peralatan Asas yang ditetapkan bagi projek yang

ditender. Bagaimanapun loji dan peralatan utama lain yang dimiliki oleh petender boleh juga diambil kira sekiranya ia menjalankan fungsi yang sama seperti mana-mana Loji/Peralatan Asas yang ditetapkan.

b) Loji dan peralatan yang dipunyai oleh petender secara belian atau sewa-beli sebelum Tender ditutup sahaja.

c) Loji dan peralatan yang berumur tidak melebihi 150% umur kerja biasa (*normal working life*).

d) Loji dan peralatan yang disewa pajak hendaklah dengan syarat perjanjian sewa pajak meliputi tempoh penggunaan loji berkenaan bagi projek yang sedang ditender.

4) Bagi mengambil kira perbezaan keupayaan dan nilai pelbagai model loji dan peralatan asas yang biasa digunakan Pemilikan Loji/Peralatan asas dikira atas asas-asas berikut:

a) Perbezaan keupayaan sesuatu jenis loji/peralatan asas dilaras dengan menetapkan bilangan AKM yang mengeluarkan penghasilan kerja yang lebih kurang sama, sebagai alternatif kepada satu sama lain.

b) Anggaran harga loji/peralatan asas digunakan sebagai wajar bagi memberi keutamaan yang lebih kepada loji dan peralatan asas yang lebih mahal berbanding dengan yang lebih murah.

d. Markah Penilaian dan Kelayakan Minimum

1) Kaedah Pengiraan Markah

i) Wajar pentingan yang diperuntukkan bagi sesuatu faktor penilaian diagih sama rata kepada kriteria-kriteria penilaian faktor berkenaan.

ii) Markah penilaian bagi sesuatu kriteria diperolehi dengan mengikut Panduan Permarkahan Kriteria Penilaian Keupayaan Petender.

iii) Purata markah-markah nilai kriteria-kriteria di bawah sesuatu faktor memberikan markah bagi faktor yang berkenaan. Markah setiap faktor hendaklah didarabkan dengan peratus wajaran pentingan yang diuntukkan baginya. Campuran markah-markah faktor tersebut memberikan jumlah markah keupayaan seseorang petender.

iv) Pengiraan pemberian markah ini sebaiknya dibuat menggunakan Borang Penilaian Keupayaan Petender seperti di Borang 12a bagi kerja kejuruteraan awam, Borang 12b bagi kerja binaan bangunan dan Borang 12c bagi kerja mekanikal dan elektrik.

2) Kelayakan Minimum

i) Nilai Keupayaan Minimum petender bagi melayakkan Tendernya dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima adalah berasaskan nilai keupayaan petender seperti berikut:

a) Bagi petender yang Pengalaman

Kriteria	Markah Minimum		
	BB	KA	M&E
i) Keupayaan Biayaan	20.0	18.0	20.0
ii) Keupayaan Teknikal	12.5	13.8	12.5

iii) Keupayaan Keseluruhan	45.0	45.5	45.0

b) Bagi petender yang Belum Berpengalaman

Kriteria	Markah Minimum		
	BB	KA	M&E
i) Keupayaan Biayaan	20.0	18.0	20.0
ii) Keupayaan Teknikal	2.5	5.0	3.8
iii) Keupayaan Keseluruhan	25.0	28.0	27.5

Nota :

BB - Kerja Binaan Bangunan
KA - Kerja Kejuruteraan Awam
M & E - Kerja Mekanikal & Elektrik

ii) Petender yang berpengalaman ditakrifkan sebagai petender yang pernah menyiapkan sekurang-kurangnya satu projek kontrak kerja yang mempunyai Kepala Kerja yang sama seperti projek yang ditender. Maka petender yang belum berpengalaman ialah petender yang belum pernah menyiapkan projek yang mempunyai Kepala Kerja yang sama seperti projek yang ditender, dan tidak pernah dikenakan tindakan pemansuhan kontrak, sebelum tarikh tutup tender.

iii) Petender yang memperolehi markah Penilaian Keupayaan yang kurang daripada Markah Kelayakan Minimum hendaklah dianggap sebagai tidak berkeupayaan untuk melaksanakan kerja yang ditender. Maka ia tidak layak dipertimbang untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima.

3) Penilaian Keupayaan Petender Gabungan

Bagi petender-petender usahasama atau gabungan penilaian keupayaan mereka hendaklah dibuat secara

berasingan sehingga mendapat markah keupayaan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 25(c) markah-markah keupayaan ahli-ahli usahasama hendaklah kemudiannya digabungkan dengan mengambil kira ekuiti setiap ahli usahasama dalam gabungan tersebut (sebagai wajaran) mengikut kiraan *weighted average* untuk mendapatkan markah keupayaan gabungan berkenaan.

4) Keputusan Penilaian

Keputusan Penilaian keupayaan hendaklah dijadualkan dalam Borang 13 - Jadual Keputusan Penilaian Keupayaan.

28. Penilaian Peringkat Ketiga - Tender Yang Paling Menguntungkan Untuk Diperakukan

a) Pelarasan Harga Tender

i) Pelarasan Harga Tender hendaklah dibuat ke atas semua tender yang telah lulus diperingkat kedua.

ii) Bagi mengambil kira tempoh penyiapan kerja yang ditender oleh petender, harga tender hendaklah dilaras dengan cara mencampurkan jumlah kerugian yang dijangka akan ditanggung oleh Kerajaan kerana kelewatan penyiapan projek kepada harga tender petender yang menawarkan tempoh penyiapan yang lebih panjang daripada tempoh penyiapan yang munasabah.

iii) Tempoh penyiapan yang dianggap munasabah ialah sesuatu tempoh penyiapan dalam julat (*range*) Tempoh Penyiapan Inginan (*Preferred Completion Period*) sepertimana yang dinyatakan dalam Arahan kepada petender, atau jika julat Tempoh Penyiapan Inginan tidak dinyatakan dalam Arahan kepada petender, atau jika Tempoh Penyiapan Inginan tidak dinyatakan tempoh penyiapan akan ditawarkan oleh petender-petender yang menawarkan tempoh penyiapan yang melebihi had maksimum julat Tempoh Penyiapan Inginan atau Tempoh Penyiapan Penengah sahaja yang perlu dilaras.

iv) Amaun yang perlu ditambah kepada harga sesuatu tender yang berkenaan hendaklah sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah denda ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD) bagi tempoh yang melebihi had maksimum julat tempoh penyiapan inginan atau tempoh penyiapan penengah tersebut.

v) Tender-tender yang telah dilaras hendaklah disusun semula mengikut turutan harga yang telah terlaras.

vi) Pelarasan tersebut dan penyusunan semula tender-tender hendaklah dibuat dan dijadualkan dalam Borang 14 - Pelarasan Harga dan Penyusunan Semula Turutan Tender Kerana Mengambil Kira Tempoh Penyiapan Kerja.

b) Kesan Rendahan Harga Tender

i) Kesan Rendahan Harga Tender hendaklah ditentukan ke atas semua petender yang dinilai dan telah lulus penilaian peringkat ke-2 dan harga tender asalnya kurang daripada 13% lebih rendah daripada Anggaran Jabatan.

ii) Bagi mengambil kira Kesan Rendahan Harga Tender satu faktor iaitu faktor rendahan harga (FRH) didarabkan kepada markah Keupayaan Biayaan yang diperolehi di peringkat ke-2. Faktor rendahan harga (FRH) ini diperolehi mengikut formula seperti berikut:

$$FRH = \{(NRH \wedge 6)-1\} \ / \ \{6(NRH - 1)\}$$

di mana,

NRH = Nisbah Rendahan Harga = HT (0.87 x AJ)

HT = Harga Tender (Kerja Pembina)

AJ = Anggaran Jabatan (Kerja Pembina)

iii) Sekiranya hasil pendaraban Faktor Rendahan Harga dengan markah Keupayaan Biayaan tersebut

menyebabkan markah Keupayaan Biayaan atau markah keseluruhan lebih rendah daripada markah kelayakan minimum masing-masing, maka tender yang berkenaan hendaklah dianggap terlalu rendah dan Keupayaan Biayaan petender tidak mampu menanggung kerugian/rendahan harga yang akan dialami. Dalam keadaan ini petender berkenaan tidak layak diperakukan.

c) Kesan Pendekan Tempoh Siap

i) Kesan Pendekan Tempoh Siap hendaklah ditentukan ke atas tender-tender yang mana markah keseluruhan (setelah mengambil kira Kesan Rendahan Harga di mana berkenaan) dan markah keupayaan teknikalnya adalah *marginal* dan tempoh siap yang ditender adalah lebih pendek daripada Purata Tempoh Siap Inginan atau Tempoh Siap Penengah yang mana berkenaan.

ii) Bagi mengambil kira Kesan Pendekan Tempoh Siap, satu faktor iaitu Faktor Pendekan Tempoh Siap (FPTS) didarabkan kepada markah Keupayaan Biayaan yang telah mengambil kira kesan Rendahan Harga Tender.

Faktor Pendekan Tempoh Siap ini diperolehi mengikut formula berikut:

$$FPTS = TS / PTSI$$

di mana,

TS = Tempoh Siap Yang Ditender
PTSI = Purata Tempoh Siap Inginan atau Tempoh
Inginan atau Tempoh Siap Penengah yang mana berkenaan.

iii) Sekiranya hasil pendaraban menyebabkan markah keseluruhan lebih rendah dari markah kelayakan minimum yang ditetapkan maka tender berkenaan dianggap tidak layak diperakukan.

iv) Tender Yang Hendak Diperakukan

a) Pada prinsipnya tender yang paling menguntungkan Kerajaan untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima hendaklah tender yang lulus peringkat pertama dan kedua, yang terendah mengikut susunan semula harga tender terlaras setelah mengambil kira kesan Pendekan Tempoh Siap dan Kesan Rendahan Harga Tender.

b) Sekiranya pegawai penilai mendapati bahawa harga tender yang terendah tersebut adalah terlalu tinggi berbanding dengan Anggaran Jabatan, perkara seperti ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Laporan Tender dan perakuan yang sewajarnya dengan sebab-sebab yang munasabah hendaklah dibuat kepada Lembaga Tender supaya sama ada:

   i) Menguruskan penerimaan tender tersebut; atau
   ii) Tidak menerima mana-mana tender dan mempelawa semula tender.

c) Pertimbangan untuk memutuskan salah satu perakuan di atas hendaklah berasaskan pilihan yang dipercayai paling menguntungkan Kerajaan setelah mengambil kira kesuntukan atau kelegaan masa bagi pelaksanaan projek, keadaan pasaran, kemungkinan wujudnya pakatan di kalangan petender-petender dan sebagainya. Bagaimanapun dalam apa jua keadaan sekalipun, sebagai satu polisi yang perlu dipatuhi oleh pegawai-pegawai penilai mengikut peraturan ini, petender yang tidak lulus Penilaian Keupayaan atau dalam lain perkataan tidak layak diperakukan, tidak boleh diperakukan untuk disetuju terima.

29. Proses-Proses Penilaian

a. Penilaian Peringkat Pertama - Penilaian Awal

i) Semak kesempurnaan tender-tender untuk memastikan ianya lengkap dan bebas dari segala kecacatan dari segi undang-undang dan kontraktual dan lengkapkan Borang 1 - Analisis Kesempurnaan Tender.

ii) Semak kecukupan maklumat dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh petender dan lengkapkan Borang 2 - Analisa Kecukupan Dokumen (Wajib). Maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang secukupnya hendaklah dikemukakan oleh petender semasa mengemukakan tendernya.

iii) Ambil tindakan-tindakan berikut ke atas setiap tender bagi menentukan petender mempunyai modal minimum yang diperlukan:

a) Semak data-data kewangan yang terkandung dalam Borang C dengan data-data dalam Lembaran Imbangan, Penyata Bulanan Akaun Bank dan Laporan Bank/Institut Kewangan atas kedudukan petender.

b) Buat analisa awal ke atas kedudukan kewangan petender dan lengkapkan Borang 3 - Analisa Kecukupan Modal dengan menggunakan tatacara pengiraan berkaitan.

c) Tentukan sama ada jumlah campuran Modal mudah cair iaitu jumlah campuran Aset Cair dan baki Kemudahan Kredit petender sekurang-kurangnya 3% daripada anggaran Nilai Kerja Pembina (Anggaran Jabatan tolak Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara).

iv) Ambil tindakan-tindakan berikut bagi menentukan prestasi kerja semasa petender:

a) Semak data-data dalam Borang G sama ada menyamai dengan Laporan Sulit Penyelia Projek atas Borang GA bagi setiap kerja semasa petender yang bukan projek JKR.

b) Buat analisa prestasi kerja semasa petender dengan melengkapkan Borang 4 - Analisa Data-data Penilaian Prestasi semasa Petender.

c) Tentukan sama ada terdapat mana-mana kerja semasa petender yang mana kemajuan sebenar yang dicapai terbelakang 30% atau lebih

daripada kemajuan yang sepatutnya dicapai mengikut jadual.

d) Catatkan keputusan Penilaian Awal ini atas Borang 5 - Jadual Keputusan Penilaian Awal.

e) Dapatkan pengesahan daripada Bahagian Kontrak, Penyelenggaraan dan Bumiputra (BKP), Kementerian Kerja Raya atau pejabat BKP di negeri-negeri atau urus Setia tender JKR di Ibu Pejabat JKR, sama ada petender yang lulus penilaian awal tidak mempunyai projek "sakit" (yang tidak dapat dikesan kerana maklumat mengenainya mungkin disorok oleh petender). Bagi menjimatkan masa, gunakan mesin fax untuk urusan ini.

f) Setelah menerima pengesahan tersebut dari pejabat-pejabat berkenaan buat catatan tambahan dalam Borang 5 - Jadual Keputusan Awal, terhadap mana-mana petender-petender yang projek 'sakit' dalam Borang 6 - Jadual Senarai Petender yang lulus Penilaian Awal mengikut turutan harga tender.

b. Penilaian Peringkat Kedua - Penilaian Keupayaan Petender

i) Semak maklumat dan data-data kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal dan Pemilikan loji/peralatan asas petender yang terdapat dalam Borang-borang maklumat C, D, E & F dengan maklumat-maklumat yang terdapat dalam dokumen-dokumen sokongan yang diterima daripada petender.

ii) Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan antara maklumat-maklumat yang terdapat dalam borang-borang maklumat dan dokumen-dokumen sokongan, buat pembetulan yang sewajarnya dalam borang-borang maklumat supaya selaras dengan maklumat yang terdapat dalam dokumen-dokumen sokongan.

iii) Analisa kesemua maklumat dan data-data kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal dan Pemilikan loji/peralatan asas, buat semua pengiraan yang perlu dan lengkapkan format-format analisa data-data penilaian berkenaan seperti di borang 7, 8, 9, 10 dan 11.

iv) Berdasarkan nilai-nilai kriteria penilaian masing-masing, yang diperolehi daripada analisa maklumat dan data-data tersebut, tentukan markah Keupayaan Kewangan, Pengalaman Kerja, Penggajian Kakitangan Teknikal Dan Pemilikan Loji dan Peralatan Asas mengikut panduan pemarkahan yang telah ditetapkan seperti di atas Borang 12a, 12b atau 12c - Penilaian Keupayaan Petender, mengikut yang mana berkenaan.

v) Bandingkan Markah Keupayaan Petender dengan Markah Kelayakan Minimum dan tentukan sama ada petender berkenaan lulus Penilaian Keupayaan atau sebaliknya.

vi) Ulangi proses-proses diperenggan (i) hingga (v) di atas bagi tender kedua, ketiga dan seterusnya hingga terdapat tiga (3) hingga lima (5) petender yang lulus Penilaian Keupayaan.

vii) Jadualkan keputusan penilaian keupayaan petender atas borang 13 - Jadual Keputusan Penilaian Keupayan Petender.

c. Penilaian Peringkat Ketiga - Tender Yang Paling Menguntungkan Untuk Diperakukan.

i) Berdasarkan Jadual Keputusan Penilaian Keupayaan Petender atas borang 13, buat pelarasan ke atas semua petender-petender tersebut dan jadualkan penyusunan semula turutan tender kerana mengambil kira tempoh penyiapan kerja atas Borang 14 - Pelarasan Harga dan Penyusunan Semula Turutan Tender Kerana Mengambil Kira Tempoh Penyiapan Kerja mengikut peraturan yang digariskan.

ii) Bagi mengambil kira Kesan Rendahan Tender buat analisa ke atas Markah Keupayaan Biayaan petender

yang lulus penilaian peringkat ke-2 dan harga tender asalnya kurang daripada 13% lebih rendah daripada Anggaran Jabatan dalam Borang 15.

iii) Sekiranya Markah Keupayaan Biayaan atau Markah Keseluruhan lebih rendah daripada Markah Kelayakan Minimum masing-masing, maka tender berkenaan hendaklah dianggap terlalu rendah dan petender berkenaan tidak layak diperakukan. Ulangi proses (ii) bagi petender seterusnya.

iv) Analisa Kesan Pendekan tempoh Siap ke atas tender-tender yang mana Markah Keseluruhan setelah mengambil kira Kesan Rendahan Harga Tender dan markah keupayaan teknikalnya adalah marginal dan tempoh siap yang ditender adalah lebih pendek daripada Purata Tempoh Siap Inginan atau Tempoh Siap Penengah yang mana berkenaan dalam Borang 15.

v) Sekiranya Markah Keseluruhan didapati lebih rendah dari Markah Kelayakan Minimum yang ditetapkan maka tender berkenaan dianggap tidak layak diperakukan.

vi) Tentukan tender terendah mengikut harga terlaras di kalangan tender yang lulus penilaian peringkat ketiga sebagai tender yang paling menguntungkan Kerajaan untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima.

vii) Sekiranya harga tender terendah tersebut didapati terlalu tinggi berbanding dengan Anggaran Jabatan, timbang dan putuskan sama ada hendak memperakukan kepada Lembaga Tender supaya (a) menyetuju terima tender yang terendah tersebut atau (b) tidak menerima mana-mana tender dan memanggil semula tender, mengikut peraturan yang ditetapkan.

viii) Buat semakan arithmetik (setakat yang perlu) seperti biasa diamalkan ke atas tender yang hendak diperakukan bagi memastikan ia bebas daripada kesilapan yang serius.

30. Laporan Penilaian

Semua Laporan Jawatankuasa Penilaian hendaklah ditandatangani serta dicatatkan nama, nombor kad pengenalan dan jawatan ahli-ahlinya.

Contoh laporan penilaian tender seperti di Lampiran F dan G.

Semua laporan penilaian Jawatankuasa Penilaian tersebut di atas hendaklah dihantar kepada Urus Setia Perolehan/Pegawai Proses Tender dan laporan-laporan itu akan disatukan untuk penyediaan syor dan perakuan berasaskan tawaran terendah yang dinilai dan boleh diterima (*the lowest evaluated and acceptable offer*).

31. Penyediaan Kertas Taklimat Tender

Kertas taklimat tender hendaklah disediakan dengan maklumat seperti berikut:

i. Status tender;
ii. Sumber pembiayaan;
iii. Peruntukan;
iv. Anggaran kos;
v. Nama ahli setiap jawatankuasa;
vi. Tarikh tender diiklan dan ditutup;
vii. Tarikh tamat sah laku tender;
viii. Latar belakang mengenai petender (taraf petender, pendaftaran, ekuiti kewangan dan pengalaman);
ix. Jadual tender (disertakan dengan senarai harga tiap-tiap petender serta laporan teknikal termasuk laporan ujian dan pemeriksaan);
x. Ringkasan laporan teknikal;
xi. Ringkasan laporan penilaian harga;
xii. Laporan/perakuan perunding (jika ada); dan
xiii. Laporan/perakuan jabatan.

Contoh kertas taklimat tender seperti di Lampiran H, J dan L.

Rujukan kepada Lembaga Perolehan hendaklah mengandungi dokumen-dokumen berikut:

i. Salinan asal dokumen tender;
ii. Satu salinan iklan;
iii. Satu salinan jadual tender;

iv. Syor setuju terima dengan penjelasan terhadap pilihan tersebut; dan
v. Maklumat-maklumat lain seperti kedudukan harga pasaran, kedudukan kewangan petender serta pengalaman dan sebagainya.

Pegawai yang memproses tender/*desk officer* adalah bertanggungjawab menyediakan perakuan kepada Lembaga Perolehan berdasarkan tender yang paling menguntungkan dan memastikan prinsip-prinsip perolehan dipatuhi.

32. Lembaga Perolehan

a. Semua tender hendaklah dipertimbangkan oleh satu Lembaga Perolehan yang telah diluluskan penubuhannya oleh Kementerian Kewangan. Had nilai dan kuasa Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:

i. **Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan/Agensi**

Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan/Agensi hanya boleh menimbang dan menyetujuterima tender terbuka bagi kerja sehingga nilai RM50 juta dan tender terbuka bagi bekalan/ perkhidmatan sehingga RM30 juta. Lembaga Perolehan juga boleh memutuskan tender terhad sehingga nilai RM5 juta.

Tender kerja yang melebihi nilai RM50 juta dan tender bekalan/perkhidmatan yang melebihi nilai RM30 juta hendaklah diperakukan oleh Lembaga Perolehan dan Urus Setia Tender hendaklah mengemukakan perakuan tersebut kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan selanjutnya.

ii. Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri

Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri hanya boleh menimbang dan menyetujuterima tender kerja sehingga nilai RM20 juta dan tender terhad sehingga nilai RM1 juta.

iii. Lembaga Perolehan Persekutuan Bagi Sabah/Sarawak

Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri di Sabah dan Sarawak hanya boleh menimbang dan

menyetujuterima tender kerja sehingga nilai RM20 juta dan tender terhad sehingga nilai RM1 juta.

iv. Lembaga Perolehan Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan

Lembaga Perolehan Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan hanya boleh menimbang dan menyetujuterima tender kerja/bekalan/perkhidmatan sehingga nilai RM100 juta dan tender terhad sehingga nilai RM10 juta. Tender melebihi nilai tersebut hendaklah dikemukakan untuk keputusan Kementerian Kewangan.

b. Keputusan-keputusan yang perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan adalah:

i. Keputusan yang tidak sebulat suara;

ii. Tender bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM30 juta dan tender kerja yang melebihi RM50 juta; dan

iii. Tender terhad melebihi RM5 juta.

c. Bagi tender terhad, pemilihan syarikat hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan di kalangan sekurang-kurangnya sepuluh (10) syarikat Bumiputera tempatan bagi kontrak kerja dan sekurang-kurangnya lima syarikat/pembekal /kontraktor Bumiputera tempatan bagi kontrak bekalan/ perkhidmatan. Sekiranya bilangan syarikat/ pembekal/ kontraktor Bumiputera tempatan tidak mencukupi ianya boleh dibuka kepada syarikat/pembekal/kontraktor Bumiputera di negeri/daerah terdekat.

d. Lembaga Perolehan hendaklah kerap bersidang bagi memastikan keputusan perolehan dapat dibuat dengan cepat. Semua keputusan Lembaga Perolehan hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh satu minggu selepas Lembaga Perolehan bersidang.

e. Semua keputusan Lembaga Perolehan hendaklah sebulat suara. Asas-asas pemilihan dan keputusan hendaklah dicatatkan dengan jelas.

f. Korum bagi Lembaga Perolehan hendaklah seramai tiga (3) orang dan kehadiran Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah diwajibkan bagi tender-tender yang melebihi nilai RM20 juta sahaja.

g. Tender yang dibiayai oleh institusi kewangan antarabangsa boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan berkenaan tanpa mengira had nilai dengan syarat Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan hadir dalam Lembaga Perolehan berkenaan.

33. Perkara-Perkara Yang Perlu Diteliti Oleh Ahli Lembaga Perolehan Setelah Menerima Kertas Taklimat Tender

i. Memastikan peruntukan mencukupi sebelum keputusan dibuat;
ii. Memastikan segala maklumat penting dimasukkan dalam iklan tender;
iii. Menyemak bilangan petender yang mengambil bahagian dan harga yang ditawarkan;
iv. Memastikan Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender dan Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender terdiri dari pegawai yang berbeza;
v. Memastikan tempoh sah laku tender masih berkuat kuasa sebelum keputusan dibuat; dan
vi. Memastikan taraf petender yang sesuai dengan kategori tender yang dibuat.

34. Perkara-perkara Yang Boleh Dilaksanakan Oleh Ahli Lembaga Perolehan

i. Meminta untuk menyemak dokumen tender yang dikemukakan oleh petender bagi memastikan harga tawaran yang diperakukan adalah betul;
ii. Menyemak spesifikasi tender;
iii. Menyemak kriteria dan kaedah penilaian;
iv. Menyemak arahan kepada petender;
v. Mengesyorkan untuk menangguh atau menolak kertas perakuan untuk dibawa ke mesyuarat akan datang jika kekurangan maklumat-maklumat penting;
vi. Mengesyorkan supaya tender tersebut dibatalkan jika melanggar prinsip atau peraturan tender; dan
vii. Menasihatkan agensi untuk memberitahu secara bersurat kepada semua petender yang gagal.

35. Keputusan Tender

Keputusan tender hendaklah dibuat dalam tempoh sah laku tender. Keputusan Lembaga Perolehan hendaklah ditandatangani oleh ahli-ahli Lembaga Perolehan sebaik sahaja keputusan dibuat semasa mesyuarat bersidang.

Contoh kertas keputusan tender seperti di Lampiran I, K dan M.

Keputusan hendaklah dimaklumkan kepada petender yang berjaya dengan secepat mungkin. Keputusan muktamad Lembaga Perolehan Agensi juga hendaklah dipamerkan di papan kenyataan Jabatan dengan menyatakan nama syarikat yang berjaya, harga tawaran dan tempoh siap secepat mungkin selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan, ditandatangani dan dikembalikan dan disiarkan di dalam laman web agensi masing-masing dan pautan (*hyperlink*) kepada laman web MyGovernment Portal [www.gov.my].

36. Proses Kerja dan Carta Aliran Perolehan Secara Tender

Proses kerja dan carta aliran untuk perolehan secara tender adalah seperti di Lampiran A hingga Lampiran E.

Lampiran A

CARTA ALIRAN TENDER TERBUKA BAGI PEROLEHAN KERJA



PROSES KERJA TENDER TERBUKA BAGI PEROLEHAN KERJA

Langkah	Proses Kerja
1	Agensi menentukan jenis projek yang akan dilaksanakan dan seterusnya menyediakan skop kerja.
2, 2a & 2b	Agensi hendaklah menentukan perolehan kerja sama ada akan dilaksanakan oleh jabatan teknik atau perunding. Bagi perolehan kerja yang melebihi RM200,000 syarikat yang layak menyertai tender hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Pusat Khidmat Kontraktor.
3	Agensi hendaklah menentukan jenis tender terbuka yang akan dipelawa sama ada:- • Terbuka Khas Bumiputera • Terbuka Tempatan • Terbuka Antarabangsa
4	Agensi menyediakan dokumen tender yang antaranya mengandungi perkara-perkara berikut:- • Arahan kepada petender • Skop kerja • Borang tender • Syarat-syarat tender • Terma-terma kontrak/dokumen perjanjian • Senarai kuantiti/ringkasan tender • Jadual kadar harga • Lukisan teknikal/pelan • Tempoh siap • Cadangan pemindahan teknologi • Prestasi/trek rekod • Profail dan kedudukan kewangan petender • Perkara-perkara lain yang berkaitan
5	Mengiklankan tender di akhbar-akhbar tempatan. Sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama Bahasa Melayu. Bagi tender antarabangsa sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan (1 Bahasa Melayu dan 1 Bahasa Inggeris). Agensi seterusnya mengambil tindakan penjualan dokumen tender. Di dalam iklan tender, agensi hendaklah menyatakan antaranya perkara-perkara berikut: • Jenis tender sama ada dikhaskan kepada bumiputera/tempatan/antarabangsa • Kelas kontraktor • Lain-lain syarat wajib

Langkah	Proses Kerja
6	Bagi tender tempatan, tarikh tutup tender tempoh minimanya ialah 21 hari manakala tender antarabangsa tempoh minimanya 56 hari. Selepas tarikh tender ditutup agensi dikehendaki melaksanakan pembukaan tender yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender yang dilantik oleh agensi yang dipengerusikan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional. Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:- • Menyediakan laporan pembukaan tender • Memberikan kod untuk setiap petender • Mencatatkan harga tawaran seperti di dalam borang tawaran petender • Mencatatkan tarikh sah laku tawaran, tempoh siap dan lain-lain maklumat yang berkaitan Setelah disempurnakan, dokumen-dokumen tawaran dan maklumat pembukaan tender diserahkan kepada urus Setia tender (pegawai memproses tender).
7	Jawatankuasa penilaian yang ditubuhkan bertanggungjawab menilai semua tawaran daripada semua aspek iaitu teknikal dan kewangan serta menyediakan laporan kepada urus Setia tender (pegawai memproses tender). Bagi perolehan kerja yang dilaksanakan secara *design & build dan turnkey* terdapat 2 jawatankuasa penilaian iaitu jawatankuasa penilaian teknikal dan jawatankuasa penilaian kewangan.
8	Urus Setia tender (pegawai memproses tender) menyediakan kertas taklimat tender dengan mengambil kira laporan penilaian teknikal dan harga untuk dibentangkan di mesyuarat lembaga perolehan.
9	Pembentangan kertas taklimat tender dibuat oleh pegawai memproses tender untuk pertimbangan lembaga perolehan dan urus Setia mesyuarat menyediakan minit mesyuarat lembaga perolehan. Keputusan tersebut hendaklah ditandatangani oleh kesemua ahli lembaga perolehan. Had kuasa lembaga perolehan agensi adalah seperti berikut: • Lembaga perolehan/kementerian/jabatan sehingga RM50 juta • Lembaga perolehan persekutuan peringkat negeri sehingga RM20 juta • Lembaga perolehan persekutuan (Sabah/Sarawak) sehingga RM20 juta • Lembaga perolehan badan berkanun dan syarikat Kerajaan sehingga RM100 juta Perolehan yang melebihi had di atas hendaklah dirujuk ke Kementerian Kewangan. Keputusan yang tidak sebulat suara juga perlu dirujuk ke Kementerian Kewangan.
10-12	Bagi perolehan kerja yang bernilai sehingga RM50 juta (kementerian)/RM20 juta (negeri)/RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan) ianya akan diputuskan oleh lembaga perolehan agensi. Sekiranya lembaga perolehan agensi membuat keputusan bersyarat i.e. memerlukan pelarasan harga, perubahan tempoh siap dan lain-lain, maka surat niat hendaklah dikeluarkan.

Langkah	Proses Kerja
10 - 12 (samb.)	Di samping itu rundingan hendaklah diadakan. Hasil rundingan hendaklah dikemukakan kepada lembaga perolehan agensi, untuk keputusan muktamad (jika perlu) sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan tanpa syarat, agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima kepada syarikat yang berjaya.
13	Bagi perolehan kerja yang bernilai melebihi RM50 juta (kementerian) / RM20 juta (negeri) / RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan), lembaga perolehan agensi akan mengemukakan perakuan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan. Setelah Kementerian Kewangan terima perakuan daripada agensi, tindakan menyediakan memorandum untuk pertimbangan KSP/YBMK /YABMK bagi mendapatkan keputusan muktamad. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat keputusan kepada agensi setelah keputusan muktamad dibuat.
14-17	Sekiranya keputusan bersyarat maka agensi hendaklah berunding dan memaklumkan semula kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad sekiranya perlu sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan Kementerian Kewangan tanpa syarat agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima.
18	Dokumen kontrak yang telah disediakan, dikemaskini dan dimuktamadkan serta ditandatangani oleh pihak yang terlibat tidak lewat dari 4 bulan daripada surat setuju terima dikeluarkan dan tidak boleh melangkaui tempoh siap projek. Perjanjian kontrak akan ditandatangani setelah syarikat mengemukakan bon pelaksanaan. Bagi tender tempatan, bon pelaksanaan boleh dibuat sama ada dalam bentuk:- • Jaminan bank • Jaminan insurans • Jaminan syarikat kewangan • Jaminan bank islam • Jaminan takaful yang dikeluarkan oleh syarikat takaful • Wang jaminan pelaksanaan Bagi tender antarabangsa, bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dalam Ringgit Malaysia dari bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia.
19	Agensi hendaklah memastikan urusan pentadbiran kontrak dilaksanakan dan klausa-klausa di dalam kontrak dipatuhi serta dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Perlaksanaan kontrak hendaklah dipantau dan memberikan maklum balas keatas keberkesanan pelaksanaan kontrak.
20	Agensi hendaklah memastikan syarikat telah melaksanakan kerja dengan memuaskan dan sempurna dan seterusnya bayaran hendaklah dibuat dengan teratur.

Lampiran B

CARTA ALIRAN TENDER TERBUKA BAGI PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN



PROSES KERJA TENDER TERBUKA
BAGI PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN

Langkah	Proses Kerja
1	Agensi menentukan jenis item barangan/perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan seterusnya menyediakan spesifikasi/ skop perkidmatan. Bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan yang melebihi RM200,000 syarikat yang layak menyertai tender hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Agensi hendaklah menentukan jenis tender terbuka yang akan dipelawa sama ada: • Terbuka Khas Bumiputera • Terbuka Tempatan • Terbuka Antarabangsa • Terbuka khas kepada Pembuat / Pengilang
2	Agensi mengambil tindakan menyediakan dokumen tender yang antaranya mengandungi perkara-perkara berikut: • Arahan kepada petender • Spesifikasi • Borang tender • Syarat-syarat tender • Terma-terma kontrak/dokumen perjanjian • Senarai kuantiti/ringkasan tender • Jadual kadar harga • Tempoh kontrak/tempoh penghantaran/kuantiti kontrak • Cadangan pemindahan teknologi • Prestasi/trek rekod • Profail dan kedudukan kewangan petender • Perkara-perkara lain yang berkaitan
3	Mengiklankan tender di akhbar-akhbar tempatan. Sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama Bahasa Melayu. Bagi tender antarabangsa sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan (1 Bahasa Melayu dan 1 Bahasa Inggeris). Di dalam iklan tender, agensi hendaklah menyatakan antaranya perkara-perkara berikut:- • Jenis tender sama ada dikhaskan kepada bumiputera/tempatan/antarabangsa • Kod Bidang kontraktor • Lain-lain syarat wajib
4	Bagi tender tempatan, tarikh tutup tender sekurang-kurangnya 21 hari manakala tender antarabangsa sekurang-kurangnya 56 hari. Selepas tarikh tender ditutup agensi dikehendaki melaksanakan pembukaan tender yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender yang dilantik oleh agensi yang dipengerusikan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional.

Langkah	Proses Kerja
4 (samb.)	Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah mengambil tindakan seperti berikut: • Menyediakan laporan pembukaan tender • Memberikan kod untuk setiap petender • Mencatatkan harga tawaran seperti di dalam borang tawaran syarikat • Mencatatkan tarikh sah laku tawaran, tempoh siap dan lain-lain maklumat yang berkenaan. Setelah disempurnakan, dokumen-dokumen tawaran dan maklumat pembukaan tender diserahkan kepada urus setia tender (pegawai memproses tender).
5a & 5b	Dua jawatankuasa berasingan iaitu jawatankuasa penilaian teknikal dan jawatankuasa penilaian harga perlu ditubuhkan dan bertanggungjawab menilai semua tawaran mengikut spesifikasi teknikal dan kewangan serta menyediakan laporan kepada urus setia tender (pegawai memproses tender).
6	Urus Setia tender (pegawai memproses tender) menyediakan kertas taklimat tender dengan mengambil kira laporan penilaian teknikal dan kewangan untuk dibentangkan di mesyuarat lembaga perolehan
7	Pembentangan kertas taklimat tender oleh pegawai memproses tender untuk pertimbangan lembaga perolehan. Urus Setia mesyuarat menyediakan minit mesyuarat lembaga perolehan. Keputusan tersebut hendaklah ditandatangani oleh ahli lembaga perolehan. Had kuasa lembaga perolehan agensi adalah seperti berikut: • Lembaga perolehan/kementerian/jabatan sehingga RM30 juta • Lembaga perolehan persekutuan (Sabah/Sarawak) sehingga RM20 juta • Lembaga perolehan badan berkanun dan syarikat Kerajaan sehingga RM100 juta Perolehan yang melebihi had di atas hendaklah dirujuk ke Kementerian Kewangan. Keputusan yang tidak sebulat suara juga perlu dirujuk ke Kementerian Kewangan.
8-10	Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai sehingga RM30 juta (kementerian) / RM20 juta (Sabah/Sarawak) / RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan) ianya akan diputuskan oleh lembaga perolehan agensi. Sekiranya lembaga perolehan agensi membuat keputusan bersyarat i.e. memerlukan pelarasan harga, perubahan tempoh bekalan dan lain-lain agensi hendaklah mengeluarkan surat niat. Sekiranya keputusan tanpa syarat agensi dikehendaki mengeluarkan surat setuju terima.

Langkah	Proses Kerja
11-12	Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM30 juta (kementerian) / RM20 juta (Sabah/Sarawak) / RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan), lembaga perolehan agensi akan mengemukakan perakuan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan. Setelah Kementerian Kewangan terima perakuan daripada agensi, tindakan menyediakan memorandum untuk pertimbangan KSP/YBMK/YABMK bagi mendapatkan keputusan muktamad. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat keputusan kepada agensi setelah keputusan muktamad dibuat.
13-15	Sekiranya keputusan bersyarat maka agensi hendaklah mengeluarkan surat niat dan merundingkan serta memaklumkan semula kepada Kementerian Kewangan. Sekiranya keputusan Kementerian Kewangan tanpa syarat agensi dikehendaki mengeluarkan surat setuju terima.
16	Dokumen kontrak yang telah disediakan, dikemaskini dan dimuktamadkan serta ditandatangani oleh pihak yang terlibat tidak lewat dari 4 bulan daripada surat setuju terima dikeluarkan dan tidak boleh melangkaui tempoh kontrak. Perjanjian kontrak akan ditandatangani setelah syarikat mengemukakan bon pelaksanaan. Bagi tender tempatan, bon pelaksanaan boleh dibuat sama ada dalam bentuk:- • Jaminan bank • Jaminan insurans • Jaminan syarikat kewangan • Jaminan Bank Islam • Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful Bagi tender antarabangsa, bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dalam Ringgit Malaysia dari bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia.
17	Agensi hendaklah mempastikan urusan pentadbiran kontrak dilaksanakan dan klausa-klausa di dalam kontrak dipatuhi serta dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Perlaksanaan kontrak hendaklah dipantau dan memberikan maklum balas keatas keberkesanan pelaksanaan kontrak.
18	Agensi hendaklah memastikan syarikat telah melaksanakan dan menyempurnakan bekalan/perkhidmatan dengan memuaskan dan sempurna. Seterusnya bayaran hendaklah dibuat dengan teratur.

CARTA ALIRAN TENDER TERHAD BAGI PEROLEHAN KERJA



PROSES KERJA TENDER TERHAD
BAGI PEROLEHAN KERJA

Langkah	**Proses Kerja**
1	Agensi menentukan jenis projek yang akan dilaksanakan secara tender terhad dan seterusnya menyediakan skop kerja. Agensi hendaklah menentukan jenis tender terhad yang akan dipelawa sama ada: • Terhad Bumiputera • Terhad Tempatan • Terhad Antarabangsa
2, 2a & 2b	Agensi hendaklah menentukan sama ada perolehan kerja akan dilaksanakan oleh jabatan teknik atau perunding.
3	Agensi hendaklah menyediakan dokumen tender yang lengkap dan mengandungi perkara-perkara seperti berikut: • Arahan kepada petender • Skop kerja • Borang tender • Syarat-syarat tender • Terma-terma kontrak/dokumen perjanjian • Senarai kuantiti/ringkasan tender • Jadual kadar harga • Lukisan teknikal/pelan • Tempoh siap • Cadangan pemindahan teknologi • Prestasi/trek rekod • Profail dan kedudukan kewangan petender • Perkara-perkara lain jika berkenaan.
4	Urus Setia atau pegawai memproses tender hendaklah membuat pemilihan syarikat berdasarkan kriteria-kriteria berikut:- • Keupayaan syarikat dari segi pengurusan, personel, bilangan kakitangan teknikal dll • Prestasi/trek rekod • Beban & kedudukan kerja dalam tangan • Kedudukan kewangan • Lain-lain kriteria yang berkaitan Bagi tender terhad yang di bawah bidang kuasa lembaga perolehan agensi (LPA), agensi hendaklah membuat pemilihan syarikat di kalangan sekurang-kurangnya 10 syarikat Bumiputera tempatan. Agensi boleh mencadangkan syarikat Bumiputera di negeri/negeri terdekat sekiranya bilangan syarikat Bumiputera tempatan tidak mencukupi.

Langkah	**Proses Kerja**
5, 5a & 5b	Urus Setia atau pegawai memproses tender hendaklah membentangkan perakuan pemilihan syarikat kepada pihak yang meluluskan/LPA yang berkenaan. Kuasa meluluskan pemilihan syarikat bagi tender terhad mengikut had nilai adalah seperti berikut:- a) Lembaga perolehan kementerian/jabatan sehingga RM5 juta. b) Lembaga perolehan persekutuan peringkat negeri sehingga RM1 juta. c) Lembaga perolehan persekutuan (Sabah/Sarawak) sehingga RM1 juta. d) Lembaga perolehan badan berkanun dan syarikat Kerajaan sehingga RM10 juta Perolehan yang melebihi had nilai lembaga perolehan agensi di atas hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan.
6a	Bagi pemilihan syarikat yang di bawah bidang kuasa lembaga perolehan agensi (LPA), keputusan LPA untuk tidak bersetuju dengan perakuan urus setia/pegawai memproses tender boleh berlaku dalam 2 keadaan seperti berikut:- a) Sekiranya LPA tidak bersetuju dengan senarai syarikat yang telah dikemukakan, pihak urus setia atau pegawai memproses tender perlu mengemukakan semula nama syarikat yang baru untuk pertimbangan LPA. b) Sekiranya LPA tidak bersetuju dengan kaedah tender terhad maka agensi hendaklah menguruskan perolehan mengikut kaedah tender terbuka.
6b	Bagi pemilihan syarikat yang di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, keputusan Kementerian Kewangan untuk tidak bersetuju dengan perakuan agensi boleh berlaku dalam 2 keadaan seperti berikut:- a) Sekiranya Kementerian Kewangan tidak bersetuju dengan senarai syarikat yang telah dikemukakan, Kementerian Kewangan akan memutuskan senarai syarikat yang baru kepada agensi. b) Sekiranya Kementerian Kewangan tidak bersetuju dengan kaedah tender terhad maka agensi hendaklah menguruskan perolehan mengikut kaedah tender terbuka.
7	Setelah keputusan pemilihan untuk tender terhad diterima daripada lembaga perolehan agensi/Kementerian Kewangan, urus setia/pegawai memproses tender hendaklah menghantar surat pelawaan menyertai tender terhad kepada syarikat-syarikat yang dipilih.
8	Tempoh minima tarikh tutup tender bagi tender tempatan ialah 21 hari manakala bagi tender antarabangsa ialah 56 hari. Selepas tarikh tender ditutup, agensi dikehendaki melaksanakan pembukaan tender yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender yang dilantik oleh agensi yang dipengerusikan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional.
8 (samb.)	Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:-

Langkah	**Proses Kerja**
	• Menyediakan laporan pembukaan tender • Memberikan kod untuk setiap petender • Mencatatkan harga tawaran seperti di dalam borang tawaran petender • Mencatatkan tarikh sah laku tawaran, tempoh siap dan lain-lain maklumat yang berkaitan Setelah disempurnakan, dokumen-dokumen tawaran dan maklumat pembukaan tender diserahkan kepada urus setia tender/pegawai memproses tender.
9	Jawatankuasa penilaian perlu ditubuhkan dan bertanggungjawab menilai semua tawaran mengikut spesifikasi teknikal dan kewangan serta menyediakan laporan kepada urus setia tender.
10	Urus Setia tender/pegawai memproses tender menyediakan kertas taklimat tender dengan mengambil kira laporan penilaian teknikal dan harga untuk dibentangkan di mesyuarat lembaga perolehan. Pembentangan kertas taklimat tender dibuat oleh pegawai memproses tender untuk pertimbangan lembaga perolehan dan urus setia mesyuarat menyediakan minit mesyuarat lembaga perolehan. Keputusan tersebut hendaklah ditandatangani oleh ahli lembaga perolehan. Had kuasa lembaga perolehan agensi adalah seperti berikut:- • Lembaga perolehan/kementerian/jabatan sehingga RM50 juta • Lembaga perolehan persekutuan peringkat negeri sehingga RM20 juta • Lembaga perolehan persekutuan (Sabah/Sarawak) sehingga RM20 juta • Lembaga perolehan badan berkanun dan syarikat Kerajaan sehingga RM100 juta Perolehan yang melebihi had di atas hendaklah dirujuk ke Kementerian Kewangan. Keputusan yang tidak sebulat suara juga perlu dirujuk ke Kementerian Kewangan.
11, 12 & 13	Bagi perolehan kerja yang bernilai sehingga RM50 juta (kementerian)/ RM20 juta (negeri)/RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan) ianya akan diputuskan oleh lembaga perolehan agensi. Sekiranya lembaga perolehan agensi membuat keputusan bersyarat i.e. mendapatkan pelarasan harga, perubahan tempoh siap dll, maka surat niat hendaklah dikeluarkan. Di samping itu rundingan hendaklah diadakan. Hasil rundingan hendaklah dikemukakan kepada lembaga perolehan agensi untuk keputusan muktamad (jika perlu) sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan tanpa syarat, agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima kepada syarikat yang berjaya.

Langkah	Proses Kerja
14	Bagi perolehan kerja yang bernilai melebihi RM50 juta (kementerian) / RM20 juta (negeri) / RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan), lembaga perolehan agensi akan mengemukakan perakuan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan. Setelah Kementerian Kewangan menerima perakuan daripada agensi, tindakan selanjutnya adalah untuk menyediakan memorandum untuk pertimbangan KSP/YBMK/YABMK bagi mendapatkan keputusan muktamad. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat keputusan kepada agensi setelah keputusan muktamad dibuat.
15, 16, 17 & 18	Sekiranya Kementerian Kewangan membuat keputusan bersyarat maka agensi hendaklah mengeluarkan surat niat kepada syarikat yang dipilih dan seterusnya merundingkan perkara-perkara yang ditetapkan i.e. mendapatkan pelarasan harga, perubahan tempoh siap dll. Hasil rundingan hendaklah dimaklumkan semula kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad sekiranya perlu sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan Kementerian Kewangan tanpa syarat agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima.
19	Dokumen kontrak hendaklah disediakan, dikemaskini dan dimuktamadkan serta ditandatangani oleh pihak yang terlibat tidak lewat dari 4 bulan daripada surat setuju terima dikeluarkan dan tidak boleh melangkaui tempoh siap projek. Perjanjian kontrak akan ditandatangani setelah syarikat mengemukakan bon pelaksanaan. Bagi tender tempatan, bon pelaksanaan boleh dibuat sama ada dalam bentuk:- • Jaminan bank • Jaminan insurans • Jaminan syarikat kewangan • Jaminan Bank Islam • Jaminan takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful • Wang jaminan pelaksanaan Bagi tender antarabangsa, bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dalam Ringgit Malaysia dari bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia.
20	Agensi hendaklah memastikan urusan pentadbiran kontrak dilaksanakan dan klausa-klausa di dalam kontrak dipatuhi serta dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Agensi hendaklah memantau perlaksanaan kontrak dan memberikan maklum balas ke atas keberkesanan pelaksanaan kontrak.
21	Agensi hendaklah memastikan syarikat telah melaksanakan kerja dengan memuaskan dan sempurna dan seterusnya bayaran hendaklah dibuat dengan teratur.

Lampiran D

CARTA ALIRAN TENDER TERHAD BAGI PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN



PROSES KERJA TENDER TERHAD
BAGI PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN

Langkah	Proses Kerja
1	Agensi menentukan jenis barangan/perkhidmatan yang akan dilaksanakan secara tender terhad dan seterusnya menyediakan spesifikasi/skop perkhidmatan. Agensi hendaklah menentukan jenis tender terhad yang akan dipelawa sama ada: • Terhad Bumiputera • Terhad Tempatan • Terhad Antarabangsa • Terhad kepada Pembuat/Pengilang
2	Agensi hendaklah menyediakan dokumen tender yang lengkap dan mengandungi perkara-perkara seperti berikut: • Arahan kepada petender • Spesifikasi • Borang tender • Syarat-syarat tender • Terma-terma kontrak/dokumen perjanjian • Senarai kuantiti/ringkasan tender • Jadual kadar harga • Tempoh kontrak/tempoh penghantaran/kuantiti kontrak • Cadangan pemindahan teknologi • Prestasi/trek rekod • Profail dan kedudukan kewangan petender • Perkara-perkara lain jika berkenaan
3	Urus Setia atau pegawai memproses tender hendaklah membuat pemilihan syarikat berdasarkan kriteria-kriteria berikut: • Keupayaan syarikat dari segi pengurusan, personel, bilangan kakitangan teknikal dan lain-lain • Prestasi/trek rekod • Beban & kedudukan kerja dalam tangan • Kedudukan kewangan • Kriteria lain yang berkaitan Bagi tender terhad yang di bawah bidang kuasa lembaga perolehan agensi (LPA), agensi hendaklah membuat pemilihan di kalangan sekurang-kurangnya 5 syarikat Bumiputera tempatan bagi bekalan/perkhidmatan dan 10 syarikat Bumiputera tempatan bagi kerja. Agensi boleh mencadangkan syarikat Bumiputera di negeri/daerah terdekat sekiranya bilangan syarikat Bumiputera tempatan tidak mencukupi.

Langkah	Proses Kerja
4, 4a & 4b	Urus Setia atau pegawai memproses tender hendaklah membentangkan perakuan pemilihan syarikat kepada pihak yang meluluskan/LPA yang berkenaan. Kuasa meluluskan pemilihan syarikat bagi tender terhad mengikut had nilai adalah seperti berikut:- a) Lembaga perolehan kementerian/jabatan sehingga RM5 juta. b) Lembaga perolehan persekutuan peringkat negeri sehingga RM1 juta. c) Lembaga perolehan persekutuan (Sabah/Sarawak) sehingga RM1 juta. d) Lembaga perolehan badan berkanun dan syarikat Kerajaan sehingga RM10 juta Perolehan yang melebihi had nilai LPA di atas hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan.
5a	Bagi pemilihan syarikat yang di bawah bidang kuasa LPA, keputusan LPA untuk tidak bersetuju dengan perakuan urus setia/pegawai memproses tender boleh berlaku dalam 2 keadaan seperti berikut: a) Sekiranya LPA tidak bersetuju dengan senarai syarikat yang telah dikemukakan, pihak urus setia atau pegawai memproses tender perlu mengemukakan semula nama syarikat yang baru untuk pertimbangan LPA. b) Sekiranya LPA tidak bersetuju dengan kaedah tender terhad maka agensi hendaklah menguruskan perolehan mengikut kaedah tender terbuka.
5b	Bagi pemilihan syarikat yang di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, keputusan Kementerian Kewangan untuk tidak bersetuju dengan perakuan agensi boleh berlaku dalam 2 keadaan seperti berikut: a) Sekiranya Kementerian Kewangan tidak bersetuju dengan senarai syarikat yang telah dikemukakan, Kementerian Kewangan akan memutuskan senarai syarikat yang baru kepada agensi. b) Sekiranya Kementerian Kewangan tidak bersetuju dengan kaedah tender terhad maka agensi hendaklah menguruskan perolehan mengikut kaedah tender terbuka.
6	Setelah keputusan pemilihan untuk tender terhad diterima daripada lembaga perolehan agensi/Kementerian Kewangan, urus setia/pegawai memproses tender hendaklah menghantar surat pelawaan menyertai tender terhad kepada syarikat-syarikat yang dipilih.
7	Tempoh minima tarikh tutup tender bagi tender tempatan ialah 21 hari manakala bagi tender antarabangsa ialah 56 hari. Selepas tarikh tender ditutup, agensi dikehendaki melaksanakan pembukaan tender yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender yang dilantik oleh agensi yang dipengerusikan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional.
7 (samb.)	Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:-

Langkah	Proses Kerja
	• Menyediakan laporan pembukaan tender • Memberikan kod untuk setiap petender • Mencatatkan harga tawaran seperti di dalam borang tawaran syarikat • Mencatatkan tarikh sah laku tawaran, tempoh siap dan lain-lain maklumat yang berkaitan Setelah disempurnakan, dokumen-dokumen tawaran dan maklumat pembukaan tender diserahkan kepada urus setia tender/pegawai memproses tender.
8, 8a & 8b	Dua jawatankuasa berasingan iaitu jawatankuasa teknikal dan harga perlu ditubuhkan dan bertanggungjawab menilai semua tawaran mengikut spesifikasi teknikal dan kewangan serta menyediakan laporan kepada urus setia tender (pegawai memproses tender).
9	Urus Setia tender (pegawai memproses tender) menyediakan kertas taklimat tender dengan mengambil kira laporan penilaian teknikal dan harga untuk dibentangkan di mesyuarat lembaga perolehan. Pembentangan kertas taklimat tender dibuat oleh pegawai memproses tender untuk pertimbangan lembaga perolehan dan urus setia mesyuarat menyediakan minit mesyuarat lembaga perolehan. Keputusan tersebut hendaklah ditandatangani oleh ahli lembaga perolehan. Had kuasa lembaga perolehan agensi adalah seperti berikut: • Lembaga perolehan/kementerian/jabatan sehingga RM30 juta • Lembaga perolehan persekutuan (Sabah/Sarawak) sehingga RM20 juta • Lembaga perolehan badan berkanun dan syarikat Kerajaan sehingga RM100 juta Perolehan yang melebihi had di atas hendaklah dirujuk ke Kementerian Kewangan. Keputusan yang tidak sebulat suara juga perlu dirujuk ke Kementerian Kewangan.
10, 11 & 12	Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai sehingga RM30 juta (kementerian)/RM20 juta (Sabah/Sarawak)/RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan) ianya akan diputuskan oleh lembaga perolehan agensi. Sekiranya lembaga perolehan agensi membuat keputusan bersyarat i.e. mendapatkan pelarasan harga, perubahan tempoh siap dll, maka surat niat hendaklah dikeluarkan. Di samping itu rundingan hendaklah diadakan. Hasil rundingan hendaklah dikemukakan kepada lembaga perolehan agensi untuk keputusan muktamad (jika perlu) sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan tanpa syarat, agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima kepada syarikat yang berjaya.

Langkah	Proses Kerja
13	Bagi perolehan kerja yang bernilai melebihi RM30 juta (kementerian) / RM20 juta (Sabah/Sarawak) / RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan), lembaga perolehan agensi akan mengemukakan perakuan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan. Setelah Kementerian Kewangan menerima perakuan daripada agensi, tindakan selanjutnya adalah untuk menyediakan memorandum untuk pertimbangan KSP/YBMK/YABMK bagi mendapatkan keputusan muktamad. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat keputusan kepada agensi setelah keputusan muktamad dibuat.
14, 15, 16 & 17	Sekiranya Kementerian Kewangan membuat keputusan bersyarat maka agensi hendaklah mengeluarkan surat niat kepada syarikat yang dipilih dan seterusnya merundingkan perkara-perkara yang ditetapkan i.e. mendapatkan pelarasan harga, perubahan tempoh siap dll. Hasil rundingan hendaklah dimaklumkan semula kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad sekiranya perlu sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan Kementerian Kewangan tanpa syarat agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima.
18	Dokumen kontrak hendaklah disediakan, dikemaskini dan dimuktamadkan serta ditandatangani oleh pihak yang terlibat tidak lewat dari 4 bulan daripada surat setuju terima dikeluarkan dan tidak boleh melangkaui tempoh siap kontrak. Perjanjian kontrak akan ditandatangani setelah syarikat mengemukakan bon pelaksanaan. Bagi tender tempatan, bon pelaksanaan boleh dibuat sama ada dalam bentuk: • Jaminan bank • Jaminan insurans • Jaminan syarikat kewangan • Jaminan Bank Islam • Jaminan takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful Bagi tender antarabangsa, bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dalam Ringgit Malaysia dari bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia.
19	Agensi hendaklah memastikan urusan pentadbiran kontrak dilaksanakan dan klausa-klausa di dalam kontrak dipatuhi serta dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Agensi hendaklah memantau perlaksanaan kontrak dan memberikan maklum balas ke atas keberkesanan pelaksanaan kontrak.
20	Agensi hendaklah memastikan syarikat telah melaksanakan dan menyempurnakan bekalan/perkhidmatan dengan memuaskan dan sempurna. Seterusnya bayaran hendaklah dibuat dengan teratur.

Lampiran E

CARTA ALIRAN PRA KELAYAKAN (*PRE-Q*) BAGI TENDER KERJA



PROSES KERJA PRA KELAYAKAN (*PRE – Q*) BAGI TENDER KERJA

Langkah	Proses Kerja
1	Jabatan/agensi akan menentukan projek dan kriteria kelayakan kontraktor-kontraktor berdasarkan keperluan projek. Penentuan projek berasaskan keperluan kepakaran khusus, keselamatan dan kesegeraan
2	Mengiklankan tender di akhbar-akhbar tempatan. Sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama Bahasa Melayu. Bagi tender antarabangsa sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan (1 Bahasa Melayu dan 1 Bahasa Inggeris). Agensi seterusnya mengambil tindakan penjualan dokumen tender. Di dalam iklan tender, agensi hendaklah menyatakan antaranya perkara-perkara berikut:- • Jenis tender sama ada dikhaskan kepada bumiputera/tempatan/antarabangsa • Kelas kontraktor • Lain-lain syarat wajib Sekiranya perlu, agensi boleh mengadakan taklimat kepada kontraktor. Urus Setia tender akan menutup tender dan seterusnya menyerahkan dokumen-dokumen kontraktor kepada jawatankuasa penilaian.
3	Jawatankuasa penilaian akan membuat penilaian kelayakan kontraktor berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.
4	Menyediakan kertas laporan penilaian untuk dikemukakan kepada lembaga perolehan agensi (LPA).
5	Laporan penilaian dibentangkan dan seterusnya mendapatkan keputusan lembaga perolehan agensi.
6a & 6b	Jawatankuasa pemilihan akan menyenaraipendekkan kontraktor yang berjaya dan seterusnya menyerahkan kepada Urus Setia. Urus Setia akan memaklumkan kepada kontraktor-kontraktor yang gagal. dan menjual tender dokumen kepada kontraktor yang berjaya.
7	Dokumen tender akan dijual kepada para petender yang telah lulus tender pra-kelayakan sahaja.
8	Bagi tender tempatan, tarikh tutup tender tempoh minimanya ialah 21 hari manakala tender antarabangsa tempoh minimanya 56 hari. Selepas tarikh tender ditutup agensi dikehendaki melaksanakan pembukaan tender yang dilaksanakan oleh jawatankuasa pembuka tender yang dilantik oleh agensi yang dipengerusikan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional. Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:-

Langkah	Proses Kerja
	• Menyediakan laporan pembukaan tender • Memberikan kod untuk setiap petender • Mencatatkan harga tawaran seperti di dalam borang tawaran petender • Mencatatkan tarikh sah laku tawaran, tempoh siap dan lain-lain maklumat yang berkaitan Setelah disempurnakan, dokumen-dokumen tawaran dan maklumat pembukaan tender diserahkan kepada urus setia tender (pegawai memproses tender). Semua dokumen tersebut akan dinilai oleh jawatankuasa penilaian.
9	Setelah penilaian dibuat, urus setia dikehendaki menyediakan kertas taklimat tender. Kertas taklimat tender hendaklah mengandungi maklumat seperti status tender, sumber pembiayaan, peruntukan, anggaran kos, tarikh tamat sah laku tender, latar belakang petender, jadual tender, ringkasan laporan penilaian teknikal, ringkasan laporan penilaian kewangan/harga dan laporan perunding/perakuan Jabatan.
10	Pembentangan kertas taklimat tender dibuat oleh pegawai memproses tender untuk pertimbangan lembaga perolehan dan urus setia mesyuarat menyediakan minit mesyuarat lembaga perolehan. Keputusan tersebut hendaklah ditandatangani oleh ahli lembaga perolehan. Had kuasa lembaga perolehan agensi adalah seperti berikut: • Lembaga perolehan/kementerian/jabatan sehingga RM50juta • Lembaga perolehan persekutuan peringkat negeri sehingga RM20 juta • Lembaga perolehan persekutuan (Sabah/Sarawak) sehingga RM20juta • Lembaga perolehan badan berkanun dan syarikat Kerajaan sehingga RM100 juta Perolehan yang melebihi had di atas hendaklah dirujuk ke Kementerian Kewangan. Keputusan yang tidak sebulat suara juga perlu dirujuk ke Kementerian Kewangan.
11, 12 & 13	Bagi perolehan kerja yang bernilai sehingga RM50 juta (kementerian) / RM20 juta (negeri) / RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan) ianya akan diputuskan oleh lembaga perolehan agensi. Sekiranya lembaga perolehan agensi membuat keputusan bersyarat i.e. membuat pelarasan harga, perubahan tempoh siap dll, maka surat niat hendaklah dikeluarkan. Di samping itu rundingan hendaklah diadakan. Hasil rundingan hendaklah dikemukakan kepada lembaga perolehan agensi, untuk keputusan muktamad (jika perlu) sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan tanpa syarat, agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima kepada syarikat yang berjaya.

Langkah	Proses Kerja
14	Bagi perolehan kerja yang bernilai melebihi RM50 juta (kementerian) / RM20 juta (negeri) / RM100 juta (badan berkanun dan syarikat Kerajaan), lembaga perolehan agensi akan mengemukakan perakuan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan. Setelah Kementerian Kewangan terima perakuan daripada agensi, tindakan menyediakan memorandum untuk pertimbangan KSP/YBMK/YABMK bagi mendapatkan keputusan muktamad. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat keputusan kepada agensi setelah keputusan muktamad dibuat.
15, 16, 17 & 18	Sekiranya keputusan bersyarat maka agensi hendaklah merunding dan memaklumkan semula kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad sekiranya perlu sebelum surat setuju terima dikeluarkan. Sekiranya keputusan Kementerian Kewangan tanpa syarat agensi hendaklah mengeluarkan surat setuju terima.
19	Dokumen kontrak yang telah disediakan, dikemaskini dan dimuktamadkan serta ditandatangani oleh pihak yang terlibat tidak lewat dari 4 bulan daripada surat setuju terima dikeluarkan dan tidak boleh melangkaui tempoh siap projek. Perjanjian kontrak akan ditandatangani setelah syarikat mengemukakan bon pelaksanaan. Bagi tender tempatan, bon pelaksanaan boleh dibuat sama ada dalam bentuk:- • Jaminan bank • Jaminan insurans • Jaminan syarikat kewangan • Jaminan Bank Islam • Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful • Wang jaminan pelaksanaan Bagi tender antarabangsa, bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dalam Ringgit Malaysia dari bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia.
20	Agensi hendaklah memastikan urusan pentadbiran kontrak dilaksanakan dan klausa-klausa di dalam kontrak dipatuhi serta dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Perlaksanaan kontrak hendaklah dipantau dan memberikan maklum balas keatas keberkesanan pelaksanaan kontrak.
21	Agensi hendaklah memastikan syarikat telah melaksanakan kerja dengan memuaskan dan sempurna dan seterusnya bayaran hendaklah dibuat dengan teratur.

Lampiran F1

CONTOH LAPORAN PENILAIAN TEKNIKAL UNTUK TENDER PERKHIDMATAN

KASTAM DIRAJA MALAYSIA
(TENDER KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BIL. 2/2007)

LAPORAN PENILAIAN TEKNIKAL

BAGI

LAPORAN PENILAIAN TEKNIKAL BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PERALATAN PENGHAWA DINGIN DAN *UNINTERRUPTIBLE POWER SUPPLY* (UPS) KDRM SECARA 'ON-CALL'

1. TUJUAN

Laporan penilaian teknikal ini disediakan untuk membolehkan Lembaga Perolehan Kementerian Kewangan Malaysia membuat keputusan bagi perkhidmatan penyelenggaraan peralatan penghawa dingin dan *Uninterruptible Power Supply* (UPS) KDRM secara 'on-call' (Tender 2/2007) untuk kegunaan Kastam DiRaja Malaysia selaras dengan peraturan Klausa 197.3(a) Arahan Perbendaharaan dan Perenggan 39 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007.

2. KUASA

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan melalui surat siri KDRN 77/2 bertarikh 2 Mac 2007 telah melantik Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang terdiri dari pegawai-pegawai berikut:

2.1 Pengerusi : (Nama)
(Jawatan)

2.2 Ahli Pertama: (Nama)
(Jawatan)

2.3 Ahli Kedua : (Nama)
(Jawatan)

2.4 Setiausaha : (Nama)
(Jika perlu) (Jawatan)

Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal telah diadakan pada 15 Mac 2007 jam 11.00 pagi dan pada 20 Mac 2007 jam 8.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia Putrajaya. Penilaian dibuat ke atas risalah-risalah/katalog dokumen yang dikemukakan oleh pihak urusetia tender KDRM.

3. TERMA-TERMA RUJUKAN

Penilaian ini berpadukan kepada terma-terma dan methodologi seperti berikut:

Berdasarkan kepada contoh-contoh dan sample yang dikemukakan oleh Petender semasa tarikh tutup tender melalui Urusetia Tender, Kastam Diraja Malaysia sahaja.

Menyenarai pendek – Semua spesifikasi/syarat wajib yang mesti ditepati. Mana-mana tawaran tidak menepati salah satu dari ciri spesifikasi/syarat wajib tidak layak dipertimbangkan dan spesifikasi-spesifikasi amnya tidak dinilai seterusnya.

Tawaran-tawaran yang berjaya dalam penyenaraian pendek akan dinilai dengan Skim Permarkahan Terus.

4. PENILAIAN MENYENARAI PENDEK – SPESIFIKASI WAJIB

Spesifikasi	Kod Petender														
	1/15	2/15	3/15	4/15	**5/15**	**6/15**	**7/15**	**8/15**	**9/15**	**10/15**	**11/15**	**12/15**	**13/15**	**14/15**	**15/15**
Petender perlu menyenaraikan semua alat ganti dan penggantian baru bagi Penghawa Dingin dan UPS yang terlibat sepertimana di Dokumen 3A	T	T	T	T	T	T	M	T	T	T	T	T	T	M	T
KEPUTUSAN- **MESTI MENEPATI KESEMUA SPESIFIKASI WAJIB**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**TIDAK LULUS**	**LULUS**	**TIDAK LULUS**

Nota : M - Menepati
T - Tidak Menepati

5. PENILAIAN SPESIFIKASI AM

Berikut adalah hasil penilaian ke atas dokumen bagi tawaran-tawaran yang telah lulus penilaian Spesifikasi/Syarat Wajib. Tahap ketepatan bagi sesuatu tawaran boleh diklasifikasikan sebagai salah satu seperti dibawah:-

Tahap	Ciri Ketepatan
I	Tawaran yang melebihi had spesifikasi dan kelebihan tersebut boleh memberi faedah atau keuntungan kepada pengguna.
II	Menepati spesifikasi, atau tawaran yang melebihi had spesifikasi tetapi kelebihan itu tidak diperlukan oleh pengguna.
III	Terdapat sedikit penyimpangan (*deviation*) dan ia tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan serius.
IV	Terdapat penyimpangan yang ketara dan ia boleh menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan dengan serius.
V	Tidak menepati spesifikasi atau tiada komitmen atau tidak mengemukakan katalog / maklumat untuk semakan.

5.2 Tahap ketepatan bagi tawaran yang telah diklasifikasikan di atas perlu dipindahkan melalui skim pemarkahan terus seperti jadual di bawah:

Tahap	I	II	III	IV	V
Markah	7	6	4	2	0

PENILAIAN PERMARKAHAN BAGI PETENDER 7/15

Spesifikasi Am	Tahap ketepatan					
	I 7	II 6	III 4	IV 2	V 0	Nilai Markah
1. Tempoh tindakan awal kurang dari 3 jam bermula dari masa ke sesuatu kerosakan dilaporkan		X				6
2. Dalam tempoh 8 jam kerosakan hendaklah dibaik baikpulih, sekiranya tidak melibatkan penggantian keseluruhan unit		X				6
3. Tempoh masa 5 hari termasuk sebarang cuti am dan cuti umum tersebut melibatkan penggantian keseluruhan peralatan kepada peralatan yang baru		X				6
4. Kontraktor perlu membekalkan senarai nama syarikat serta semua staf/ kakitangan/agen bersama dengan pengalaman serta keupayaan mereka		X				6

JUMLAH : 24 MARKAH @ 85.74%

P**ENILAIAN PERMARKAHAN BAGI PETENDER** 14/15

Spesifikasi Am	**Tahap ketepatan**					
	I 7	**II 6**	**III 4**	**IV 2**	**V 0**	**Nilai Markah**
1. Tempoh tindakan awal kurang dari 3 jam bermula dari masa ke sesuatu kerosakan dilaporkan			X			4
2. Dalam tempoh 8 jam kerosakan hendaklah dibaik baikpulih, sekiranya tidak melibatkan penggantian keseluruhan unit			X			4
3. Tempoh masa 5 hari termasuk sebarang cuti am dan cuti umum tersebut melibatkan penggantian keseluruhan peralatan kepada peralatan yang baru			**X**			4
4. Kontraktor perlu membekalkan senarai nama syarikat serta semua staf/ kakitangan/agen bersama dengan pengalaman serta keupayaan mereka			**X**			4

JUMLAH : 16 MARKAH @ 57.14 %

6. ANALISIS KEPUTUSAN PENILAIAN

Berikut adalah ringkasan keputusan penilaian:-

Kod Petender	**Keputusan Penilaian**	
	Spesifikasi Wajib	**Spesifikasi Am (Markah)**
1/15	TIDAK LULUS	-
2/15	TIDAK LULUS	-
3/15	TIDAK LULUS	-
4/15	TIDAK LULUS	-
5/15	TIDAK LULUS	-
6/15	TIDAK LULUS	-
7/15	LULUS	24
8/15	TIDAK LULUS	-
9/15	TIDAK LULUS	-
10/15	TIDAK LULUS	-
11/15	TIDAK LULUS	-
12/15	TIDAK LULUS	-
13/15	TIDAK LULUS	-
14/15	LULUS	16
15/15	TIDAK LULUS	-

7. ULASAN DAN SOKONGAN JAWATANKUASA

Berpandukan kepada keputusan-keputusan di atas cadangan Jawatankuasa Penilaian Teknikal adalah seperti berikut:

7.1 Tawaran-Tawaran Yang Tidak Disokong

Kod Petender	Ulasan
1/15 2/15 3/15 4/15 5/15 6/15 8/15 9/15 10/15 11/15 12/15 13/15 15/15	▪ Tidak menepati spesifikasi/syarat wajib. ▪ Petender tidak menyenaraikan semua alat ganti dan penggantian baru bagi Penghawa Dingin dan UPS yang terlibat sepertimana yang ditawarkan dalam dokumen tender. ▪ Mengikut Para 3(ii) – tawaran yang tidak menepati wajib tidak layak dipertimbangkan dan spesifikasi-spesifikasi amya tidak dinilai seterusnya.

7.2 Tawaran-Tawaran Yang Disokong

Bil	Kod Petender	Keutamaan	Ulasan
1	7/15	1	**Menepati spesifikasi tender:** ▪ Petender telah menyenaraikan alat ganti dan penggantian baru bagi Penghawa Dingin dan UPS yang terlibat sepertimana yang ditawarkan dalam dokumen 3A. ▪ Petender telah menunjukkan komitmen untuk memberi penerangan dan penyelesaian bagi semua kategori Spesifikasi Wajib dan Spesifikasi Am. ▪ Mendapat 24 markah (85.74%) dalam proses

Bil	Kod Petender	Keutamaan	Ulasan
			penilaian secara permarkahan terus.
2	UA-14	2	**Menepati spesifikasi tender:** ▪ Petender telah menyenaraikan alat ganti dan penggantian baru bagi Penghawa Dingin dan UPS yang terlibat sepertimana yang ditawarkan dalam dokumen 3A. ▪ Petender hanya menjawab 'TELAH DITELITIKAN' bagi semua spesifikasi am di mana terdapat komitmen untuk memberi maklumat untuk semakan. ▪ Mendapat 16 markah (57.14%) dalam proses penilaian secara pemarkahan terus.

8. PERAKUAN

Penilaian yang telah dilaksanakan ke atas semua pretender secara adil dan saksama berdasarkan syarat dan spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender serta kriteria penilaian yang disediakan sebelum proses penilaian dibuat. Jawatankuasa Penilaian Teknikal dengan ini memperakukan tawaran-tawaran yang dinyatakan di para 7.1 Tawaran-Tawaran Yang Disokong di atas untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Kementerian Kewangan Malaysia.

9. DITANDATANGANI OLEH AHLI JAWATANKUASA PENILAI

Pengerusi : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Ahli Pertama : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Ahli Kedua : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Ahli Ketiga : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Setiausaha : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Tarikh:

Lampiran F2

CONTOH LAPORAN PENILAIAN HARGA UNTUK TENDER PERKHIDMATAN

KASTAM DIRAJA MALAYSIA

(TENDER KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BIL. 2/2007)

LAPORAN PENILAIAN HARGA

BAGI

TENDER PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PERALATAN PENGHAWA DINGIN DAN *UNINTERRUPTIBLE POWER SUPPLY* (UPS) KDRM SECARA 'ON-CALL'

1. Tujuan

Laporan ini disediakan untuk membantu Urus setia Lembaga Perolehan membuat penilaian ke atas harga-harga yang ditawarkan oleh petender-petender bagi perkhidmatan di atas.

2. Pelantikan Jawatankuasa

2.1 Jawatankuasa ini dilantik oleh Pengarah Bahagian Sumber Manusia dan Kewangan, KDRM melalui memonya;

Fail Rujukan : (Nyatakan fail rujukan)

Tarikh :

2.2 Keanggotaan Jawatankuasa;

Pengerusi : (Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Ahli Pertama : (Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Ahli Kedua : (Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

3. Harga Anggaran

Tiada.

Harga kontrak terdahulu yang telah tamat = RM305,800(had siling)

4. Pemerhatian Jawatankuasa Penilaian Harga

4.1 Sebanyak lima belas (15) Petender telah mengemukakan tawaran harga bagi tender ini seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Kod Petender	UPS		Hawa Dingin		Catatan
	Penyelenggaraan On-call	Kos Alat Ganti	Penyelenggaraan On-call	Kos Alat Ganti	
1/15	651,600.00	341,500.00	495,300.00	68,700.00	Tidak menyertakan harga UPS di Stesen Muar
2/15	369,390.00	76,490.00	140,920.00	Tidak menyenaraikan harga seperti dikehendaki di Dok. 3A	Tidak menyertakan harga UPS di PTP
3/15	446,550.00	28,080.00	348,600.00	288,00.00	-
4/15	339,904.00	18,630.00	185,710.00	41,70.00	-
5/15	114,000.00	68,010.00	105,390.00	40,300.00	-
6/15	314,600.00	98,940.00	120,800.00	67,480.00	-
7/15	113,900.00	95,880.00	65,060.00	40,100.00	-
8/15	510,200.00	108,900.00	290,100.00	68,900.00	-
9/15	477,100.00	112,900.00	270,800.00	69,200.00	-
10/15	334,680.00	32,646.25	120,640.00	Tidak menyenaraikan harga seperti dikehendaki di Dok. 3A	-
11/15	179,280.00	315,600.00	27,490.00	42,850.00	-
12/15	114,300.00	244,100.00	45,300.00	50,800.00	-
13/15	256,410.00	105,770.00	92,600.00	49,590.00	Tidak menyertakan tawaran lengkap bagi tawaran di bawah kontrak PERB/PK/2/1996 dan KDN/POL/181/1992
14/15	410,90.00	119,600.00	12,420.00	91,090.00	Tidak menyertakan tawaran

Kod Petender	UPS		Hawa Dingin		Catatan
	Penyelenggaraan On-call	Kos Alat Ganti	Penyelenggaraan On-call	Kos Alat Ganti	
					lengkap bagi tawaran di bawah kontrak KDN/POL/PT/85/2000
15/15	163,840.00	141,015.35	118,600.00	52,920.00	-

5. Analisis

5.1 Setelah semakan dibuat, Jawatankuasa mendapati semua Petender bertaraf Bumiputera kecuali Petender 3/15 dan 4/15. Semua Petender berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Petender 7/15 dan 5/15 mempunyai pengalaman dalam perolehan perkhidmatan ini di Agensi Kerajaan lain.

5.2 Jawatankuasa telah meneliti semula tawaran setiap Petender. Setiap Petender perlu menyenaraikan tawaran bagi kos penyelenggaraan secara on-call bagi setiap unit di UPS dan Penghawa dingin setiap lokasi. Petender juga dikehendaki menyenaraikan harga alat ganti bagi setiap model UPS dan Penghawa dingin yang telah ditetapkan oleh KDRM bagi tujuan penggantian.

5.3 Setelah membuat penelitian terhadap harga tawaran, Jawatankuasa memutuskan unutk membuat perbandingan harga berdasarkan jumlah total tawaran bagi semua lokasi.

5.4 Jawatan kuasa mendapati bahawa ada Petender yang tidak menyatakan tawaran pada keseluruhan ruang tawaran /lokasi seperti yang dikehendaki dalam dokumen tender. Petender-petender tersebut juga tidak menyenaraikan kos alat ganti bagi UPS dan Penghawa dingin seperti diminta. Petender-petender tersebut adalah Petender 1/15, 2/15, 10/15, 13/15 dan 14/15.

5.5 Oleh itu, Jawatankuasa membuat keputusan untuk tidak mempertimbangkan tawaran Petender-petender ini kerana tidak menawarkan tawaran pada keseluruhan item seperti dikehendaki dalam dokumen tender. Ini kerana jumlah keseluruhan tawaran Petender-petender tersebut bukanlah merangkumi tawaran bagi kesemua item yang dikehendaki.

5.6 Jawatankuasa membuat penilaian kepada 10 tawaran yang lengkap sahaja. Ringkasan tawaran mengikut turutan harga yang termurah adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2

Kod Petender	UPS		Hawa Dingin		Jumlah (RM)
	Penyelenggaraan On-Call	Kos Alat Ganti	Penyelenggaraan On-Call	Kos Alat Ganti	
7/15	113,900 (1)	95,880 (4)	65,060 (2)	40,100 (3)	314,940
5/15	114,000 (2)	68,010 (3)	105,390 (4)	40,300 (4)	327,700
12/15	114,300 (3)	244,100 (9)	65,300 (3)	50,800 (6)	474,500
15/15	163,840 (4)	141,015 (8)	118,600 (5)	52,920 (7)	476,375
4/15	339,904 (7)	18,630 (1)	185,710 (7)	4,700 (1)	548,944
11/15	179,280 (5)	315,600 (10)	27,490 (1)	42,850 (5)	565,220
6/15	314,600 (6)	98,940 (5)	120,800 (6)	67,480 (8)	601,820
3/15	446,550 (8)	28,080(2)	348,600 (10)	28,000 (2)	851,230
9/15	477,100 (9)	112,900 (7)	270,800 (8)	69,200 (10)	930,000
8/15	510,200 (10)	108,900 (6)	290,100 (9)	68,900 (9)	978,100

*Nota : Angka dalam kurungan ialah susunan kemurahan tawaran

5.7 Bagi kos Penyelenggaraan UPS, Petender 7/15 menawarkan tawaran terendah. Bagi Kos Penyelenggaraan Penghawa Dingin, Petender 11/15 menawarkan tawaran terendah.

5.8 Bagi kos penggantian alat ganti, Petender 4/15 menawarkan tawaran termurah bagi kos kedua-dua alat ganti UPS dan hawa dingin.

5.9 Walau bagaimanapun, Jawatankuasa mendapati tawaran Petender 4/15 ini bagi kos penyelenggaraan kedua-dua UPS dan hawa dingin adalah ketujuh termurah.

5.10 Menurut pemerhatian Jawatankuasa, Petender 7/15 menawarkan tawaran terendah bagi Penyelenggaraan UPS dan kedua terendah bagi Penyelenggaraan Hawa Dingin.

5.11 Petender 7/15 menawarkan tawaran ke empat terendah bagi kos alat ganti UPS dan dan ketiga terendah bagi kos alat ganti penghawa dingin

5.12 Jawatankuasa juga mendapati tawaran Petender 5/15 bagi penyelenggaraan UPS adalah kedua terendah dan

penyelenggaraan penghawa dingin adalah keempat terendah. Manakala tawaran bagi kos alat ganti UPS adalah ketiga terendah dan kos alat ganti penghawa dingin adalah keempat terendah.

6. Syor

Berdasarkan penilaian yang dilakukan, Jawatankuasa berpendapat bahawa tawaran Petender 7/15 adalah lebih baik secara keseluruhannya dan mempunyai pengalaman serta prestasi yang baik dalam perolehan yang sama di Agensi lain. Oleh itu, Jawatankuasa mengesyorkan supaya tawaran petender 7/15 diperakukan oleh Lembaga Perolehan. Walau bagaimanapun, tawaran harga termurah mengikut susunan kemurahan harga patut diberi keutamaan tertakluk sama ada tawaran tersebut memenuhi spesifikasi dan lulus dalam Penilaian Teknikal dalam tender ini.

TANDATANGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Ahli Pertama : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Ahli Kedua : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)

Tarikh :

Lampiran G1

CONTOH LAPORAN PENILAIAN TEKNIKAL UNTUK TENDER BEKALAN

POLIS DIRAJA MALAYSIA

(TENDER KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI BIL. 38/2006)

LAPORAN PENILAIAN TEKNIKAL

BAGI

TENDER PEROLEHAN BEKALAN BAGI PELBAGAI JENIS KERTAS KOMPUTER UNTUK KEGUNAAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

1. TUJUAN

Laporan penilaian teknikal ini disediakan untuk membolehkan Lembaga Perolehan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri membuat keputusan bagi pembekalan pelbagai jenis kertas komputer (Tender 38/2006) untuk kegunaan Polis DiRaja Malaysia selaras dengan peraturan Klausa 197.3(a) Arahan

Perbendaharaan dan Perenggan 39 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007.

2. KUASA

Pengarah Jabatan Logistik melalui surat siri KPN 77/2 bertarikh 13 Mac 2007 telah melantik Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang terdiri dari pegawai-pegawai berikut:

2.1	Pengerusi	:	(Nama) (Jawatan)
2.2	Ahli Pertama:		(Nama) (Jawatan)
2.3	Ahli Kedua	:	(Nama) (Jawatan)
2.4	Setiausaha (Jika perlu)	:	(Nama) (Jawatan)

Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal telah diadakan pada 4 dan 9 April 2007 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Bahagian Perolehan, Aras 5, Blok D1, Kompleks D, Kompleks Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

3. TERMA-TERMA RUJUKAN

Penilaian ini berpadukan kepada terma-terma dan methodologi seperti berikut:

(i) Berdasarkan kepada contoh-contoh dan sample yang dikemukakan oleh Petender semasa tarikh tutup tender melalui Urusetia Tender, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sahaja.

(ii) Menyenarai pendek – Semua spesifikasi/syarat wajib yang mesti ditepati. Mana-mana tawaran tidak menepati salah satu dari ciri spesifikasi/syarat wajib tidak layak dipertimbangkan dan spesifikasi-spesifikasi amnya tidak dinilai seterusnya.

(iii) Tawaran-tawaran yang berjaya dalam penyenaraian pendek akan dinilai dengan kaedah Permarkahan Mengikut Keutamaan yang Diubahsuai *(Modified Weighted Point Method)*.

4. SENARAI PENDEK

Dalam tender ini, tiada spesifikasi/syarat wajib dalam dokumen teknikal. Oleh yang demikian, proses untuk menyenarai pendek tidak dijalankan.

5. PENILAIAN SPESIFIKASI AM

Penilaian Dokumen

5.1 Memandangkan tiada spesifikasi wajib ditetapkan, ahli Jawatankuasa telah memutuskan pengujian dibuat berdasarkan kepada spesifikasi am kertas komputer yang tercatat dalam dokumen pelawaan tender dan contoh kertas komputer yang disertakan.

Hasil penilaian am ke atas dokumen bagi tawaran-tawaran yang dikemukakan untuk kertas komputer 241mm X 279mm adalah seperti di Kembaran A, Kertas komputer 381mm X 279 mm seperti di Kembaran B dan Penilaian beratkertas berpandukan ujian keputusan makmal Forensik PDRM. Tahap ketepatan bagi sesuatu tawaran diklasifikasikan sebagai salah satu yang berikut:

Tahap	Ciri Ketepatan
I	Tawaran yang melebihi had spesifikasi dan kelebihan tersebut boleh memberi faedah atau keuntungan kepada pengguna.
II	Menepati spesifikasi, atau tawaran yang melebihi had spesifikasi tetapi kelebihan itu tidak diperlukan oleh pengguna.
III	Terdapat sedikit penyimpangan (*deviation*) dan ia tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan serius.
IV	Terdapat penyimpangan yang ketara dan ia boleh menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan dengan serius.

Tahap	Ciri Ketepatan
V	Tidak menepati spesifikasi atau tiada komitmen atau tidak mengemukakan katalog / maklumat untuk semakan.

5.2 Tahap ketepatan bagi tawaran yang telah diklasifikasikan di atas perlu dipindahkan melalui skim pemarkahan seperti jadual di bawah:

Tahap	I	II	III	IV	V
Markah	7	6	4	2	0

5.3 Perbezaan spesifikasi-spesifikasi am yang berkait secara langsung dengan kepentingan kegunaan bagi perolehan ini dapat ditentukan melalui wajaran berdasarkan ciri-ciri berikut:

Kedudukan Wajaran	Ciri Wajaran Untuk Spesifikasi Am
5	Sangat Diperlukan Ciri spesifikasi yang perlu ada dan utama yang membolehkan pengguna mendapat kelebihan serta menerima faedah sepenuhnya.
4	Diperlukan Ciri spesifikasi yang diperlukan bagi membolehkan pengguna mendapat kelebihan dan menerima faedah.
3	Tahap Sederhana Diperlukan Ciri spesifikasi yang masih diperlukan pada tahap sederhana sahaja bagi faedah pengguna.
2	Kurang Diperlukan Ciri spesifikasi yang kurang diperlukan bagi pengguna dan sekiranya ada, ianya memberi kelebihan pada tahap minima. Ketiadaan spesifikasi ini masih tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan.

Kedudukan Wajaran	Ciri Wajaran Untuk Spesifikasi Am
1	Tahap Pilihan Diperlukan Spesifikasi pilihan (ada atau tiada). Ketiadaan spesifikasi ini tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan serius.

6. ANALISIS KEPUTUSAN

Berikut adalah ringkasan keputusan penilaian-penilaian bagi:

6.1 Kertas Komputer Tanpa Cetakan (241mm X 279mm)

6.1.1 Kertas Komputer 1 Ply 241mm X 279mm *white printing*

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-1A	-	198
2/9-1A	-	Tiada Tawaran
3/9-1A	-	198
4/9-1A	-	188
5/9-1A	-	168
6/9-1A	-	198
7/9-1A	-	198
8/9-1A	-	178
9/9-1A	-	178

6.1.2 Kertas Komputer 2 Ply 241mm X 279mm berkarbon

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-2A	-	278

2/9-2A	-	288
3/9-2A	-	288
4/9-2A	-	288
5/9-2A	-	278
6/9-2A	-	288
7/9-2A	-	288
8/9-2A	-	258
9/9-2A	-	248

6.1.3 Kertas Komputer 3 Ply 241mm X 279mm berkarbon

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-3A	-	278
2/9-3A	-	288
3/9-3A	-	288
4/9-3A	-	288
5/9-3A	-	278
6/9-3A	-	288
7/9-3A	-	288
8/9-3A	-	258
9/9-3A	-	248

6.1.4 Kertas Komputer 4 Ply 241mm X 279mm berkarbon

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-4A	-	278
2/9-4A	-	288
3/9-4A	-	288
4/9-4A	-	288
5/9-4A	-	278
6/9-4A	-	288
7/9-4A	-	288
8/9-4A	-	258
9/9-4A	-	248

6.2 Kertas Komputer Tanpa Cetakan (381mm X 279mm)

6.2.1 Kertas Komputer 1 Ply 381mm X 279mm white printing

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-1B	-	198
2/9-1B	-	Tiada Tawaran
3/9-1B	-	198

4/9-1B	-	188
5/9-1B	-	168
6/9-1B	-	198
7/9-1B	-	198
8/9-1B	-	178
9/9-1B	-	178

6.2.2 Kertas Komputer 2 Ply 381mm X 279mm white printing

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-2B	-	198
2/9-2B	-	Tiada Tawaran
3/9-2B	-	198
4/9-2B	-	188
5/9-2B	-	168
6/9-2B	-	198
7/9-2B	-	198
8/9-2B	-	178
9/9-2B	-	178

6.2.3 Kertas Komputer 3 Ply 381mm X 279mm white printing

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-3B	-	198
2/9-3B	-	Tiada Tawaran
3/9-3B	-	198
4/9-3B	-	188
5/9-3B	-	168
6/9-3B	-	198
7/9-3B	-	198
8/9-3B	-	178
9/9-3B	-	178

6.2.4 Kertas Komputer 4 Ply 381mm X 279mm white printing

Kod Petender	Keputusan Penilaian	
	Spesifikasi Wajib	Spesifikasi Umum
1/9-4B	-	198
2/9-4B	-	Tiada Tawaran
3/9-4B	-	198
4/9-4B	-	188
5/9-4B	-	168
6/9-4B	-	198
7/9-4B	-	198

8/9-4B	-	178
9/9-4B	-	178

7. ULASAN DAN SOKONGAN JAWATANKUASA

Berpandukan kepada keputusan-keputusan di atas bagi Kertas Komputer Tanpa cetakan (241mm X 279mm) dan (381mm X 279mm) yang bertanda seperti Kertas Komputer (x-A dan x-B), cadangan jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

7.1 Tawaran Yang Disokong

Tawaran yang disokong bagi Kertas Komputer Tanpa Cetakan (241mm X 279mm) (x-A) dan Kertas Komputer Tanpa Cetakan (381mm X 279mm) (x-B) adalah:

7.2 Kertas Komputer Tanpa Cetakan (241mm X 279mm)

7.2.1 Kertas Komputer 1 Ply 241mm X 279mm (x-1A) white printing

- Markah penuh 198

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	1/9-1A 3/9-1A 6/9-1A 7/9-1A	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 198 markah (100%)
2	4/9-1A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 188 markah (94.9%). Bagi kertas kurang 70gsm.

7.2.2 Kertas Komputer 2 Ply 241mm X 279mm (x-2A) white printing

- Markah penuh 228

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	2/9-2A 3/9-2A 4/9-2A	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 228 markah (100%)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
	6/9-2A 7/9-2A	
2	1/9-2A 5/9-2A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 278 markah (96.5%). 1/9-2A dan 5/9-2A berat kertas pendua kurang 55gsm.
3	8/9-2A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 258 markah (89.5%). Berat kertas asal kurang 56gsm dan pendua kurang 55gsm.

7.2.3 Kertas Komputer 3 Ply 241mm X 279mm (x-3A) berkarbon

- Markah penuh 348

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	4/9-3A 6/9-3A 9/9-3A	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 338 markah (97.1%). Berat kertas kurang 56gsm.
2	1/9-3A 4/9-3A 5/9-3A 7/9-3A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 328 markah (94.2%). Berat kertas kurang 55gsm.
3	2/9-3A 8/9-3A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 318 markah (91.3%). Berat kertas kurang 55gsm.

7.2.4 Kertas Komputer 4 Ply 241mm X 279mm (x-4A) berkarbon

- Markah Penuh 408

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	4/9-4A 6/9-4A	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 378 markah (92.6%). Berat kertas kurang 55gsm.
2	3/9-4A 7/9-4A 8/9-4A 9/9-4A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 368 markah (90.1%). Berat kertas kurang 55gsm.

7.3 Kertas Komputer Tanpa Cetakan (381mm X 279mm)

7.3.1 Kertas Komputer 1 Ply 381mm X 279mm (x-1B) white printing

- Markah penuh 198

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	6/9-1B	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 198 markah (100%).

7.3.2 Kertas Komputer 2 Ply 381mm X 279mm (x-2B) berkarbon

- Markah Penuh 288

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	2/9-2B	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 288 markah (100%).
2	6/9-2B	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 278 markah (96.5%). Berat kertas kurang 55gsm

7.3.3 Kertas Komputer 3 Ply 381mm X 279mm (x-3B) berkarbon

- Markah penuh 348

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan

1	2/9-3B	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 338 markah (97.1%). Berat kertas kurang 55gsm

7.3.4 Kertas Komputer 4 Ply 381mm x 279mm (x-4B) berkarbon

- Markah penuh 408

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	2/9-4B	Memenuhi Spesifikasi Am mendapat 358 markah (87.7%). Berat kertas kurang 55gsm

7.4 Tawaran Yang Ditolak

Tawaran yang ditolak bagi Kertas Komputer Tanpa Cetakan (241mm X 279mm)(x-A) dan Kertas Komputer Tanpa Cetakan (381mm X 279mm)(x-B) adalah seperti berikut:

7.4.1 Kertas Komputer Tanpa Cetakan 4 Ply 381mm X 279mm (x-4B) berkarbon

Kod Petender	Ulasan
1/9-2B	Tidak memenuhi spesifikasi Am seperti para 6 kerana mengemukakan imej salinan Biru

7.4.2 Kertas Komputer Tanpa Cetakan 4 Ply 381mm X 279mm (x-4B) berkarbon

Kod Petender	Ulasan
1/9-4B	Tidak memenuhi spesifikasi Am seperti para 8 kerana mengemukakan imej salinan Biru

7.5 Tawaran Yang Tidak Disokong

Walaupun pretender berikut lulus dalam penilaian, namun terdapat beberapa kecacatan yang perlu diberi perhatian atas sebab-sebab berikut:

7.5.1 Penyelarasan Warna

Dalam Spesifikasi terknikal kertas komputer 1 ply size 241mm X 279mm dan size 381mm X 279mm telah ditetapkan warna putih. Jawatankuasa ini mengesyorkan pertimbangan warna kertas putih ini diselaraskan untuk semua jenis kertas.

Terdapat perbezaan warna ke atas contoh kertas computer yang dihantar oleh petender. Di antara yang ketara warna kertasnya yang kekuningan.

7.5.1.2 Kertas Komputer Tanpa Cetakan 4 ply 241mm X 279mm (x-4A)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	1/9-4A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 368 markah (90.1%). Berat kertas kurang 55gsm dan kertas berwarna kekuningan.
2	5/9-4A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 358 markah (87.7%). Berat kertas kurang 55gsm dan kertas berwarna kekuningan.

7.5.1.3 Kertas computer Tanpa Cetakan 2 ply 381mm X 279mm (x-2B)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	9/9-2B	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 248 markah (86.1%). Berat kertas kurang 55gsm dan kertas. Tiada garisan putus-putus di kiri dan kanan untuk mudah dileraikan dan kertas berwarna kekuningan.
2	5/9-2B	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 238 markah (82.6%). Berat kertas kurang 55gsm. Tiada garisan putus-putus di kiri dan kanan untuk mudah dileraikan dan kertas berwarna kekuningan.

7.5.1.4 Kertas Komputer Tanpa Cetakan 3 ply 381mm X 279mm (x-3B)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	1/9-3B	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 278 markah (79.8%). Kualiti cetakan tidak jelas dan tulisan pecah dan kertas berwarna kekuningan.

7.5.1.5 Kertas Komputer Tanpa Cetakan 4 ply 381mm X 279mm (x-4B)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	9/9-4B	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 328 markah (80.3%). Berat kertas kurang 55gssm. Tiada garisan putus-putus di kiri dan kanan untuk mudah dileraikan dan kertas berwarna kekuningan.
2	5/9-4B	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 238 markah (58.3%). Berat kertas kurang 55gsm. Kualiti cetakan pecah dan tiada garisan putus-putus di kiri dan kanan unutk mudah dileraikan dan kertas berwarna kekuningan.

7.5.2 Mudah Koyak

Beberapa contoh kertas computer yang diuji dengan menggunakan mesin pencetak mudah koyak.

7.5.2.1 Kertas Komputer 2 Ply 241mm X 279mm (x-2A)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	9/9-2A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 248 markah (86.1%). Berat kertas pendua 55gsm kertas koyak semasa dicetak.

7.5.2.2 Kertas Komputer 4 Ply 241mm X 279mm (x-4A)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
1	2/9-4A	Memenuhi Spesifikasi Am dan mendapat 328 markah (80.3%). Berat kertas pendua 55gsm. Dan kertas koyak semasa dicetak.

7.5.2.3 Kertas Komputer 4 Ply 381mm X 279mm (x-4B)

Keutamaan	Kod Petender	Ulasan
+10% hingga +20%	Tinggi	Boleh dipertimbangkan
-15% hingga +10%	Berpatutan	Boleh dipertimbangkan
-30% hingga -15%	Rendah	Boleh dipertimbangkan
Kurang 30%	Terlalu Rendah	Tidak harus dipertimbangkan

Selain itu, petender juga akan dinilai dari segi keupayaan biayaan setelah mengambil kira Kesan Rendahan Harga. Pelarasan harga dilakukan dengan mengambil kira tempoh siap yang dikemukakan oleh petender bagi mendapatkan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan. Kesan Pendekan Tempoh Siap juga dilakukan ke atas petender yang telah lulus.

Sistem pemarkahan diperkenalkan bagi menentukan keupayaan petender dan pada masa yang sama meminimumkan elemen subjektif.

7. LAPORAN PENILAIAN TENDER

7.1 Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender dilantik oleh Rektor Kolej Universiti Malaysia (KUM) melalui surat seperti berikut:

Fail Rujukan	: *(Nyatakan fail rujukan surat)*
Tarikh	: 1 Ogos 2005
Pengerusi	: *(Nama Pegawai)* *(Jawatan Pegawai)*
Ahli	: *(Nama Pegawai)* *(Jawatan Pegawai)* *(Nama Pegawai)* *(Jawatan Pegawai)* *(Nama Pegawai)* *(Jawatan Pegawai)*

7.2 Jawatankuasa Penilaian Tender telah bermesyuarat pada 17, 18 dan 19 Oktober 2005 untuk melaksanakan penilaian tender-tender tersebut.

7.3 Penilaian Pertama – Penilaian Awalan

7.3.1 Penilaian awal telah dibuat ke atas kesemua 15 petender yang telah mengambil bahagian. Hasil penilaian adalah seperti berikut:

a) Kesempurnaan Tender

Setelah dianalisis, kesemua petender telah memenuhi kriteria kesempurnaan yang ditetapkan seperti Borang Tender Ditandatangani, Pendaftaran Masih Sah, Harga Tender Tercatat Dalam Borang Tender dan Mengembalikan Dokumen Asas Tender.

Borang 1 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

b) Kecukupan Dokumen

Didapati satu petender tidak menghantar dokumen wajib seperti yang ditetapkan iaitu petender 5/15 kerana tidak mengemukakan Penyata Kewangan.

Borang 2 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

c) Kecukupan Modal Minimum

Modal minimum untuk melaksanakan projek ini telah dianggarkan sebanyak RM377,001.00 iaitu 3% daripada Jumlah Kerja Pembina berjumlah RM12,566,700.00 daripada Anggaran Jabatan.

Setelah dianalisis semua petender telah mempunyai modal minimum yang ditetapkan kecuali petender 7/15 dan 8/15.

Borang 3 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

d) Prestasi Kerja Semasa

Sebahagian besar kontraktor yang mengambil bahagian iaitu petender 10/15, 1/15, 6/15, 14/15, 3/15, 2/15, 4/15, 9/15, 15/15 dan 13/15 telah mempunyai kerja semasa dengan prestasi yang baik. Manakala sebahagian lagi iaitu petender 12/15, 5/15, 7/15, 8/15 dan 11/15 tidak mempunyai kerja semasa.

7.3.2 Dalam keputusan Peringkat Pertama sebanyak dua belas (12) petender telah lulus dalam penilaian awal kerana menepati keempat-empat kriteria yang ditetapkan di atas.

Borang 4 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

7.4 Penilaian Peringkat II – Penilaian Keupayaan

Penilaian peringkat kedua telah dibuat untuk kesemua dua belas (12) petender yang telah lulus dalam peringkat pertama iaitu 12/15, 10/15, 1/15, 6/15, 11/15, 14/15, 3/15, 2/15, 4/15, 9/15, 15/15, 13/15. Penilaian kedua telah dilakukan terhadap 12 petender yang telah lulus dan hasil penilaian adalah seperti tersebut :

7.4.1 Keupayaan Kewangan

Hasil daripada penilaian ke atas kedudukan kewangan Petender adalah didapati Nilai Keupayaan Kewangan bagi semua pentender yang dinilai adalah mencukupi kecuali petender 1/15.
Borang 5 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

7.4.2 Keupayaan Teknikal

a) Pengalaman Kerja

Daripada rekod yang dikemukakan didapati semua petender telah menyertakan dokumen sokongan bagi projek-projek yang telah disiapkan.

Borang 6 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

b) Kakitangan Teknikal

Hanya kakitangan dalam penggajian petender yang disokong dengan penyata KWSP dan Sijil Pelantikan serta Sijil Kelulusan sahaja yang diambil kira. Semua petender telah mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan.

Borang 7 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

c) Keempunyaan Loji dan Peralatan Asas

Hanya petender yang mengemukakan dokumen sokongan bagi mengesahkan keempunyaan atau pemilikan loji yang disenaraikan sahaja diambil kira.

Borang 8 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

7.4.3 Dalam keputusan Peringkat Kedua sebanyak sebelas (11) petender telah lulus dalam penilaian teknikal dan kewangan.

.

Borang 9 dalam Lampiran E adalah berkaitan.

7.5 Penilaian Peringkat III – Perakuan bagi Petender-petender yang lulus keupayaan teknikal dan kewangan

7.5.1 Kesemua harga petender yang telah lulus peringkat pertama dan kedua masih di dalam julat yang dibenarkan iaitu dalam lingkungan tidak melebihi 10% dan tidak kurang 24% daripada harga anggaran jabatan.

7.5.2 Tiada pelarasan harga dibuat ke atas tempoh siap kerja kerana tiada petender yang menawarkan tempoh penyiapan yang melebihi had maksimum Tempoh Siap Inginan.

7.5.3 Tiada kesan pendekan tempoh siap dilakukan kerana kesemua petender yang lulus peringkat pertama dan kedua menetapkan tempoh siap yang sama dengan tempoh siap inginkan iaitu 60 minggu.

7.5.4 Kesemua petender yang mengambil bahagian juga tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib (Rujuk Lampiran G).

7.6 Berikut adalah senarai petender yang telah lulus dalam ketiga-tiga peringkat penilaian berserta markah yang diperoleh dalam penilaian yang dilakukan:

BIL	KOD PETENDER	HARGA (RM)	TEMPOH SIAP (MINGGU)	MARKAH PENILAIAN			PERAKUAN J/K PENILAIAN
				Kew. (markah min. - 20)	Tek. (markah min. - 13)	Jumlah (markah min. - 45)	
1.	12/15	20,451,334.50	60	40	15	55	Lulus
2.	10/15	20,600,878.00	60	50	42	92	Lulus
3.	6/15	21,160,000.46	60	50	30	80	Lulus
4.	11/15	21,266,574.45	60	46	32	78	Lulus
5.	14/15	21,270,087.00	60	32	22	54	Lulus
-	-	22,561,900.00 (Ang. Jabatan)	-	-	-	-	-
6.	3/15	22,699,559.59	60	50	43	93	Lulus
7.	2/15	23,462,890.30	60	50	19	69	Lulus
8.	4/15	23,699,505.50	60	35	35	70	Lulus
9.	9/15	24,786,905.66	60	50	45	95	Lulus
10.	15/15	26,443,709.16	60	30	22	52	Lulus
11.	13/15	27,780,680.00	60	50	40	90	Lulus

7.6 Syor Jawatankuasa Penilaian Tender

7.6.1 Jawatankuasa dalam laporannya di Lampiran D telah menyatakan bahawa hanya 11 petender sahaja yang telah lulus dan layak untuk dipertimbangkan bagi tender ini iaitu petender 12/15, 10/15, 6/15, 11/15, 14/15, 3/15, 2/15, 4/15, 9/15, 15/15 dan 13/15. Manakala 5 petender lagi iaitu 5/15, 7/15, 8/15 dan 1/15 telah gagal dalam peringkat penilaian yang dijalankan.

7.6.2 Jawatankuasa menyatakan semua petender yang telah lulus boleh dipertimbangkan memandangkan kesemua harga petender yang dikemukakan masih di dalam julat harga yang disyorkan iaitu tidak melebihi 20% dan tidak kurang 30% daripada harga anggaran jabatan. Dalam hal ini, kesemua harga yang telah lulus dalam lingkungan tidak melebihi 10% dan tidak kurang 24% daripada harga anggaran jabatan.

7.6.3 Tiga (3) markah tertinggi yang lulus mengikut turutan ialah petender 9/15 (95%), 3/15(93%) dan 10/15 (92%). Manakala 3 markah terendah yang lulus mengikut turutan ialah petender 15/15(52%), 14/15(54%) dan 12/15(55%).

7.6.4 Jawatankuasa dalam laporannya mengesyorkan petender 10/15 yang mendapat markah ketiga tertinggi iaitu 92%. Ini kerana petender ini merupakan petender kedua terendah yang telah lulus kesemua peringkat penilaian dan telah melaksanakan beberapa projek yang nilainya sebanding dengan projek ini. Petender 12/15 yang terendah yang lulus tidak disyorkan kerana mempunyai markah yang agak rendah iaitu 55%. Markah penilaian teknikal juga rendah sebanyak 15%. Selain itu, nilai projek tertinggi yang pernah dilaksanakan ialah RM5.5 juta sahaja.

8. ULASAN DAN SYOR URUS SETIA

8.1 Ulasan

8.1.1 Projek Pembinaan Sebuah Bangunan Pusat Pentadbiran Enam Tingkat Berserta Besmen Dan Sebuah Bangunan Utiliti Di Kolej Universiti Malaysia adalah merupakan projek yang amat penting bagi KUM memandangkan ianya adalah bangunan yang akan menjadi mercu tanda KUM. Reka bentuknya yang unik akan menjadi simbol kebanggaan bagi warga KUM.

8.1.2 Sehubungan itu, pembinaan bangunan tersebut perlulah dilaksanakan oleh kontraktor yang benar-benar berkemampuan dan diyakini mampu melaksanakan projek dengan sempurna dan siap dengan jayanya pada masa yang ditetapkan. Memandangkan pihak pentadbiran KUM pada masa ini sedang menyewa beberapa bangunan sebagai pusat pentadbiran, adalah wajar projek ini disiapkan segera supaya proses pembelajaran para pelajar di KUM dapat dilaksanakan dengan lancar.

8.1.3 Berdasarkan laporan jawatankuasa penilaian didapati petender yang disyorkan iaitu petender 10/15 telah memenuhi kelayakan sebagai kontraktor yang diyakini mampu melaksanakan projek ini dengan sempurna.

8.2 Syor

8.2.1 Berdasarkan laporan jawatankuasa penilaian dan ulasan di atas, Urus Setia mengesyorkan supaya Tender Menyiapkan Pembinaan Sebuah Bangunan Pusat

Pentadbiran Enam Tingkat Berserta Besmen Dan Sebuah Bangunan Utiliti Di Kolej Universiti Malaysia, Bandar Nilai, Negeri Sembilan ditawarkan kepada petender 10/15 berdasarkan justifikasi berikut:

i) Petender 10/15 adalah petender kedua terendah yang telah lulus kesemua peringkat penilaian. Harga yang ditawarkan adalah lebih rendah sebanyak RM1,961,022.00 bersamaan 8.69% daripada harga anggaran jabatan;

ii) Petender 10/15 telah mendapat markah antara yang tertinggi dalam penilaian keupayaan teknikal dan kewangan iaitu sebanyak 92%;

iii) Petender 10/15 juga telah berjaya menyiapkan beberapa projek yang sebanding iaitu projek Pembinaan Bangunan Canselori Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang bernilai RM25,800,700 dan Bangunan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris bernilai RM21,700,911;

iv) Petender 12/15 yang merupakan petender terendah yang lulus semua peringkat penilaian tidak diperakukan kerana memperoleh markah yang agak rendah iaitu 55%. Nilai projek tertinggi yang telah dilaksanakan oleh petender ini juga adalah setakat RM5.5 juta sahaja iaitu Kerja-Kerja Pengisaran dan Penurapan Semula Jalan Parit 5, Sekinchan, Selangor Bagi Tahun 2003/2004; dan

v) Projek ini merupakan projek yang paling penting kerana ia merupakan pusat pentadbiran utama bagi KUM dan reka bentuknya akan menjadi mercu tanda serta simbol kebanggaan bagi warga KUM. Projek ini juga disiapkan pada masa yang ditetapkan supaya proses pembelajaran Pelajar KUM yang telah bermula pada tahun 2003 dapat berjalan dengan lancar dan lebih sempurna.

8.2.2 Syor diangkat untuk pertimbangan Lembaga Perolehan.

Disediakan Oleh : _____
(Nama Pegawai)

(Jawatan)

Tarikh :

Disemak Oleh : _____

(Nama Pegawai)

(Jawatan)

Tarikh :

Diperakukan Oleh : _____

(Nama Pegawai)

(Jawatan)

Tarikh :

Bahagian Pembangunan dan Perolehan
Kolej Universiti Malaysia
Bandar Nilai
Negeri Sembilan

November 2005

Lampiran M

CONTOH KERTAS KEPUTUSAN TENDER (KERJA)

KERTAS KEPUTUSAN

LEMBAGA PEROLEHAN 'A
KOLEJ UNIVERSITI MALAYSIA

Mesyuarat Bil. 10/2005
Selasa, 8 November 2005
Jam 10.00 Pagi

Bilik Mesyuarat Rektor,
Kolej Universiti Malaysia,
Tingkat 5, Menara KUM,
Bandar Nilai,
Negeri Sembilan

MENYIAPKAN PEMBINAAN SEBUAH BANGUNAN PUSAT PENTADBIRAN ENAM TINGKAT BERSERTA BESMEN DAN SEBUAH BANGUNAN UTILITI DI KOLEJ UNIVERSITI MALAYSIA, BANDAR NILAI, NEGERI SEMBILAN

Lembaga Perolehan 'A' Kolej Universiti Malaysia, bersetuju untuk menawarkan tender di atas kepada petender 10/15 iaitu Syarikat Kincana Sdn Bhd (No. Syarikat 111111-A) (Taraf Bumiputera) dengan harga tawaran sebanyak RM20,600,878.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Juta Enam Ratus Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Lapan Sahaja) dengan tempoh siap selama 60 minggu.

Pengerusi Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Kewangan Malaysia (Setuju/Tidak Setuju)	..... (nama)
Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan) (Setuju/Tidak Setuju)	..... (nama)
Wakil Ketua Pengarah Kerja Raya (Setuju/Tidak Setuju)	..... (nama)

GARIS PANDUAN PENILAIAN TENDER KERJA KECIL

BAGI PROJEK SECARA KONVENSIONAL BERNILAI RM10 JUTA DAN KE BAWAH

SISTEM PEROLEHAN KERAJAAN 3

1. OBJEKTIF PEROLEHAN KERAJAAN 3
2. PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN 3
PROSES PENILAIAN TENDER KERJA 3
3. SISTEM PENILAIAN TENDER KERJA 3
4. JAWATANKUASA BERKAITAN PENILAIAN TENDER KERJA 3
5. ETIKA PENILAIAN 5
6. PERATURAN MEMINTA PENJELASAN TENDER 5
PENILAIAN TENDER KERJA KECIL 6
7. PENILAIAN TENDER BAGI KERJA KECIL 6
8. MAKLUMAT DAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN TENDER 10
9. KAEDAH PENILAIAN TENDER 14
10. PENILAIAN TENDER PERINGKAT PERTAMA 23
11. PENILAIAN TENDER PERINGKAT KEDUA 27
12. PERAKUAN PENILAIAN TENDER 46
13. PERAKUAN BERDASARKAN KRITERIA TAMBAHAN PENILAIAN TENDER 49
14. PENYEDIAAN KERTAS KEPUTUSAN TENDER 50
15. TENDER USAHASAMA/ GABUNGAN 51
16. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN 52
17. PEGAWAI/DIREKTORI UNTUK DIHUBUNGI 53
18. TARIKH KUATKUASA 53

LAMPIRAN 1- CARTA ALIRAN PENILAIAN TENDER KERJA KECIL 54
LAMPIRAN 2 – SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (SSD) 57
LAMPIRAN 3 – ARAHAN KEPADA PETENDER (BAGI TENDER KERJA KECIL) 63
LAMPIRAN 4 – BORANG-BORANG MAKLUMAT 74
LAMPIRAN 5 – CONTOH SURAT PENGESAHAN DENGAN PIHAK LAIN 86
LAMPIRAN 6 – JADUAL SEMAKAN KESILAPAN PENGIRAAN HARGA TENDER (MENGIKUT SUSUNAN HARGA) 99
LAMPIRAN 7 – BORANG-BORANG PENILAIAN TENDER 101
LAMPIRAN 8 – CONTOH PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN TENDER 112
LAMPIRAN 9 – CONTOH KERTAS KEPUTUSAN TENDER 124

SISTEM PEROLEHAN KERAJAAN

1. OBJEKTIF PEROLEHAN KERAJAAN

Objektif perolehan Kerajaan adalah untuk memastikan semua perolehan Kerajaan diuruskan secara terbaik dan paling menguntungkan (*best value for money*). Selaras dengan itu, sistem penilaian tender kerja berasaskan kriteria baru telah dihasilkan.

2. PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN

a. Akauntabiliti awam;
b. Diuruskan secara telus (*transparent*);
c. Nilai faedah terbaik (*best value for money*);
d. Saingan terbuka; dan
e. Adil dan saksama.

PROSES PENILAIAN TENDER KERJA

3. SISTEM PENILAIAN TENDER KERJA

3.1 Sistem penilaian tender kerja ini meliputi dua kategori penilaian iaitu:

a) Projek bernilai RM10.0 juta dan ke bawah – Penilaian Tender Kerja Kecil

b) Projek bernilai melebihi RM10.0 juta – Penilaian Tender Kerja Besar

3.2 Penentuan kategori penilaian tender adalah berdasarkan kepada Anggaran Jabatan.

3.3 Sistem dan tatacara ini hendaklah dibaca bersekali dengan 'Carta Aliran Penilaian Tender Kerja Kecil' seperti di Lampiran 1A bagi Tender Kerja Kecil Bangunan dan Kejuruteraan Awam dan di Lampiran 1B bagi Tender Kerja Kecil Mekanikal dan Elektrik.

4. JAWATANKUASA BERKAITAN PENILAIAN TENDER KERJA

4.1 Jawatankuasa Pembuka Tender

a) Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan[1].
b) Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang

[1] Ketua Jabatan adalah Pegawai Pengawal/Ketua Pengarah/ Setiausaha Bahagian manakala bagi Jabatan Teknik adalah Ketua Pengarah/Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan Ibu Pejabat/Pengarah Negeri.

daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada mana-mana skim perkhidmatan yang bersesuaian.

c) Jawatankuasa Pembuka Tender bertanggungjawab mengisi dan menandatangani Jadual Tawaran untuk diserahkan kepada Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender dalam tempoh tidak lebih daripada lima (5) hari bekerja dari tarikh tutup tender.

4.2 Jawatankuasa Penilaian Tender

a) Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender Kerja hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.

b) Penilaian tender kerja hendaklah dilakukan oleh satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga orang pegawai yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Ahli hendaklah sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai yang mahir atau berpengalaman dalam bidang tersebut, di mana salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai teknikal dalam kumpulan skim perkhidmatan 'J' daripada Jabatan Teknik/Bukan Teknik/Unit Teknikal Agensi.

c) Dua (2) ahli Jawatankuasa Penilaian Tender bertanggungjawab mengisi dan menandatangani borang Senarai Semakan Dokumen (SSD) seperti di **Lampiran 2**.

4.3 Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender

a) Agensi boleh mewujudkan Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender berasaskan projek ke projek (*project to project basis*) bagi membantu Jawatankuasa Penilaian Tender.

b) Pelantikan Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender sebaik-baiknya sebelum tender ditutup.

c) Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah terdiri daripada seorang pegawai berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas daripada skim perkhidmatan yang bersesuaian.

d) Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender bertanggungjawab untuk menyediakan surat lantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Tender dan memastikan surat akuan *Integrity Pact* ditandatangani oleh semua Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender. Urus Setia juga membantu menyemak dan menguruskan penyediaan Laporan

Penilaian Tender agar lengkap dan teratur serta mengemukakan laporan tersebut kepada Urus Setia Lembaga Perolehan.

4.4 Proses penilaian tender hendaklah seboleh-bolehnya disiapkan dalam tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh jadual tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian Tender bersama-sama dengan dokumen-dokumen tawaran petender.

4.5 Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan semua ahli Jawatankuasa Penilaian Tender. Rujuk **Lampiran 8**.

4.6 Keputusan Lembaga Perolehan hendaklah disediakan oleh Urus Setia Lembaga Perolehan seperti contoh Kertas Keputusan Tender di **Lampiran 9.**

5. ETIKA PENILAIAN

Etika Am Bagi Jawatankuasa Penilaian Tender Kerja:

i. Penilaian dibuat secara objektif, adil dan saksama;
ii. Penilaian dibuat berasaskan penilaian yang seragam/sama;
iii. Bebas daripada pengaruh luar;
iv. Memastikan tiada kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak;
v. Segala maklumat adalah dirahsiakan;
vi. Penilaian dibuat secara bermesyuarat;
vii. Mengetahui dan jelas tentang kandungan Arahan Kepada Petender; dan
viii. Segala perakuan penilaian dicatatkan dengan jelas dan terperinci.

6. PERATURAN MEMINTA PENJELASAN TENDER

Sekiranya Jawatankuasa Penilaian memerlukan sebarang kepastian/ keterangan (*clarification*) berkaitan maklumat-maklumat di dalam dokumen tender, Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah mendapat kebenaran bertulis Pengerusi Lembaga Perolehan terlebih dahulu. Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender adalah dilarang menghubungi syarikat tanpa kebenaran bertulis Pengerusi Lembaga Perolehan. Penjelasan tersebut hendaklah diuruskan oleh Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender secara bertulis.

PENILAIAN TENDER KERJA KECIL

7. PENILAIAN TENDER BAGI KERJA KECIL

7.1 Tatacara baharu penilaian tender bagi kerja kecil melibatkan dua (2) peringkat penilaian. Penilaian peringkat pertama melibatkan satu (1) borang penilaian. Peringkat kedua bagi tender kerja bangunan dan kejuruteraan awam melibatkan lima (5) borang penilaian manakala bagi tender kerja mekanikal dan elektrik melibatkan tujuh (7) borang penilaian bagi menganalisa kriteria-kriteria yang telah dikenal pasti.

7.2 Petender yang gagal mematuhi salah satu kriteria penilaian di peringkat pertama tidak akan dipertimbangkan ke peringkat kedua.

7.3 Borang-borang penilaian yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL	BORANG	KETERANGAN
		PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA
1)	Borang 1 -	Kelayakan Asas Tender
		PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
2)	Borang 2 -	Kecukupan Modal Minimum
3)	Borang 3 -	Prestasi Kerja Semasa Petender
4)	Borang 4 -	Beban Kerja Semasa Petender
5)	Borang 5 -	Pengalaman Kerja Petender Dalam Tempoh Lima (5) Tahun Lepas
6)	Borang 6 -	Melibatkan dua (2) borang iaitu: 1. Borang 6A – Keputusan Penilaian Keseluruhan (Kerja Bangunan dan Kejuruteraan Awam) 2. Borang 6B – Keputusan Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja dan Pengalaman (Kerja Mekanikal dan Elektrik)
7)	Borang 7 -	Ringkasan Keputusan Penilaian Teknikal (Kerja Mekanikal & Elektrik)
8)	Borang 8 -	Keputusan Penilaian Keseluruhan (Kerja Mekanikal & Elektrik)

7.4 Hasil penilaian akhir ke atas kriteria-kriteria akan diberi rating asas seperti berikut:

Pencetak Warna	Pencetak Hitam Putih	Warna	Status & Keterangan
G	G	Green	Lulus
GT	GT	Green	Lulus (Tiada kerja semasa / tiada beban kerja)
Y	Y	Yellow	1. Kaedah penilaian berdasarkan *Cut-Off* Lulus di mana kedudukan harga tender adalah lebih tinggi dari atau sama dengan paras harga *Cut-Off* sehingga (+) 10% *Adjusted Mean* Kerja Pembina dan petender mempunyai sekurang-kurangnya rating Y dalam mana-mana kriteria penilaian di peringkat kedua. 2. Kaedah penilaian berdasarkan Anggaran Jabatan Lulus di mana kedudukan harga tender melebihi (-)15% sehingga (+)10% daripada Anggaran Jabatan dan petender mempunyai sekurang-kurangnya rating Y dalam mana-mana kriteria penilaian di peringkat kedua.
YK	YK	Yellow	Lulus bersyarat tertakluk kepada menerima pengesahan maklumat kewangan
Pencetak Warna	Pencetak Hitam Putih	Warna	Status & Keterangan

YT	YT	Yellow	1. Kaedah penilaian berdasarkan *Cut-Off* Lulus bersyarat adalah tertakluk kepada dua perkara berikut: i. Petender hendaklah memenuhi kehendak teknikal & spesifikasi ii. Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua kecuali bagi penilaian teknikal di mana rating minimum ialah YT dan kedudukan harga tender lebih rendah dari paras Harga *Cut-Off* dan tidak lebih rendah daripada (-)15% *Adjusted Mean* Kerja Pembina 2. Kaedah penilaian berdasarkan Anggaran Jabatan Lulus bersyarat adalah tertakluk kepada dua perkara berikut: i. Petender hendaklah memenuhi kehendak teknikal & spesifikasi ii. Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua kecuali bagi penilaian teknikal di mana rating minimum ialah YT dan kedudukan harga tender berada di antara (-)20% sehingga (-) 15% daripada Anggaran Jabatan.
Pencetak Warna	Pencetak Hitam Putih	Warna	Status & Keterangan

YC	YC	Yellow	Lulus bersyarat tertakluk kepada petender memenuhi : 1)Kehendak spesifikasi (YT); DAN 2)Penerimaan maklum balas yang mengesahkan kesahihan maklumat kewangan petender (YS atau YN)
R	R	Red	Gagal

7.5 Petender yang lulus penilaian peringkat kedua layak dipertimbangkan dalam perakuan tender.

8. MAKLUMAT DAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN TENDER

8.1 Borang-Borang Maklumat

8.1.1 Penilaian tender memerlukan semua maklumat dan data berhubung dengan pendaftaran syarikat, kedudukan kewangan, pengalaman kerja dan prestasi kerja semasa petender. Bagi mendapatkan semua maklumat dan dokumen sokongan tersebut, arahan seperti di Lampiran 3 hendaklah dimasukkan dalam Dokumen Tender sebagai sebahagian daripada Arahan Kepada Petender.

8.1.2 Petender hendaklah melengkapkan dan menyertakan borang-borang maklumat seperti di Lampiran 4 semasa mengemukakan tender masing-masing. Borang-borang tersebut adalah:

a.	Borang A	-	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Kesahihan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender
b.	Borang B	-	Maklumat Am Latar Belakang Petender
c.	Borang C	-	Data Kewangan Petender
d.	Borang CA	-	Laporan Bank Mengenai Kemudahan Kredit
e.	Borang D	-	Senarai Kerja/ Kontrak Semasa Petender
f.	Borang DA	-	Laporan Prestasi Kerja Semasa Petender
g.	Borang E	-	Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh Lima (5) Tahun Lepas)
h.	Borang F	-	Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*)

8.1.3 Bagi memastikan kesahihannya, maklumat dan data yang diterima daripada petender hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut:

a. Perakuan/Sijil Pendaftaran

i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB;

ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB/ Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/ Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ);

iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (jika berkaitan);

iv) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan);

v) Salinan Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) (sekiranya ada); dan

vi) Salinan Sijil Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun kebelakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik dan sebagainya (sekiranya ada).

b. Maklumat Kewangan

i) Petender WAJIB mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut:

a) Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan **disahkan** dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah;

b) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan;

c) Laporan ASAL Bank/Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di Borang CA yang **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan; atau

ii) Deposit tetap (sekiranya ada) yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.

c. Maklumat Kerja Semasa dan Pengalaman Kerja

i) Salinan Surat Setuju Terima atau Salinan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D - Senarai Kerja/Kontrak Semasa Petender;

ii) Laporan Asal Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D, atas format seperti Borang DA - Laporan Prestasi Kerja Semasa Petender. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai yang menyelia projek tersebut; dan

iii) Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan Siap Kerja/ Perakuan Muktamad bagi setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di Borang E - Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh Lima (5) Tahun Lepas).

8.2 Kegagalan Petender Mengemukakan Maklumat

8.2.1 Kegagalan petender mengemukakan salah satu daripada dokumen kewangan iaitu salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat **atau** salinan Penyata Bulanan Bank **atau** Laporan Asal Bank/Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit petender akan menyebabkan tendernya ditolak di penilaian peringkat pertama.

8.2.2 Petender dikehendaki menyenaraikan kerja semasa di **Borang D** serta **WAJIB** mengemukakan **Borang DA** yang diisi dengan lengkap dan disahkan oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Kegagalan petender untuk mengisytiharkan kerja semasa dan menghantar Borang DA akan menyebabkan tendernya ditolak dan penilaian

untuk prestasi kerja semasa dan kriteria-kriteria berikutnya tidak akan diteruskan. Petender yang tidak mempunyai kerja semasa dikehendaki mencatatkan "Tiada Kerja Semasa" di **Borang D**.

8.2.3 Petender juga dikehendaki menyenaraikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan di **Borang E** dan mengemukakannya bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Petender yang tidak mempunyai pengalaman kerja dikehendaki mencatatkan "Tiada pengalaman" di **Borang E**. Kegagalan petender untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan akan mengakibatkan maklumat tersebut tidak dapat disemak dan oleh itu tidak diambil kira. Sekiranya petender diketahui mempunyai projek yang pernah ditamatkan, maklumat ini perlu dinyatakan dalam perakuan tender.

8.3 Kesahihan dan Pengesahan Maklumat dan Data-Data Penilaian

8.3.1 Semua maklumat yang diberi oleh petender melalui borang-borang maklumat hendaklah disemak bagi memastikan ianya selaras dengan dokumen-dokumen sokongan yang dikemukakan. Jika terdapat percanggahan, hanya maklumat daripada dokumen sokongan yang sah hendaklah diguna pakai.

8.3.2 Lazimnya penilaian keupayaan petender hendaklah dibuat berasaskan maklumat dan dokumen yang diterima tanpa perlu semakan lanjut dengan pihak lain. Sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap kesahihan dokumen sokongan yang diterima daripada petender, Pegawai Penilai hendaklah membuat semakan yang sewajarnya dengan pihak lain untuk mengesahkan maklumat dan data yang digunakan dalam penilaian ke atas petender berkenaan. Walau bagaimanapun, pengesahan maklumat kewangan petender dengan syarikat audit/ bank/ institusi kewangan adalah diwajibkan.

8.3.3 Bagi memastikan proses semakan dengan pihak lain seperti Pegawai Penguasa, Perunding, BPKU, CIDB, Sistem Kawal & Lapor (SKALA) JKR, bank, syarikat audit dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dapat berjalan dengan lancar, Pegawai Penilai hendaklah memastikan petender telah menandatangani Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen Yang Dikemukakan oleh Petender.

8.3.4 Contoh format surat memohon pengesahan untuk kemudahan kredit, penyata bulanan akaun bank, penyata kewangan beraudit syarikat dan deposit tetap dari bank/institusi kewangan adalah seperti di Lampiran 5A, 5B, 5C dan 5D.

8.4 Tindakan Ke atas Petender Yang Menyembunyikan/Memalsukan Maklumat

8.4.1 Sekiranya petender didapati tidak memberikan maklumat yang dikehendaki dan/atau menyembunyikan mana-mana maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya, petender tidak layak diperakukan.

8.4.2 Dalam kes pemalsuan maklumat yang dikemukakan, tender berkenaan tidak layak dinilai atau diperakukan, atau kedua-duanya sekali. Tindakan hendaklah diambil dengan membuat laporan kepada CIDB untuk tindakan selanjutnya dan kepada BPKU sekiranya kontraktor bertaraf Bumiputera.

8.5 Tindakan Ke atas Petender Yang Terlibat Dalam Aktiviti Rasuah

Sekiranya petender didapati menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau membuat laporan polis ke atas petender tersebut.

9. KAEDAH PENILAIAN TENDER

9.1 Sebelum analisa dibuat ke atas kriteria-kriteria penilaian tender, kaedah penilaian tender yang akan digunakan perlu dikenal pasti terlebih dahulu, iaitu sama ada:

9.1.1 Kaedah berdasarkan Harga *Cut-Off*, atau
9.1.2 Kaedah berdasarkan Anggaran Jabatan.

9.2 Semua pengiraan harga dan pengiraan status perbandingan harga bagi kedua-dua kaedah di atas adalah berdasarkan Harga Kerja Pembina. Harga Kerja Pembina adalah Harga Tender/Anggaran Jabatan yang tidak termasuk Wang Peruntukan Sementara dan Wang Kos Prima. Contoh pengiraan bagi Harga Kerja Pembina adalah seperti berikut:

Harga Tender (HT)/Anggaran Jabatan (AJ) : RM9,500,000

Wang Peruntukan Sementara (WPS) : RM200,000

Wang Kos Prima (WKP) : RM300,000

Harga Kerja Pembina = HT/AJ – (WPS + WKP)

= RM9,500,000 – (RM200,000 + RM300,000)

= <u>RM9,000,000.00</u>

9.3 Kaedah Berdasarkan Harga *Cut-Off*

9.3.1 Definisi Harga *Cut-Off*

a) Harga *Cut-Off* adalah satu paras harga yang ditetapkan mengikut kaedah statistik ke atas harga-harga tender yang diterima termasuk harga Anggaran Jabatan sebagai salah satu daripada harga tender.

b) Harga *Cut-Off* adalah paras harga terendah yang dianggap munasabah untuk diperakukan.

c) Penentuan kemunasabahan harga sesuatu tender yang hendak diperakukan untuk disetuju terima akan dibuat berdasarkan perbandingan dengan harga *Cut-Off*.

9.3.2 Penggunaan Harga *Cut-Off*

Kaedah ini hendaklah diguna pakai bagi semua penilaian tender kerja **kecuali** tender-tender berikut:

a) Tender Terbuka yang disertai kurang daripada sepuluh (10) petender;
b) Tender Terbuka yang disertai sepuluh (10) atau lebih petender tetapi menjadi kurang dari sepuluh (10) petender setelah harga freak dikeluarkan selepas proses pengiraan *Cut-Off*;
c) Tender yang dipelawa secara Tender Terhad; atau
d) Tender Reka & Bina dan tender-tender yang berasaskan cadangan reka bentuk / spesifikasi dari petender.

9.3.3 Penetapan Harga *Cut-Off*

a) Bagi memastikan harga tender yang munasabah dan sentiasa mengambil kira harga pasaran semasa diperakukan untuk disetuju terima, penentuan kemunasabahan harga sesuatu tender hendaklah dibuat berdasarkan perbandingan dengan satu paras harga *Cut-Off* yang ditetapkan mengikut kaedah statistik.

b) Mengikut kaedah statistik, penetapan harga *Cut-Off* hendaklah berasaskan harga '*Mean*' dan '*Standard Deviation*' harga-harga tender yang diterima termasuk Anggaran Jabatan (AJ) sebagai salah satu daripada harga tender dan setelah mana-mana harga tender '*freak*' dikeluarkan.

c) Pengiraan harga *Cut-Off* adalah berdasarkan formula di bawah:
   i) '*Adjusted Mean* – 15% *Adjusted Mean*'; **atau**
   ii) '*Adjusted Mean – Stdev*', mengikut mana yang lebih tinggi

d) Sekiranya pengiraan harga *Cut-Off* adalah lebih tinggi daripada harga Anggaran Jabatan, maka Anggaran Jabatan hendaklah diambil sebagai Harga *Cut-Off.*

Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

Anggaran Jabatan (AJ)	RM9,150,000.00
PC & Prov Sum (PCP)	RM1,500,600.00
Builder's Work In AJ (*Bwaj*)	RM7,649,400.00
No of Tenders Analysed including AJ (Nt)	38
Mean of BW (*Mean*)	RM8,595,302.00
∴ *Adjusted Mean*	**RM8,595,302.00**

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1:

- *Adjusted Mean* – 15% *Adjusted Mean*

  = RM8,595,302.00 – RM1,289,293.30

  = **RM7,306,006.70**

- *Adjusted Mean – Standard Deviation*

  = RM8,595,302.00 – RM800,500.00

  = **RM7,794,802.00**

Memandangkan nilai RM7,794,802.00 (*Adjusted Mean – Standard Deviation*) adalah lebih tinggi daripada nilai RM7,649,400.00 (*Builders work in* AJ), maka Harga *Cut-Off* adalah:

= **RM9,150,000.00** (RM7,649,400.00 + PCP)

e) Sekiranya pengiraan harga *Cut-Off* adalah lebih rendah daripada AJ, harga *Cut-Off* tersebut hendaklah digunapakai.

Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

Anggaran Jabatan (AJ)	RM9,150,000.00
PC & Prov Sum (PCP)	RM500,600.00
Builder's Work In AJ (*Bwaj*)	RM8,649,400.00
No of Tenders Analysed including AJ (Nt)	38

Mean of BW (Mean)	RM8,595,302.00
∴ *Adjusted Mean*	**RM8,622,351.00**

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2 :

- *Adjusted Mean* – 15% *Adjusted Mean*

  = RM8,622,351.00 – RM1,293,352.65

  = **RM7,328,998.35**

- *Adjusted Mean – Standard Deviation*

  = RM8,622,351.00 – RM800,500.00

  = **RM7,821,851.00**

Memandangkan nilai RM7,821,851.00 (*Adjusted Mean – Standard Deviation*) adalah lebih rendah daripada nilai RM8,649,400.00 (*Builders work in* AJ), maka Harga *Cut-Off* adalah:

= **RM8,322,451.00** (RM7,821,851.00 + PCP)

f) Sekiranya Anggaran Jabatan dan Harga *Cut-Off* '*freak*', penilaian hendaklah bermula dari harga tawaran terendah yang tidak '*freak*' sehingga (+)10% daripada Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina. Sekiranya harga tawaran terendah melebihi (+)10% dari harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina, tender hendaklah disyorkan agar dipanggil semula.

g) Penerangan berkenaan terma-terma yang berkaitan pengiraan harga *Cut-Off* adalah seperti berikut:

i) **Anggaran Jabatan** adalah anggaran jabatan yang terakhir yang dimasukkan dalam peti tender sebelum tender di tutup.

ii) '*Mean*' adalah purata bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambil kira termasuk Anggaran Jabatan (sebagai salah satu dari harga tender) iaitu:

$$\mu = \frac{\Sigma X}{N}$$

iii) '*Adjusted Mean*' adalah ditentukan berdasarkan situasi seperti berikut:

a) *'Adjusted Mean' adalah Mean of BW ('Mean')* sekiranya *Builder's Work In AJ (Bwaj)* kurang dari nilai `*Mean*'

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, bandingkan nilai *Mean* dengan nilai *Bwaj*. Oleh kerana *Bwaj* (RM7,649,400.00) adalah lebih rendah dari *Mean* (RM8,595,302.00), maka *Adjusted Mean* adalah nilai *Mean.*

b) Purata di antara *Mean of BW (`Mean)'* dan *Builder's Work In AJ (Bwaj)* sekiranya Bwaj lebih tinggi daripada `*Mean*'

Merujuk kepada Jadual 2 di atas, bandingkan nilai *Mean* dengan nilai *Bwaj*. Oleh kerana *Bwaj* (RM8,649,400.00) adalah lebih tinggi dari *Mean* (RM8,595,302.00), maka nilai *Adjusted Mean* adalah purata di antara nilai *Mean* dan *Bwaj* iaitu:

$$= \frac{(RM8,649,400.00 + RM8,595,302.00)}{2}$$

$$= RM8,622,351.00$$

iv) *'Stdev'* adalah *'Standard Deviation'* bagi kesemua harga-harga tender yang diterima dan boleh diambil kira termasuk AJ iaitu:

$$\sigma = \sqrt{\frac{\Sigma(X - \mu)^2}{N}}$$

yang mana:

X = Harga Tender dan AJ

N = Bilangan Tender + 1 (AJ)

h) **Semakan Harga *'Freak'***

Sebarang Harga Tender yang dianggap *'freak'* hendaklah dikeluarkan daripada pengiraan. Sesuatu Harga Tender atau AJ hendaklah dikira sebagai *'freak'* sekiranya:

X – *'Mean'* > 2.33 kali `*Stdev'* (Z-*score* > 2.33)

atau

X – *'Mean'* < -2.33 kali `*Stdev'* (Z-*score* < - 2.33)

9.3.4 Petender Yang Perlu Dinilai

a) Penilaian tender layak dilaksanakan ke atas petender-petender yang menawarkan harga tender dalam lingkungan (-)15% sehingga (+)10% daripada Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

Rujuk gambar rajah di bawah:



b) Walau bagaimanapun, sekiranya Harga *Cut-Off* lebih rendah daripada (-)15% Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina, penilaian tender layak dilaksanakan ke atas petender-petender bermula dari paras Harga *Cut-Off* tersebut sehingga (+)10% daripada Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

Rujuk gambar rajah di bawah:



Adjusted Mean
Kerja Pembina

c) **Sekiranya bilangan petender yang berada dalam julat yang layak tersebut melebihi sepuluh (10) petender,** penilaian hendaklah dibuat ke atas sekurang-kurangnya sepuluh (10) petender bagi mendapatkan minimum tiga (3) petender yang lulus penilaian dan layak diperakukan. Bilangan petender yang diambil untuk dinilai adalah bermula dari harga tawaran petender yang paling hampir dan lebih rendah dari paras Harga *Cut-Off serta* tidak melebihi (-)15% daripada Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

Rujuk gambar rajah di bawah:



A. Pemilihan sekurang-kurangnya 10 petender untuk dinilai di peringkat pertama adalah bermula dari paras Harga *Cut-Off* sehingga (-)15% Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina

B. Jika bilangan petender tidak cukup 10, pemilihan baki petender untuk dinilai di peringkat pertama hendaklah diteruskan dari paras Harga *Cut-Off* sehingga (+)10% Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina

d) Sekiranya harga *Cut-Off* lebih rendah, iaitu melebihi (-)15% daripada *Adjusted Mean* Kerja Pembina, sekurang-kurangnya sepuluh (10) petender yang diambil untuk dinilai adalah bermula dari paras Harga *Cut-Off* sehingga (+)10% daripada *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

Rujuk gambar rajah di bawah:



e) Sekiranya bilangan petender yang layak dinilai di peringkat pertama kurang daripada sepuluh (10), JPT hendaklah meneruskan penilaian ke atas bilangan petender yang ada.

f) JPT hendaklah menilai agar sekurang-kurangnya tiga (3) petender yang lulus setiap peringkat penilaian dan mengesyorkan satu (1) petender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan. Pengesyoran petender adalah berdasarkan harga tawaran yang paling hampir dan juga lebih rendah daripada Harga *Cut-Off.*

g) Jika petender yang lulus setiap peringkat penilaian masih kurang daripada tiga (3) petender, **penilaian hendaklah diteruskan ke atas baki bilangan petender** dalam julat (-)15% hingga (+)10% daripada Harga *Adjusted Mean* sehingga mencapai tiga (3) petender yang lulus.

h) Sekiranya petender yang lulus setiap peringkat penilaian masih kurang daripada tiga (3) petender, JPT hendaklah mengemukakan laporan penilaian tender dan mengesyorkan satu (1) petender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan.

i) Namun demikian, sekiranya tiada langsung petender yang layak untuk diperakukan, JPT hendaklah mengesyorkan agar tender dipanggil semula.

9.4 Kaedah Berdasarkan Anggaran Jabatan

9.4.1 Penggunaan Anggaran Jabatan

Bagi tender yang tidak menggunakan kaedah harga *Cut-Off,* penentuan kemunasabahan harga tender adalah berdasarkan perbandingan dengan Anggaran Jabatan.

9.4.2 Petender Yang Perlu Dinilai

a) Penilaian hendaklah dibuat ke atas petender yang menawarkan harga tidak lebih rendah dari (-) 20% sehingga (+) 10% daripada Kerja Pembina Anggaran Jabatan.

b) Petender yang layak disyorkan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan adalah petender yang menawarkan harga tender terendah berbanding Anggaran Jabatan dan lulus semua peringkat penilaian.

9.4.3 Semakan Pengiraan

Semakan pengiraan perlu dibuat setakat yang perlu ke atas tender yang telah dipilih untuk dinilai bagi memastikan ianya bebas daripada kesilapan yang serius. Catatkan maklumat kesilapan ini atas Jadual Semakan Kesilapan Pengiraan Harga Tender seperti di Lampiran 6 dan nyatakan dalam laporan penilaian.

10. PENILAIAN TENDER PERINGKAT PERTAMA

Kelayakan Asas Tender (Borang 1)

10.1 Penilaian Tender Peringkat Pertama (rujuk Borang 1) merupakan penilaian wajib kelayakan asas tender berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan untuk menentukan sama ada petender layak dipertimbangkan untuk penilaian seterusnya. Kriteria-kriterianya adalah seperti berikut:

Item	Kriteria Penilaian	Rating
a.	Borang Tender ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat	G / R
b.	Penandatangan Borang Tender adalah pihak yang diberi kuasa berdasarkan Sijil CIDB/Kementerian Kewangan	G / R
c.	Harga Tender dan Tempoh Siap Kerja (kecuali jika tempoh siap kerja telah ditetapkan) tercatat di Borang Tender	G / R
d.	Pendaftaran Petender masih sah semasa tarikh tutup tender	G / R
e.	Mengembalikan kesemua dokumen asas tender seperti berikut: a) Borang Tender b) Senarai Kuantiti / Ringkasan Tender c) Adendum yang dikemukakan kepada petender selepas dokumen tender dijual kepada mereka d) Maklumat/dokumen lain yang dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender	G / R
f.	Tempoh Siap Kerja tidak melebihi Tempoh Siap Maksimum (kecuali jika tempoh siap kerja telah ditetapkan)	G / R
g.	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat.	G / R
Item	Kriteria Penilaian	Rating
h.	Mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut:	G / R

	• Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang diaudit dan disahkan Juruaudit Bertauliah; • Salinan Penyata Bulanan Bank - disahkan - • Kemudahan Kredit dikemukakan melalui Laporan Bank/Institusi Kewangan ASAL	
i.	Surat Akuan Pembida ditandatangani (*Integrity Pact*)	G / R

10.2 Tempoh Tidak Melebihi Tempoh Siap Maksimum

Tawaran petender hendaklah ditolak sekiranya tempoh siap kerja TIDAK dinyatakan di Borang Tender kecuali bagi tender yang ditetapkan tempoh siap (*fixed period*). Sekiranya tempoh siap kerja maksimum dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender, mana-mana petender yang menawarkan tempoh yang melebihi tempoh siap kerja maksimum adalah tidak layak dipertimbangkan.

10.3 Mengemukakan Data Kewangan

10.3.1 Petender WAJIB mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut:

a) Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah.

b) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan

c) Laporan ASAL Bank/Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit petender atas format seperti di Borang CA yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan.

10.3.2 Deposit tetap (sekiranya ada) yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.

10.3.3 Bagi menentukan maksud Penyata Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan , sila rujuk jadual di bawah:

Mengambil contoh 2018 sebagai tahun tutup tender, Penyata Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tarikh tutup tender yang boleh diterima ialah bagi tahun 2017, 2016 dan 2015 ATAU bagi tahun 2016, 2015 dan 2014 sahaja.

Rujukan Petender	Tahun Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang dikemukakan	Diaudit	Disahkan	Rating	Catatan
1/30	2017 2016 2015	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	G	Boleh diterima.
12/30	2016 2015 2014	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	G	Boleh diterima.
20/30	2015 2014 2013	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	R	Tidak boleh diterima walaupun berturut-turut kerana Penyata Kewangan terkebelakang dari lingkungan tahun yang boleh diterima.
5/30	2017 2015 2014	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	R	Tidak boleh diterima kerana Penyata Kewangan tidak secara berturut-turut
10/30	2017 2016 2015	✓ ✓ ✓	X ✓ ✓	R	Tidak boleh diterima kerana terdapat Penyata Kewangan yang tidak disahkan
11/30	2016 2015 2014	✓ X ✓	✓ ✓ ✓	R	Tidak boleh diterima kerana terdapat Penyata Kewangan yang tidak diaudit

10.4 Menandatangani Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*)

Petender wajib melengkapkan dan menandatangani Surat Akuan Pembida berdasarkan peruntukan *Integrity* Pact di dalam Perolehan Kerajaan. Sekiranya petender gagal mengemukakan salinan Asal Surat Akuan tersebut yang ditandatangani oleh petender, tender tersebut

hendaklah dinilai sebagai gagal dan penilaian seterusnya tidak perlu dilaksanakan.

10.5 Keputusan Penilaian

Petender yang lulus semua kriteria di Borang 1 diberi rating G dan petender yang gagal salah satu kriteria diberi rating R.

11. PENILAIAN TENDER PERINGKAT KEDUA

11.1 Hanya petender yang lulus penilaian tender peringkat pertama akan dinilai di peringkat kedua. Peringkat ini melibatkan analisa ke atas kriteria-kriteria berikut:

11.1.1 Kecukupan modal minimum;
11.1.2 Prestasi kerja semasa;
11.1.3 Beban kerja semasa;
11.1.4 Pengalaman kerja dalam lima (5) tahun lepas; dan
11.1.5 Penilaian Teknikal (bagi kerja Mekanikal & Elektrik).

11.2 Kecukupan Modal Minimum (Borang 2)

11.2.1 Petender dikira LULUS kecukupan modal minimum apabila memenuhi dua syarat berikut:

a) Petender mengemukakan bukti pemilikan modal minimum iaitu sekurang-kurangnya lima peratus (5%) daripada nilai Kerja Pembina (*Builder's Work*) Anggaran Jabatan; dan

b) Pihak bank/institusi kewangan/syarikat audit memberi maklum balas yang mengesahkan kesahihan maklumat kewangan petender.

11.2.2 Rating bagi penilaian kecukupan modal minimum adalah seperti berikut:

Kecukupan Modal Minimum	Rating
5% dan ke atas daripada Nilai Kerja Pembina AJ	G
Tidak melebihi 5% daripada Nilai Kerja Pembina AJ	R

11.2.3 Pegawai Penilai diwajibkan mendapatkan pengesahan ke atas kesahihan maklumat kewangan petender daripada pihak bank/institusi kewangan/syarikat audit. Contoh surat pengesahan adalah seperti format di Lampiran 5. Maklum balas perlu dikemukakan oleh pihak bank/institusi kewangan/syarikat audit dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh surat pejabat yang menguruskan tender.

11.2.4 Sekiranya maklum balas yang diterima mengesahkan bahawa maklumat kewangan petender adalah tidak benar atau tidak sah, proses penilaian ke atas borang-borang 3, 4 dan 5 tidak perlu diteruskan. Sekiranya tiada

maklum balas diterima atau hanya sebahagian sahaja maklum balas diterima, proses penilaian hendaklah diteruskan sehingga selesai.

11.2.5 Status maklum balas yang diterima daripada pihak bank/institusi kewangan/syarikat audit bagi mengesahkan kesahihan maklumat kewangan petender hendaklah dinyatakan di Borang 6A (bagi kerja bangunan dan kejuruteraan awam) atau Borang 8 (bagi tender kerja mekanikal dan elektrik). Rating yang perlu dinyatakan adalah seperti berikut:

Status Pengesahan Ke atas Kesahihan Maklumat Kewangan Petender	Rating
Lulus	G
Gagal	R
Hanya sebahagian maklum balas pengesahan kewangan diterima	YS
Tiada maklum balas pengesahan kewangan	YN
Tidak perlu mendapatkan maklum balas pengesahan (bagi maklumat kewangan)	TB

11.2.6 Analisa kecukupan modal minimum adalah berasaskan Aset Cair yang dicampur dengan Kemudahan Kredit dari Borang CA.

11.2.7 Aset Cair adalah 'Modal Pusingan' atau 'Purata Akaun Bank yang dicampur Deposit Tetap', yang mana lebih tinggi.

11.2.8 Modal Pusingan adalah nilai Aset Semasa tolak Liabiliti Semasa yang diambil daripada Lembaran Imbangan yang terkandung di dalam Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang terkini.

11.2.9 Purata Akaun Bank adalah Purata Baki Akhir Bulan dalam Penyata Bulanan Bank (PBB) bagi tiga (3) bulan terakhir.

11.2.10 PBB bagi tiga (3) bulan terakhir adalah ditentukan seperti berikut:

a) Pegawai Penilai boleh berpandukan kepada PBB bagi bulan sebelum tender ditutup atau PBB terakhir yang mana majoriti petender berupaya mengadakannya. Contohnya:

i) Situasi 1

Enam (6) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Februari, Mac dan April manakala empat (4) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Januari, Februari dan Mac.

Dalam hal ini, penentuan PBB terakhir adalah berdasarkan enam (6) petender majoriti yang telah mengemukakan PBB iaitu bagi bulan Februari, Mac dan April iaitu bulan sebelum tender ditutup. PBB yang boleh dipertimbangkan untuk empat (4) petender minoriti adalah bagi bulan Februari dan Mac sahaja.

Ruj Petender	April Mac Feb	Mac Feb Jan	Catatan
13/30	✓		Bulan tutup tender: Mei 2015 Majoriti Petender (13/30, 2/30. 10/30, 22/30, 7/30 & 6/30) mengemukakan PBB bagi bulan April, Mac dan Feb. Minoriti petender (5/30, 20/30, 18/30 & 2/30) mengemukakan PBB bagi bulan Mac, Feb dan Jan. <u>Keputusan</u> Penentuan PBB bagi 3 bulan terakhir sebelum bulan tutup tender (Mei 2015) ialah berdasarkan PBB yang dikemukakan oleh majoriti petender iaitu bagi bulan April, Mac dan Feb. Oleh itu, PBB yang layak dipertimbangkan untuk petender minoriti ialah bagi bulan Mac dan Feb sahaja.
2/30	✓		
5/30		✓	
20/30		✓	
10/30	✓		
22/30	✓		
18/30		✓	
7/30	✓		
2/30		✓	
6/30	✓		
Bilangan Petender	6	4	

Jadual Situasi 1

ii) <u>Situasi 2</u>

Enam (6) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Januari, Februari dan Mac manakala empat (4) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Februari, Mac dan April.

Dalam hal ini, PBB yang dikemukakan oleh enam (6) petender majoriti bagi bulan Januari, Februari dan Mac serta PBB yang dikemukakan oleh empat (4)

petender minoriti bagi bulan Februari, Mac dan April boleh dipertimbangkan.

Ruj Petender	April Mac Feb	Mac Feb Jan	Catatan
13/30		✓	Bulan tutup tender: Mei 2015 Majoriti Petender (13/30, 2/30, 10/30, 22/30, 7/30 & 6/30) mengemukakan PBB bagi bulan Mac, Feb dan Jan. Minoriti petender (5/30, 20/30, 18/30 & 2/30) mengemukakan PBB bagi bulan April, Mac dan Feb. <u>Keputusan</u> Penentuan PBB bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender (Mei 2015) ialah berdasarkan PBB yang dikemukakan oleh majoriti petender iaitu bagi bulan Mac, Feb dan Jan. Oleh itu, PBB yang layak dipertimbangkan untuk petender minoriti ialah bagi bulan April, Mac dan Feb memandangkan petender dapat memberi PBB yang terkini. Dalam situasi ini, semua PBB yang dikemukakan oleh petender-petender layak dipertimbangkan.
2/30		✓	
5/30	✓		
20/30	✓		
10/30		✓	
22/30		✓	
18/30	✓		
7/30		✓	
2/30	✓		
6/30		✓	
Bilangan Petender	4	6	

Jadual Situasi 2

iii) <u>Situasi 3</u>

Lima (5) petender telah mengemukakan PBB bagi bulan Januari, Februari dan Mac manakala lima (5) petender lain telah mengemukakan PBB bagi bulan Februari, Mac dan April.

Dalam hal ini, PBB yang boleh dipertimbangkan adalah PBB terkini iaitu bagi bulan Feb, Mac dan April.

Ruj Petender	April Mac Feb	Mac Feb Jan	Catatan
13/30	✓		Bulan tutup tender: Mei 2015 Lima (5) Petender mengemukakan PBB bagi bulan April, Mac dan Feb.
2/30	✓		
5/30		✓	

20/30		✓	Lima (5) Petender mengemukakan PBB bagi bulan Mac, Feb dan Jan. <u>Keputusan</u> Penentuan PBB bagi 3 bulan terakhir sebelum bulan tutup tender (Mei 2015) ialah berdasarkan PBB terkini iaitu bagi bulan **April, Mac dan Feb** seperti yang dikemukakan oleh petender 13/30, 2/30, 22/30, 7/30 dan 6/30. PBB yang layak dipertimbangkan untuk petender 5/30, 20/30, 10/30, 18/30 dan 2/30 adalah bagi bulan **Mac dan Feb** sahaja. Dalam situasi ini, hanya PBB bagi tiga (3) bulan terkini sahaja yang layak dipertimbangkan.
10/30		✓	
22/30	✓		
18/30		✓	
7/30	✓		
2/30		✓	
6/30	✓		
Bilangan Petender	**5**	**5**	

Jadual Situasi 3

b) Di mana petender mengemukakan hanya satu (1) atau dua (2) PBB yang layak dipertimbangkan, maka nilai PBB bagi satu (1) atau dua (2) bulan tersebut hendaklah dibahagi dengan tiga (3) bagi mendapatkan purata akaun bank.

c) Di mana nilai baki terkumpul bagi PBB adalah positif, maka nilai ini hendaklah dibahagikan dengan tiga (3) bagi mendapatkan purata akaun bank. Sekiranya nilai baki terkumpul bagi PBB adalah negatif, maka purata akaun bank adalah sifar (0).

11.2.11 Dalam keadaan di mana petender mengemukakan PBB dari dua (2) atau lebih institusi kewangan berbeza, maka nilai positif purata akaun bank dari setiap institusi kewangan yang dikemukakan hendaklah dijumlahkan. Contohnya adalah seperti berikut:

	BANK A	BANK B
Bulan 1 Bulan 2 Bulan 3	- RM40,000 RM30,000 - RM50,000	RM50,000 RM70,000 RM60,000
Purata Akaun Bank	0	RM60,000
JUMLAH PURATA (Bank A + Bank B)	RM60,000	

11.2.12 Deposit Tetap yang tidak dicagarkan yang mana tarikh matang hendaklah tidak luput sekurang-kurangnya

sehingga tarikh tutup tender dan disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank. Deposit Tetap yang boleh diambilkira adalah yang dimiliki atas nama pemilik tunggal bagi Syarikat Persendirian (*Sole Proprietorship*) dan atas nama firma bagi Firma Perkongsian (*Partnership*) dan Syarikat Badan Korporat (Sdn. Bhd./Berhad).

11.2.13 Jumlah Baki Kemudahan Kredit yang dinikmati ditentukan seperti berikut:

a) Jika Laporan ASAL Bank mengenai kedudukan kewangan Petender atas format seperti di Borang CA dikemukakan/dinyatakan, jumlah Baki Kemudahan Kredit yang dinikmati ialah jumlah (baki) kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair yang dinyatakan dalam Borang CA seperti baki kemudahan overdraf yang sedang dinikmati.

b) Jika Borang CA tidak dikemukakan tetapi laporan Bank dalam bentuk lain yang menyatakan jumlah kasar kemudahan kredit yang sedang/telah dinikmati (belum mengambilkira nilai yang telah digunakan) ada dikemukakan, jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang dinikmati dikira berasaskan jumlah kasar Kemudahan Kredit tersebut ditolak nilai negatif bulan akhir dalam PBB dari Bank yang sama.

Sebagai contoh, Petender mengemukakan surat dari Bank yang menyatakan jumlah kasar Kemudahan Kredit yang sedang dinikmati ialah RM50,000.00. Nilai Negatif bulan akhir dalam PBB dari bank yang sama ialah RM10,000.00.

Pengiraannya adalah seperti berikut:

i) Jumlah Kasar Kemudahan Kredit

= RM50,000.00

ii) Nilai Negatif Bulan Akhir dalam PBB

= RM10,000.00

iii) Baki Nilai Kemudahan Kredit = (i) – (ii)

= RM50,000.00 – RM10,000.00,

= RM40,000.00

c) Pada dasarnya bentuk kemudahan kredit bagi modal mudah cair yang boleh diambil kira hanyalah kemudahan kredit sedia ada seperti berikut sahaja:

i) Overdraf;
ii) Overdraf Bercagar; atau
iii) Talian Kredit.

Selain daripada kemudahan kredit seperti senarai di atas, semua bentuk kemudahan kredit lain tidak boleh diambilkira termasuklah pinjaman tetap yang akan atau layak diperolehi untuk projek.

11.2.14 Maka, pengiraan bagi menentukan jumlah Modal Minimum ialah:

a) Modal Pusingan = Aset Semasa – Liabiliti Semasa
b) Purata Akaun Bank = Purata Baki Akhir Bulan dalam Penyata Bulanan Bank (PBB) bagi 3 bulan terakhir
c) Deposit Tetap + (b)
d) Buat perbandingan di antara (a) dan (c), ambil yang mana tertinggi
e) Campurkan Kemudahan Kredit
f) Jumlah Modal Mudah Cair = (d) + (e)

11.3 Prestasi Kerja Semasa (Borang 3)

11.3.1 Kerja Semasa diertikan sebagai kerja kontrak yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada Tarikh Tutup Tender.

11.3.2 Rating bagi penilaian Prestasi Kerja Semasa adalah seperti berikut:

Prestasi Kerja Semasa		Rating
a)	Tiada kerja semasa	GT
b)	i) Mengikut atau lebih baik daripada jadual ; ATAU ii) Lewat tidak melebihi dan sehingga 10% atau lewat sehingga 30 hari daripada jadual, yang mana terdahulu	G
c)	i) Lewat melebihi 10% sehingga 20% atau lewat melebihi 30 hari sehingga 60 hari daripada jadual, yang mana terdahulu; ATAU ii) Kerja masih belum disiapkan pada tarikh siap dibenarkan tidak melebihi dan sehingga 60 hari	Y

d)	i) Lewat melebihi 20% atau lewat melebihi 30 hari sehingga 60 hari daripada jadual, yang mana terdahulu ; ATAU ii) Kerja masih belum siap pada tarikh siap dibenarkan melebihi 60 hari	R
e)	Projek dalam tindakan penamatan di mana Notis untuk Tujuan Penamatan telah dikeluarkan	R
f)	i) Petender tidak isytihar kerja semasa ii) Petender isytihar kerja semasa tetapi maklumat tidak lengkap	

11.3.3 Dalam keadaan di mana prestasi kerja semasa petender diberi rating R penilaian tidak akan dibuat ke atas kriteria-kriteria beban kerja semasa dan pengalaman kerja. Oleh itu, Borang 4 dan 5 akan diberi rating TB.

11.3.4 Dalam keadaan di mana petender gagal mengisytihar kerja semasa, tajuk kerja semasa yang tidak diisytiharkan hendaklah diisi dalam Borang 3. Penilaian tidak akan dibuat ke atas kriteria-kriteria prestasi kerja semasa, beban kerja semasa dan pengalaman kerja. Oleh itu, Borang 3 akan diberi rating manakala Borang 4 dan 5 akan diberi rating TB.

11.3.5 Dalam keadaan di mana petender mengisytihar kerja semasa tetapi gagal mengemukakan maklumat yang lengkap, hanya tajuk kerja semasa sahaja yang perlu diisi dalam Borang 3. Penilaian tidak akan dibuat ke atas kriteria-kriteria prestasi kerja semasa, beban kerja semasa dan pengalaman kerja. Oleh itu, Borang 3 akan diberi rating , manakala Borang 4 dan 5 akan diberi rating TB.

11.3.6 Prestasi Kerja Semasa dinilai berdasarkan keadaan seperti berikut:

Kerja Semasa Sedang Berjalan tetapi Belum Melebihi Tarikh Siap Dibenarkan, pengiraan adalah berdasarkan peratusan, ATAU Kerja Semasa Sedang Berjalan dan Telah Melebihi Tarikh Siap Dibenarkan, pengiraan adalah berdasarkan peratusan atau jumlah hari (Luputan Tarikh Siap Kontrak).

11.3.7 Pengiraan bagi penilaian berdasarkan peratusan adalah seperti berikut:

Prestasi Kerja Semasa (PKS) = A – S

Di mana,

A = Peratus Kemajuan sebenar yang dicapai.

S = Peratus kemajuan yang sepatutnya dicapai mengikut jadual.

11.3.8 Pengiraan bagi penilaian berdasarkan jumlah hari adalah seperti berikut:

Luputan Tarikh Siap Kontrak (D) = E – C

Di mana,

E = Tarikh Penilaian Kemajuan adalah Tarikh sepertimana dalamBorang DA. Sekiranya Tarikh Penilaian tidak dinyatakan, Tarikh Tutup Tender hendaklah digunapakai.

C = Tarikh Siap Dibenarkan (termasuk lanjutan masa yang diluluskan)

11.3.9 Petender hendaklah dipastikan tidak mempunyai kerja semasa yang mana prestasinya boleh dianggap sebagai 'sakit' atau sedang menghadapi tindakan untuk penamatan pengambilan kerjanya. Sekiranya kemajuan pelaksanaan projek semasa petender mengalami kelewatan melebihi dua puluh peratus (20%) dari jadual atau kelewatan melebihi 60 hari dari tarikh siap asal/lanjutan yang ditetapkan mengikut yang mana terdahulu, prestasi kerjanya adalah ditakrifkan sebagai 'sakit'. Sekiranya diketahui atau terdapat bukti bahawa kerja semasa yang dilaksanakan oleh petender merupakan 'projek sakit' atau petender sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerjanya, tender berkenaan hendaklah ditolak dan tidak layak dipertimbangkan.

11.3.10 Sekiranya petender mempunyai lebih daripada satu kerja semasa, nilai prestasi kerjanya hendaklah berasaskan kerja semasa yang mana prestasinya adalah terendah. Sekiranya petender didapati menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja berhubung dengan pelaksanaan

mana-mana kerja semasanya di mana notis untuk tujuan itu telah dikeluarkan terhadapnya, prestasi kerja semasanya hendaklah dikira sebagai `sakit' walaupun terdapat kerja semasanya yang lain berjalan lancar.

11.3.11 Rujukan hendaklah dibuat kepada Laporan Prestasi Projek mengenai kemajuan kerja petender atas Borang DA bagi setiap kerja semasa yang dilaksanakan.

11.3.12 Jadual di bawah memberikan contoh situasi Prestasi Kerja Semasa bagi projek:

PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER			
Ruj. Petender:			
	Kerja 1	Kerja 2	Kerja 3
Adakah Petender Isytihar Kerja? Sila pilih: • Petender isytihar kerja semasa dan maklumat lengkap; ATAU • Petender tidak isytihar kerja semasa • Petender isytihar kerja semasa tetapi maklumat tidak lengkap; ATAU Jika petender tidak mempunyai kerja semasa, sila tandakan di tempat yang berkenaan dalam sistem JNilai.			
Nama Ringkas Kerja Semasa			
No. Kontrak Kerja Semasa			
Harga Kontrak (RM)	5,733,169.45	8,843,691.21	2,171,960.09
Tarikh Pemilikan Tapak	15 Dec 2016	10 Feb 2017	3 Dec 2017
Tempoh Kontrak (Hari)	366	724	553
Tarikh Siap Dibenarkan (C)	16 Dec 2017	04 Feb 2019	09 Jun 2019
Tarikh Penilaian Kemajuan (E)	02 Mac 2018	02 Mac 2018	02 Mac 2018
Luputan Tarikh Siap Kontrak (Hari) (D)	76	0	0
Peratus Kemajuan Sebenar Dicapai (A) (%)	96.00	52.00	50.00
Peratus Kemajuan Mengikut Jadual (S) (%)	100.00	67.00	50.00
Prestasi Kerja Semasa (A)-(S) (%)	- 4.00	- 15.00	0.00
Jumlah Kelewatan (hari)			
Dalam Tindakan Penamatan	✓		
Status Prestasi *	R	Y	G

KEPUTUSAN (Prestasi Kerja Semasa Terendah/Tiada Kerja Semasa)			R

11.4 Beban Kerja Semasa (Borang 4)

11.4.1 Penilaian beban kerja semasa adalah berdasarkan Nilai Baki Kerja (NBK) pada waktu petender memasuki tender berbanding dengan Nilai Kerja Pembina Anggaran Jabatan (AJ).

11.4.2 Jumlah nilai baki kerja dalam tangan diperolehi daripada peratus kerja pembina yang belum siap untuk semua projek. Jumlah ini dibandingkan dengan Nilai Kerja Pembina AJ untuk menentukan kebolehupayaan kontraktor untuk menyiapkan projek sedia ada dan projek yang ditender.

11.4.3 Rujukan hendaklah dibuat kepada Laporan Prestasi Projek mengenai kemajuan kerja petender atas Borang DA bagi setiap kerja semasa yang dilaksanakan atau maklumat terkini yang diperolehi oleh Pegawai Penilai.

11.4.4 Rating bagi penilaian beban kerja semasa adalah seperti berikut:

Beban Kerja Semasa		Rating
a)	Jumlah NBK ≤ 0.5 daripada Nilai Kerja Pembina AJ	G
b)	Jumlah NBK > 0.5 hingga 1.5 daripada Nilai Kerja Pembina AJ	Y
c)	Jumlah NBK > 1.5 daripada Nilai Kerja Pembina AJ	R
d)	Penilaian tidak diteruskan (petender gagal di Borang 3)	TB

11.4.5 Walaubagaimanapun, bagi kerja semasa dengan peratus Siap Kerja 75% dan ke atas, petender dianggap tidak mempunyai Beban Kerja Semasa dan diberi rating G .

11.4.6 Dalam keadaan di mana petender gagal dalam kriteria beban kerja semasa, penilaian tidak akan dibuat ke atas kriteria seterusnya. Oleh itu, rating TB , akan diberi kepada kriteria pengalaman kerja di Borang 5.

11.5 Pengalaman Kerja (Borang 5)

11.5.1 Pengalaman kerja petender adalah pengalaman kerja serupa atau pengalaman kerja sebanding yang diperakukan siap dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tutup tender.

11.5.2 Kerja serupa ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender.

11.5.3 Kerja sebanding ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang berlainan daripada kerja yang ditender.

11.5.4 Kategori bagi kerja adalah seperti berikut:

Kategori	Keterangan
B	Bangunan
CE	Kejuruteraaan Awam
ME	Mekanikal dan Elektrikal
F	Fasiliti

11.5.5 Sekiranya kategori kerja yang ditender ialah B, maka kerja sebanding adalah kerja dalam kategori CE dan ME. Sekiranya kategori kerja yang dipelawa ialah CE, maka kerja sebanding adalah daripada kategori B dan ME. Kerja kategori F tidak boleh diambil sebagai pengalaman Kerja Bangunan, Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik. Sekiranya kerja yang ditender ialah F, maka kerja sebanding adalah kerja dalam kategori ME.

11.5.6 Rating bagi penilaian pengalaman kerja dalam tempoh lima (5) tahun lepas adalah seperti berikut:

Pengalaman Kerja		Rating
a)	Sekurang-kurangnya satu Kerja serupa	G
b)	Kerja sebanding atau tiada pengalaman kerja	Y
c)	Penilaian tidak diteruskan (petender gagal di Borang 3 / Borang 4)	TB

11.5.7 Contoh penilaian pengalaman kerja bagi kategori kerja bangunan (B) adalah seperti jadual di bawah:

RUJ. PETENDER: 7/8			
Bil	Senarai Kerja yang Disiapkan	Kerja Serupa (BORANG)	Kerja Sebanding (BORANG)
1.	Membina dan Menyiapkan Bangunan Tambahan Blok Asrama Perempuan di Sek. Men. Tengku Ampuan Rahimah Klang	BORANG5,000,000.00	
2.	Menyiapkan Bangunan 2 Tingkat Mahkamah	BORANG7,500,000.00	
*KEPUTUSAN		G	

RUJ. PETENDER: 3/8			
Bil	Senarai Kerja yang Disiapkan	Kerja Serupa (BORANG)	Kerja Sebanding (BORANG)
1.	Membina dan Menyiapkan Sebuah Jambatan Melalui Sungai Rasau Klang		BORANG3,600,000.00
2.	UPNM – Pembinaan Kompleks Penyelidikan	BORANG4,350,000.00	
3.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) – Kawalan Hakisan Tanah		BORANG4,200,000.00
*KEPUTUSAN		G	

RUJ. PETENDER: 4/8			
Bil	Senarai Kerja yang Disiapkan	Kerja Serupa (BORANG)	Kerja Sebanding (BORANG)
1.	Maktab Sains Rendah Mara Bentong-Kawalan Hakisan Tanah		BORANG9,300,000.00
*KEPUTUSAN			Y

11.5.8 Kerja yang diambil kira adalah terhad kepada kerja yang dilaksanakan oleh petender sebagai kontraktor utama dan sub-kontraktor yang dinamakan sahaja. Kerja yang dilaksanakan sebagai sub-kontraktor biasa tidak boleh diambil kira melainkan ada pengesahan dari pihak Pegawai Penguasa dan Kontraktor Utama serta jenis dan skop kerja hendaklah bersesuaian dengan kerja yang ditender.

11.6 Penilaian Peringkat Kedua – Borang Keputusan

11.6.1 Terdapat empat borang yang menyenaraikan keputusan ke atas kesemua borang-borang yang telah dinilai di peringkat kedua seperti berikut:

a) Borang 6A – Keputusan Penilaian Keseluruhan (Kerja Bangunan dan Kejuruteraan Awam)

b) Borang 6B – Keputusan Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja dan Pengalaman (Kerja Mekanikal dan Elektrikl)

c) Borang 7 – Ringkasan Keputusan Penilaian Teknikal (Bagi Tender Untuk Kerja Mekanikal dan Elektrik)

d) Borang 8 – Keputusan Penilaian Keseluruhan (Kerja Mekanikal & Elektrik)

11.6.2 Maklum balas daripada pihak bank/institusi kewangan/syarikat audit untuk mengesahkan kesahihan maklumat kewangan petender bagi kerja bangunan dan kejuruteraan awam diambil kira di Borang 6A manakala bagi kerja mekanikal dan elektrik di ambil kira di Borang 8.

11.6.3 <u>Keputusan Penilaian (Borang 6A dan 6B)</u>

Keputusan keseluruhan yang dipaparkan di Borang 6A dan 6B adalah seperti berikut:

Rating	Keterangan	Borang	
		6A	6B
GT	Lulus dan Tiada Kerja Semasa	✓	✓
G	Lulus	✓	✓

Rating	Keterangan	Borang	
		6A	6B

Y	1. Kaedah penilaian berdasarkan *Cut-Off* Lulus di mana kedudukan harga tender adalah lebih tinggi dari atau sama dengan paras harga *Cut-Off* sehingga (+)10% *Adjusted Mean* Kerja Pembina dan petender mempunyai sekurang-kurangnya rating Y dalam mana-mana kriteria penilaian di peringkat kedua. 2. Kaedah penilaian berdasarkan Anggaran Jabatan Lulus di mana kedudukan harga tender melebihi (-)15% hingga (+)10% daripada Anggaran Jabatan dan petender mempunyai sekurang-kurangnya rating Y dalam mana-mana kriteria penilaian di peringkat kedua.	✓	✓
YK	Lulus bersyarat tertakluk kepada menerima pengesahan maklumat kewangan	✓	Di ambil kira di **Borang 8**
YS	Hanya sebahagian maklum balas pengesahan kewangan diterima	✓	
YN	Tiada maklum balas pengesahan kewangan	✓	
✕	Penilaian tidak dilaksanakan – Petender gagal isytihar kerja semasa	✓	✓
—	Penilaian tidak dilaksanakan - Petender isytihar kerja semasa tetapi maklumat tidak lengkap	✓	✓

Rating	Keterangan	Borang	
		6A	6B

TB	Penilaian tidak diteruskan (petender gagal di Borang 3 / Borang 4)	✓	✓
TB	Tidak perlu mendapatkan maklum balas pengesahan (bagi maklumat kewangan)	✓	Di ambil kira di Borang 8
R	Gagal	✓	✓

a) Penilaian di peringkat ini juga perlu menghasilkan sebaik-baiknya tiga (3) petender yang layak disyorkan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan.

b) Jika petender yang lulus adalah kurang daripada tiga (3), penilaian hendaklah diteruskan bagi baki bilangan petender lain dalam julat (-)15% hingga (+)10% sehingga mencapai tiga (3) petender yang layak. Keutamaan kepada harga yang lebih rendah daripada harga *Cut-Off.*

c) Bagi Penilaian Tender Kerja Kecil untuk Bangunan dan Kejuruteraan Awam, penilaian terus disambung ke perenggan 12.

d) Bagi Penilaian Tender Kerja Kecil Mekanikal dan Elektrik, penilaian disambung ke Penilaian Teknikal di Borang 7 dan 8.

11.6.4 Penilaian Teknikal (Borang 7) – Bagi Kerja Mekanikal dan Elektrik sahaja.

a) Hanya petender yang lulus di Borang 6B sahaja yang layak dinilai di Borang 7.

b) Bagi Penilaian Tender Kerja Kecil untuk Mekanikal dan Elektrik, penilaian perlu disambung sehingga ke Borang 8.

c) Penilaian teknikal dilaksanakan ke atas komponen / peralatan berdasarkan pematuhan kepada kehendak spesifikasi dengan rating seperti berikut:

Rating	Keterangan
G	Lulus

YN	Lulus bersyarat bagi penilaian teknikal tertakluk kepada pretender memenuhi kehendak teknikal & spesifikasi
R	Gagal

d) Lulus bersyarat bermaksud terdapat ketidapatuhan *minor* kepada spesifikasi. Dalam hal ini, surat niat akan dikeluarkan terlebih dahulu kepada petender agar bersetuju untuk mematuhi kehendak spesifikasi sebelum surat setuju terima dikeluarkan.

Contoh penilaian teknikal bagi kerja mekanikal dan elektrik adalah seperti berikut:

Ruj. Petender	*KEPUTUSAN
—/—	*
—/—	*
—/—	*
—/—	*
—/—	*

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

G Lulus

YT Lulus bersyarat (bagi penilaian teknikal)

R Gagal

Nota: Penilaian pematuhan spesifikasi teknikal bagi sistem/ peralatan mekanikal dan elektrik adalah seperti di **Borang 7A – Jadual Data Teknikal.**

e) Penilaian di peringkat ini juga perlu menghasilkan sebaik-baiknya tiga (3) petender yang layak disyorkan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan.

f) Jika petender yang lulus adalah kurang daripada tiga (3), penilaian hendaklah diteruskan bagi baki bilangan petender lain dalam julat (-)15% hingga (+)10% sehingga mencapai tiga (3) petender yang layak.

11.6.5 Keputusan Penilaian Keseluruhan (Borang 8) – Kerja Mekanikal dan Elektrik.

Keputusan keseluruhan tersebut akan dipaparkan berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
GT	Lulus dan Tiada Kerja Semasa
G	Lulus
Y	1. Kaedah penilaian berdasarkan *Cut-Off* Lulus di mana kedudukan harga tender adalah lebih tinggi dari atau sama dengan paras harga *Cut-Off* sehingga (+) 10% *Adjusted Mean* Kerja Pembina dan petender mempunyai sekurang-kurangnya rating Y dalam mana-mana kriteria penilaian di peringkat kedua. 2. Kaedah penilaian berdasarkan Anggaran Jabatan Lulus di mana kedudukan harga tender melebihi (-)15% sehingga (+)10% daripada Anggaran Jabatan dan petender mempunyai sekurang-kurangnya rating Y dalam mana-mana kriteria penilaian di peringkat kedua.
YT	1. Kaedah penilaian berdasarkan *Cut-Off* Lulus bersyarat adalah tertakluk kepada dua perkara berikut: i. Petender hendaklah memenuhi kehendak teknikal & spesifikasi ii. Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua kecuali bagi penilaian teknikal di mana rating minimum ialah YT dan kedudukan harga tender lebih rendah dari paras Harga *Cut-Off* dan tidak lebih rendah daripada (-)15% *Adjusted Mean* Kerja Pembina
Rating	**Keterangan**
YT	**2. Kaedah penilaian berdasarkan Anggaran Jabatan** Lulus bersyarat adalah tertakluk kepada dua perkara berikut: i. Petender hendaklah memenuhi kehendak teknikal & spesifikasi

	ii. Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua kecuali bagi penilaian teknikal di mana rating minimum ialah YT dan kedudukan harga tender berada di antara (-)20% sehingga (-) 15% daripada Anggaran Jabatan.
YK	Lulus bersyarat tertakluk kepada menerima pengesahan maklumat kewangan
YS	Hanya sebahagian maklum balas pengesahan kewangan diterima
YN	Tiada maklum balas pengesahan kewangan
YC	Lulus bersyarat tertakluk kepada petender memenuhi: 1)Kehendak spesifikasi (YT); **DAN** 2)Penerimaan maklum balas yang mengesahkan kesahihan maklumat kewangan petender (YS atau YN)
R	Gagal
TB	Tidak perlu mendapatkan maklum balas pengesahan (bagi maklumat kewangan)

12. PERAKUAN PENILAIAN TENDER

12.1 Di samping hasil keputusan penilaian tender di peringkat kedua, perakuan penilaian tender hendaklah juga mengambil kira kedudukan harga tender berbanding Harga *Cut-Off* atau Anggaran Jabatan.

12.2 Kedudukan Harga Tender Berbanding Harga *Cut-Off*

12.2.1 Petender yang menawarkan harga tender terendah dan paling hampir dengan Harga *Cut-Off* layak untuk diperakukan dengan syarat memenuhi kriteria seperti berikut:

Bil	Kedudukan Harga Tender	Perakuan
1	Lebih rendah dari paras Harga *Cut-Off dan* tidak lebih rendah dari (-)15% *Adjusted Mean* Kerja Pembina	a) Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua kecuali bagi penilaian teknikal di mana rating minimum ialah YT dan pengesahan maklumat kewangan ialah YS atau YN . b) Jika terdapat lebih daripada satu petender menawarkan harga tender yang memenuhi syarat di perenggan (a), keutamaan perakuan adalah kepada petender yang menawarkan harga paling hampir dengan *Cut-Off*.
2	Lebih tinggi dari atau sama dengan paras Harga *Cut-Off* dan sehingga (+)10% *Adjusted Mean* Kerja Pembina	Petender tidak boleh mempunyai rating R dalam mana-mana kriteria penilaian peringkat kedua.
3	Lebih tinggi melebihi (+) 10% dari paras Harga *Cut-Off*	Petender tidak boleh diperakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya petender tersebut hendak diperakukan, JPT hendaklah membuat perakuan yang sewajarnya dengan sebab-sebab yang munasabah kepada Lembaga Perolehan.

12.2.2 Contoh Keputusan Keseluruhan bagi Kerja Mekanikal dan Elektrik

Sebagai contoh, jika terdapat petender-petender bagi kerja mekanikal dan elektrik yang menawarkan harga lebih rendah dari paras Harga *Cut-Off dan* tidak lebih rendah dari (-)15% *Adjusted Mean* Kerja Pembina (seperti keadaan di perenggan 13.2.1, butiran 1a), keputusan penilaian keseluruhan di Borang 8 akan dipaparkan seperti contoh berikut:

Keputusan Peringkat 2		Adakah maklumat kewangan diakui sah? • Sah; ATAU • Tidak sah; ATAU • Tiada maklum balas diterima; ATAU • Sebahagian sahaja maklum balas diterima	*KEPUTUSAN PENILAIAN KESELURUHAN
Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja Dan Pengalaman (Dari Borang 6B)	Keputusan Penilaian Teknikal (Dari Borang 7)		
Y	G	YN	YK
G	YT	G	YT
G	R	TB	R
G	YT	YS	YC
G	G	G	G
Y	G	G	Y

Nota :

Hanya petender yang lulus di Borang 6B (Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja dan Pengalaman) akan dinilai di Borang 7 (Penilaian Teknikal).

12.3 Kedudukan Harga Tender Berbanding Anggaran Jabatan

Petender yang menawarkan harga tender terendah berbanding Anggaran Jabatan layak untuk diperakukan dengan syarat memenuhi kriteria seperti berikut:

Bil	Kedudukan Harga Tender	Perakuan
1	Dari (-)20% sehingga (-)15% daripada Anggaran Jabatan	a) Petender hendaklah memperolehi rating G dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua kecuali bagi penilaian teknikal di mana rating minimum YT h dan pengesahan maklumat ke YS an ialah atau YN b) Jika terdapat lebih dari satu petender menawarkan harga tender yang memenuhi syarat di perenggan a), keutamaan perakuan adalah kepada petender yang menawarkan harga paling rendah berbanding Anggaran Jabatan.
2	Melebihi (-)15% sehingga (+)10% daripada Anggaran Jabatan	Petender tidak boleh mempunyai rating R dalam mana-mana kriteria penilaian peringkat kedua.
3	Melebihi (+)10% daripada Anggaran Jabatan	Petender tidak boleh diperakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya petender tersebut hendak diperakukan, JPT hendaklah membuat perakuan yang sewajarnya dengan sebab-sebab yang munasabah kepada Lembaga Perolehan.

13. PERAKUAN BERDASARKAN KRITERIA TAMBAHAN PENILAIAN TENDER

13.1 Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) petender menawarkan harga tender yang lebih rendah dari paras harga *Cut-Off* atau menawarkan harga tender dari (-) 20% sehingga (-)15% dari Anggaran Jabatan dan memperoleh rating dalam semua kriteria penilaian peringkat kedua, keutamaan perakuan boleh diberikan kepada petender yang mempunyai kriteria tambahan seperti berikut:

13.1.1 Sijil SCORE

Mempunyai sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup dengan minimum dua (2) bintang.

13.1.2 Sijil/ Perakuan Anugerah

Sijil/Perakuan Anugerah yang diperolehi yang berkaitan dengan industri pembinaan, dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang.

13.1.3 Sijil /Surat Pengesahan Program Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)

Petender mengemukakan sijil atau surat pengesahan pelaksanaan Program PROTÉGÉ daripada Sekretariat PROTÉGÉ

13.2 Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) petender yang mempunyai sijil SCORE, keutamaan akan diberi kepada petender yang mempunyai sijil/perakuan anugerah atau surat/sjil pelaksanaan Program PROTÉGÉ.

13.3 Jika masih terdapat lebih daripada satu(1) petender yang mempunyai sijil SCORE dan juga mempunyai sijil/perakuan anugerah serta juga sijil/surat PROTÉGÉ, keutamaan akan diberikan kepada petender yang paling hampir dengan *Cut-Off*.

13.4 Rujuk contoh seperti jadual di bawah:

No. Ruj. Petender	Harga (RM)	% BWAM	SCORE Rating (bintang)	Sijil / Perakuan Anugerah	Surat/ Sijil PROTÉGÉ	Perakuan
1/15	8,309,000.00	(-) 3.94%	2	X	X	
8/15	8, 350,450.00	(-) 3.46%	2	X	✓	
3/15	**8,400, 200,00**	(-) 2.89%	**2**	✓	✓	**Layak Diperakukan**
6/15	8,460,861.00	(-) 2.18%	2	X	X	
	***Cut-Off* 8,500,000.00**					

No. Ruj. Petender	Harga (RM)	% BWAM	SCORE Rating (bintang)	Sijil / Perakuan Anugerah	Surat/ Sijil PROTÉGÉ	Perakuan
1/15	8,309,000.00	(-) 3.94%	2	X	✓	
8/15	8, 350,450.00	(-) 3.46%	2	✓	✓	
3/15	**8,400, 200,00**	**(-) 2.89%**	**2**	✓	✓	**Layak Diperakukan**
6/15	8,460,861.00	(-) 2.18%	3	X	✓	
	***Cut-Off* 8,500,000.00**					

No. Ruj. Petender	Harga (RM)	% BWAM	SCORE Rating (bintang)	Sijil / Perakuan Anugerah	Surat/ Sijil PROTÉGÉ	Perakuan
1/15	8,309,000.00	(-) 3.94%	2	X	✓	
8/15	8, 350,450.00	(-) 3.46%	3	✓	✓	
3/15	**8,400, 200,00**	**(-) 2.89%**	**2**	✓	✓	**Layak Diperakukan**
6/15	8,460,861.00	(-) 2.18%	3	X	✓	
	Cut-Off 8,500,000.00					

14. PENYEDIAAN KERTAS KEPUTUSAN TENDER

Keputusan Lembaga Perolehan hendaklah dibuat dalam tempoh sah laku tender. Keputusan Lembaga Perolehan hendaklah ditandatangani oleh ahli-

ahli Lembaga Perolehan sebaik sahaja keputusan dibuat semasa mesyuarat bersidang. Contoh Kertas Keputusan Tender adalah seperti di Lampiran 9.

15. TENDER USAHASAMA/ GABUNGAN

Penilaian kewangan dan pengalaman bagi syarikat usahasama/gabungan perlu dibuat secara manual. Hasil penilaian kemudiannya dimasukkan ke dalam sistem JNilai.

15.1 Perjanjian Usahasama

Petender yang berhasrat untuk memasuki tender secara usahasama hendaklah mengemukakan Perjanjian Usahasama semasa mengemukakan dokumen tender. Perjanjian tersebut hendaklah mengandungi pegangan equiti setiap rakan usahasama dan bertanggungjawab secara 'jointly & severally' dan ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama dan disetemkan.

15.2 Borang-Borang Maklumat Dan Dokumen Wajib/Sokongan

Bagi membolehkan penilaian ke atas petender usahasama/gabungan, petender adalah dikehendaki mengisi borang-borang maklumat seperti di perenggan 9.1.2 secara berasingan. Petender juga hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di perenggan 9.1.3 secara berasingan untuk menyokong maklumat-maklumat yang dinyatakan.

15.3 Kelayakan Asas Petender

Borang Tender/ Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*) hendaklah ditandatangani oleh **kesemua rakan usahasama** sepertimana di dalam Surat Perjanjian Usahasama.

15.4 Pengiraan Kecukupan Modal Minimum

Penilaian Modal Minimum bagi petender usahasama / gabungan dianalisa secara berasingan dan digabungkan mengikut faktor ekuiti masing-masing.

15.5 Prestasi Kerja Semasa

Prestasi kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa berasaskan kerja-kerja semasa yang dilaksanakan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Status prestasi kerja semasa petender usahasama/gabungan adalah berdasarkan kepada prestasi terendah ahli usahasama/gabungan.

15.6 Beban Kerja Semasa

Beban kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa secara berasingan berasaskan jumlah nilai baki kerja dalam tangan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Penilaian beban adalah berdasarkan kepada nilai baki kerja tertinggi ahli usahasama/gabungan dan rujukan kepada Laporan Penyelia Projek mengenai kemajuan kerja petender usahasama/gabungan.

15.7 Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja petender usahasama/gabungan adalah berdasarkan pengalaman yang digabungkan.

16. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

16.1 Bagi menerapkan elemen integriti dalam proses perolehan Kerajaan, selaras dengan PP/PK1, penjawat Awam yang terlibat dalam jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan perolehan turut dikehendaki menandatangani surat akuan. Secara ringkasnya, pihak-pihak yang terlibat dalam tatacara baharu ini yang dikehendaki menandatangani surat akuan adalah seperti berikut:

16.1.1 Urus Setia Jawatankuasa Perolehan/Lembaga Perolehan hendaklah menandatangani surat akuan setiap tahun atau memperbaharui akuan mereka setiap tahun;

16.1.2 Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah menandatangani surat akuan semasa pelantikan dan setelah selesai sesuatu tugas;

16.1.3 Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Tender hendaklah menandatangani surat akuan semasa pelantikan dan setelah selesai sesuatu tugas;

16.1.4 Perunding hendaklah menandatangani surat akuan semasa pelantikan dan setelah selesai menjalankan tugas (jika berkenaan);

16.1.5 Ahli Lembaga Perolehan hendaklah menandatangani surat akuan semasa pelantikan dan setelah selesai bersidang.

16.1.6 Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah menandatangani surat akuan semasa pelantikan dan setelah selesai sesuatu tugas

16.2 Format borang-borang *integrity pact* bagi tujuan di atas boleh didapati daripada PP/PK1.1.

17. PEGAWAI/DIREKTORI UNTUK DIHUBUNGI

Sekiranya terdapat pertanyaan berkaitan dengan pekeliling ini, Agensi Kerajaan boleh merujuk:

Pengarah Kanan
Cawangan Kontrak & Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 16, Menara Tun Ismail Mohamed Ali
No.25 Jalan Raja Laut
50480 KUALA LUMPUR
Emel: jnilai.jkr@1govuc.gov.my
Website: http://jnilai.jkr.gov.my

18. TARIKH KUATKUASA

Peraturan ini adalah berkuatkuasa bagi tender kerja bernilai RM10 juta dan ke bawah yang ditutup selepas 1 Februari 2020.

LAMPIRAN 1- CARTA ALIRAN PENILAIAN TENDER KERJA KECIL

CARTA ALIRAN PENILAIAN TENDER KERJA KECIL BANGUNAN DAN KEJURUTERAAN AWAM

LAMPIRAN 1A



LAMPIRAN 1B

CARTA ALIRAN PENILAIAN TENDER KERJA KECIL MEKANIKAL & ELEKTRIK



LAMPIRAN 2 – SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (SSD)

LAMPIRAN 2

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (SSD)

Nama Tender: .....
.....
.....

No. Rujukan Tender: .....

Tarikh Dokumen Diterima: .....
Tarikh Buka Tender: .....
Tarikh Tutup Tender: .....
Jumlah Sampul: .....

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER			UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER		
		TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN	TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	ULASAN
1	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen Yang Dikemukakan oleh Petender (WAJIB)						
2	Data Kewangan (Borang C)						
3	MAKLUMAT KEWANGAN (NOTA: Sila isi perenggan 3.1A dan 3.1B bagi Tender Kecil ATAU perenggan 3.2A, 3.2B dan 3.2C bagi Tender Besar)						
3.1 A	TENDER KECIL Petender WAJIB mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut : 1) Penyata Kewangan Beraudit Syarikat (3 tahun berturut-turut)						
	a) Tahun.....						
	b) Tahun.....						
	c) Tahun.....						
	2) Penyata Bulanan Bank (3 bulan terakhr)						
	Nama Bank :						
	a) Bulan						
	b) Bulan						
	c) Bulan						
	Nama Bank :						
	a) Bulan						
	b) Bulan						
	c) Bulan						
	Sila tambah lampiran sekiranya perlu						

Tandatangan & Cap Rasmi Petender

.....

Tarikh:.....

Tandatangan & Cap Rasmi Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender:

Ahli 1 Ahli 2

....

Tarikh:..... Tarikh:.....

Muka 1/5

LAMPIRAN 2 (samb)

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (SSD)

Nama Tender: .....
.....
.....

No. Rujukan Tender: .....

Tarikh Dokumen Diterima: .....
Tarikh Buka Tender: .....
Tarikh Tutup Tender: .....
Jumlah Sampul: .....

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER			UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER		
		TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN	TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN
3	MAKLUMAT KEWANGAN (samb) (NOTA: Sila isi perenggan 3.1A dan 3.1B bagi Tender Kecil ATAU perenggan 3.2A, 3.2B dan 3.2C bagi Tender Besar)						
3.1	TENDER KECIL (samb)						
A	Petender WAJIB mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut (samb) : 3) Laporan Asal Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit (Borang CA) Borang CA daripada Bank :						
	a)						
	b)						
	c)						
B	Deposit Tetap (jika ada) Nama Bank dan No. Akaun :						
	a)						
	b)						
	c)						
	Sila tambah lampiran sekiranya perlu						

Tandatangan & Cap Rasmi Petender

.....

Tarikh:.....

Tandatangan & Cap Rasmi Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender:

Ahli 1 Ahli 2

....

Tarikh:..... Tarikh:.....

Muka 2/5

LAMPIRAN 2 (samb)

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (SSD)

Nama Tender: .....
.....
.....

No. Rujukan Tender: .....

Tarikh Dokumen Diterima: .....
Tarikh Buka Tender: .....
Tarikh Tutup Tender: .....
Jumlah Sampul: .....

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER			UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER		
		TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN	TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN
3	MAKLUMAT KEWANGAN (samb) (NOTA: Sila isi perenggan 3.1A dan 3.1B bagi Tender Kecil ATAU perenggan 3.2A, 3.2B dan 3.2C bagi Tender Besar)						
3.2	TENDER BESAR						
A	Petender WAJIB mengemukakan dokumen kewangan berikut : Penyata Kewangan Beraudit Syarikat (3 tahun berturut-turut)						
	a) Tahun.....						
	b) Tahun.....						
	c) Tahun.....						
B	Petender boleh mengemukakan dokumen-dokumen berikut sebagai pilihan bagi pengiraan keupayaan kewangan : 1) Penyata Bulanan Bank (3 bulan terakhr); Nama Bank :						
	a) Bulan						
	b) Bulan						
	c) Bulan						
	Nama Bank :						
	a) Bulan						
	b) Bulan						
	c) Bulan						
	Sila tambah lampiran sekiranya perlu						

Tandatangan & Cap Rasmi Petender

.....

Tarikh:.....

Tandatangan & Cap Rasmi Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender:

Ahli 1 Ahli 2

....

Tarikh:..... Tarikh:.....

Muka 3/5

LAMPIRAN 2 (samb)

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (SSD)

Nama Tender: .....
.....
.....

No. Rujukan Tender: .....

Tarikh Dokumen Diterima: .....
Tarikh Buka Tender: .....
Tarikh Tutup Tender: .....
Jumlah Sampul: .....

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER			UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER		
		TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN	TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN
3	MAKLUMAT KEWANGAN (samb) (NOTA: Sila isi perenggan 3.1A dan 3.1B bagi Tender Kecil ATAU perenggan 3.2A, 3.2B dan 3.2C bagi Tender Besar)						
3.2	TENDER BESAR (samb)						
B	Petender boleh mengemukakan dokumen-dokumen berikut sebagai pilihan bagi pengiraan keupayaan kewangan (samb) : 2) Laporan Asal Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit (Borang CA) Borang CA daripada Bank : a) ..... b) ..... c)						
C	**Deposit Tetap (jika ada)** Nama Bank dan No. Akaun : a) ..... b) ..... c) ..... *Sila tambah lampiran sekiranya perlu*						

Tandatangan & Cap Rasmi Petender

.....

Tarikh:.....

Tandatangan & Cap Rasmi Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender:

Ahli 1 Ahli 2

....

Tarikh:..... Tarikh:.....

Muka 4/5

LAMPIRAN 2 (samb)

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (SSD)

Nama Tender: .....
.....
.....

Tarikh Dokumen Diterima: .....
Tarikh Buka Tender: .....
Tarikh Tutup Tender: .....

No. Rujukan Tender: .....

Jumlah Sampul: .....

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER			UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER		
		TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN	TANDAKAN (✓) PADA PETAK ADA	TIADA	CATATAN
4	Pengalaman Kerja Dalam Tempoh 5 Tahun Lepas						
	a) Surat Setujuterima						
	b) Perakuan Siap Kerja						
	c) Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad						
5	Prestasi Kerja Semasa						
	a) Surat Setujuterima / Perakuan Bayaran Interim						
	b) Laporan Prestasi						
6	Kakitangan Teknikal (Tender Besar sahaja)						
	a) Penyata Caruman KWSP						
	b) Sijil Kelulusan						
	c) Surat Perlantikan						
7	Loji dan Peralatan (Tender Besar sahaja)						
	a) Kad Pendaftaran bagi loji dan peralatan yang dimiliki Petender						
	b) Resit Pembelian/Perjanjian Sewa Beli						
8	Sijil SCORE						
9	a) Surat Akuan Pembida (WAJIB)						
	b) Surat Akuan Pembida (PROTÉGÉ) (WAJIB bagi Harga Tender melebihi RM10 juta)						
10	Adendum (WAJIB jika ada)						
11	Sijil Anugerah (jika ada)						
12	Dokumen WAJIB dan Dokumen Sokongan Lain*						
	Contohnya:						
	a) Sijil/ Surat Pengesahan Pelaksanaan PROTÉGÉ						
	b) Katalog peralatan						
	c)						

Tandatangan & Cap Rasmi Petender

.....

Tarikh:.....

Tandatangan & Cap Rasmi Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender:

Ahli 1 .....
Tarikh:.....

Ahli 2 .....
Tarikh:.....

* - Isikan dokumen lain yang perlu dikemukakan oleh petender

Muka 5/5

LAMPIRAN 3 – ARAHAN KEPADA PETENDER (BAGI TENDER KERJA KECIL)

(sebahagian daripada Arahan Kepada Petender)

ARAHAN KEPADA PETENDER

1.0 MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER

1.1 Petender hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan petender untuk melaksanakan projek yang ditender, di samping kemunasabahan harga tender.

1.2 Penilaian akan dibuat berasaskan kelayakan asas tender, keupayaan kewangan, dan keupayaan teknikal (prestasi, dan beban kerja semasa serta pengalaman kerja) petender dan penilaian teknikal (kerja Mekanikal & Elektrik) bagi komponen/peralatan. Untuk membolehkan penilaian dibuat, petender dikehendaki melengkapkan borang-borang berikut yang disertakan bersama Dokumen Tender ini dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tender masing-masing:

1.2.1	Borang A		Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen yang Dikemukakan oleh Petender
1.2.2	Borang B		Maklumat Am Latar Belakang Petender
1.2.3	Borang C		Data Kewangan Petender
1.2.4	Borang CA		Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit Petender
1.2.5	Borang D		Senarai Kerja / Kontrak Semasa Petender
1.2.6	Borang DA		Laporan Prestasi Kerja Semasa Petender
1.2.7	Borang E		Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh 5 Tahun Lepas)
1.2.8	Borang F		Surat Akuan Pembida *(Integrity Pact)*

1.3 Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. Setiap helaian tambahan yang dilampirkan kepada borang-borang lain hendaklah ditandatangani oleh petender.

1.4 Bagi memastikan kesahihan maklumat dan data yang diterima daripada petender seperti di perenggan 1.2, maklumat tersebut hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan penilaian.

1.4.1 Perakuan/Sijil Pendaftaran

i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB;

ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB/ Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/ Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ);

ARAHAN KEPADA PETENDER

iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (jika berkaitan);

iv) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan).

1.4.2 Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen

Petender WAJIB mengisi dan menandatangani Borang A. Kegagalan mengemukakan Borang A yang lengkap akan menyebabkan petender tidak layak dinilai.

1.4.3 Maklumat Kewangan

i) Petender hendaklah mengisi Borang C (Data Kewangan Petender)

ii) Petender WAJIB mengemukakan sekurang-kurangnya salah satu dokumen kewangan berikut:

a. Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah

b. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.

c. Laporan ASAL bank/institusi kewangan mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di Borang CA yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan

iii) Deposit tetap (sekiranya ada) yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.

iv) Pihak Kerajaan akan membuat semakan dengan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan bagi mendapatkan pengesahan ke atas maklumat kewangan yang dikemukakan oleh petender. Petender hendaklah memastikan bahawa pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan mengemukakan maklum balas dalam tempoh empat belas hari (14) hari kalendar dari tarikh surat dihantar kepada mereka. Kegagalan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan untuk

ARAHAN KEPADA PETENDER

mengemukakan maklum balas dalam tempoh tersebut akan menyebabkan maklumat kewangan petender yang berkenaan tidak diambil kira dalam penilaian.

1.4.4 Maklumat Teknikal

i) Petender dikehendaki menyenaraikan kerja semasa di Borang D. Petender WAJIB mengisi Borang DA dengan lengkap dan dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Kegagalan petender untuk mengisytiharkan kerja semasa akan menyebabkan tendernya ditolak. Bagi petender yang tidak mempunyai kerja semasa, sila catatkan "Tiada Kerja Semasa" di Borang D.

ii) Petender dikehendaki menyenaraikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan di Borang E berserta dokumen-dokumen sokongan sekiranya mempunyai pengalaman kerja. Bagi petender yang tidak mempunyai pengalaman kerja, sila catatkan "Tiada pengalaman" di Borang E. Kegagalan petender untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan di Borang E akan mengakibatkan maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen. Hal ini boleh menyebabkan maklumat tersebut tidak diambil kira.

iii) Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:

a. Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D;

b. Laporan Asal Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D, atas format seperti Borang DA. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut; dan

c. Salinan Surat Setuju Terima atau Salinan Perakuan Siap Kerja/ Perakuan Muktamad setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di Borang E.

1.4.5 Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*)

Petender WAJIB mengisi dan menandatangani Borang F. Kegagalan mengisi borang ini akan menyebabkan tendernya ditolak. Rujuk perenggan 5.0 untuk penerangan lanjut.

1.5 Dokumen Tambahan

Petender yang mempunyai dan mengemukakan salinan sijil-sijil berikut boleh diberi keutamaan dalam perakuan tender:

ARAHAN KEPADA PETENDER

1.5.1 Sijil SCORE

Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang terutama bagi petender yang menawarkan harga tender di bawah paras Harga *Cut-Off.*

1.5.2 Sijil/Perakuan Anugerah

Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik.

1.5.3 Sijil /Surat Pengesahan Pelaksanaan Program PROTÉGÉ

Petender mengemukakan sijil atau surat pengesahan pelaksanaan Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) daripada Sekretariat PROTÉGÉ.

1.6 Dokumen-dokumen wajib dan sokongan seperti di perenggan 1.4 dan 1.5 adalah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan dibuat ke atas petender. Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen ini dalam satu (1) sampul berasingan yang dilabelkan sebagai `DOKUMEN WAJIB DAN SOKONGAN'. Petender juga dikehendaki mengisi dan menyertakan Senarai Semakan Dokumen (SSD) bersama-sama sampul tersebut. Senarai Semakan ini akan menjadi panduan semakan semula dan bukti penerimaan dokumen-dokumen wajib dan sokongan.

1.7 Semua maklumat dan dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen tender sebelum tarikh dan waktu tutup tender. Bagi memastikan Kerajaan bersikap adil dan saksama kepada petender-petender lain yang berjaya mematuhi arahan tersebut, sebarang maklumat atau dokumen yang dikemukakan selepas daripada tarikh dan waktu tutup tender, TIDAK BOLEH DITERIMA.

1.8 Sekiranya petender mengemukakan maklumat palsu, tidak memberikan maklumat yang dikehendaki dengan lengkap, dan/atau menyembunyikan atau sengaja tidak mengemukakan mana-mana maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya, tendernya akan ditolak dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan ke atas petender.

2.0 KRITERIA PENILAIAN TENDER

Penilaian tender akan dijalankan dalam dua peringkat berdasarkan kepada kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan.

ARAHAN KEPADA PETENDER

2.1 Kaedah Penilaian

2.1.1 Penilaian tender layak dilaksanakan ke atas petender-petender yang menawarkan harga tender dalam julat (-)15% sehingga (+)10% daripada Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

2.1.2 Sekiranya bilangan petender yang berada dalam julat yang layak tersebut melebihi sepuluh (10) petender, penilaian adalah dibuat ke atas sekurang-kurangnya sepuluh (10) petender bagi mendapatkan minimum tiga (3) petender yang lulus penilaian dan layak diperakukan. Bilangan petender yang diambil untuk dinilai adalah bermula dari harga tawaran petender yang paling hampir dan lebih rendah dari paras harga *Cut-Off* serta tidak melebihi (-)15% dari *Adjusted Mean* Kerja Pembina. Jika bilangan petender tidak cukup 10, pemilihan baki petender untuk dinilai diteruskan dari paras Harga *Cut-Off* sehingga (+)10% Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

2.1.3 Sekiranya paras *Harga Cut-Off* melebihi (-)15% daripada *Adjusted Mean* Kerja Pembina, sekurang-kurangnya sepuluh (10) petender yang diambil untuk dinilai adalah bermula dari paras Harga *Cut-Off* sehingga (+)10% dari *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

2.2 Penilaian Peringkat Pertama (Kelayakan Asas Tender)

2.2.1 Hanya tender yang mematuhi kriteria penilaian peringkat pertama sahaja yang LAYAK dinilai ke peringkat kedua.

2.2.2 Tender yang diterima mestilah mematuhi kriteria kelayakan asas berikut:

a) Borang Tender ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat.

b) Penandatangan Borang Tender adalah pihak yang diberi kuasa berdasarkan Sijil CIDB /Kementerian Kewangan.

c) Harga Tender dan Tempoh Siap Kerja (kecuali jika tempoh siap kerja telah ditetapkan) tercatat di Borang Tender

d) Pendaftaran petender masih sah semasa tarikh tutup tender

e) Kesemua dokumen asas tender seperti berikut dikembalikan:

i) Borang Tender

ii) Senarai Kuantiti/ Ringkasan Tender

iii) Adendum yang dikemukakan kepada petender selepas dokumen tender dijual kepada mereka

iv) Perjanjian Usahasama/Gabungan (jika berkenaan)

ARAHAN KEPADA PETENDER

iv) Maklumat/ Dokumen lain yang dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender:

Senaraikan dokumen /maklumat yang berkenaan

.....

.....

.....

f) Tempoh Siap Kerja tidak melebihi tempoh siap maksimum (kecuali jika tempoh siap kerja telah ditetapkan)

g) Borang A ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat

h) Surat Akuan Pembida ditandatangani (*Integrity Pact*)

i) Sekurang-kurangnya salah satu dokumen berikut dikemukakan:

i) Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat dikemukakan, diaudit dan disahkan oleh juruaudit bertauliah;

ii) Penyata Bulanan Bank yang disahkan oleh pegawai bank yang diberi kuasa; atau

iii) Laporan Asal Bank/Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit petender atas format seperti di Borang CA yang ditandatangan oleh pegawai bank/institusi kewangan yang diberi kuasa.

2.3 Penilaian Peringkat Kedua

Penilaian di peringkat kedua adalah berasaskan kriteria berikut:

2.3.1 Keupayaan Kewangan

i) Kecukupan modal minimum petender dalam bentuk aset mudah cair dan Kemudahan Kredit tidak kurang daripada LIMA PERATUS (5%) daripada nilai Kerja Pembina Anggaran Jabatan.

ii) Modal dalam bentuk aset mudah cair ialah jumlah Modal Pusingan iaitu perbezaan antara Aset Semasa dan Liabiliti Semasa petender seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan atau nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir termasuk Deposit Tetap, yang mana lebih tinggi. Jumlah ini dicampur dengan jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang diperolehi oleh petender daripada Bank.

ARAHAN KEPADA PETENDER

iii) Deposit Tetap yang tidak dicagarkan hendaklah mempunyai tarikh matang yang sekurang-kurangnya sehingga 3 bulan selepas tarikh tutup tender.

iv) Kemudahan kredit bagi modal mudah cair yang boleh diambilkira hanyalah kemudahan kredit sedia ada seperti berikut :

iv) Overdraf

v) Overdraf Bercagar

vi) Talian Kredit

v) Selain daripada kemudahan kredit seperti senarai di atas, semua bentuk kemudahan kredit lain tidak boleh diambilkira termasuklah pinjaman tetap yang akan atau layak diperolehi untuk projek.

2.3.2 Keupayaan Teknikal

Keupayaan teknikal adalah berasaskan kepada kriteria berikut:

i) Prestasi Kerja Semasa

Kerja Semasa diertikan sebagai kerja kontrak yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada Tarikh Tutup Tender. Petender mestilah TIDAK mempunyai projek yang mana kemajuan pelaksanaan semasa mengalami kelewatan melebihi dua puluh peratus (20%) dari jadual atau kelewatan melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh siap dibenarkan atau sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja.

ii) Beban Kerja Semasa

Penilaian beban kerja semasa adalah berdasarkan nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap untuk semua projek pada waktu petender memasuki tender.

iii) Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja petender adalah pengalaman kerja serupa atau pengalaman kerja sebanding yang diperakukan siap dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tutup tender.

Kerja serupa ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender.

ARAHAN KEPADA PETENDER

Kerja sebanding ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang berlainan daripada kerja yang ditender.

Sekiranya kategori kerja yang ditender ialah B, maka kerja sebanding adalah kerja dalam kategori CE, ME dan F. Sekiranya kategori kerja yang dipelawa ialah CE, maka kerja sebanding adalah daripada kategori B, ME dan F.

Kerja yang diambil kira adalah terhad kepada kerja yang dilaksanakan oleh petender sebagai kontraktor utama dan sub-kontraktor yang dinamakan sahaja. Kerja yang dilaksanakan sebagai sub-kontraktor biasa tidak boleh diambil kira melainkan ada pengesahan dari pihak Pegawai Penguasa dan Kontraktor Utama serta jenis dan skop kerja hendaklah bersesuaian dengan kerja yang ditender.

3.0 KEPUTUSAN TENDER ADALAH MUKTAMAD

Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari petender-petender. Keputusan mengenai tender yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender tidak akan dilayan.

4.0 PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN TENDER

4.1 Kerajaan berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan tender. Mana-mana tender yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan, tidak akan dipertimbangkan.

4.2 Pihak Kerajaan adalah tidak terikat untuk menyetujuterima tender terendah atau sebarang tender, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana-mana tender yang ditolak.

5.0 PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

5.1 Petender wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di Borang F bersama-sama dengan Dokumen Tender di mana petender berwaad untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender tersebut. Surat Akuan Pembida ini hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pegawai Syarikat yang ditauliahkan menandatangani bagi pihak Syarikat.

ARAHAN KEPADA PETENDER

5.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen **WAJIB** dalam penilaian tender peringkat pertama. Sekiranya petender gagal mengemukakan Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani, petender tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

5.3 Petender yang berjaya wajib mengemukakan dan menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** beserta dengan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

6.0 TENDER USAHASAMA/ GABUNGAN

6.1 Perjanjian Usahasama

Petender yang berhasrat untuk memasuki tender secara usahasama hendaklah mengemukakan Perjanjian Usahasama semasa mengemukakan dokumen tender. Perjanjian tersebut hendaklah mengandungi pegangan ekuiti setiap rakan usahasama dan bertanggungjawab secara 'jointly & severally' dan ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama dan disetemkan.

6.2 Borang-Borang Maklumat Dan Dokumen Wajib/Sokongan

Petender dikehendaki mengisi borang-borang maklumat seperti di perenggan 1.2 secara berasingan. Petender juga hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di perenggan 1.4 secara berasingan untuk menyokong maklumat-maklumat yang dinyatakan.

6.3 Kelayakan Asas Petender

Borang Tender/Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*) hendaklah ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama sepertimana di dalam Surat Perjanjian Usahasama.

6.4 Pengiraan Kecukupan Modal Minimum

Penilaian Modal Minimum bagi petender usahasama/gabungan dianalisa secara berasingan dan digabungkan mengikut faktor ekuiti masing-masing.

6.5 Prestasi Kerja Semasa

Prestasi kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa berasaskan kerja-kerja semasa yang dilaksanakan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Status

ARAHAN KEPADA PETENDER

prestasi kerja semasa petender usahasama/gabungan adalah berdasarkan kepada prestasi terendah ahli usahasama/gabungan.

6.6 Beban Kerja Semasa

Beban kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa secara berasingan berasaskan jumlah nilai baki kerja dalam tangan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Penilaian beban adalah berdasarkan kepada nilai baki kerja tertinggi ahli usahasama/gabungan dan rujukan kepada Laporan Penyelia Projek mengenai kemajuan kerja petender usahasama/gabungan.

6.7 Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja petender usahama/gabungan adalah berdasarkan pengalaman yang digabungkan.

LAMPIRAN 4 – BORANG-BORANG MAKLUMAT

LAMPIRAN 4A

BORANG A – SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER

Nama Petender :.....
Alamat:.....
.....
.....

Kepada,

Pengarah:.....
.....
.....
(Pihak yang akan menilai tender)

Tuan,

MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN TEKNIKAL PETENDER

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen tender kami semasa mengemukakan Tender ini untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Tender.

2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa Penilaian Tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Tender kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Lembaga Tender untuk disetuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.

3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang diminta bersama-sama Tender kami sebelum Tender ditutup dan maklumat atau dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambilkira dalam penilaian keupayaan kami.

1/3

BORANG A – SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER (samb)

4. Kami mengaku bahawa semua maklumat dan data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang B, C, CA, D, DA, E, F dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap kami dan/atau Tender kami, sekiranya mana-mana maklumat, data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar dan palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Tender kami akan ditolak (*disqualified*) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Kepada Petender seperti berikut:

   (1) Penyata Kewangan Beraudit Syarikat

   (2) Penyata Bulanan Bank

   (3) Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit

   (4) Deposit Tetap (sekiranya ada)

   (5) Laporan Prestasi Kerja Semasa

6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kerajaan, jurutera-jurutera projek, juruaudit, pegawai bank dan mana-mana pihak yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh pihak Kerajaan untuk mengesahkan maklumat-maklumat yang kami berikan di perenggan 4 dan 5 atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kami dengan ini juga memberi kebenaran kepada pihak Kerajaan untuk merujuk apa-apa maklumat yang kami kemukakan kepada mana-mana pihak termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

7. Kami juga dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa pihak kami tidak ada membuat sebarang pakatan atau apa-apa bentuk amalan sepadu dengan mana-mana petender lain bagi mempengaruhi kemunasabahan harga tender dan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan atau yang mempunyai kesan menghalang, menyekat atau menggangu persaingan yang sihat bagi membolehkan tender kami atau petender lain di pertimbangkan. Kami akur pihak Jabatan boleh menolak tawaran kami sekiranya pihak Jabatan mengesyaki sebarang pakatan harga dan pihak kami juga boleh di ambil tindakan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

8. Kami maklum bahawa sekiranya pihak yang dihubungi tidak memberi pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan tender kami tidak dipertimbangkan untuk disetuju terima.

Yang benar,

..... Tarikh:.....
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh:.....
No. Kad Pengenalan:.....
Atas Sifat:.....
yang diberikuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani Tender ini Untuk Dan Bagi Pihak:
.....
(Meteri atau Cap Petender)

..... Tarikh:.....
(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh:.....
No. Kad Pengenalan:.....
Pekerjaan:.....
Alamat:.....
.....

3/3

LAMPIRAN 4B

BORANG B – MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PETENDER

1. Nama :.....

2. Alamat:.....

.....

.....

.....

No. Telefon:.....No. Faks:.....

3. Pendaftaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar dan sertakan salinan pendaftaran)

(i) No. Pendaftaran:.....

(ii) Tarikh Kuat kuasa:.....

4. Perniagaan Utama lain, jika ada

(a) .....sejak.....

(b) .....sejak.....

LAMPIRAN 4C

BORANG C – DATA KEWANGAN (Diisi oleh Kontraktor)

A. Penyata Kewangan Beraudit Syarikat

Bil	Tahun	Nama dan Alamat Syarikat Juruaudit	Maklumat Juruaudit untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan	
			Nama	No. Tel Pejabat
1				
2				
3				

Sertakan salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender. Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang tidak disahkan oleh Juruaudit Bertauliah tidak akan diambilkira.

B. Penyata Bulanan Akaun Bank

Bil.	Nama dan Alamat Bank (Di mana akaun dibuka)	Nombor Akaun	Maklumat Pegawai Bank untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan	
			Nama	No. Tel Pejabat
Bank 1				
Bank 2				
Bank 3				

Sertakan salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank yang tidak disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan tidak akan diambilkira.

1/2

LAMPIRAN 4C (samb)

BORANG C – DATA KEWANGAN (Diisi oleh Kontraktor) (samb)

C. Penyata Deposit Tetap (jika berkenaan)

Bil.	Nama dan Alamat Bank (Di mana akaun dibuka)	Nombor Akaun	Maklumat Pegawai Bank Untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan	
			Nama	No. Tel Pejabat
Bank 1				
Bank 2				
Bank 3				

Sertakan salinan Penyata Deposit Tetap yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. Salinan Penyata Deposit Tetap yang tidak disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan tidak akan diambilkira.

NOTA UMUM

Sekiranya terdapat lebih daripada tiga (3) bank/institusi kewangan, sertakan maklumat tersebut dalam lampiran tambahan.

2/2

LAMPIRAN 4D

SULIT

BORANG CA - LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT

(Diisi oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Bahagian yang mengurus tender. Sekiranya laporan disediakan dalam bentuk lain, kandungan laporan tersebut wajib menepati maklumat yang dikehendaki seperti dalam Borang CA. Sekiranya tidak, laporan tersebut akan ditolak.

Kepada :

.....

.....

.....

(Pengarah Jabatan)

Nama Syarikat : .....

Projek : .....
.....

Kemudahan Kredit sedia ada yang boleh digunakan untuk pelaksanaan projek.
(sekiranya petender mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank/Institusi Kewangan)

Bentuk Kemudahan Kredit	Nama Produk Kewangan (sekiranya ada)	Baki Yang Boleh Digunakan
(i) Overdraf		RM
(ii) Overdraf Bercagar		RM
(iii) Talian Kredit		RM
	Jumlah	RM

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Nama Pegawai: ..... Cap Bank/

Jawatan : ..... Institusi Kewangan :

No. Tel Pejabat: .....

Tarikh : .....

LAMPIRAN 4E

BORANG D - SENARAI KERJA/ KONTRAK SEMASA PETENDER
(Senarai semua kerja di dalam tangan/sedang berjalan dan belum siap termasuk kontrak yang baru diawadkan+)

Bil	Nama Kontrak/Projek+	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Petender* Bertanggung jawab	Tempoh Kontrak **	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Kontrak	Kemajuan Kerja+		Nama dan Alamat Jurutera Projek	Nama dan Alamat Majikan
							Ikut Jadual (%)	Sebenar Dicapai (%)		

\+ Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.
* Hanya perlu diisi sekiranya petender melaksanakan kerja sebagai ahli syarikat gabungan
** Tempoh Kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.

LAMPIRAN 4F

SULIT

BORANG DA –LAPORAN PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER

a) Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek dan diserahkan kepada kontraktor untuk disertakan bersama-sama tendernya.

b) Kegagalan mengisi borang ini dengan lengkap akan menyebabkan tender ini ditolak.

Kepada: Pengarah.....
.....
.....
(u.p.:.....)

Nama Kontraktor:.....

Nama Projek Yang Dilaksanakan.....
.....

No. Kontrak : .....

Harga Kontrak (termasuk anggaran nilai kerja perubahan) : RM.....

Wang Kos Prima dan Peruntukan Sementara : RM.....

Nilai Kerja Pembina : RM.....

Tarikh Milik Tapak : ..... Tempoh : .....minggu

Tarikh Penyiapan Asal : .....

Lanjutan Masa Yang Telah Diluluskan : .....hari

Lanjutan Masa Seterusnya yang difikirkan/dijangka layak diperakukan : .....hari

Atas sebab-sebab: (i) .....
(ii) .....

Kemajuan Kerja (berdasarkan nilaian kerja yang telah dilaksanakan)

Pencapaian sebenar : .....%	Mengikut Jadual : .....%
Jumlah kelewatan (jika berkenaan) Tarikh Kerja dijangka akan dapat disiapkan	: .....hari : .....
Nilai Bahagian Kerja Yang Telah Siap	: RM .....
Nilai Bahagian Kerja Yang Belum Siap	: RM .....
Adakah Kontraktor dalam proses penamatan di mana Notis untuk Tujuan Penamatan telah dikeluarkan kepada Kontraktor?	: ……

Ulasan mengenai prestasi kontraktor:

(Nyatakan apa-apa kepujian dan/atau kelemahan kontraktor dan juga apa-apa tindakan/perakuan yang diambil/dipertimbang berhubung dengan prestasi kontraktor melaksanakan kontrak)

Tandatangan Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional:

Nama :
Jawatan : Tarikh:

BORANG E – REKOD PENGALAMAN KERJA PETENDER
(Senarai semua kerja yang disiapkan dalam 5 tahun lepas +)

Bil.	Nama	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Petender* Bertanggungjawab	Tempoh Kontrak **	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap		Nama dan Alamat Penguasa/ Jurutera Perunding	Nama Alamat Majikan
						Kontrak	Sebenar		

\+ Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan Siap Kerja /Perakuan Muktamad bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.
* Hanya perlu diisi sekiranya petender melaksanakan kerja sebagai ahli syarikat gabungan.
** Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.

LAMPIRAN 4H

BORANG F

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender)

.....

Saya ..... nombor K.P. .....

yang mewakili ..... (catatkan nama syarikat) ..... nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ ~~sebut harga~~* seperti di atas.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/~~sebut harga~~* seperti di atas, maka saya bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/~~sebut harga~~* di atas; atau
2.2 Penamatan kontrak bagi tender/~~sebut harga~~* di atas; atau
2.3 Tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/~~sebut harga~~* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP :

Cap Syarikat :

Catatan :

i) *Potong mana yang tidak berkaitan
ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB

LAMPIRAN 5 – CONTOH SURAT PENGESAHAN DENGAN PIHAK LAIN

LAMPIRAN 5A

Contoh Surat Pengesahan Kemudahan Kredit

Ruj. Kami :
Tarikh :

Nama Bank/Institusi Kewangan: .....
Alamat: .....
.....
.....

No. Tel : .....
No. Faksimili: .....

Tuan,

PENGESAHAN BORANG CA - LAPORAN BANK/ INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT

Jabatan ini telah menerima Borang CA yang dikeluarkan oleh Bank/Institusi Kewangan tuan untuk ....(catatkan nama syarikat kontraktor)..... bagi projek berikut:

.....

.....

.....

2. Bagi tujuan memastikan kesahihan BORANG CA (dilampirkan) yang telah dikeluarkan, sukacita dapat tuan mengisi dan mengembalikan Lampiran A-BCA melalui faksimili/emel dengan kadar segera tidak melebihi empat belas (14) hari kalendar dari tarikh surat ini.

3. Untuk makluman tuan, Syarikat yang tersebut di atas telah membenarkan pihak Jabatan ini untuk membuat semakan lanjut dengan pihak bank/institusi kewangan /pihak-pihak lain untuk mendapatkan maklumat tambahan atau yang diperlukan (Sila rujuk Borang A yang dilampirkan).

1/2

Contoh Surat Pengesahan Kemudahan Kredit (samb)

Ruj. Kami :
Tarikh :

4. Jika pihak Jabatan ini tidak menerima apa-apa pengesahan daripada tuan dalam tempoh masa seperti di atas, maklumat kewangan .....(catatkan nama syarikat kontraktor)..... tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

(Ditandatangan oleh Ketua Bahagian/Pegawai yang Berkenaan)

.....

.....

.....

2/2

LAMPIRAN A-BCA

Kepada:

Nama Pegawai : Catatkan nama Ketua Bahagian /Pegawai yang berkenaan

No. Faksimili : Catatkan no. faksimili Unit/Bahagian

Emel : Catatkan alamat emel Ketua Bahagian/Pegawai yang berkenaan

PENGESAHAN BORANG CA - LAPORAN BANK / INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT

Nama Projek : Catatkan tajuk projek

Nama Syarikat : Catatkan nama syarikat kontraktor

Merujuk kepada surat tuan ruj ..... bertarikh ....., adalah dengan ini kami mengesahkan bahawa Borang CA telah disemak akan kesahihannya dan berikut adalah maklum balas pihak kami:

No	Item	Sila tandakan "✓" (maklumat diakui sah) atau "x" (maklumat diakui tidak sah)	Ulasan (jika ada)
1	Maklumat Kemudahan Kredit		
2	Penandatangan adalah Pegawai yang diberi kuasa menandatangan bagi pihak Bank/Institusi Kewangan		

.....

Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai: ..... Cap Bank/ Institusi Kewangan :

Jawatan : .....

No. Tel Pejabat: .....

Tarikh : .....

LAMPIRAN 5B

Contoh Surat Pengesahan Penyata Bulanan Akaun Bank

Ruj. Kami :
Tarikh :

Nama Bank/Institusi Kewangan: .....
Alamat: .....
.....
.....

No. Tel : .....
No. Faksimili: .....

Tuan,

PENGESAHAN SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK

Jabatan ini telah menerima salinan penyata bulanan akaun bank yang dikeluarkan dan disahkan oleh Bank tuan untuk .....(catatkan nama syarikat kontraktor).....

2. Bagi tujuan memastikan kesahihan bahawa pegawai tuan telah menandatangani dan mengesahkan Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank (dilampirkan) yang telah dikeluarkan, sila tuan mengisi dan mengembalikan LAMPIRAN A- PBAB melalui faksimili/emel dengan kadar segera tidak melebihi empat belas (14) hari kalendar dari tarikh surat ini.

3. Untuk makluman tuan, Syarikat yang tersebut di atas telah membenarkan pihak Jabatan ini untuk membuat semakan lanjut dengan pihak bank/institusi kewangan/pihak-pihak lain untuk mendapatkan maklumat tambahan atau yang diperlukan (Sila rujuk Borang A yang dilampirkan).

1/2

Contoh Surat Pengesahan Penyata Bulanan Akaun Bank (samb)

Ruj. Kami :
Tarikh :

4. Jika pihak Jabatan ini tidak menerima apa-apa pengesahan tersebut daripada tuan dalam tempoh masa seperti di atas, maklumat kewangan ..... (catatkan nama syarikat kontraktor) ..... tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

(Ditandatangan oleh Ketua Bahagian/Pegawai yang Berkenaan)

.....

.....

.....

2/2

LAMPIRAN 5B (samb)
LAMPIRAN A-PBAB

Kepada:

Nama Pegawai : Catatkan nama Ketua Bahagian /Pegawai yang berkenaan

No. Faksimili : Catatkan no. faksimili Unit/Bahagian

Emel : Catatkan alamat emel Ketua Bahagian/Pegawai yang berkenaan

PENGESAHAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK

Nama Projek : Catatkan tajuk projek

Nama Syarikat : Catatkan nama syarikat kontraktor

Merujuk kepada surat tuan ruj ..... bertarikh , adalah dengan ini kami mengesahkan bahawa salinan Penyata Bulanan Akaun Bank dan pegawai syarikat ini yang menandatangani telah disemak akan kesahihannya dan berikut adalah maklum balas pihak kami:

No	Penyata Bulanan Akaun Bank	Sila tandakan "✓" (maklumat diakui sah) atau "x" (maklumat diakui tidak sah)	Ulasan (jika ada)
1	*Bulan		
2	*Bulan		
3	*Bulan		
4	Penandatangan adalah Pegawai yang diberi kuasa menandatangan bagi pihak Bank		

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank

Nama Pegawai: ..... Cap Bank/ Institusi Kewangan :

Jawatan : .....

No. Tel Pejabat: .....

Tarikh : .....

LAMPIRAN 5C

Contoh Surat Pengesahan Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat

Ruj. Kami :
Tarikh :

Nama Syarikat Audit: .....
Alamat: .....
.....
.....

No. Tel : .....
No. Faksimili: .....

Tuan,

PENGESAHAN SALINAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT SYARIKAT

Jabatan ini telah menerima SalinanPenyata Kewangan Beraudit Syarikat yang diaudit dan disahkan oleh syarikat tuan untuk .....(catatkan nama syarikat kontraktor).....

2. Bagi tujuan memastikan kesahihan bahawa pihak tuan telah menandatangani pengesahan salinan diakui sah kepada Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat (dilampirkan) tersebut sila tuan mengisi dan mengembalikan LAMPIRAN A-PKS melalui faksimili/emel dengan kadar segera tidak melebihi empat belas (14) hari kalendar dari tarikh surat ini.

3. Untuk makluman tuan, Syarikat yang tersebut di atas telah membenarkan pihak Jabatan ini untuk membuat semakan lanjut dengan pihak bank/institusi kewangan/pihak-pihak lain untuk mendapatkan maklumat tambahan atau yang diperlukan (Sila rujuk Borang A yang dilampirkan).

1/2

Contoh Surat Pengesahan Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat (samb)

Ruj. Kami :
Tarikh :

4. Jika pihak Jabatan ini tidak menerima apa-apa pengesahan tersebut daripada tuan dalam tempoh masa seperti di atas, maklumat kewangan .....(catatkan nama syarikat kontraktor)..... tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

(Ditandatangan oleh Ketua Bahagian/Pegawai yang Berkenaan)

.....

.....

.....

2/2

Kepada:

Nama Pegawai : Catatkan nama Ketua Bahagian /Pegawai yang berkenaan

No. Faksimili : Catatkan no. faksimili Unit/Bahagian

Emel : Catatkan alamat emel Ketua Bahagian/Pegawai yang berkenaan

PENGESAHAN SALINAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT SYARIKAT

Nama Projek : Catatkan tajuk projek

Nama Syarikat : Catatkan nama syarikat kontraktor

Merujuk kepada surat tuan ruj ..... bertarikh ....., adalah dengan ini kami mengesahkan bahawa salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat dan pegawai syarikat ini yang menandatangani pengesahan salinan diakui sah telah disemak akan kesahihannya dan berikut adalah maklum balas pihak kami:

No	Penyata Kewangan Beraudit Syarikat	Sila tandakan "✓" (maklumat diakui sah) atau "x" (maklumat diakui tidak sah)	Ulasan (jika ada)
1	Tahun		
2	Tahun		
3	Tahun		
4	Penandatangan adalah Juruaudit Bertauliah		

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Syarikat

Nama Pegawai : ..... Cap Syarikat :

Jawatan : .....

No. Tel Pejaba t: .....

Tarikh : .....

LAMPIRAN 5D

Contoh Surat Pengesahan Penyata Deposit Tetap

Ruj. Kami :
Tarikh :

Nama Bank/Institusi Kewangan: .....
Alamat: .....
.....
.....

No. Tel : .....
No. Faksimili: .....

Tuan,

PENGESAHAN PENYATA DEPOSIT TETAP

Jabatan ini telah menerima Penyata Deposit Tetap yang dikeluarkan oleh Bank/Institusi Kewangan tuan untuk ....(catatkan nama syarikat kontraktor).....

2. Bagi tujuan memastikan kesahihan Penyata Deposit Tetap (dilampirkan) yang telah dikeluarkan, sukacita dapat tuan mengisi dan mengembalikan Lampiran A-PDT melalui faksimili/emel dengan kadar segera tidak melebihi empat belas (14) hari kalendar dari tarikh surat ini.

2. Untuk makluman tuan, Syarikat yang tersebut di atas telah membenarkan pihak Jabatan ini untuk membuat semakan lanjut dengan pihak bank/institusi kewangan untuk mendapatkan maklumat tambahan atau yang diperlukan (Sila rujuk Borang A yang dilampirkan).

1/2

Contoh Surat Pengesahan Penyata Deposit Tetap (samb)

Ruj. Kami :
Tarikh :

4. Jika pihak Jabatan ini tidak menerima apa-apa pengesahan tersebut daripada tuan dalam tempoh masa seperti di atas, penilaian ke atas maklumat kewangan .....(catatkan nama syarikat kontraktor tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

(Ditandatangan oleh Ketua Bahagian/Pegawai yang Berkenaan)

.....

.....

.....

2/2

LAMPIRAN 5D (samb)
LAMPIRAN A-PDT

Kepada:

Nama Pegawai : Catatkan nama Ketua Bahagian /Pegawai yang berkenaan

No. Faksimili : Catatkan no. faksimili Unit/Bahagian

Emel : Catatkan alamat emel Ketua Bahagian/Pegawai yang berkenaan

PENGESAHAN PENYATA DEPOSIT TETAP

Nama Projek : Catatkan tajuk projek

Nama Syarikat : Catatkan nama syarikat kontraktor

Merujuk kepada surat tuan ruj ..... bertarikh , adalah dengan ini kami mengesahkan bahawa Penyata Deposit Tetap yang dikeluarkan telah disemak akan kesahihannya dan berikut adalah maklum balas pihak kami:

No	Item	Sila tandakan "✓" (maklumat diakui sah) atau "x" (maklumat diakui tidak sah)	Adakah deposit tetap ini dicagarkan? Sila tandakan "✓" (Ya) atau "x" (Tidak)	Ulasan (jika ada)
1	Penyata Deposit Tetap			
2	Penandatangan adalah Pegawai yang diberi kuasa menandatangan bagi pihak Bank/Institusi Kewangan			

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai : ..... Cap Bank/ Institusi Kewangan :

Jawatan : .....

No. Tel Pejabat : .....

Tarikh : .....

LAMPIRAN 6 – JADUAL SEMAKAN KESILAPAN PENGIRAAN HARGA TENDER (MENGIKUT SUSUNAN HARGA)

LAMPIRAN 6

JADUAL SEMAKAN KESILAPAN PENGIRAAN HARGA TENDER (MENGIKUT SUSUNAN HARGA)

Tender Untuk :

Tarikh Tender Ditutup :

No.	Perkara	Anggaran Jabatan	Tender Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 2 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 3 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 4 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 5 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 6 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 7 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 8 Terendah Ruj. Tender	Tender Ke 9 Terendah Ruj. Tender
A	Kerja Awalan										
B	Kerja Cerucuk										
D	Kerja Infrastruktur										
F	Wang Peruntukan Sementara (WPS)										
F1	Nilai Kerja Pakar										
F2	Nilai Kerja Pembina										
F3	Keuntungan & Layangan										
G	Diskaun										
Jumlah											
Harga Di Borang Tender JKR 203B/203C											
Tambahan/Kurangan (Kesilapan/Diskaun)											
Peratus Tambahan/Kurangan (Kesilapan/Diskaun)											
Tempoh Penyiapan (Minggu)											

LAMPIRAN 7 – BORANG-BORANG PENILAIAN TENDER

PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

BORANG 1	-	KELAYAKAN ASAS TENDER

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

BORANG 2	-	KECUKUPAN MODAL MINIMUM
BORANG 3	-	PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER
BORANG 4	-	BEBAN KERJA SEMASA PETENDER
BORANG 5	-	PENGALAMAN KERJA PETENDER DALAM TEMPOH LIMA (5) TAHUN LEPAS
BORANG 6A	-	KEPUTUSAN PENILAIAN KESELURUHAN (KERJA BANGUNAN & KEJURUTERAAN AWAM)
BORANG 6B	-	KEPUTUSAN PENILAIAN KEUPAYAAN KEWANGAN, PRESTASI, BEBAN KERJA DAN PENGALAMAN (KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL)
BORANG 7	-	RINGKASAN KEPUTUSAN PENILAIAN TEKNIKAL (KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIK)
BORANG 8	-	KEPUTUSAN PENILAIAN KESELURUHAN (KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIK)

PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA
KELAYAKAN ASAS TENDER

BORANG 1

TENDER UNTUK:

Rujukan Petender	KRITERIA PENILAIAN											*KEPUTUSAN
	Borang Tender Ditandatangani, Disaksikan dan Diturunkan Cap Syarikat	Penandatangan Diberi Kuasa	Harga Tender dan Tempoh Siap Kerja Tercatat di Borang Tender	Pendaftaran Syarikat Masih Sah Semasa Tutup Tender	Semua Dokumen Asas Tender Dikembalikan	Tempoh Siap Kerja Tidak Melebihi Tempoh Siap Maksimum/ Ditetapkan	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen Ditandatangani	Salah satu dokumen berikut dikemukakan:			Surat Akuan Pembida Ditandatangani	
								Salinan Penyata Kewangan diaudit dan disahkan	Salinan Penyata Bulanan Bank disahkan	Laporan Asal bagi Kemudahan Kredit		

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
G	Lulus
R	Gagal

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
KECUKUPAN MODAL MINIMUM

BORANG 2

TENDER UNTUK:						Modal Minimum diperlukan: (5% daripada nilai Kerja Pembina Anggaran Jabatan)				
Ruj Petender	Penyata Kewangan Beraudit Syarikat			Penyata Akaun Bank		Deposit Tetap (RM)	Aset Cair	Borang CA	Jumlah Modal Minimum yang boleh digunakan (RM)	*KEPUTUSAN
	Aset Semasa (RM)	Liabiliti Semasa (RM)	Modal Pusingan (RM)	Baki bagi 3 Bulan Terakhir (RM)	Purata Baki Bagi 3 Bulan Terakhir (RM)		(d) atau ((f)+(g)) yang mana lebih tinggi (RM)	Kemudahan Kredit (RM)		
(a)	(b)	(c)	(d)=(b)-(c)	(e)	(f)=(e)/3	(g)	(h)	(i)	(j)=(h)+(i)	

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
G	Lulus
R	Gagal

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER

BORANG 3

Ruj. Petender				
	Kerja 1	Kerja 2	Kerja 3	Kerja 4
Adakah Petender Isytihar Kerja? Sila pilih: • Petender isytihar kerja semasa dan maklumat lengkap; ATAU • Petender tidak isytihar kerja semasa; ATAU • Petender isytihar kerja semasa tetapi maklumat tidak lengkap Jika petender tidak mempunyai kerja semasa, sila tandakan di tempat yang berkenaan dalam sistem JNilai.				
Nama Ringkas Kerja Semasa				
No.Kontrak Kerja Semasa				
Harga Kontrak (RM)				
Tarikh Pemilikan Tapak				
Tempoh Kontrak (Hari)				
Tarikh Siap Dibenarkan (C)				
Tarikh Penilaian Kemajuan (E)				
Luputan Tarikh Siap Kontrak (Hari) (E) – (C)				
Peratus Kemajuan Sebenar Dicapai (A)(%)				
Peratus Kemajuan Mengikut Jadual (S)(%)				
Prestasi Kerja Semasa (A) – (S) (%)				
Jumlah Kelewatan (Hari)				
Dalam tindakan penamatan				
Status Prestasi *				
*KEPUTUSAN (Prestasi Kerja Semasa Terendah/Tiada Kerja Semasa):				

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER

BORANG 3

(*) Status Prestasi dan Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
GT	Tiada Kerja Semasa
G	i) Mengikut atau lebih baik daripada jadual; ATAU ii) Lewat tidak melebihi dan sehingga 10% atau lewat sehingga 30 hari daripada jadual, yang mana terdahulu
Y	i) Lewat melebihi 10% sehingga 20% atau lewat melebihi 30 hari sehingga 60 hari daripada jadual, yang mana terdahulu; ATAU ii) Kerja masih belum disiapkan pada tarikh siap dibenarkan tidak melebihi dan sehingga 60 hari
R	i) Lewat melebihi 20% atau lewat melebihi 30 hari sehingga 60 hari daripada jadual, yang mana terdahulu ; ATAU ii) Kerja masih belum siap pada tarikh siap dibenarkan melebihi 60 hari
R	Projek dalam tindakan penamatan di mana Notis untuk Tujuan Penamatan telah dikeluarkan
✕	Penilaian tidak dilaksanakan - Petender tidak isytihar kerja semasa
—	Penilaian tidak dilaksanakan - Petender isytihar kerja semasa tetapi maklumat tidak lengkap

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA
BEBAN KERJA SEMASA PETENDER

BORANG 4

RUJ. PETENDER:					Kerja Pembina Anggaran Jabatan:		
Bil	Nama Kontrak Semasa	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Wang Kos Prima & Peruntukan Sementara (RM)	Nilai Kerja Pembina (RM)	Peratus Siap (%)	Peratus Belum Siap (%)	Nilai Baki Kerja Dalam Tangan (NBK) (RM)
	Jumlah Nilai Baki Kerja (NBK)						
	NBK / Kerja Pembina Anggaran Jabatan						
						*KEPUTUSAN	

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
G	Jumlah NBK ≤ 0.5 daripada Kerja Pembina Anggaran Jabatan
Y	Jumlah NBK > 0.5 hingga 1.5 daripada Kerja Pembina Anggaran Jabatan

Rating	Keterangan
R	Jumlah NBK > 1.5 daripada Kerja Pembina Anggaran Jabatan
TB	Penilaian tidak diteruskan (petender gagal di Borang 3)

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

PENGALAMAN KERJA PETENDER DALAM TEMPOH LIMA (5) TAHUN LEPAS

BORANG 5

RUJ. PETENDER:			
Bil	Senarai Kerja yang Disiapkan	Kerja Serupa (RM)	Kerja Sebanding (RM)
*KEPUTUSAN			

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
G	Petender mempunyai pengalaman kerja serupa
Y	Petender mempunyai pengalaman kerja sebanding

Rating	Keterangan
TB	Penilaian tidak diteruskan (petender gagal di Borang 3/Borang 4)

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

KEPUTUSAN PENILAIAN KESELURUHAN (KERJA BANGUNAN DAN KEJURUTERAAN AWAM)

BORANG 6A

Ruj. Petender	Nama Syarikat	Harga Tender Asal	% BWAM /BWAJ	Tempoh Tender	Alamat Berdaftar (Negeri)	KRITERIA PENILAIAN PERINGKAT KEDUA				Adakah maklumat kewangan diakui sah? • Sah; ATAU • Tidak sah; ATAU • Tiada maklum balas diterima; ATAU • Sebahagian sahaja maklum balas diterima	*KEPUTUSAN PENILAIAN
						Modal Minimum	Prestasi Kerja Semasa	Beban Kerja Semasa	Pengalaman Kerja Lima (5) Tahun Lepas		

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
GT	Lulus dan Tiada Kerja Semasa
G	Lulus
Y	Lulus (Rujuk Perenggan 11.6.3 dalam Garis Panduan)
YK	Lulus bersyarat tertakluk kepada menerima pengesahan maklumat kewangan

Rating	Keterangan
YS	Hanya sebahagian maklum balas pengesahan kewangan diterima
YN	Tiada maklum balas pengesahan kewangan
R	Gagal
✕	Penilaian tidak dilaksanakan - Petender gagal isytihar kerja semasa

Rating	Keterangan
—	Penilaian tidak dilaksanakan - Petender isytihar kerja semasa tetapi maklumat tidak lengkap
TB	1) Penilaian tidak diteruskan (petender gagal di Borang 3) 2) Tidak perlu mendapatkan maklum balas pengesahan (mklumat kewangan)

KEPUTUSAN PENILAIAN KEUPAYAAN KEWANGAN, PRESTASI, BEBAN KERJA DAN PENGALAMAN (KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIK)

BORANG 6B

Ruj. Petender	Nama Syarikat	Harga Tender Asal	% BWAM /BWAJ	Tempoh Tender	Alamat Berdaftar (Negeri)	KRITERIA PENILAIAN PERINGKAT KEDUA				*KEPUTUSAN PENILAIAN
						Modal Minimum	Prestasi Kerja Semasa	Beban Kerja Semasa	Pengalaman Kerja Lima (5) Tahun Lepas	

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
GT	Lulus dan Tiada Kerja Semasa
G	Lulus
Y	Lulus (Rujuk Perenggan 11.6.3 dalam Garis Panduan)

Rating	Keterangan
R	Gagal
✕	Penilaian tidak dilaksanakan - Petender gagal isytihar kerja semasa
—	Penilaian tidak dilaksanakan - Petender isytihar kerja semasa tetapi maklumat tidak lengkap

Rating	Keterangan
TB	Penilaian tidak diteruskan (petender gagal di Borang 3)

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

RINGKASAN KEPUTUSAN PENILAIAN TEKNIKAL

(CONTOH BAGI KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIK)

BORANG 7

Ruj. Petender	*KEPUTUSAN
—/—	*
—/—	*
—/—	*
—/—	*
—/—	*

(*) Catatan di ruang Komponen Utama dan Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

G — Lulus

YT — Lulus bersyarat bagi penilaian teknikal tertakluk kepada petender memenuhi kehendak teknikal & spesifikasi

R — Gagal

PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

KEPUTUSAN PENILAIAN KESELURUHAN (KERJA MEKANIKAL & ELEKTRIK)

BORANG 8

Ruj. Petender	Nama Syarikat	Harga Tender Asal	% BWAM /BWAJ	Tempoh Tender	Alamat Berdaftar (Negeri)	KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT KEDUA		Adakah maklumat kewangan diakui sah? • Sah; ATAU • Tidak sah; ATAU • Tiada maklum balas diterima; ATAU • Sebahagian sahaja maklum balas diterima	*KEPUTUSAN PENILAIAN KESELURUHAN
						Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja & Pengalaman (Dari Borang 6B)	Keputusan Penilaian Teknikal (Dari Borang 7)		

(*) Keputusan adalah berdasarkan rating berikut:

Rating	Keterangan
GT	Lulus dan Tiada Kerja Semasa
G	Lulus
Y	Lulus (Rujuk Perenggan 11.6.5 dalam Garis Panduan)
YK	Lulus bersyarat tertakluk kepada menerima pengesahan maklumat kewangan

Rating	Keterangan
YT	Lulus bersyarat (Rujuk Perenggan 12 Garis Panduan)
YS	Hanya sebahagian maklum balas pengesahan kewangan diterima
YN	Tiada maklum balas pengesahan kewangan

Rating	Keterangan
YC	Lulus bersyarat tertakluk kepada petender memenuhi kehendak spesifikasi (YT) dan penerimaan maklum balas mengesahkan kesahihan maklumat kewangan (YS atau YN).
R	Gagal
TB	Tidak perlu mendapatkan maklum balas pengesahan (mklumat kewangan)

LAMPIRAN 8 – CONTOH PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN TENDER

CONTOH

KANDUNGAN LAPORAN PENILAIAN TENDER

JILID I / II

1.	Maklumat Tender	
2.	Iklan Tender	Lampiran A
3.	Senarai Kehadiran Lawatan Tapak/Taklimat Tender	Lampiran A1
4.	Jadual Tawaran Asal (JKR 28)	Lampiran B
5.	Jadual Tender Mengikut Susunan Harga Tender	Lampiran C
6.	Penentuan Harga *Cut-Off*	Lampiran C1
7.	Laporan Penilaian Tender	Lampiran D
8.	Jadual Semakan Kesilapan Pengiraan Harga Tender	Lampiran D1
9.	Borang-Borang Penilaian Tender	Lampiran E

9.1 Penilaian Peringkat Pertama

Borang 1 - Kelayakan Asas Tender

9.2 Penilaian Peringkat Kedua

Borang 2 - Kecukupan Modal Minimum
Borang 3 - Prestasi Kerja Semasa Petender
Borang 4 - Beban Kerja Semasa Petender
Borang 5 - Pengalaman Kerja Petender
Borang 6A - Keputusan Penilaian Keseluruhan[1]
Borang 6B - Keputusan Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja dan Pengalaman[2]
Borang 7 - Ringkasan Keputusan Penilaian Teknikal[3]
- Borang 7a - Jadual Data Teknikal[4]
Borang 8 - Keputusan Penilaian Keseluruhan[5]

JILID II / II

Maklumat Am Latar Belakang Petender

Catatkan maklumat/dokumen lain yang perlu disertakan (sekiranya ada)

CONTOH

MAKLUMAT TENDER

[1] Borang 6A adalah untuk kerja Bangunan dan Kejuruteraan Awam.
[2] Borang 6B adalah untuk kerja Mekanikal dan Elektrik.
[3] Borang 7 adalah untuk kerja Mekanikal dan Elektrik.
[4] Borang 7a adalah maklumat tambahan bagi menyokong penilaian teknikal Mekanikal di Borang 7.
[5] Borang 8 adalah untuk tender kerja Mekanikal dan Elektrik.

1.0 Nama Tender

.....

.....

2.0 Jenis Tender

(Sama ada Terbuka, Terbuka Khas Bumiputera atau Terbuka Pra-kelayakan)

.....

3.0 Pembayaran

Sama ada daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau lain-lain

.....

4.0 Butir-butir Iklan

4.1 Tarikh diiklan :

4.2 Tarikh tutup tender :

4.3 Tarikh tamat sah tender :

4.4 Salinan fotostat iklan disertakan sebagai Lampiran A

5.0 Jadual Tender

5.1 Jadual Harga Tender disertakan sebagai Lampiran B

5.2 Jadual Harga Mengikut Susunan Harga Tender disertakan sebagai Lampiran C

6.0 Kertas Laporan Penilaian Tender

6.1 Penilaian dan perakuan disertakan sebagai Lampiran D

6.2 *Penilaian tender yang disediakan oleh Perunding adalah sebahagian daripada Lampiran D.

6.2.1 Nama Perunding : .....

6.2.2 Alamat Perunding : .....

.....

.....

7.0 *Perunding Yang Terlibat Dalam Projek Ini

.....

.....

.....

.....

Nota:

* Isikan maklumat sekiranya berkenaan

CONTOH

LAPORAN PENILAIAN TENDER[6]

1. LATARBELAKANG TENDER

1.1 Nama Tender :
1.2 Anggaran Jabatan :
1.3 Siling Peruntukan : (nyatakan jumlah siling dan lampirkan surat /dokumen pengesahan peruntukan)
1.4 Tarikh Tutup Tender :
1.5 Tarikh Tamat Tempoh:
1.6 Sah Laku Tender :
1.7 Tarikh Kerja Dijangka Bermula :
1.8 Jenis Tender : Contoh: Tender Terbuka (Pra-kelayakan). Kelulusan senarai petender pada 00/00/0000.
1.9 i) Gred :
ii) Pengkhususan :
iii) Kod Bidang MOF :

1.10 BUTIRAN KERJA KONTRAKTOR UTAMA[7]

1.10.1 Nama Kontrak :
1.10.2 No. Kontrak :
1.10.3 Nama Kontraktor Utama :
1.10.4 Alamat Kontraktor Utama :
1.10.5 Tarikh Milik Tapak (Asal) :
1.10.6 Tarikh Siap Kerja (Asal) :
1.10.7 Tarikh Siap Kerja (Semasa) :
1.10.8 Kemajuan Kerja (Jadual) :
1.10.9 Kemajuan Kerja (Sebenar) :

2. SKOP KERJA

Skop kerja dalam tender adalah melibatkan kerja-kerja seperti berikut:

2.1 Kerja Awalan
2.2 Kerja Bangunan
2.3 Kerja Luar Bangunan
2.4 Wang Peruntukan Sementara
2.5 Wang Kos Prima bagi Kerja Mekanikal dan Elektrik.

(Nyatakan skop kerja seperti di dalam dokumen tender. Jika skop kerja rumit misalnya pembinaan perlu dijalankan di antara bangunan-bangunan sedia ada dan sebagainya boleh dinyatakan bagi tujuan meyakinkan Lembaga Perolehan terhadap pemilihan kontraktor yang berpengalaman).

3. PENERIMAAN TENDER

Sebanyak dua puluh (20) dokumen tender diterima pada hari tutup tender.

[6] Nyatakan sebagai "Laporan Penilaian Tender Mekanikal' atau "Laporan Penilaian Tender Elektrik" sekiranya berkenaan.
[7] Masukkan perenggan ini sekiranya penilaian adalah untuk tender subkontraktor dinamakan bagi kerja Mekanikal dan Elektrik.

Tender-tender yang diterima adalah seperti disenaraikan dalam Jadual Tender Borang JKR 28 di Lampiran B.

4. TAKLIMAT TENDER / LAWATAN TAPAK

Taklimat tender adalah diwajibkan/ digalakkan[8] bagi projek ini. Butiran bagi taklimat tender tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh :
Masa :
Tempat :

Semua petender yang dinilai telah menghadiri taklimat /lawatan tapak yang diwajibkan.

5. TEMPOH SIAP KERJA

Tempoh siap kerja maksimum/yang ditetapkan[9] bagi projek ini ialah selama .....[10]

6. METODOLOGI PENILAIAN

6.1 Metodologi penilaian adalah berdasarkan kepada peraturan baru Penilaian Tender dalam Pekeliling Perbendaharaan (PP).

6.2 Penilaian dan perakuan tender berdasarkan kaedah statistik harga *Cut-Off* / Anggaran Jabatan[11] telah digunakan.

Sila Rujuk Lampiran C1.

7. PENILAIAN TENDER

7.1 Harga tender yang ditawarkan oleh kesemua petender adalah kompetitif di mana harga terendah adalah RM ..... dan yang tertinggi adalah RM..... Sila rujuk Jadual Tender Mengikut Susunan Harga di Lampiran C.

7.2 Penilaian telah dibuat ke atas sepuluh (10) petender iaitu petender ..... terendah (..../...) sehingga ke petender ke .... terendah (..../...).

8. PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

<u>Kelayakan Asas Tender</u>

Kesemua pentender yang dinilai telah dianalisa dari segi mematuhi kelayakan asas tender bagi memastikan hanya petender yang lengkap dan bebas dari segala kecacatan dari segi undang-undang sahaja layak dipertimbangkan.

[8] Potong yang tidak berkenaan.
[9] Potong yang tidak berkenaan.
[10] Masukkan tempoh sebagaimana dalam Borang Tender.
[11] Potong yang tidak berkenaan.

Hasil penilaian adalah seperti di **Borang 1 – Kelayakan Asas Tender.**

9. PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

9.1 Kecukupan Modal Minimum

Modal Minimum untuk melaksanakan projek ini telah dianggarkan sebanyak RM..... iaitu 5% daripada nilai Kerja Pembina berdasarkan Anggaran Jabatan.

Hanya petender yang dapat mengemukakan bukti pemilikan modal dalam bentuk aset mudah cair yang mencukupi dan mengemukakan maklumat kewangan yang telah disemak akan kesahihan oleh pihak bank / institusi kewangan / syarikat audit akan disyorkan untuk pertimbangan.

Hasil penilaian adalah seperti di Borang 2 – Kecukupan Modal Minimum.

9.2 Prestasi Kerja Semasa Petender

Penilaian prestasi kerja semasa adalah bagi memastikan petender tidak mempunyai kerja semasa yang berprestasi 'sakit' iaitu mengalami kelewatan melebihi 20% dari jadual atau melebihi 60 hari dari tarikh siap atau sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja.

Petender yang tidak mengisytiharkan kerja semasa atau yang mengisytiharkan kerja semasa tetapi tidak mengemukakan maklumat yang lengkap tidak akan dinilai bagi kriteria prestasi kerja semasa dan kriteria-kriteria seterusnya.

Hasil penilaian adalah seperti di Borang 3 – Prestasi Kerja Semasa Petender.

9.3 Beban Kerja Semasa Petender

Penilaian beban kerja semasa adalah bagi memastikan petender berkemampuan melaksanakan kerja yang ditender di samping melaksanakan kerja semasa yang sedang dilaksanakan oleh petender. Analisa beban kerja semasa adalah berdasarkan nilai baki kerja pembina dalam tangan petender berbanding dengan Kerja Pembina Anggaran Jabatan.

Hasil penilaian adalah seperti di Borang 4 – Beban Kerja Semasa Petender.

9.4 Pengalaman Kerja Petender

Petender telah dinilai dari segi pengalaman bagi kerja-kerja serupa dan sebanding yang dilaksanakan dalam 5 tahun lepas dengan mengemukakan senarai projek yang telah disiapkan dan dokumen sokongan yang mengesahkan projek telah disiapkan.

Hasil penilaian adalah seperti di Borang 5 – Pengalaman Kerja Petender dalam Tempoh Lima (5) Tahun Lepas.

9.5 Keputusan Penilaian Keseluruhan[12]

Petender yang LULUS adalah seperti berikut:

BIL	RUJUKAN PETENDER	NAMA PETENDER
1.	..../...	
2.	..../...	
3.	..../...	
4.	..../...	
5.	..../...	
6.	..../...	

Keputusan Penilaian adalah seperti di Borang 6A - Keputusan Penilaian Keseluruhan.

9.6 Keputusan Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja dan Pengalaman[13]

Petender yang LULUS adalah seperti berikut:

BIL	RUJUKAN PETENDER	NAMA PETENDER
1.	..../...	
2.	..../...	
3.	..../...	
4.	..../...	
5.	..../...	
6.	..../...	

Keputusan Penilaian adalah seperti di Borang 6B - Keputusan Penilaian Keupayaan Kewangan, Prestasi, Beban Kerja dan Pengalaman.

9.7 Penilaian Teknikal[14]

Penilaian Teknikal adalah berdasarkan kepatuhan kepada spesifikasi dan lukisan tender.

Data Teknikal adalah seperti di Borang 7a.[15]

Senarai petender yang **LULUS / LULUS BERSYARAT** adalah seperti berikut:

[12] Perenggan 9.5 adalah untuk Kerja Bangunan dan Kejuruteraan Awam.
[13] Perenggan 9.6, 9.7 and 9.8 adalah untuk Kerja Mekanikal dan Elektrik.

[14] Perenggan 9.6, 9.7 and 9.8 adalah untuk Kerja Mekanikal dan Elektrik.
[15] Borang 7a adalah maklumat tambahan bagi menyokong penilaian teknikal Mekanikal di Borang 7.

BIL	RUJUKAN PETENDER	NAMA PETENDER
1.	..../...	
2.	..../...	
3.	..../...	
4.	..../...	
5.	..../...	
6.	..../...	

Ringkasan Keputusan Penilaian Teknikal adalah seperti di Borang 7.

9.8 Jadual Keputusan Keseluruhan[16]

Petender yang LULUS dalam penilaian peringkat pertama dan kedua adalah seperti berikut:

BIL	RUJUKAN PETENDER	NAMA PETENDER	KEPUTUSAN
1.	..../...		Lulus bersyarat
2.	..../...		Lulus
3.	..../...		Lulus

Keputusan penilaian adalah seperti di Borang 8 – Keputusan Penilaian Keseluruhan.

[16] Perenggan 9.6, 9.7 dan 9.8 adalah untuk Kerja Mekanikal dan Elektrik.

10. PENGESYORAN JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER JABATAN

10.1 Senarai petender-petender yang LAYAK DIPERTIMBANGKAN berdasarkan keutamaan adalah seperti berikut:

Ruj	Nama Petender	Kedudukan Tender	Harga (RM)/ Tempoh	Asas Pengesyoran
..../...	XYZ ENGINEERING SDN BHD (Negeri Pejabat Kontraktor)	Ke .. Terendah Dengan Bwam (-) 2.33%	RM 8,309,000.00 15 Bulan	i) Kedua hampir dengan harga *Cut-Off* ii) Tiada kerja semasa dalam tangan iii) Mempunyai Sijil SCORE 2 bintang iv) Berpengalaman dalam pemasangan sistem penyaman udara v) Layak dipertimbangkan sekiranya petender bersetuju membekalkan *Ducted Cooker Hood* yang menepati spesifikasi Jabatan tanpa pertambahan kos
..../...	GEMILANG ENTERPRISE SDN BHD (Negeri Pejabat Kontraktor)	Ke .. Terendah Dengan Bwam (-) 2.14%	RM 8,580,867.00 15 Bulan	i) Paling hampir dengan harga *Cut-Off* ii) Mempunyai kerja semasa yang memuaskan iii) Mempunyai Sijil SCORE 2 bintang iv) Lulus penilaian teknikal; mematuhi keperluan spesifikasi dan kehendak jabatan
..../...	BINA CONSTRUCT SDN BHD (Negeri Pejabat Kontraktor)	Ke .. Terendah Dengan Bwam (-) 1.90%	RM 8,960,861.00 15 Bulan	i) Ketiga hampir dengan harga *Cut-Off* ii) Mempunyai kerja semasa yang memuaskan iii) Lulus penilaian teknikal; mematuhi keperluan spesifikasi dan kehendak jabatan

10.2 Berdasarkan kepada penilaian tender yang dibuat, petender yang TIDAK LAYAK dipertimbangkan adalah seperti berikut:

Ruj	Nama Petender	Kedudukan Tender	Harga(RM)/ Tempoh	Asas Penolakan
..../...	SYARIKAT BERSATU SDN BHD (Negeri Pejabat Kontraktor)	Terendah Dengan Bwam (-) 8.23%	RM 8,717,085.50 15 Bulan	Gagal mengemukakan tawaran dan katalog *PA system*
..../...	PERNIAGAAN SENDIRI SDN BHD (Negeri Pejabat Kontraktor)	Ke 2 Terendah Dengan Bwam (-) 6.85%	RM 88,960,861.20 15 Bulan	Peralatan yang ditawarkan berikut adalah tidak memenuhi spesifikasi dan Jmal iaitu : - ACB - MCCB

Pengerusi

.....
( )
.....
.....
.....

Tarikh :

Ahli 2

.....
( )
.....
.....

Tarikh :

Ahli 3

.....
( )
.....
.....

Tarikh :

Ahli 4

.....
( )
.....
.....

Tarikh :

Ahli 5

.....
( )
.....
.....

Tarikh :

11. <u>PERAKUAN JABATAN</u>

Berdasarkan kepada penilaian dan pengesyoran di atas, adalah diperakukan bahawa tender yang layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk disetuju terima adalah:

Ruj	Nama dan Alamat Petender	Kedudukan Tender	Harga (RM)/ Tempoh	Tempoh Siap Kerja
..../...		Ke .. Terendah Dengan Bwam (-) 2.33%	RM	.....

Asas pengesyoran:

i) Lulus semua peringkat penilaian tender
ii) Harga tawaran kedua paling hampir dengan paras Harga *Cut-Off*
iii) Tiada kerja semasa
iv) Mempunyai Sijil SCORE dua bintang dan Sijil Anugerah Pembina Cemerlang

.....
( )
.....
.....
.....

Tarikh :

LAMPIRAN 9 – CONTOH KERTAS KEPUTUSAN TENDER

CONTOH

KERTAS KEPUTUSAN TENDER

LEMBAGA PEROLEHAN
JABATAN / KEMENTERIAN

Mesyuarat Bil.	:	1/20....
Tarikh	:	Selasa, 7 November 20...
Masa	:	Jam 10.00 pagi
Tempat	:	Bilik Perbincangan, ...

TAJUK PROJEK:

Lembaga Perolehan Jabatan ..... setuju terima petender Bil. .....iaitu ..... dengan harga tawaran sebanyak RM ..... dan tempoh siap selama .....

Catatan (jika ada) :

Pengerusi Lembaga Perolehan
Kementerian/Jabatan

.....

* (Setuju / Tidak Setuju)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Wakil

.....

* (Setuju / Tidak Setuju)

Ketua Setiausaha Kementerian..... / Wakil

.....

* (Setuju / Tidak Setuju)

** - Potong yang mana tidak berkenaan.*

CONTOH KERTAS KEPUTUSAN TENDER (KERJA)

KERTAS KEPUTUSAN

LEMBAGA PEROLEHAN 'A'
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Mesyuarat Bil. 5/2007
24 Mac 2007
Jam 10.00 Pagi

Bilik Mesyuarat Utama,
Aras 2, Bahagian Pembangunan,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
PUTRAJAYA

MEMBINA DAN MENYIAPKAN EMPAT BLOK ASRAMA SEKOLAH MENENGAH TAMAN NIRWANA, AMPANG, SELANGOR
(TENDER TERBUKA BUMIPUTERA KELAS 'A')

Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Pelajaran Malaysia, **bersetuju** untuk menawarkan tender di atas kepada petender 8/15 iaitu **Syarikat Alam Maju Sdn Bhd (No. Syarikat 111111-A)** dengan harga tawaran sebanyak **RM22,600,878.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Dua Juta Enam Ratus Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Lapan Sahaja)** dengan tempoh siap selama **60 minggu.**

Pengerusi Lembaga Perolehan 'A' Kementerian Pelajaran Malaysia (Setuju/Tidak Setuju)	…… (nama)
Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan) (Setuju/Tidak Setuju)	…… (nama)
Wakil Ketua Jabatan Pengarah Kerja Raya (Setuju/Tidak Setuju)	…… (nama)

LAMPIRAN 2.23

NAMA KEMENTERIAN/AGENSI/BADAN BERKANUN:

LAPORAN KEPUTUSAN LEMBAGA PEROLEHAN

Kategori Perolehan	Jenis Perolehan	Jenis Peruntukan	Kategori Tender	Nama Syarikat Tempatan	No. Pendaftaran ROB/ROC/ROS	No. Pendaftaran dengan MOF/PKK	Taraf Pendaftaran dengan MOF/PKK	Pendaftaran dengan PKK	Pendaftaran dengan CIDB	Taraf Pembuat/ Pembekal (Bekalan shj)	Nama Perolehan	No. Kontrak	Tarikh Surat Niat	Tarikh Surat Setuju Terima	Tarikh Kuatkuasa Kontrak		Nilai (RM)	Barangan Import (termasuk barangan *ex-stock*)		Catatan
															Mula	Tamat		Negara Pengeluar	Nama Syarikat Asing	

GARIS PANDUAN TUGASAN KE LUAR NEGARA BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan kepada semua Agensi Kerajaan.

2. DEFINISI TUGASAN

2.1 Bentuk tugasan yang dilakukan boleh dibahagi kepada dua (2) kategori utama iaitu:-

2.1.1 Tugasan Sebelum Pelawaan Tender

Tugasan yang dibuat sebelum Agensi membuat pelawaan sesuatu tender. Tugasan ini dapat dibahagikan seperti berikut:-

i. Tugasan Penyesuaian (*Familiarisation*)/Lawatan Kilang

Tugasan pada peringkat perancangan perolehan bagi memberi pendedahan dan pengalaman kepada pegawai-pegawai tentang barangan, operasi, tatacara atau lain-lain perkara berkaitan perolehan dari luar negara.

Contoh: Agensi bercadang untuk membeli kenderaan khusus untuk kegunaan keselamatan dan penguatkuasaan yang hanya dikeluarkan di luar negara. Agensi boleh mengadakan lawatan ke kilang atau syarikat tertentu setelah memastikan ianya merupakan teknologi baru dan belum diguna pakai di mana-mana Agensi Kerajaan lain.

ii. Tugasan Menyediakan Spesifikasi

Tugasan yang dibuat bagi menyediakan spesifikasi barangan/perkhidmatan/kerja yang telah dikenal pasti oleh Agensi.

Contoh: Perolehan pesawat tempur pelbagai guna dari negara luar yang mempunyai keupayaan yang setanding.

2.1.2 Tugasan Selepas Pelawaan Tender

Tugasan dilakukan selepas pelawaan tender ditetapkan seperti berikut:

i. Tugasan Penilaian Spesifikasi/Penilaian Tender

Tugasan yang dibuat ke atas petender yang telah disenarai pendek untuk menilai keupayaan petender, produk yang ditawarkan serta pematuhan spesifikasi yang ditetapkan terhadap petender.

Contoh: Permohonan Agensi untuk mengadakan tugasan ke luar negara bagi perolehan jet pejuang yang ditawarkan oleh *Original Equipment Manufacturer (OEM)* yang khususnya dikeluarkan oleh negara tertentu. Contohnya Ujian Penilaian Kilang (UPK).

ii. Tugasan Pemeriksaan Sebelum Penerimaan

Tugasan yang dibuat untuk mengesahkan produk yang dibuat di luar negara memenuhi spesifikasi yang ditetapkan sebelum penghantaran dibuat.

Contoh: Permohonan Agensi untuk mengadakan tugasan ke luar negara untuk memastikan produk yang diperoleh menepati spesifikasi dan melepasi ujian-ujian teknikal yang ditetapkan selaras dengan obligasi kontrak yang turut dikenali sebagai Tugasan Pemeriksaan Sebelum Penerimaan (PDI), *Final Acceptance Test* (FAT) dan utrusan *Transfer of Title* (TOT).

iii. Program Pemantauan Pengurusan Projek

Program Pemantauan Pengurusan Projek adalah program yang bertujuan mengesahkan status pembuatan produk, pemantauan dan perbincangan isu-isu berkaitan projek/produk tersebut di antara Agensi dan kontraktor. Program tersebut hendaklah bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa dan diperuntukkan di dalam klausa kontrak.

Contoh: Permohonan Agensi untuk mengadakan mesyuarat pemantauan berkala kontrak yang sedang berjalan contohnya *Project Monitoring Report* (PMR) atau *Exercutive Reporting Meeting* (ERM).

iv. Latihan

Permohonan Agensi untuk mengadakan program latihan berkaitan perolehan yang telah dilaksanakan seperti pemindahan teknologi, kaedah/cara penggunaan serta penyelenggaraan peralatan dan kelengkapan yang diperoleh dan diperuntukkan dalam klausa kontrak bagi meningkatkan kemahiran pegawai Agensi.

Contoh: Pegawai Agensi menghadiri Latihan Teknikal Peralatan dan Perisian *Ikena Video System* dan *Face Examiner* di premis kontraktor seperti mana yang termaktub di dalam kontrak perolehan yang ditandatangani.

3. SYARAT-SYARAT

3.1 Syarat-syarat Tugasan Sebelum Pelawaan Tender

Kelulusan tugasan ke luar negara sebelum perolehan diputuskan adalah tertakluk kepada 1PP berkaitan tugas rasmi di luar negara yang berkuat kuasa. Bagi tugasan sebelum pelawaan tender, pembiayaan tugasan ke luar negara hendaklah dibiayai melalui belanja mengurus sahaja.

3.2 Syarat-syarat Tugasan Selepas Pelawaan Tender

i) <u>Nilai perolehan</u>

Nilai perolehan hendaklah melebihi RM2 juta kecuali perolehan haiwan.

Bagi perolehan di mana terdapat pihak ketiga atau pihak syarikat sendiri yang mempunyai badan pengujian/akreditasi/kalibrasi ke atas barangan yang dibeli dari luar negara yang boleh melaksanakan pengujian/akreditasi/kalibrasi bagi pihak Kerajaan (seperti SIRIM di Malaysia), maka Agensi boleh menyerahkan tanggungjawab memeriksa barangan tersebut kepada pihak ketiga tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak menolak barangan tersebut sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau ketidakpatuhan kepada spesifikasi/obligasi kontrak semasa penghantaran sebenar berlaku.

ii) <u>Keperluan tugasan telah dinyatakan di dalam dokumen kontrak</u>

Keperluan dan kos pembiayaan tugasan ke luar negara dinyatakan dengan jelas di dalam tawaran serta kontrak perolehan berkenaan.

iii) Pembiayaan Tugasan Ke Luar Negara

Pembiayaan kos lawatan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan boleh dibiayai sepenuhnya oleh kontraktor melalui obligasi kontrak tertakluk kepada syarat berikut:

(a) Pembiayaan terhad kepada Tugasan Pemeriksaan Sebelum Penerimaan (PDI), Ujian Penilaian Kilang (UPK), *Project Monitoring Report* (PMR), *Exercutive Reporting Meeting* (ERM), *Final Acceptance Test* (FAT), *Transfer of Title* (TOT) dan Latihan;

(b) Keperluan dan kos pembiayaan tugasan ke luar negara dinyatakan dengan jelas di dalam tawaran serta kontrak perolehan berkenaan. Keperluan dan kos tersebut hendaklah berdasarkan kelayakan rasmi mengikut gred pegawai merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Kos pengangkutan;
ii. Kos penginapan;
iii. Elaun makan minum;
iv. Lain-lain elaun;
v. Bilangan pegawai terlibat;
vi. Tarikh tentatif;
vii. Tempoh lawatan/latihan; dan
viii. Kekerapan lawatan/latihan.

(c) Jika kos untuk tugasan telah ditanggung oleh pembekal/ kontraktor maka pegawai tidak dibenarkan untuk membuat sebarang tuntutan;

(d) Kos tugasan ke luar negara hendaklah tidak melebihi daripada anggaran yang telah dinyatakan dalam klausa kontrak walaupun pembekal/kontraktor yang menanggung kos untuk tugasan tersebut;

(e) Sekiranya kesemua atau sebahagian tugasan keluar negara tidak dilaksanakan maka Agensi dikehendaki untuk membuat potongan/penyelarasan kos daripada pembayaran kepada pembekal/kontraktor.

iv) Bilangan pegawai

Bilangan pegawai yang hendak membuat tugasan hendaklah dihadkan kepada yang perlu sahaja serta berkaitan dengan kepakaran teknikal perolehan berkenaan. Bilangan wakil Kerajaan hendaklah tidak lebih daripada tiga (3) orang dan terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang pegawai yang terlibat dalam perolehan dan seorang pegawai teknikal. Syarat ini adalah tidak terpakai bagi program latihan yang perlu ditentukan berdasarkan syarat-syarat kontrak.

v) Tempoh tugasan

Tempoh tugasan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 7 hari (tidak termasuk hari perjalanan) kecuali bagi program latihan yang perlu ditentukan berdasarkan syarat-syarat kontrak.

vi) Permohonan Tugasan

Agensi perlu mengemukakan permohonan kelulusan ke luar negara kepada Kementerian Kewangan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh tugasan.

Sebarang permohonan yang dikemukakan kurang daripada tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

3.3 Pemakaian peraturan ini akan dilaksanakan untuk perolehan baharu mengikut Garis Panduan Tugasan Ke Luar Negara berkaitan Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

4. LAPORAN TUGASAN

4.1 Pegawai-pegawai yang membuat tugasan perlu menyediakan laporan penuh mengenai tugasan. Satu (1) salinan laporan ini perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Pegawai Pengawal selewat-lewatnya sebulan selepas tarikh tugasan selesai.

5. BORANG PERMOHONAN TUGASAN LUAR NEGARA

5.1 Borang permohonan untuk tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan yang perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan adalah seperti di Lampiran A.

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kewangan Kewangan Malaysia
Disember 2016

LAMPIRAN A

PERMOHONAN UNTUK TUGASAN KE LUAR NEGARA BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN

No Rujukan (Agensi):.....
No Rujukan (Kem. Kewangan Malaysia):.....(kosongkan)**.....**
Tarikh:.....

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN		
PERKARA **(TAJUK PERMOHONAN)**	:	
KATEGORI	:	**TUGASAN LUAR NEGARA**
JENIS TUGASAN	:	

Jenis	Tandakan (x)
TUGASAN PENILAIAN SPESIFIKASI/ PENILAIAN TENDER	
TUGASAN PEMERIKSAAN SEBELUM PENERIMAAN	
PROGRAM PEMANTAUAN PENGURUSAN PROJEK	
LATIHAN	

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PROJEK	
BIL	**PERKARA**
1.	**TUJUAN PERMOHONAN:** Permohonan ini bertujuan .....

2. MAKLUMAT PEROLEHAN:

Bil	Perkara		Keterangan
i.	Kementerian/ Agensi Pelaksana	:	
ii.	Tajuk Kontrak	:	
iii.	No. Kontrak	:	
iv.	Nama Kontraktor	:	
v.	Alamat Kontraktor	:	
vi.	Nilai Kontrak	:	
vii.	Tempoh Kuat Kuasa Kontrak	:	
viii.	Kaedah Perolehan	:	
ix.	Klausa Tugasan Ke Luar Negara Yang Diperuntukkan Dalam Kontrak	:	Klausa : Salinan klausa kontrak di Lampiran.

Jenis	Tandakan (x)
Tender Terbuka Antarabangsa	
Tender Terbuka	
Tender Terhad	
Rundingan Terus	
Kontrak Panel	

BAHAGIAN C: MAKLUMAT TUGASAN KE LUAR NEGARA

BIL	PERKARA

1. PERIHAL TUGASAN:

Bil.	Perkara		Keterangan
i.	Tempat Tugasan	:	
ii.	Tarikh & Tempoh Tugasan	:	
iii.	Tarikh Perjalanan Pergi	:	
iv.	Tarikh Perjalanan Balik	:	
v.	Program Tugasan	:	
vi.	Bilangan Wakil Kerajaan	:	

Bil.	Nama	Jawatan	Tugas Semasa Lawatan
1.			
2.			
3.			

Perincian di Lampiran

vii.	Implikasi Kewangan Tugasan	:	RM Perincian di Lampiran

viii. Sumber Peruntukan

Belanja Pembangunan		Belanja Mengurus	
RMK		Program	
Kod Projek		Pusat Tanggung Jawab	
Kod Setia		Objek Sebagai	

2. JUSTIFIKASI KEPERLUAN TUGASAN:

3. FAEDAH KEPADA JABATAN/NEGARA:

BAHAGIAN D: SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN		
BIL	**DOKUMEN**	**SENARAI SEMAK**
1.	**Surat Permohonan yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal/ Timbalannya / Ketua Agensi**	
2.	**Salinan klausa kontrak yang berkaitan dengan tugasan ke luar Negara (sekiranya berkaitan)**	
3.	**Program Tugasan ke luar Negara**	
4.	**Pengiraan terperinci kos tugasan ke luar Negara**	
5.	**Dokumen lain yang berkaitan (sekiranya perlu)**	

BAHAGIAN E: MAKLUMAT PEGAWAI PROSES	
PERKARA	**MAKLUMAT**
Nama	
Jawatan	
Unit/Jabatan	
No Telefon Pejabat (DL/Ext)	
No Telefon Bimbit	
E-mel	
No Faksimili	

BAHAGIAN F: PERAKUAN/ULASAN PEGAWAI PENGAWAL/TIMBALAN/KETUA AGENSI	
PERKARA	**PERAKUAN**
ULASAN (sila guna ruangan yang disediakan)	
TANDATANGAN	
NAMA	
JAWATAN	
TARIKH	

BAHAGIAN G: PERAKUAN/ULASAN BPK, PERBENDAHARAAN	
PERKARA	**KETERANGAN**
ULASAN (sila guna ruangan yang disediakan)	
SYOR BPK (sila guna ruangan yang disediakan)	
KEPUTUSAN PERBENDAHARAN	**Bersetuju/Tidak Bersetuju Dengan Syor**
TANDATANGAN	
TARIKH	

BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	
DISEDIAKAN OLEH	
DISEMAK OLEH	
DIPERAKUKAN OLEH	**Tarikh :**

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL SECARA GOTONG ROYONG BAGI TEMPOH …… HINGGA …… TAHUN 20 …..

***SEPARUH TAHUN PERTAMA/SEPARUH TAHUN KEDUA**

NAMA AGENSI :

MAKSUD BEKALAN/PEMBANGUNAN :

BIL	NAMA PROJEK	LOKASI	PENERAJU PROJEK**	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS PROJEK (RM)
JUMLAH						

CATATAN :

Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal bagi separuh tahun pertama (Januari hingga Jun) sebelum 31 Julai dan separuh tahun kedua (Julai hingga Disember) sebelum 31 Januari bagi tahun berikutnya.

*Potong yang mana tidak berkaitan.
**Nyatakan Pihak Peneraju Projek sama ada JKKK atau Jawatankuasa Kemajuan Mukim/Badan/Pertubuhan/Persatuan/Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO).

SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN PEMBELIAN HARTA
(BARU SIAP/DALAM PEMBINAAN ATAU LAMA/SEDIA ADA)

A. KEPERLUAN ASAS

		Ada	Tiada
1.	Kelulusan Peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi, JPM Bil. Surat:	☐	☐
2.	Kelulusan daripada Bahagian Pengurusan dan Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan		
	a) Pembelian secara Rundingan Terus atau	☐	☐
	b) Pembelian secara Tender	☐	☐
	Bil. Surat:		
3.	Kelulusan daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (Jika permohonan untuk Rumah Khas Jabatan sahaja) Bil. Surat:	☐	☐
4.	Ulasan daripada Cawangan Arkitek, Jabatan Kerja Raya Bil. Surat:	☐	☐
5.	Ulasan daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri bagi permohonan yang terlibat dalam sesebuah negeri. (Jika permohonan yang melibatkan apa-apa kemajuan, pembelian tanah dan pengambilan balik tanah) Bil. Surat:	☐	☐

6. Dokumen tambahan

Justifikasi Permohonan	☐	☐
Surat Tawaran Pemaju	☐	☐
Salinan Hak Milik/ Sijil Carian Rasmi / Perjanjian Jual Beli yang melibatkan Hak Milik Strata	☐	☐
Gambar Bangunan	☐	☐
Salinan Pelan	☐	☐

NOTA: Sila sertakan salinan surat kelulusan/laporan di mana-mana berkaitan.

B. MAKLUMAT TANAH DAN HAK MILIK

1. Cukai Tanah:

Telah Bayar ☐ Belum Bayar ☐

(Sila sertakan salinan resit bayaran)

2. Kategori Tanah/Jenis Kegunaan

2.1 Bangunan Kediaman/Perniagaan ☐

2.2 Perusahaan ☐

2.3 Pertanian ☐

2.4 Tiada ☐

2.5 *Setuju/Telah membuat permohonan untuk tukar syarat daripada……kepada…….....*jika berkaitan

3. Adakah nombor lot sama dengan pelan yang dikepilkan

Sama ☐ Tidak ☐

NOTA: Hak Milik yang telah ada No. Lot adalah lebih baik daripada plot (sementara) kerana Kerajaan tidak akan dikenakan bayaran ukur dan batu sempadan kelak.

4. Nama pemilik berdaftar ……

4.1 Adakah ianya

i) Tuan Punya (Proprietor) ☐

ii) Pemegang Amanah (Trustee) ☐

iii) Jika Pemegang Amanah (Sertakan Surat Kuasa/Perjanjian) ☐

5. Sama ada hak milik telah / belum dilepaskan daripada

(a) Cagaran ☐

(b) Pajakan ☐

(c) Kaveat Persendirian ☐

(d) Kaveat Pendaftar ☐

(e) Kaveat Pemegang Lien ☐

(f) Kaveat Pemegang Amanah ☐

(g) Isman ☐

(h) Perintah Larangan ☐

(i) Kawasan Rezab Melayu ☐

(j) Kawasan Estet lebih dari 40 hektar ☐

	Sudah	Belum
6. Sama ada Hak Milik telah ditandatangani oleh Pendaftar/Pemungut Hasil Tanah Bersama Copnya	☐	☐

C. MAKLUMAT BANGUNAN

1. Jenis harta yang hendak dibeli: ……

   ……

2. Jumlah Unit ……

3. Adakah spesifikasi harta yang hendak dibeli mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya ……

4. Adakah harga pembelian termasuk kos untuk kemudahan-kemudahan lain seperti surau, tangki najis, pondok pengawal dan lain-lain. Jika 'ya' sila nyatakan:

   _____

   _____

   _____

   _____

D. MAKLUMAT TAPAK

	Ada	Tiada
1. Pelan Rupa Bumi / Topografi	☐	☐
2. Pelan kekunci / Lokasi	☐	☐
3. Pelan Tapak	☐	☐
4. Pelan Bangunan	☐	☐
5. Pelan Lantai	☐	☐

E. GAMBAR	Ada	Tiada
1. Tapak		
2. Bangunan		
2.1 Pandangan Depan		
2.2 Pandangan Belakang		
2.3 Pandangan Tepi		
2.4 Pandangan Dalaman		

PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN PEMBELIAN BANGUNAN TELAH SIAP

BIL	CADANGAN PEMBELIAN BANGUNAN	
1.	**Latar Belakang Kementerian/Jabatan**	
	1.1 Nama Kementerian/Jabatan yang memohon	.....
	1.2 Alamat	.....
	1.3 Nombor telefon	.....
	1.4 Nama agensi di bawah Kementerian/Jabatan yang Terlibat	.....
	1.5 Alamat	.....
	1.6 Nombor Telefon	.....
2.	**Latar Belakang Sumber Tawaran**	
	2.1 Nama Penawar	.....
	2.2 Alamat berdaftar penawar	.....
	2.3 Tarikh tawaran (rujukan surat dan tarikh)	.....
	2.4 Jangkamasa tawaran (sila sertakan surat berkenaan)	.....
	2.5 Harga tawaran pemaju	.....
	2.6 Harga yang dicadangkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi	.....
	2.7 Diskaun (jika ada)	.....
	2.8 Syarat-syarat utama tawaran	(a)..... (b)..... (c)..... (d)..... (e).....
3.	**Butir-butir Hak Milik Bangunan**	
	3.1 Nama Bangunan	.....
	3.2 No. Lot/Petak/PT	.....
	3.3 Bandar/Mukim/Daerah	.....
	3.4 Negeri	.....
	3.5 Jenis Hak Milik	.....
	3.6 Pemilik Berdaftar (Tuan Punya)	.....

BIL	CADANGAN PEMBELIAN BANGUNAN	
4.	**Butir-butir Bangunan**	
	4.1 Alamat Bangunan	.....
	4.2 Jenis Bangunan	.....
	4.3 Umur Bangunan	.....
	4.4 Keluasan Ruang Bangunan	.....
	4.5 Kemudahan-kemudahan Dalam Bangunan	.....
	4.6 Kemudahan-kemudahan Awam	.....
	4.7 Kawalan Keselamatan	.....
	4.8 Kemudahan Meletak Kenderaan (Bilangan)	.....
	4.9 Insuran (Api)	.....
5.	**Cadangan Penggunaan Bangunan**	
	5.1 Pejabat Kakitangan	.....m.p
	5.2 Setor	.....m.p
	5.3 Bilik Gerakan/Bilik Mesyuarat	.....m.p
	5.4 Bilik Dokumentasi	.....m.p
	5.5 Bilik Berdaftar	.....m.p
	5.6 Bilik Kebal (jika ada)	.....m.p
	5.7 Bilik Perpustakaan	.....m.p
	5.8 Bilik Rehat/Bilik Menanti	.....m.p
	5.9 Komputer (jika ada)	.....m.p
	5.10 Pantri	.....m.p
	5.11 Bilik Sembahyang	.....m.p
	Jumlah Keluasan	
6.	**Pembayaran**	
	6.1 Cara pembayaran (bayaran penuh/ansuran)	.....
	6.2 Jika ansuran, kadar faedah	.....
	6.3 Berapa bulan/tahun diselesaikan	.....

BIL	CADANGAN PEMBELIAN BANGUNAN	
7.	**Alasan-alasan Kementerian/Jabatan yang memohon**	(a)..... (b)..... (c)..... (d)..... (e)..... Tandatangan :..... Nama: ..... Jawatan: ..... Tarikh:.....

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PROJEK SECARA REKA DAN BINA

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAHAGIAN I – GARIS PANDUAN PEROLEHAN		1
1.0	**PENGENALAN**	1
2.0	**KONSEP**	1
2.1	Takrif	1
3.0	**CIRI-CIRI KONTRAK**	2
3.1	Syarat-syarat Kontrak	2
3.2	Asas Harga Kontrak	2
3.3	Liabiliti dan Obligasi Kontraktor	2
3.4	Perunding Kontraktor	2
3.5	Percanggahan	3
3.6	Perubahan Kerja	3
4.0	**TATACARA PELAKSANAAN**	3
4.1	Kaedah Perolehan	3
5.0	**PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA**	4
5.1	Penubuhan Jawatankuasa Pra-Kelayakan (JPK)	4
5.2	Pelawaan Pra-Kelayakan	4
5.3	Tempoh Sah Laku Pra-Kelayakan	4
5.4	Penilaian Dan Pemilihan Kontraktor Dalam Pra-Kelayakan	4
5.5	Penyediaan Kehendak Kerajaan	5
5.6	Penyediaan Dokumen *Pre-Bid*	5
5.7	Pelawaan Tender	6
5.8	Taklimat dan Lawatan Tapak	6
5.9	Tempoh Sah Laku Tender	6
5.10	Penerangan Ke Atas Dokumen *Pre-Bid*	6
5.11	Penyediaan Anggaran Harga Agensi dan Penetapan Wajaran	7
5.12	Penilaian Tender	7
5.13	Mesyuarat Penjelasan Tender (*Tender Clarification Meeting*)	9
5.14	Laporan Penilaian Tender dan Perakuan	9
5.15	Setuju Terima Tender	9
5.16	Carta Alir Perolehan Tender Terbuka Melalui Pra-Kelayakan	10

i

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAHAGIAN I – GARIS PANDUAN PEROLEHAN (SAMB.)		
6.0	**PEROLEHAN SECARA TENDER TERHAD**	10
6.1	Tatacara Perolehan	10
6.2	Pemilihan Senarai Nama Kontraktor	10
6.3	Penilaian Kontraktor	11
6.4	Penyediaan Kehendak Kerajaan	11
6.5	Penyediaan Dokumen *Pre-Bid*	11
6.6	Pelawaan Tender Terhad	11
6.7	Taklimat dan Lawatan Tapak	12
6.8	Tempoh Sah Laku Tender Terhad	12
6.9	Tatacara Pelaksanaan	12
6.10	Prosedur Perolehan	12
BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN		13
1.0	**PENDAHULUAN**	13
2.0	**PERANAN AGENSI DALAM PENGURUSAN PEMBINAAN**	13
2.1	Penyelarasan	14
2.2	Pemantauan dan Pengawalan	14
2.3	Pengauditan dan Laporan	14
2.4	Pengurusan Kontrak	15
3.0	**PERANAN KONTRAKTOR**	15
4.0	**PERINGKAT PERSEDIAAN AWALAN DAN DOKUMEN**	15
4.1	Pelantikan Pengarah Projek	15
4.2	Mesyuarat Pra-Pembinaan	16
4.3	Pemilikan Tapak	17
4.4	Bon Pelaksanaan dan Polisi-Polisi Insurans	17
4.5	Dokumen Kontrak	17

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN (SAMB.)		
5.0	**PERINGKAT PERANCANGAN PEMBINAAN**	18
5.1	Organisasi Kontraktor	18
5.2	Program Kerja	18
5.3	Sistem Kepastian Kualiti	19
5.4	Spesifikasi, Reka Bentuk Terperinci & Lukisan Pembinaan	19
5.5	Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan	19
6.0	**PERINGKAT PELAKSANAAN PEMBINAAN**	20
6.1	Kawalan Kemajuan Kerja	20
6.2	Penyeliaan Oleh Perunding Kontraktor	20
6.3	Kawalan Kualiti Kerja	20
6.4	Penetapan Penanda Aras Mutu Kerja (*Mock-Up*) dan *Performance Test*	21
6.5	Pemantauan	21
6.6	Pembayaran	22
6.7	Perubahan Kerja	22
6.8	Lanjutan Masa	23
6.9	Perakuan Kerja Tak Siap	24
6.10	Penamatan Kontrak	24
7.0	**PERINGKAT PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN**	24
8.0	**PERINGKAT PEMERIKSAAN DAN PENYERAHAN**	25
8.1	Pemeriksaan Pra-Penyerahan	25
8.2	Sijil Layak Menduduki (*Certificate Of Fitness For Occupation* – CFO) atau Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate Of Completion And Compliance* - CCC)	25
8.3	Perakuan Siap Kerja	25
8.4	Tindakan Selepas Pengeluaran Perakuan Siap Kerja	26

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN (SAMB.)		
9.0	**PERINGKAT TEMPOH LIABILITI KECACATAN DAN PENYENGGARAAN**	26
9.1	Kecacatan Kerja	26
9.2	Penyenggaraan Kerja Dan Perkhidmatan	27
9.3	Penutupan Akaun Kontrak	27

SENARAI LAMPIRAN – LAMPIRAN

BAHAGIAN I – GARIS PANDUAN PEROLEHAN			
Lampiran A	:	Contoh Syarat Dan Kriteria Utama Pra-Kelayakan & Pemilihan Kontraktor	29
Lampiran B	:	Contoh Iklan Pra- Kelayakan Kontraktor	32
Lampiran C	:	Contoh Kandungan Kehendak Kerajaan	34
Lampiran D	:	Contoh *Government's Requirements*	38
Lampiran E	:	Contoh Kaedah Penilaian Teknikal	39
Lampiran F	:	Contoh Surat Niat	42
Lampiran G	:	Contoh Surat Setuju Terima Tender	47
Lampiran H	:	Carta Aliran Tender Terbuka Melalui Pra-Kelayakan	53
Lampiran J1	:	Permohonan Agensi	56
Lampiran J2	:	Contoh Borang Maklumat Kontraktor Yang Disyorkan Untuk Tender Terhad	60
Lampiran J3	:	Contoh Borang permohonan Untuk Kelulusan Senarai Kontraktor Untuk Tender Terhad.	61
Lampiran K	:	Carta Aliran Tender Terhad	62
BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN			
Lampiran L	:	Contoh Jaminan Reka Bentuk	65

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PROJEK SECARA REKA DAN BINA

BAHAGIAN I

GARIS PANDUAN PEROLEHAN

BAHAGIAN I

GARIS PANDUAN PEROLEHAN

1.0 PENGENALAN

1.1 Pelaksanaan projek secara Reka dan Bina adalah salah satu kaedah pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Ia melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti Agensi pelanggan, Agensi pelaksana, kontraktor, perunding kontraktor dan pembekal. Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat dengan kaedah pelaksanaan Reka dan Bina adalah berbeza dengan pelaksanaan secara kaedah konvensional.

1.2 Garis panduan ini memberi penjelasan mengenai konsep serta tatacara perolehan dan pengurusan pembinaan projek yang dibiayai di bawah peruntukan Persekutuan. Bagi projek-projek Negeri, tatacara yang berkenaan hendaklah disesuaikan sewajarnya.

1.3 Tatacara di bawah garis panduan ini adalah hanya sesuai bagi projek-projek yang dilaksanakan keseluruhannya secara Reka dan Bina serta tidak terpakai jika hanya sebahagian komponen kerja di bawah kontrak konvensional perlu di reka bentuk oleh kontraktor.

2.0 KONSEP

2.1 TAKRIF

(a) Kaedah Konvensional

Kaedah pelaksanaan projek secara konvensional bermaksud pembinaan adalah berdasarkan reka bentuk yang telah disediakan oleh Agensi atau perunding yang dilantik oleh Agensi. Kontraktor hanya bertanggungjawab untuk membina dan menyiapkan projek berdasarkan reka bentuk tersebut. Penyeliaan projek juga dilaksanakan oleh Agensi sendiri atau perunding yang dilantik.

(b) Kaedah Reka dan Bina

Kaedah pelaksanaan projek secara Reka dan Bina bermaksud kontraktor bertanggungjawab untuk merancang, mereka bentuk, membina dan menyiapkan, menyelia, melengkapkan, menguji, mentauliah dan menyenggara keseluruhan kerja dan apa-apa perkhidmatan/peralatan selaras dengan Kehendak Kerajaan. Penyeliaan projek dilaksanakan oleh perunding profesional yang dilantik oleh kontraktor manakala peranan dan tanggungjawab Agensi adalah sebagai pengurus projek dan pentadbir kontrak.

3.0 CIRI-CIRI KONTRAK

3.1 SYARAT-SYARAT KONTRAK

Kontrak adalah berdasarkan Syarat-syarat Kontrak Reka dan Bina iaitu *Standard Form of Design and Build Contract* [PWD FORM DB (Rev. 1/2010)].

3.2 ASAS HARGA KONTRAK

Pada amnya harga kontrak adalah berasaskan harga tetap jumlah wang pukal. Walau bagaimanapun Wang Peruntukan Sementara dan/atau Kuantiti Sementara boleh diperuntukkan tetapi hanya bagi item yang tidak dapat ditentukan skop sebelum tender atau jika didapati tidak adil kepada mana-mana pihak untuk menanggung risiko yang tinggi bagi kerja yang tidak dapat ditentukan. Jumlah Wang Peruntukan Sementara yang diperuntukkan hendaklah tidak melebihi 10% daripada anggaran harga kontrak.

Kuantiti Sementara adalah tertakluk kepada pengukuran semula berdasarkan kerja sebenar yang dilaksanakan, dengan syarat pengukuran semula bukan disebabkan oleh kesilapan, kekurangan atau kecuaian dalam penyediaan Kuantiti Sementara oleh kontraktor.

3.3 LIABILITI DAN OBLIGASI KONTRAKTOR

Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat perancangan, merekabentuk, membina dan menyiapkan, menguji, mentauliah dan menyenggara kerja di bawah kontrak dan dikehendaki menjamin Kerajaan bahawa reka bentuk, bahan dan mutu hasil kerja adalah sesuai dan menepati Kehendak Kerajaan.

Kontraktor hendaklah menjamin reka bentuk dengan mengemukakan kepada Kerajaan satu Jaminan Reka Bentuk yang berkuat kuasa selama lima (5) tahun dari tarikh siap kerja daripada Bank-Bank atau Institusi Kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan.

3.4 PERUNDING KONTRAKTOR

(a) Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas perunding yang dilantiknya dan hendaklah memastikan perunding berkenaan berkelayakan dan kompeten serta berdaftar dengan Lembaga Profesional masing-masing dan Kementerian Kewangan.

(b) Kontraktor hendaklah mengekalkan perkhidmatan perunding yang sama sepanjang tempoh kontrak bagi kerja-kerja reka bentuk dan penyeliaan kerja. Perkhidmatan perunding tidak boleh ditukar atau ditamatkan tanpa persetujuan dan kelulusan Agensi/Pengarah Projek.

(c) Kontraktor hendaklah membenarkan bayaran terus dibuat oleh Kerajaan kepada perunding melalui Surat Ikatan Penyerahan Hak *(Deed of Assignment)*.

3.5 PERCANGGAHAN

(a) Jika berlaku percanggahan di antara Kehendak Kerajaan dengan Cadangan Kontraktor, Kehendak Kerajaan adalah mengatasi Cadangan Kontraktor. Walau bagaimanapun, jika Cadangan Kontraktor didapati lebih baik daripada Kehendak Kerajaan dari segi teknikal dan/atau kualiti, maka Cadangan Kontraktor adalah mengatasi Kehendak Kerajaan. Walau apapun, harga kontrak tidak akan berubah.

(b) Jika percanggahan berlaku di dalam Kehendak Kerajaan, maka Pengarah Projek dikehendaki membuat keputusan dan mengeluarkan arahan sewajarnya.

(c) Jika berlaku percanggahan di dalam Cadangan Kontraktor, kontraktor dikehendaki memaklumkan kepada Pengarah Projek tentang cadangan pindaannya untuk keputusan Pengarah Projek. Kontraktor dikehendaki mematuhi keputusan Pengarah Projek tanpa apa-apa kos kepada Kerajaan.

3.6 PERUBAHAN KERJA

Perubahan kerja dalam Reka dan Bina hanya dibenarkan apabila Pengarah Projek mengarahkan perubahan kepada Kehendak Kerajaan. Sekiranya perubahan terhadap cadangan reka bentuk kontraktor diperlukan bagi tujuan kesesuaian, kefungsian dan keselamatan kerja, ia bukanlah satu perubahan kerja yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, sekiranya perubahan tersebut melibatkan kos tambahan, kos hendaklah ditanggung oleh kontraktor. Namun, jika perubahan tersebut melibatkan penjimatan kos, pengurangan kos tersebut hendaklah ditolak dari Harga Kontrak.

4.0 TATACARA PELAKSANAAN

4.1 KAEDAH PEROLEHAN

Perolehan projek Reka dan Bina boleh dilaksanakan secara:

(a) Tender Terbuka

Perolehan secara tender terbuka dibuat melalui proses pra-kelayakan bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan dan berkeupayaan sahaja dipelawa menyertai tender.

(b) Tender Terhad

Tender terhad hanya dipelawa di kalangan kontraktor yang telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi atau Kementerian Kewangan, yang mana berkenaan.

5.0 PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

Tatacara perolehan secara tender terbuka melalui pra-kelayakan adalah seperti berikut:

PERINGKAT 1 - PROSES PRA-KELAYAKAN

5.1 PENUBUHAN JAWATANKUASA PRA-KELAYAKAN (JPK)

(a) Satu Jawatankuasa Pra-Kelayakan (JPK) perlu ditubuhkan dan dilantik oleh Ketua Agensi atau pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Agensi bagi menyedia dan mencadangkan kriteria pra-kelayakan untuk kelulusan Lembaga Perolehan Agensi. Antara syarat dan kriteria pra-kelayakan utama yang boleh dijadikan panduan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Keahlian JPK hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi yang merupakan pegawai Pengurusan dan Profesional dan dua (2) orang ahli. Ahli-ahli JPK hendaklah pegawai yang mahir, berkelayakan dan mempunyai pengetahuan dalam bidang yang dikehendaki yang mana sekurang-kurangnya terdiri daripada seorang pegawai teknikal dari kumpulan Pengurusan dan Profesional.

5.2 PELAWAAN PRA-KELAYAKAN

Agensi hendaklah menyediakan dokumen pra-kelayakan dan mengeluarkan iklan pra-kelayakan di akhbar-akhbar tempatan sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama Bahasa Malaysia dan bagi tender antarabangsa sekurang-kurangnya dua (2) akhbar tempatan iaitu satu (1) Bahasa Malaysia dan satu (1) Bahasa Inggeris.

Bagi pelawaan pra-kelayakan tempatan, tarikh tutup hendaklah sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh dokumen pra-kelayakan dikeluarkan. Bagi pelawaan pra-kelayakan antarabangsa, tarikh tutup hendaklah sekurang-kurangnya 28 hari dari tarikh dokumen pra-kelayakan dikeluarkan.

Contoh iklan pra-kelayakan kontraktor adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

5.3 TEMPOH SAH LAKU PRA-KELAYAKAN

Tempoh sah laku pra-kelayakan hendaklah tidak melebihi 120 hari dari tarikh tutup pra-kelayakan. Agensi hendaklah mempelawa tender dalam tempoh sah laku pra-kelayakan tersebut. Jika tender tidak dipelawa dalam tempoh sah laku berkenaan, proses pra-kelayakan hendaklah dibuat semula.

5.4 PENILAIAN DAN PEMILIHAN KONTRAKTOR DALAM PRA-KELAYAKAN

Selepas penerimaan dokumen pra-kelayakan, JPK hendaklah membuat penilaian dan memperakukakan senarai pendek petender yang layak kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk kelulusan. Senarai pendek petender hendaklah seboleh-bolehnya tidak kurang dari lima (5) petender dan tidak melebihi sepuluh (10) petender. Sekiranya terdapat lebih daripada sepuluh (10) petender yang berkelayakan, pemilihan hendaklah dibuat berdasarkan sepuluh (10) yang terbaik.

PERINGKAT 2 - PENYEDIAAN DOKUMEN PRE-BID DAN PELAWAAN TENDER

5.5 PENYEDIAAN KEHENDAK KERAJAAN

(a) Agensi hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyediaan Kehendak Kerajaan (JPKK) yang terdiri dari pegawai-pegawai yang berkelayakan termasuk wakil pihak pengguna/pelanggan. Keahlian JPKK hendaklah dilantik oleh Ketua Agensi dan terdiri daripada tidak kurang tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi yang merupakan pegawai Pengurusan dan Profesional dan dua (2) orang ahli. Ahli-ahli JPKK hendaklah pegawai yang mahir, berkelayakan dan mempunyai pengetahuan dalam bidang yang dikehendaki yang mana sekurang-kurangnya terdiri daripada seorang pegawai teknikal dari kumpulan Pengurusan dan Profesional.

(b) Tanggungjawab JPKK adalah bagi menyediakan Kehendak Kerajaan (*Government's Requirements*) selaras dengan Brif Projek. Kehendak Kerajaan adalah merangkumi antara lain skop projek, anggaran peruntukan projek, *performance specification*, *technical requirements*, *Schedule of Accommodation (SOA)* dan reka bentuk konsep (jika perlu). JPKK hendaklah memastikan Kehendak Kerajaan adalah lengkap dan mengambilkira semua keperluan pengguna/pelanggan.

(c) Antara peruntukan khusus yang perlu dimasukkan di dalam Kehendak Kerajaan adalah seperti berikut:

i) Pematuhan kepada penggunaan reka bentuk *Industrialised Building System* (IBS);

ii) Pematuhan kepada 'Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan' yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi yang terkini; dan

iii) Pematuhan kepada keperluan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya selaras dengan *Malaysian Standard/Code of Practice* yang berkaitan.

Contoh Kandungan Kehendak Kerajaan adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

5.6 PENYEDIAAN DOKUMEN PRE-BID

Agensi bertanggungjawab menyediakan Dokumen *Pre-Bid* bagi tujuan mempelawa tender daripada petender-petender yang layak dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

Kandungan Dokumen *Pre-Bid* adalah merangkumi semua Kehendak Kerajaan seperti berikut:

A) Jilid I – Government's Requirements – Contractual And General Requirements

(a) Instructions to Tenderers.
(b) Contractual and General Requirements (GCR).
(c) Form of Tender.

(d) *Standard Form of Design and Build Contract [PWD Form DB (Rev.1/2010)].*

(e) *Appendices To The Conditions of Contract*

i)	*Appendix 1*	-	*Appendix to the Conditions of Contract*
ii)	*Appendix 2*	-	*Government's Requirements* (rujuk **LAMPIRAN D**)
iii)	*Appendix 3*	-	*Contractor's Proposal*
iv)	*Appendix 4*	-	*Tender Sum Analysis*
v)	*Appendix 5*	-	*Schedule of Rates (jika ada)*
vi)	*Appendix 6*	-	*Form of Bank/Insurance Guarantee for Performance Bond*
vii)	*Appendix 7*	-	*List of Government Multimodal Transport Operators*
viii)	*Appendix 8*	-	*Detailed Design & Specification*
ix)	*Appendix 9*	-	*Form of Design Guarantee*
x)	*Appendix 10*	-	*Form of Bank/Insurance Guarantee for Advance Payment*

B) Jilid II – Government's Requirements - Technical Requirements
- Conceptual Design (jika perlu)

5.7 PELAWAAN TENDER

Tender terbuka hendaklah dipelawa di kalangan petender yang layak yang telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi atau Kementerian Kewangan yang mana berkenaan. Pelawaan tender hendaklah dibuat segera dalam tempoh sah laku pra-kelayakan iaitu tidak melebihi 120 hari dari tarikh tutup pra-kelayakan.

Tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya 60 hari dari tarikh lawatan tapak manakala bagi projek yang kompleks, tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya 90 hari dari tarikh lawatan tapak.

5.8 TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Taklimat dan lawatan tapak hendaklah diwajibkan dan dinyatakan dalam surat pelawaan kepada petender yang telah lulus pra-kelayakan untuk diberi penerangan mengenai projek serta syarat-syarat tender. Hanya petender yang lulus pra-kelayakan dan telah menghadiri taklimat serta lawatan tapak layak membeli dokumen *Pre-Bid*.

5.9 TEMPOH SAH LAKU TENDER

Tempoh sah laku tender yang minimum adalah 120 hari yang dikira dari tarikh tender ditutup.

5.10 PENERANGAN KE ATAS DOKUMEN PRE-BID

Sekiranya dalam tempoh tender, mana-mana petender mengemukakan permohonan untuk mendapatkan penjelasan mengenai dokumen *Pre-Bid* atau pihak Agensi sendiri yang perlu mengeluarkan maklumat atau penjelasan tambahan kepada petender,

maklumat atau penjelasan tersebut hendaklah dibuat secara bertulis kepada semua petender. Agensi hendaklah memastikan petender mengemukakan borang pengesahan penerimaan.

5.11 PENYEDIAAN ANGGARAN HARGA AGENSI DAN PENETAPAN WAJARAN

Agensi hendaklah menyediakan anggaran kasar kos projek atau menggunakan peruntukan projek untuk dimasukkan ke dalam peti tender sebelum/pada tarikh tutup tender.

Bagi tujuan pembahagian markah penilaian tender, wajaran bagi setiap komponen dan bidang kerja hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Wajaran-wajaran tersebut ditetapkan berdasarkan nilai kerja yang berkaitan dan hendaklah mengambilkira tahap kompleksiti atau tahap kritikalnya komponen kerja tersebut. Wajaran ini hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender sebelum tender ditutup dan dibuka serta disahkan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender.

5.12 PENILAIAN TENDER

5.12.1 JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER

Penilaian Tender hendaklah dibuat oleh dua (2) Jawatankuasa yang berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Kedua-dua Jawatankuasa tersebut hendaklah dilantik oleh Ketua Agensi dalam tempoh yang munasabah. Ini juga bagi membolehkan penetapan wajaran disediakan sebelum tender ditutup selaras dengan para 5.11.

5.12.2 PROSES DAN KAEDAH PENILAIAN TENDER

A) JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

(a) Penilaian Awal

Kesemua set dokumen tender daripada setiap petender hendaklah diserah kepada ahli Jawatankuasa Penilaian Harga.

Penilaian awal hendaklah dijalankan untuk memastikan kesempurnaan tender dan pematuhan kepada kehendak wajib termasuk syarat-syarat asas tender. Sekiranya mana-mana tender tidak menepati syarat-syarat asas yang ditetapkan, tender tersebut tidak layak dibuat penilaian selanjutnya.

'*Technical Proposal*' termasuk lukisan daripada petender-petender yang lulus penilaian awal sahaja hendaklah diserahkan kepada ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal untuk penilaian selanjutnya.

(b) Penilaian Kontraktual dan Harga

Oleh kerana kesemua petender layak dari segi keupayaan kewangan dan teknikal, penilaian hanya dijalankan dari aspek prestasi semasa, pematuhan kepada *Jilid I - Government's Requirements (Contractual and General Requirements)* (contohnya petender perlu mengemukakan nama dan butir-butir perunding,

katalog dan lain-lain dokumen sokongan) serta kemunasabahan harga yang ditawarkan.

B) JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL (JPT)

Penilaian teknikal dibuat berpandukan proses dan kaedah penilaian seperti berikut:

(a) Proses Penilaian Teknikal

i) Semak reka bentuk yang dicadangkan termasuk spesifikasi, lukisan, pengiraan reka bentuk, data-data teknikal, katalog dan brosur.

ii) Sediakan jadual perbandingan untuk menyemak Cadangan Petender dengan Pernyataan Kehendak Teknikal.

iii) Semak jenama dan model barangan yang ditawarkan.

(b) Kaedah Penilaian Teknikal

i) Penilaian teknikal dibuat mengikut bidang kerja yang berkenaan. Di bawah setiap bidang kerja, aspek-aspek teknikal dibahagikan kepada komponen dan sub-komponen kerja mengikut kriteria yang dinilai. Wajaran akan diberi kepada setiap komponen dan sub-komponen kerja.

ii) Bagi setiap aspek kriteria penilaian yang ditetapkan, gred diberikan menggunakan skala daripada kosong (0) hingga lima (5).

iii) Gred bagi setiap sub-komponen kerja yang dinilai akan didarabkan dengan wajaran yang telah ditetapkan untuk sub-komponen berkenaan untuk mendapatkan jumlah skor bagi setiap komponen.

iv) Jumlah skor bagi setiap komponen akan dicampur untuk mendapatkan jumlah keseluruhan bagi setiap bidang kerja.

v) Jumlah skor keseluruhan bagi setiap bidang kerja akan didarab dengan wajaran yang telah ditetapkan bagi bidang kerja berkenaan untuk mendapatkan markah setiap bidang kerja dan seterusnya jumlah markah keseluruhan. Agensi perlu menetapkan markah kelayakan minima bagi setiap bidang dan markah kelayakan minima keseluruhan bagi penilaian teknikal.

vi) Jumlah markah bagi setiap bidang kerja dan jumlah markah keseluruhan hendaklah dibandingkan dengan jumlah markah kelayakan minima bagi setiap bidang kerja dan jumlah markah kelayakan keseluruhan untuk menentukan petender yang layak disyorkan untuk pertimbangan.

vii) Contoh pengiraan bagi penilaian teknikal adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

5.13 MESYUARAT PENJELASAN TENDER (TENDER CLARIFICATION MEETING)

(a) Semasa penilaian teknikal dijalankan dan jika terdapat perkara-perkara teknikal yang kurang jelas berhubung cadangan yang dikemukakan, senarai pertanyaan (*query list*) hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal.

(b) Mesyuarat penjelasan tender jika perlu, boleh diadakan dengan kelulusan bertulis daripada Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi. Walau bagaimanapun, sebarang perundingan dengan petender tidak dibenarkan.

5.14 LAPORAN PENILAIAN TENDER DAN PERAKUAN

(a) Laporan penilaian tender hendaklah merangkumi kedua-dua laporan penilaian teknikal dan penilaian harga yang telah disediakan oleh Jawatankuasa yang berkaitan.

(b) Jawatankuasa Penilaian Harga atau Urusetia Tender (yang mana berkenaan), hendaklah merumuskan kedua-dua Laporan Penilaian Harga dan Teknikal dan menyediakan Laporan Tender dan Perakuan Agensi untuk dibentangkan ke Lembaga Perolehan Agensi.

(c) Perkara-perkara yang tidak mematuhi Kehendak Kerajaan dan/atau apa-apa pengubahsuaian/penambahbaikan yang perlu dilakukan kepada Cadangan Kontraktor hendaklah dinyatakan dalam Laporan Penilaian Tender sebagai dokumen Laporan Ketidakpatuhan (*Non-Compliance Report - NCR*).

(d) Bagi tujuan perakuan kepada Lembaga Perolehan Agensi, petender yang lulus Penilaian Teknikal dan telah menawarkan harga yang paling menguntungkan Kerajaan *(best value for money)* hendaklah diperakukan untuk disetuju terima. Sekiranya tender yang diperakukan mengandungi perkara-perkara yang tidak mematuhi keperluan *Pre-Bid* dan/atau apa-apa pengubahsuaian/penambahbaikan yang perlu dilakukan kepada Cadangan Kontraktor, perakuan yang dibuat hendaklah bersyaratkan persetujuan petender mematuhi semua keperluan *Pre-Bid* dan Laporan Ketidakpatuhan (NCR) tanpa kos tambahan kepada Kerajaan.

5.15 SETUJU TERIMA TENDER

Setelah keputusan diterima daripada Lembaga Perolehan Agensi atau Kementerian Kewangan, yang mana berkenaan, prosedur seterusnya adalah seperti berikut:

5.15.1 SURAT NIAT

Sekiranya keputusan Lembaga Perolehan Agensi atau Kementerian Kewangan meluluskan tender yang mensyaratkan pematuhan kepada keperluan *Pre-Bid* atau syarat-syarat lain, Surat Niat hendaklah dikeluarkan kepada petender berkenaan. Surat Niat tersebut memaklumkan hasrat Kerajaan untuk menyetujuterima tendernya dengan syarat petender bersetuju meminda apa-apa perkara yang tidak mematuhi keperluan *Pre-Bid* atau syarat-syarat lain tanpa apa-apa tambahan kos. Perkara-perkara yang tidak mematuhi keperluan *Pre-Bid* (Laporan Ketidakpatuhan - NCR) perlu disenaraikan dalam lampiran kepada Surat Niat tersebut.

Contoh Surat Niat ialah seperti di **LAMPIRAN F**.

5.15.2 MESYUARAT PENJELASAN SEBELUM SETUJU TERIMA (PRE-AWARD CLARIFICATION MEETING)

Sekiranya perkara-perkara yang tidak mematuhi keperluan *Pre-Bid* adalah rumit atau kompleks, petender berkenaan hendaklah dijemput menghadiri satu mesyuarat penjelasan sebelum Surat Setuju Terima Tender dikeluarkan. Dalam mesyuarat tersebut pihak Agensi hendaklah memberi penjelasan lanjut tentang setiap perkara yang tidak mematuhi keperluan *Pre-Bid* dan syarat-syarat lain dan petender berkenaan hendaklah diminta mengesahkan secara bertulis persetujuannya untuk menepati kehendak tersebut tanpa kos tambahan.

5.15.3 SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima (SST) tender dikeluarkan mengikut format seperti di **LAMPIRAN G**. SST ini hendaklah mengandungi lampiran senarai Laporan Ketidakpatuhan (NCR) yang dipersetujui (jika ada) selain daripada perkara-perkara yang sama seperti tender konvensional.

5.16 CARTA ALIR BAGI PEROLEHAN TENDER TERBUKA MELALUI PRA-KELAYAKAN

Carta alir bagi perolehan tender terbuka melalui pra-kelayakan adalah seperti di **LAMPIRAN H**.

6.0 PEROLEHAN SECARA TENDER TERHAD

6.1 Tatacara perolehan bagi pelaksanaan projek Reka dan Bina secara tender terhad adalah seperti berikut:

PERINGKAT 1 - PROSES PEMILIHAN KONTRAKTOR

6.2 PEMILIHAN SENARAI NAMA KONTRAKTOR

(a) Pemilihan senarai nama kontraktor untuk diperakukan kepada Lembaga Perolehan 'A' Agensi hendaklah dibuat oleh satu Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dan terdiri daripada pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan/atau setara. Korum mesyuarat adalah tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

(b) Bagi mewujudkan pemilihan yang lebih telus, terperinci dan seragam, pengesyoran pemilihan kontraktor bagi tender terhad hendaklah memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria utama seperti di **LAMPIRAN A**. Mana-mana kontraktor yang didapati tidak memenuhi mana-mana syarat dan kriteria seperti di **LAMPIRAN A** tidak layak untuk dipertimbangkan.

(c) Senarai pendek nama kontraktor untuk diperakukan hendaklah tidak kurang dari lima (5) dan tidak melebihi sepuluh (10) kontraktor.

(d) Pengesyoran nama kontraktor untuk menyertai tender terhad hendaklah dikemukakan dengan menggunakan format seperti di **LAMPIRAN J1, J2** dan **J3** untuk kelulusan Lembaga Perolehan 'A' Agensi atau perakuan Lembaga Perolehan 'A' Agensi kepada Kementerian Kewangan, yang mana berkenaan, mengikut had kuasa yang dibenarkan. Borang-borang yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

(i) Permohonan Agensi (**LAMPIRAN J1**);
(ii) Maklumat Kontraktor Yang Di Syorkan Untuk Tender Terhad (**LAMPIRAN J2**); dan
(iii) Permohonan Untuk Kelulusan Senarai Kontraktor Untuk Tender Terhad (**LAMPIRAN J3**).

6.3 PENILAIAN KONTRAKTOR

Kontraktor yang telah melalui proses pemilihan mengikut kaedah ini adalah dikecualikan dari penilaian terhadap keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal semasa penilaian tender.

PERINGKAT 2 - PENYEDIAAN DOKUMEN PREBID DAN PELAWAAN TENDER TERHAD

6.4 PENYEDIAAN KEHENDAK KERAJAAN

Prosedur adalah sama seperti di para 5.5.

6.5 PENYEDIAAN DOKUMEN PRE-BID

Prosedur adalah sama seperti di para 5.6.

6.6 PELAWAAN TENDER TERHAD

Tender terhad hendaklah dipelawa di kalangan petender yang telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi atau Kementerian Kewangan yang mana berkenaan. Pelawaan tender hendaklah dibuat segera dalam tempoh tidak melebihi 120 hari dari tarikh senarai nama diluluskan. Permohonan semula hendaklah diperolehi sekiranya tarikh pelawaan tender terhad melebihi tempoh berkenaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya dalam tempoh yang berkenaan, terdapat sebarang perubahan maklumat kontraktor yang menjejaskan kelayakannya, Jawatankuasa Pemilihan hendaklah memaklumkannya kepada Lembaga Perolehan Agensi/Kementerian Kewangan.

Tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya 60 hari dari tarikh lawatan tapak manakala bagi projek yang kompleks, tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya 90 hari dari tarikh lawatan tapak.

6.7 TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Taklimat dan lawatan tapak hendaklah diwajibkan dan dinyatakan dalam surat pelawaan kepada petender yang telah diluluskan untuk diberi penerangan mengenai projek serta syarat-syarat tender. Hanya petender yang telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi atau Kementerian Kewangan dan telah menghadiri taklimat serta lawatan tapak layak membeli dokumen *Pre-Bid.*

6.8 TEMPOH SAH LAKU TENDER TERHAD

Tempoh sah laku tender yang minimum adalah 120 hari yang dikira dari tarikh tender ditutup.

6.9 TATACARA PELAKSANAAN

Tatacara pelaksanaan seterusnya adalah sama seperti yang diterangkan dalam perenggan
5.10 sehingga 5.15 di atas.

6.10 PROSEDUR PEROLEHAN

Prosedur bagi perolehan secara tender terhad adalah seperti di carta aliran di **LAMPIRAN K**.

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PROJEK SECARA REKA DAN BINA

BAHAGIAN II

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN

BAHAGIAN II

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN

1.0 PENDAHULUAN

(a) Skop pengurusan pembinaan projek Reka dan Bina secara umumnya bermula daripada penerimaan Surat Setuju Terima Tender oleh kontraktor hingga ke penutupan akaun projek.

(b) Semua tindakan dan pelaksanaan pengurusan pembinaan hendaklah selaras dengan Syarat-syarat Kontrak Reka dan Bina [PWD FORM DB (Rev. 1/2010)].

(c) Aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam pengurusan pembinaan adalah seperti di **RAJAH 1.**



Rajah 1 – Peringkat-Peringkat Dalam Pengurusan Pembinaan

2.0 PERANAN AGENSI DALAM PENGURUSAN PEMBINAAN

Peranan dan fungsi utama Agensi adalah untuk menjalankan:

(a) Penyelarasan;

(b) Pemantauan dan Pengawalan;

(c) Pengauditan dan Laporan; dan

(d) Pengurusan Kontrak.

2.1 PENYELARASAN

Agensi perlu menyelaras perkara-perkara berikut:

(a) Peruntukan kewangan projek;

(b) Perkara-perkara yang melibatkan pelanggan/pengguna serta Agensi-Agensi Pusat;

(c) Pengambilan balik tanah dan pampasan; dan

(d) Membantu menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi-Agensi lain yang berkaitan.

2.2 PEMANTAUAN DAN PENGAWALAN

Agensi hendaklah memantau dan mengawal projek supaya kontraktor mematuhi Syarat-syarat Kontrak, Kehendak Kerajaan, Spesifikasi serta Lukisan Pembinaan atau Lukisan Kerja. Di samping itu kerja-kerja pembinaan hendaklah mengikut piawaian kualiti, garis panduan dan amalan kejuruteraan terbaik.

Pemantauan dan kawalan dilakukan ke atas tiga (3) elemen utama dalam pengurusan projek iaitu:

(a) Kemajuan Kerja;

(b) Kualiti; dan

(c) Kos.

2.3 PENGAUDITAN DAN LAPORAN

Audit dilaksanakan oleh Agensi untuk memastikan sistem pengurusan kualiti dapat diwujudkan dan diguna pakai dengan berkesan. Agensi tidak sama sekali terlibat secara langsung di dalam kerja-kerja penyeliaan di tapak bina.

Agensi hendaklah mengaudit spesifikasi, reka bentuk terperinci dan lukisan pembinaan bagi menentukan ianya menepati Kehendak Kerajaan yang diperuntukkan dalam kontrak. Untuk tujuan ini, Agensi hendaklah menubuhkan satu Pasukan Audit yang dianggotai pegawai teknikal yang berkelayakan.

Ada tiga bentuk audit yang dilaksanakan terhadap kontraktor dan pembinaan mengikut peringkat aktiviti/ proses pelaksanaan sesuatu projek:

(a) Audit Dokumentasi (*Adequacy Audit/Documentation Audit*)
Melibatkan persediaan awalan dan perancangan pembinaan melalui pemeriksaan dokumen.

(b) Audit Pematuhan (*Compliance Audit/Process Audit*)
Melibatkan pelaksanaan pembinaan, pengujian dan pentauliahan.

(c) Audit Produk (*Performance Audit/Product Audit*)
Melibatkan laporan ketidakpatuhan, gambar, analisis data-data berkaitan dan sebagainya.

Sampel yang diaudit ditentukan secara rawak atau terpilih. Kekerapan audit tertakluk kepada keperluan aktiviti pembinaan yang terlibat atau dasar Agensi yang ditetapkan.

Laporan Ketidakpatuhan (NCR/NCP) dikeluarkan kepada kontraktor sekiranya terdapat ketidakpatuhan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

2.4 PENGURUSAN KONTRAK

Agensi perlu menjalankan pengurusan dan pentadbiran kontrak seperti bayaran pendahuluan, bayaran interim, perubahan kerja, lanjutan masa, kerja tidak siap, pemansuhan kontrak, penyiapan kerja, penutupan akaun dan lain-lain. Agensi juga hendaklah memastikan semua dasar perolehan Kerajaan dipatuhi.

3.0 PERANAN KONTRAKTOR

Kontraktor bertanggungjawab untuk:

(a) Membuat perancangan menyeluruh;

(b) Mereka bentuk;

(c) Membina dan menyiapkan termasuk menyelia;

(d) Melengkapkan;

(e) Menguji terima dan mentauliahkan;

(f) Menyenggara; dan

(g) Memberi Jaminan Reka Bentuk.

4.0 PERINGKAT PERSEDIAAN AWALAN DAN DOKUMEN PELANTIKAN

4.1 PENGARAH PROJEK

Pelantikan Pengarah Projek oleh Ketua Agensi, jika belum dilantik hendaklah dibuat selepas pengeluaran Surat Setuju Terima tender. Walau bagaimanapun, Pengarah Projek boleh melantik wakil Pengarah Projek selaras dengan Syarat-Syarat Kontrak Reka dan Bina, sama ada perunding atau pasukan projek bagi menjalankan pengurusan harian projek dan pentadbiran kontrak, kecuali bagi perkara-perkara utama yang diperuntukkan dalam kontrak yang memerlukan keputusan muktamad Pengarah Projek atau Pegawai Yang Dinamakan, antaranya:

(a) Perubahan Kerja;

(b) Lanjutan Masa;

(c) Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor;

(d) Pemansuhan Kontrak;

(e) Timbang tara; dan

(f) Kesan Perang.

4.2 MESYUARAT PRA-PEMBINAAN

Mesyuarat pra-pembinaan hendaklah diadakan selepas pengeluaran Surat Setuju Terima tender dan hendaklah satu (1) minggu sebelum tarikh milik tapak dan dipengerusikan oleh Pengarah Projek bagi tujuan menyelaraskan aktiviti pembinaan di semua peringkat. Agenda mesyuarat merangkumi perkara berikut:

(a) Pengenala wakil Pengarah Projek dan pasukan projek serta organisasi n
kontraktor;

(b) Taklimat mengenai latar belakang projek, skop kontrak, butir-butir kontrak, Kehendak Kerajaan dan taklimat teknikal yang berkaitan;

(c) Status pengambilan balik tanah termasuk masalah-masalah di tapak (contoh – masalah setinggan);

(d) Keperluan-keperluan kontrak (contoh – Bon Pelaksanaan, Nota Liputan polisi insurans dan resit bayaran);

(e) Pembentangan oleh kontraktor
bagi:

i) Status Pelan Kelulusan Merancang/Laporan Cadangan Pembangunan *(Development Order - DO);*

ii) Status pelan
bangunan;

iii) Program kerja dan kaedah pembinaan; dan

iv) Sistem kepastian kualiti dan pelan kepastian kualiti.

(f) Dasar perolehan Kerajaan semasa yang berkaitan seperti bayaran terus kepada subkontraktor/pembekal, kelulusan MITI untuk barangan import, **PENYERTAAN BUMIPUTERA** dan penggunaan pengangkutan oleh *Multimodal Transportation Operators (MTO);*

(g) Penyelarasan kerja antara pihak Agensi, kontraktor, perunding, PBT dan

jabata
n/syar
ikat
utiliti
yang
berkai
tan;
dan

(h) Masalah-masalah lain yang dijangka timbul.

Rekod-rekod yang perlu disimpan dan di senggara bagi aktiviti ini adalah:

(a) Surat jemputan dan agenda mesyuarat pra-pembinaan;

(b) Minit mesyuarat pra-pembinaan; dan

(c) Dokumen-dokumen yang berkaitan.

4.3 PEMILIKAN TAPAK

Pihak Agensi hendaklah menyelesaikan masalah pengambilan balik tanah sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan untuk memastikan tapak bebas dari sebarang halangan sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan.

4.4 BON PELAKSANAAN DAN POLISI-POLISI INSURANS

Sebelum memulakan sebarang kerja di tapak dan tidak lewat dari Tarikh Milik Tapak, kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan dari bank atau institusi kewangan yang diluluskan selaras dengan syarat-syarat kontrak. Kontraktor juga boleh memilih Bon Pelaksanaan dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan yang dipotong melalui bayaran interim. Bagi memulakan kerja, Nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans serta resit-resit premium yang telah dibayar hendaklah diserahkan kepada Pengarah Projek.

4.5 DOKUMEN KONTRAK

Draf Dokumen Kontrak hendaklah disediakan oleh kontraktor. Pejabat yang menguruskan tender hendaklah menyemak, dan menjilid Dokumen Kontrak sebelum ditandatangani. Bon Pelaksanaan (sekiranya kontraktor tidak memilih Wang Jaminan Pelaksanaan) hendaklah dikemukakan berserta polisi-polisi insurans berkaitan.

Pelarasan harga kepada butiran *Contract Sum Analysis (CSA)* hendaklah dilakukan supaya pengagihan/taburan harga adalah munasabah dan berpatutan. Persetujuan kontraktor terhadap sebarang pelarasan harga hendaklah diselesaikan sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani.

Dokumen Kontrak (asal dan salinan) hendaklah ditandatangani secepat mungkin selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima tender oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 (disemak 1973). Semua kos dalam penyediaan Dokumen Kontrak termasuk duti setem hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

Dokumen Kontrak perlulah mengandungi maklumat asas seperti berikut:

(a) Butir-butir Perjanjian;

(b) Syarat-syarat Kontrak & Lampiran Kepada Syarat-Syarat Kontrak;

(c) Kehendak Kerajaan termasuk Arahan Kepada Petender;

(d) Cadangan kontraktor termasuk lukisan dan spesifikasi;

(e) Analisis Harga Kontrak *(Contract Sum Analysis);*

(f) Jadual Kadar Harga (jika berkaitan);

(g) Borang Tender;

(h) Surat Setuju Terima tender; dan

(i) Laporan Ketidakpatuhan (*Non Compliance Report-NCR).*

Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dijilid. Cadangan reka bentuk kontraktor yang telah dipersetujui hendaklah dijilid sebagai Lukisan Kontrak dalam Dokumen Kontrak. Laporan Ketidakpatuhan *(Non Compliance Report-NCR)* yang mana berkaitan hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada Dokumen Kontrak. Lukisan-lukisan pembinaan yang dibangunkan dari semasa ke semasa dalam tempoh pembinaan **TIDAK PERLU** dijilid dalam Dokumen Kontrak.

5.1 PERINGKAT PERANCANGAN PEMBINAAN

5.2 ORGANISASI KONTRAKTOR

Pengarah Projek bertanggungjawab menyemak tahap kelayakan dan pengalaman personel utama yang akan ditempatkan di tapak bina oleh pihak kontraktor seperti yang disyaratkan. Antaranya Pengurus Projek, perancang program kerja, pengurus pembinaan, pegawai kepastian kualiti, pegawai keselamatan pekerja, jurutera tempatan dan penyelia tapak.

5.3 PROGRAM KERJA

Dalam tempoh empat belas (14) hari dari penerimaan Surat Setuju Terima Tender, kontraktor hendaklah mengemukakan untuk kelulusan Pengarah Projek Program Kerja yang berupaya memastikan perancangan kerja harian dan aktiviti pemantauan dan pengawalan kemajuan kerja dapat dijalankan dengan berkesan.

Penyediaan program kerja hendaklah menggunakan perisian pengurusan projek yang berdasarkan kaedah *Critical Path Method (CPM).* Perkara utama yang perlu diambil kira dalam penyediaannya adalah:

(a) Kaedah pembinaan dan turutan kerja;

(b) Kadar produktiviti bagi aktiviti;

(c) Sumber yang diperuntukkan; dan

(d) Kalendar projek.

Pengarah Projek bertanggungjawab untuk meluluskan atau meminta kontraktor mengubahsuai Program Kerja yang dikemukakan.

5.4 SISTEM KEPASTIAN KUALITI

Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk menyediakan Sistem Kepastian Kualiti (*Quality Assurance System* - QAS) dan mengemukakannya kepada Pengarah Projek untuk kelulusan sebelum memulakan Kerja. Penyediaan Sistem Kepastian Kualiti boleh berdasarkan piawai ISO 9000 atau mana-mana spesifikasi Sistem Kepastian Kualiti berkaitan yang mengambil kira semua skop kontrak.

Dokumen Sistem Kepastian Kualiti terdiri dari Manual Kualiti dan Pelan Kepastian Kualiti (*Quality Assurance Plan* – QAP).

Pelan Kepastian Kualiti mengandungi antara lain:

(a) Struktur Organisasi Kontraktor termasuk Pasukan Kepastian Kualiti;

(b) Prosedur dan Proses Mereka bentuk;

(c) Program Kerja yang diluluskan;

(d) Kawalan operasi tapak;

(e) Pengurusan Sumber Kontraktor;

(f) Kenyataan Kaedah Kerja;

(g) Kesihatan dan Keselamatan;

(h) Pemilihan dan Pengujian Bahan;

(i) Pengurusan Alam Sekitar;

(j) Pelan Pengujian dan Pentauliahan;

(k) Kawalan Kualiti Audit Dalaman; dan

(l) Pelan Penyenggaraan.

5.5 SPESIFIKASI, REKA BENTUK TERPERINCI DAN LUKISAN PEMBINAAN

Kontraktor hendaklah menyediakan spesifikasi, reka bentuk terperinci dan lukisan pembinaan dari semasa ke semasa selaras dengan program kerja untuk semua kerja dalam skop kontrak dan memastikan ianya mematuhi Kehendak Kerajaan.

5.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN

Kontraktor melalui **ORANG UTAMA YANG MENGEMUKAKAN** (*Principal Submitting Person*) iaitu perunding yang dilantik oleh kontraktor, perlu mendapatkan kelulusan bagi Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kerja Tanah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) **SEBELUM** sebarang kerja pembinaan dimulakan.

Sekiranya perlu, Pengarah Projek boleh mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama PBT dan kontraktor bagi menyelesaikan sebarang masalah berbangkit.

6.0 PERINGKAT PELAKSANAAN PEMBINAAN KAWALAN

6.1 KEMAJUAN KERJA

Pengarah Projek hendaklah membuat pemantauan bagi menentukan kemajuan kerja mematuhi Program Kerja yang diluluskan.

Kaedah pemantauan adalah dengan membuat penyemakan ke atas Laporan Kemajuan Kerja, pengesanan kemajuan dan pemeriksaan rambang ke atas kemajuan sebenar di tapak bina.

6.2 PENYELIAAN OLEH PERUNDING KONTRAKTOR

Penyeliaan harian kerja-kerja di tapak hendaklah dilaksanakan oleh perunding yang telah dilantik oleh kontraktor dan hendaklah memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.

Kontraktor hendaklah mengemukakan Laporan Penyeliaan setiap bulan atau bila-bila masa dikehendaki oleh Pengarah Projek seperti berikut:

(a) Kerja yang telah disiapkan dengan sempurna di tapak;

(b) Kemajuan kerja;

(c) Pengujian yang dibuat di tapak;

(d) Langkah-langkah keselamatan di tapak;

(e) Laporan Kesan Alam Sekitar; dan

(f) Lain-lain perkara yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Laporan Penyeliaan hendaklah disahkan dan diperakukan oleh perunding kontraktor sebagai pra-syarat kepada bayaran interim.

6.3 KAWALAN KUALITI KERJA

Tanggungjawab terhadap kualiti kerja terletak pada pihak kontraktor sebagaimana dalam Klausa 13.2 Syarat-syarat Kontrak Reka dan Bina [PWD FORM DB (Rev. 1/2010)].

Pengarah Projek bertanggungjawab mengaudit aktiviti-aktiviti pembinaan oleh kontraktor untuk menentukan pematuhan kepada Sistem Kepastian Kualiti yang diluluskan oleh Agensi.

Kaedah audit adalah secara pemeriksaan rambang terhadap rekod berikut:

(a) Penerimaan bahan;

(b) Proses pembinaan (*in-process*); dan

(c) Penerimaan kerja oleh perunding.

6.4 PENETAPAN PENANDA ARAS MUTU KERJA (MOCK-UP) DAN PERFORMANCE TEST

Bagi kerja yang kriteria penerimaan tidak dapat diterangkan dengan jelas melalui perkataan, tanda aras penerimaan produk hendaklah disediakan. Sebagai contoh, tanda aras untuk kerja lepaan hendaklah disediakan bagi menetapkan tahap mutu kerja yang boleh diterima agar tidak timbul perselisihan pendapat mengenai mutu kerja yang boleh diterima.

Performance test hendaklah dijalankan ke atas peralatan yang akan dihantar ke tapak bina untuk pemasangan bagi memastikan ianya memenuhi Kehendak Kerajaan.

Pengarah Projek hendaklah melaksana audit bagi menentukan aktiviti di atas dilaksanakan dan diluluskan oleh personel yang ditetapkan dalam Sistem Kepastian Kualiti dan mematuhi Kontrak.

6.5 PEMANTAUAN

(a) Mesyuarat Koordinasi/Teknikal

Mesyuarat Teknikal diadakan bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu teknikal yang melibatkan reka bentuk dan masalah pembinaan yang akan memberikan kesan kepada pencapaian objektif projek.

Mesyuarat Koordinasi bertujuan melicinkan kerja-kerja yang melibatkan pihak ketiga seperti PBT dan Agensi kerajaan/swasta yang berkaitan. Mesyuarat ini juga boleh membincangkan aduan orang awam/pihak yang terjejas akibat kerja-kerja pembinaan.

(b) Mesyuarat Tapak

Mesyuarat Tapak merupakan *platform* komunikasi antara *stakeholder* utama bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan projek.

Antara perkara-perkara yang perlu dibincangkan:

i) Perubahan kepada skop kerja;
ii) Pembentangan laporan kemajuan fizikal dan kewangan oleh Pengurus Projek;
iii) Perbincangan mengenai aktiviti kerja yang terlewat atau menjadi kritikal;
iv) Pembentangan laporan terperinci Bayaran Kemajuan, Arahan Perubahan Kerja dan tuntutan kontraktor;
v) Perbincangan mengenai isu tertangguh yang akan menjejaskan objektif kualiti projek;
vi) Mengenal pasti isu-isu yang boleh mendatangkan masalah kepada pelaksanaan projek;
vii) Aduan orang awam/pihak yang terjejas akibat kerja-kerja pembinaan;
viii) Laporan kawalan kualiti termasuk Laporan Ketidakpatuhan, tindakan pembetulan, tindakan pencegahan oleh pihak kontraktor (perunding); dan

ix) Laporan audit kualiti oleh kontraktor.

6.6 PEMBAYARAN

(a) Bayaran Pendahuluan

Kontraktor boleh memohon bayaran pendahuluan selaras dengan Syarat-syarat Kontrak. Bayaran balik wang pendahuluan hendaklah dibuat melalui potongan dari bayaran interim mengikut formula yang telah ditetapkan dalam Syarat-syarat Kontrak.

(b) Bayaran Interim

Permohonan dari kontraktor hendaklah dikemukakan bersama dokumen-dokumen sokongan termasuk Laporan Penyeliaan daripada perunding kontraktor yang mengesahkan bahawa kerja telah dilaksanakan dengan sempurna sejajar dengan terma-terma kontrak.

Setelah menerima Laporan Penyeliaan daripada kontraktor, Pengarah Projek hendaklah memeriksa kerja yang telah dilaksanakan di tapak bina dan membuat penilaian bayaran interim.

Bayaran interim boleh disediakan setiap bulan atau lebih kerap mengikut pertimbangan Pengarah Projek. Penyediaan, kelulusan dan pembayaran mesti dibuat dalam tempoh yang ditetapkan di dalam Fasal 53 Syarat-syarat Kontrak.

(c) Bayaran Terus Kepada Perunding

Kontraktor dan perunding hendaklah memeterai satu Perjanjian Penyerahan Hak bagi membolehkan bayaran terus dibuat kepada perunding. Bayaran kepada perunding hendaklah diperakukan oleh kontraktor dan dimasukkan ke dalam satu akaun *escrow* yang dibuka bersama oleh kontraktor dan perunding.

6.7 PERUBAHAN KERJA

Perubahan bererti pindaan atau pengubahsuaian kepada reka bentuk, kualiti, atau kuantiti kerja termasuk pertukaran jenis atau standard bahan atau barang yang digunakan.

Syarat-syarat Kontrak memperuntukkan dua (2) keadaan yang melibatkan perubahan kerja seperti berikut:

(a) Perubahan kepada Kehendak Kerajaan sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah Projek. Pelarasan harga kontrak hendaklah dibuat sewajarnya; dan

(b) Perubahan terhadap reka bentuk kontraktor yang perlu dibuat disebabkan ketidakcukupan dan ketidaksempurnaan reka bentuk dari segi kesesuaian, kefungsian dan keselamatan Kerja. Sekiranya melibatkan tambahan kos, tambahan tersebut hendaklah ditanggung oleh kontraktor. Walau bagaimanapun sekiranya melibatkan penjimatan kos, harga kontrak hendaklah dikurangkan.

Sebelum meluluskan Arahan Perubahan Kerja (APK), Pengarah Projek bertanggungjawab untuk memastikan sama ada perubahan disebabkan oleh

p
e
r
u
b
a
h
a
n

dalam Kehendak Kerajaan (a) atau oleh ketidakcukupan dan disebabkan ketidaksempurnaan reka bentuk kontraktor (b) di atas.

Sebarang perubahan disebabkan oleh keperluan statutori tidak boleh dianggap sebagai Perubahan Kerja kecuali pindaan terhadap keperluan statutori dibuat selepas tarikh tutup tender.

Pengukuran dan penilaian perubahan kerja termasuk dokumen sokongan hendaklah disediakan dan disahkan oleh perunding kontraktor untuk disemak oleh Pengarah Projek. Penilaian kerja tambahan atau gantian hendaklah selaras dengan nilai kerja yang serupa jenis/sifat di dalam *Contract Sum Analysis (CSA)* ataupun Jadual Kadar Harga Kontrak. Sekiranya terdapat perbezaan di dalam keadaan melaksanakan kerja atau perbezaan yang ketara kepada kuantiti kerja di dalam kontrak maka satu penilaian yang saksama perlulah dibuat oleh Pengarah Projek.

Pengarah Projek bertanggungjawab memastikan semua penilaian perubahan kerja disediakan untuk tujuan penutupan akaun.

Peraturan Pengurusan Perubahan Kerja hendaklah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) yang berkuat kuasa.

6.7.1 SENARAI KUANTITI SEMENTARA

Sekiranya senarai kuantiti sementara menjadi sebahagian daripada kontrak, maka Pengarah Projek hendaklah menentu sahkan kuantiti kerja yang telah diukur semula sebagaimana yang telah dilaksanakan sebenarnya di tapak bina. Namun begitu Pengarah Projek tidak boleh mengambil kira kuantiti sementara yang telah diukur semula akibat kecuaian, kesilapan, peninggalan sebagaimana yang telah disediakan oleh kontraktor sendiri.

6.8 LANJUTAN MASA

Lanjutan masa dari segi perundangan dan syarat-syarat kontrak secara amnya boleh diluluskan berlandaskan sebab-sebab berikut:

(a) Kelewatan oleh sebab-sebab *neutral* contohnya cuaca luar biasa, *force majeure* seperti darurat, rusuhan, banjir besar di luar jangkaan dan sebagainya; dan

(b) Kelewatan yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan atau mana-mana pihak yang mana Kerajaan bertanggungjawab.

Penilaian lanjutan masa tidak seharusnya dibuat semata-mata berdasarkan program kerja asal sahaja, tetapi hendaklah juga mengambil kira tahap kemajuan kerja sebenar di tapak bina, kelewatan-kelewatan yang bertindih dan kelewatan yang disumbangkan oleh kontraktor sendiri. Sekiranya lanjutan masa diluluskan, Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (PKLM) **SEBELUM** tamat tempoh kontrak yang dibenarkan bagi mengelakkan masa kontrak dalam keadaan tergantung (*"time is at large"*). Sekiranya berlaku *"time is at large"*, Kerajaan kehilangan hak untuk menetapkan tempoh penyiapan kontrak dan hak-hak di bawah syarat-syarat kontrak yang berkaitan dengannya.

Lanjutan Masa hendaklah diluluskan oleh Pengarah Projek.

6.9 PERAKUAN KERJA TAK SIAP

Sekiranya Pengarah Projek menjangkakan kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja pada tarikh siap asal kontrak atau pada tarikh yang dilanjutkan dalam kontrak, maka Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan notis untuk tujuan mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages* – LAD) kepada kontraktor **SEKURANG-KURANGNYA DUA (2) MINGGU** sebelum tarikh siap yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh tersebut, maka Perakuan Kerja Tak Siap (PKTS) hendaklah dikeluarkan **SERTA MERTA** kepada kontraktor dan LAD dikenakan.

Apabila PKTS dikeluarkan dan LAD dikenakan kepada kontraktor, Pengarah Projek masih perlu memantau kemajuan kerja kontraktor di tapak bina. Sekiranya jumlah nilai LAD yang dikenakan adalah besar dan membebankan kontraktor, tindakan sama ada untuk meneruskan kontrak atau menamatkannya hendaklah diambil dengan segera.

6.10 PENAMATAN KONTRAK

Sekiranya keputusan diambil untuk menamatkan kontrak, Notis Kemungkiran hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang menyatakan kemungkiran yang dilakukan.

Sekiranya kontraktor masih gagal untuk membaiki kemungkiran dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan atau dalam tempoh yang ditetapkan, maka Notis Penamatan Kontrak hendaklah dikeluarkan.

Kedua-dua Notis di atas hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Yang Dinamakan di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak.

Tindakan susulan selepas penamatan hendaklah dibuat selaras dengan Syarat-syarat Kontrak.

Kerajaan berhak menggunakan lukisan-lukisan reka bentuk dan/atau pembinaan yang telah dikemukakan untuk menyiapkan baki kerja projek tersebut dengan syarat bayaran sepenuhnya telah dijelaskan untuk kerja reka bentuk dan lukisan-lukisan berserta spesifikasi telah berada dalam simpanan Kerajaan.

Kerajaan boleh menyiapkan baki kerja sama ada secara jabatan atau dengan melantik kontraktor yang baru. Segala kos yang ditanggung oleh Kerajaan akibat penamatan tersebut hendaklah ditanggung oleh kontraktor asal. Tuntutan hendaklah dibuat dengan seberapa segera yang boleh terhadap kontraktor sebaik sahaja jumlah kos penyiapan dapat ditentukan. Sekiranya didapati bahawa kontraktor telah gagal untuk membuat bayaran maka tindakan undang-undang seterusnya hendaklah diambil terhadap kontraktor.

7.0 PERINGKAT PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN

Kontraktor hendaklah memperuntukkan tempoh yang munasabah dan praktikal di dalam program kerja bagi keseluruhan projek bagi Pengujian dan Pentauliahan *(Testing and Commissioning -T&C).*

Kontraktor hendaklah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan dan menjalankan ujian pemasangan peralatan/sistem mekanikal, elektrik dan sistem kejuruteraan awam seperti sistem kumbahan dan lain-lain yang disaksikan oleh perunding dan Pengarah Projek/wakil Pengarah Projek dan seterusnya menyediakan rekod Pengujian dan Pentauliahan. Keputusan keseluruhan Pengujian dan Pentauliahan hendaklah ditentu sahkan oleh Jurutera bertauliah dan diterima oleh Pengarah Projek/wakil Pengarah Projek.

8.0 PERINGKAT PEMERIKSAAN DAN PENYERAHAN PEMERIKSAAN

8.1 PRA-PENYERAHAN

Kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan pra-penyerahan untuk memastikan kerja yang diterima Agensi mematuhi kontrak. Laporan pemeriksaan hendaklah disahkan oleh perunding kontraktor.

Pengarah Projek/wakil Pengarah Projek hendaklah menyemak laporan pemeriksaan dari kontraktor dan kemudian melaksanakan pemeriksaan fizikal bersama kontraktor.

Pemeriksaan Pra-Penyerahan hendaklah merangkumi antara lain perkara berikut:

(a) Pemeriksaan setiap bilik dan ruang serta menyenaraikan kecacatan yang dikenal pasti;

(b) Tindakan pembaikan kecacatan yang telah/perlu dilakukan oleh kontraktor;

(c) Pemeriksaan semua inventori barangan mudah alih; dan

(d) Peralatan seperti alat pemadam kebakaran, G*rand Master Key* dan kunci.

8.2 SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CERTIFICATE OF FITNESS FOR OCCUPATION – CFO) ATAU PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE - CCC)

Apabila keseluruhan kerja telah mencapai penyiapan secara praktikal sebagaimana yang diperuntukkan dalam kontrak, kontraktor hendaklah mendapatkan Sijil Layak Menduduki *(Certificate of Fitness For Occupation – CFO)* atau memastikan Perakuan Siap Dan Pematuhan *(Certificate Of Completion And Compliance – CCC)*, dikeluarkan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan, di mana berkaitan.

Kontraktor bertanggungjawab memastikan Sijil Layak Menduduki / Perakuan Siap Dan Pematuhan diperolehi mengikut peruntukan perundangan atau peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum kerja boleh diperakukan siap oleh Pengarah Projek.

PERAKUAN SIAP KERJA

8.3 Apabila kontraktor telah memperolehi Sijil Layak Menduduki / Perakuan Siap Dan Pematuhan dan Kerja telah dianggap mencapai penyiapan secara praktikal, kontraktor hendaklah memberi notis kepada Pengarah Projek secara bertulis mengenainya.

Dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan notis penyiapan daripada kontraktor, Pengarah Projek hendaklah menjalankan pemeriksaan bersama kontraktor dan mengambil tindakan seperti berikut:

(a) Mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sekiranya Pengarah Projek berpuas hati bahawa keseluruhan kerja pembinaan telah siap tertakluk kepada kontraktor memberi Surat Aku Janji untuk menyiapkan baki kerja kecil ("*very minor nature*") dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan; atau

(b) Memberi arahan kepada kontraktor untuk membaiki kerja-kerja kecacatan yang dikenal pasti untuk disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan sebelum Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

Tarikh siap kerja dalam Perakuan Siap Kerja adalah tarikh bermulanya Tempoh Liabiliti Kecacatan.

Jaminan Reka Bentuk daripada Institusi Kewangan sebanyak 5% dari Harga Kontrak yang berkuat kuasa selama lima (5) tahun dari tarikh siap kerja hendaklah dikemukakan sebelum atau pada tarikh siap kerja. (Contoh Jaminan Reka Bentuk seperti di **LAMPIRAN L).**

8.4 TINDAKAN SELEPAS PENGELUARAN PERAKUAN SIAP KERJA

Setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, Pengarah Projek hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dikemukakan:

(a) Lukisan *As-Built* dalam bentuk yang dinyatakan dalam kontrak;

(b) Manual Operasi dan Penyenggaraan;

(c) Program Latihan untuk penggunaan kemudahan peralatan seperti mesin-mesin, perisian komputer; dan

(d) Jadual *"Planned and Preventive Maintenance (PPM)" atau "Comprehensive Maintenance Programme (CMP)",* jika berkaitan.

Dokumen-dokumen tersebut di atas perlu disahkan oleh perunding dalam tempoh yang munasabah.

Pengarah Projek hendaklah bertanggungjawab untuk merekodkan dan menyimpan perkara-perkara di atas dengan selamat untuk kegunaan dan rujukan.

9.0 PERINGKAT TEMPOH LIABILITI KECACATAN DAN PENYENGGARAAN KECACATAN KERJA

9.1 Tempoh Liabiliti Kecacatan jika tidak dinyatakan sebaliknya adalah selama 24 bulan.

Dalam tempoh tersebut kontraktor hendaklah menguruskan dan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

(a) Membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan atau sebarang kerosakan lain yang diarahkan oleh Pengarah Projek dari semasa ke semasa; dan

(b) Kerja-kerja penyenggaraan yang ditetapkan dalam kontrak sama ada Jadual *"Planned and Preventive Maintenance (PPM)" atau "Breakdown Maintenance"*.

Pengarah Projek hendaklah mengadakan lawatan pemeriksaan dan mesyuarat dari semasa ke semasa dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan dengan dihadiri oleh kontraktor dan perunding (di mana perlu).

Pengarah Projek hendaklah memantau aduan kerosakan, kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan kecacatan sepanjang Tempoh Liabiliti Kecacatan.

Pengarah Projek hendaklah menyenaraikan semua kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan dan semua kerosakan dalam Jadual Kecacatan yang dikeluarkan kepada kontraktor. Jadual Kecacatan pertama hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan dan Jadual Kecacatan terakhir tidak lewat dari 28 hari dari tarikh tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan.

Kontraktor hendaklah membaiki semua kecacatan yang disenaraikan dalam tempoh yang munasabah dan selewat-lewatnya tiga (3) bulan selepas penerimaan Jadual Kecacatan terakhir.

Apabila Pengarah Projek berpendapat kontraktor telah membaiki kesemua kecacatan sebagaimana yang diarahkan, Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan.

9.2 PENYENGGARAAN KERJA DAN PERKHIDMATAN

Kontraktor hendaklah menyenggara keseluruhan kerja dan perkhidmatan yang disenaraikan dalam skop penyenggaraan yang terkandung dalam Kehendak Kerajaan/PPM sepanjang Tempoh Penyenggaraan selama 24 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja.

Penyenggaraan ini termasuk pemeriksaan berkala dan sistematik, penggantian alat ganti, *consumables*, pembersihan, servis, pengujian dan *calibration* sepertimana yang disyorkan. Di akhir Tempoh Penyenggaraan dan setelah Pengarah Projek berpendapat kontraktor telah melaksanakan kesemua kerja penyenggaraan, Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Menyenggara (*Certificate of Completion of Maintenance-CCM).*

9.3 PENUTUPAN AKAUN KONTRAK

Dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pengeluaran Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan atau Perakuan Siap Menyenggara, yang mana terkemudian, kontraktor hendaklah mengemukakan penyata akaun akhir kepada Pengarah Projek termasuk semua dokumen sokongan.

Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan Perakuan Muktamad tidak lewat dari tiga (3) bulan selepas tamat tempoh pengemukaan penyata akaun akhir oleh kontraktor.

Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan penyata akaun akhir selepas tamat tempoh tiga (3) bulan, Pengarah Projek hendaklah memberi notis kepada kontraktor dan jika kontraktor masih gagal mengemukakan dalam tempoh dua (2) bulan selepas notis tersebut, Pengarah Projek sendiri boleh menyediakan Perakuan Muktamad. Walau bagaimanapun, Pengarah Projek hendaklah menyediakan Perakuan Muktamad dalam tempoh yang munasabah iaitu tidak lewat dari enam (6) bulan.

Kontraktor hendaklah mematuhi semua kehendak Syarat-syarat Kontrak sebelum bayaran akhir boleh dibuat.

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PROJEK SECARA REKA DAN BINA

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

SYARAT DAN KRITERIA UTAMA PRA-KELAYAKAN & PEMILIHAN KONTRAKTOR

1. Pemilihan senarai kontraktor bagi kedua-dua kaedah perolehan sama ada pelawaan secara tender terbuka melalui pra-kelayakan atau pelawaan secara tender terhad hendaklah memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria utama. Antara syarat dan kriteria utama bagi pelawaan kontraktor yang boleh dijadikan panduan adalah seperti berikut:

   (a) Kontraktor hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang bersesuaian. Sekiranya memerlukan taraf Bumiputera, kontraktor hendaklah mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

   (b) Kontraktor yang dipilih hendaklah mempunyai PPK, SPKK dan STB (jika berkaitan) yang masih berkuat kuasa pada tarikh tutup tender terbuka melalui Pra-Kelayakan atau tender terhad dan sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan.

   (c) Kontraktor hendaklah mempunyai keupayaan kewangan modal minimum yang mencukupi sekurang-kurangnya 3% daripada nilai anggaran kos projek serta dan keupayaan teknikal yang mencapai tahap minimum yang ditetapkan;

   (d) Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu yang serupa atau sebanding dengan skop kerja di dalam tempoh lima (5) tahun lalu serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dan melaksana dan menyiapkan projek Kerajaan. Namun begitu bagi kerja-kerja pakar, pengalaman sebagai sub-kontraktor bagi projek Kerajaan boleh diambil kira; dan

   (e) Kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu adalah memuaskan.

LAMPIRAN A

2. Kriteria Kontraktor yang dipilih hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu **NILAI TAHUNAN KESELURUHAN KERJA** tertinggi yang telah disiapkan di dalam tempoh 5 tahun lepas hendaklah melebihi **30%** dari **NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA;**

Di mana:-

a) **NILAI TAHUNAN KESELURUHAN KERJA** adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun yang mana nilai kerja projek serupa (Kepala/Sub-Kepala yang sama) yang telah siap digandakan (darab 2), manakala nilai kerja projek-projek lain atau projek serupa yang sedang dilaksanakan (belum siap) adalah berdasarkan nilai sebenar kerja yang telah dilaksanakan atau disiapkan;

b) **NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** adalah **NILAI TAHUNAN KERJA** projek yang dicadangkan campur **NILAI BAKI KERJA** projek-projek semasa yang belum disiapkan;

Di mana:-

i) **NILAI TAHUNAN KERJA** adalah purata nilai tahunan anggaran projek yang dicadangkan untuk tender terhad jika sekiranya jangkaan tempoh siap melebihi setahun atau nilai anggaran projek sekiranya jangkaan tempoh kurang dari setahun.

ii) **NILAI BAKI KERJA** adalah **75%** dari nilai baki kerja projek yang belum disiapkan. Walau bagaimanapun sekiranya baki tempoh kerja **TIDAK MELEBIHI 3 BULAN** dan nilai kemajuan kerja telah melebihi **75%**, nilai baki kerja projek berkenaan tidak perlu diambil kira;

c) Nilai kerja projek swasta yang dilaksanakan sebagai Kontraktor Utama boleh diambil kira dalam pengiraan **NILAI TAHUNAN KESELURUHAN KERJA & NILAI BAKI KERJA.**

Walau bagaimanapun syarat di atas dikecualikan bagi projek-projek yang memerlukan kepakaran yang tinggi, contohnya kerja pembaikan struktur, pembaikan cerun, kerja-kerja pangkalan udara dan maritim, kerja-kerja mekanikal dan elektrik dan lain-lain. Bagi projek sebegini, pihak Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman melaksanakan projek yang serupa dengan nilai tidak kurang dari 20% **NILAI TAHUNAN BEBAN KERJA.**

LAMPIRAN A

3. Dari segi kewangan, Kontraktor yang dipilih hendaklah memenuhi salah satu dari kriteria berikut:-

a) **'NETT WORTH'** bernilai melebihi **20% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana **'NETT WORTH'** adalah perbezaan positif di antara **HARTA TETAP** dan **TANGGUNGAN TETAP** syarikat; atau

b) **'MODAL PUSINGAN'** bernilai melebihi **10% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana **'MODAL PUSINGAN'** adalah perbezaan positif di antara **HARTA SEMASA** dan **TANGGUNGAN SEMASA** syarikat; atau

c) Nilai **'MODAL MUDAH CAIR'** bernilai melebihi **3% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana **'MODAL MUDAH CAIR'** adalah purata nilai positif wang dalam tempoh 3 bulan, nilai saham, pinjaman dan nilai positif overdraf.

LAMPIRAN B

CONTOH

KERAJAAN MALAYSIA

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Mereka Bentuk, Membina, Melengkapkan dan Mentauliahkan

(tajuk kerja)
.....
.....
.....

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina terletak di .....

Skop kerja bagi projek ini merangkumi
.....
.....

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan ..... tahun ..... dan tempoh penyiapan adalah ..... bulan.

3. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

i) **PENDAFTARAN KONTRAKTOR**

(a) Jenis Syarikat – .....

(b) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred ..... dan Kategori .....

(c) * Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (jika berkaitan).

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, TIDAK LAYAK untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

Catatan:
* Agensi hendaklah menetapkan sama ada syarat ini perlu dimasukkan.

LAMPIRAN B

ii) **KEUPAYAAN KONTRAKTOR**

(A) KEUPAYAAN KEWANGAN

Mempunyai *nett worth* melebihi RM..... atau Modal Pusingan (*working capital*) melebihi RM..... atau Modal Mudah Cair melebihi RM.....

(b) **KEUPAYAANTEKNIKAL**

- Telah melaksanakan projek pembinaan yang serupa dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tidak kurang dari RM..... dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.

- Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.

iii) **PERUNDING KONTRAKTOR**

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not inhouse consultants*) seperti berikut :-

(a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.

(b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

4. Dokumen Pra kelayakan boleh diperolehi di pejabat
.....
.....
.....

dari ..... hingga .....semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran CIDB dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran asal.

5. Harga dokumen ialah RM..... (Ringgit Malaysia .....) senaskah dan hendaklah di buat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama ..... dan dipalang `Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.

6. Permohonan hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut:
.....
.....
..... tidak lewat dari jam ..... pada .....

LAMPIRAN C

CONTOH KANDUNGAN KEHENDAK KERAJAAN
(GOVERNMENT'S REQUIREMENTS)

A - CONTRACTUAL AND GENERAL REQUIREMENTS (CGR)

1.0 GENERAL
2.0 SCOPE OF WORK
3.0 CONTRACTOR'S CONSULTANTS
4.0 SPECIAL PROVISIONS ON PARTICULAR REQUIREMENTS
5.0 CONTRACTOR'S SUPERINTENDING PERSONNEL
6.0 CONTRACTOR'S PROPOSAL
7.0 CONTRACTOR'S DESIGN, MATERIALS AND WORKMANSHIP
8.0 CONTRACTOR'S DESIGN GUARANTEE BOND
9.0 COMPLIANCE WITH AUTHORITIES REQUIREMENTS
10.0 JOINT VENTURE REQUIREMENTS
11.0 MATERIALS OF MALAYSIAN ORIGIN
12.0 IMPORTED MATERIALS, PLANT, EQUIPMENT AND VEHICLES
13.0 GOVERNMENT'S PROCUREMENT POLICY ON IMPORTED GOODS AND FOREIGN SERVICES
14.0 TAXATION
15.0 PERFORMANCE BOND AND INSURANCES
16.0 QUALITY OF WORKS
17.0 QUALITY ASSURANCE PLAN
18.0 PROGRAMME OF WORKS BY USING CRITICAL PATH METHOD (CPM)
19.0 PROJECT BRIEFINGS TO BE ARRANGED WHENEVER REQUIRED
20.0 BILLS OF APPROXIMATE QUANTITIES
21.0 CONTRACT DOCUMENT
22.0 MONTHLY PROGRESS REPORT
23.0 PAYMENT
24.0 DETAILED WORKING DRAWINGS
25.0 SITE DIARY
26.0 TEMPORARY FACILITIES AND SERVICES
27.0 PERMANENT RELOCATION OF UTILITIES AND SERVICES
28.0 SITE HOUSEKEEPING DURING CONSTRUCTION
29.0 CLEARING AND MAKING GOOD ON COMPLETION
30.0 PROTECTION AND TEMPORARY RELOCATION OF EXISTING UTILITIES AND SERVICES
31.0 ADJOINING PROPERTY
32.0 ACCESS AND TEMPORARY ROADS

LAMPIRAN C

CONTOH KANDUNGAN KEHENDAK KERAJAAN (SAMB.) (GOVERNMENT'S REQUIREMENTS)

A - CONTRACTUAL AND GENERAL REQUIREMENTS (CGR) (CONT'D)

33.0 CONTRACTOR'S HEALTH AND SAFETY PLAN

34.0 SAFETY AND PROTECTION

35.0 EMPLOYMENT OF FOREIGN WORKERS

36.0 PROTECTION OF THE ENVIRONMENT AND ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA)

37.0 MATERIALS AND EQUIPMENT

38.0 AS-BUILT DRAWINGS AND DOCUMENTS

39.0 CERTIFICATION OF WORKS BEFORE TESTING & COMMISSIONING & FINAL INSPECTION

40.0 MAINTENANCE REQUIREMENTS DURING MAINTENANCE PERIOD

41.0 DEFECT LIABILITY PERIOD

B - TECHNICAL REQUIREMENTS PART

1 - ARCHITECTURAL WORKS

1.0 GENERAL

2.0 SCOPE OF WORKS

3.0 SCHEDULE OF ACCOMMODATION (S.O.A)

4.0 GENERAL DESIGN AND CONSTRUCTION GUIDELINES

5.0 ARCHITECTURAL MATERIALS & FINISHES

6.0 ARCHITECTURAL REQUIREMENTS

7.0 LANDSCAPING AND TURFING

8.0 MAINTENANCE

9.0 CONTENTS OF CONTRACTOR'S PROPOSAL

10.0 STANDARDS

11.0 REQUIREMENTS OF APPROVING AUTHORITIES

APPENDICES

Appendix 1 - Project Brief

Appendix 2 - Schedule of Accommodation

Appendix 3 - Schedule of Internal & External Finishes

Appendix 4 - Windows & Doors

Appendix 5 - Schedule of Ironmongery Appendix

6 - Schedule of Paint Work

LAMPIRAN C

CONTOH KANDUNGAN KEHENDAK KERAJAAN (SAMB.) (GOVERNMENT'S REQUIREMENTS)

B - TECHNICAL REQUIREMENTS (CONT'D) PART 1 -

ARCHITECTURAL WORKS (CONT'D)

APPENDICES (CON T'D)

Appendix 7 - Schedule of Sanitary Fittings Appendix 8 - Schedule of Built-In Furniture Appendix 9 - Schedule of Loose Furniture Appendix 10 - Schedule of Artworks & Carvings Appendix 11 - Schedule of Fittings & Accessories Appendix 12 - Schedule of Internal Signages

Appendix 13 - Schedule of External Signages & Directories

PART 2 - CIVIL AND STRUCTURAL AND GEOTECHNICAL WORKS

1.0 GENERAL

2.0 SITE WORKS

3.0 DRAINAGE SYSTEM

4.0 ROAD WORKS

5.0 EXTERNAL WATER SUPPLY SYSTEM

6.0 SEWAGE PIPELINESS AND SEWAGE TREATMENT PLANT SYSTEM

7.0 STRUCTURAL WORKS AND FOUNDATION

8.0 DEMOLITION WORKS

9.0 RENOVATION WORKS/REHABILITATION WORKS

10.0 WASTE DISPOSAL SYSTEM

LAMPIRAN C

CONTOH KANDUNGAN KEHENDAK KERAJAAN (SAMB.) (GOVERNMENT'S REQUIREMENTS)

B - TECHNICAL REQUIREMENTS (CONT'D) PART 3 -

MECHANICAL WORKS

1.0 GENERAL SCOPE WORKS

2.0 GENERAL INSTRUCTION TO CONTRACTOR

3.0 GENERAL CONDITION OF CONTRACT

4.1 TECHNICAL GUIDE FOR MECHANICAL SERVICES

- 4.2 AIRCONDITIONING, VENTILATION AND EXHAUST SYSTEM
- 4.3 FIRE PROTECTION SYSTEMS
- 4.4 L.P.G. INSTALLATION
- 4.5 INTERNAL COLD WATER & SANITARY PLUMBING
- 4.6 CENTRALISED COMPRESSED AIR SYSTEM
- 4.7 DUST/FUME/SMOKE HOOD EXTRACTION SYSTEM
- 4.8 OVERHEAD TRAVELLING CRANES AND OTHER LIFTING EQUIPMENT
1.5.5 Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi <u>Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan</u> adalah seperti berikut:

(a) Setiap individu yang dilantik kepada mana-mana Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan seperti di **LAMPIRAN 1C**. Sesalinan Akuan tersebut akan disimpan oleh Urus Setia di dalam fail berkaitan.

(b) Setiap Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan setelah menamatkan tugas seperti di **LAMPIRAN 1D**. Akuan ini hendaklah dikepilkan bersama laporan berkaitan dan difailkan.

(c) Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti berikut:

(i) JawatankuasaSpesifikasi
(ii) Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebut Harga
(iii) Jawatankuasa Pernilaian Teknikal dan/atau Kewangan
(iv) Jawatankuasa Rundingan Harga
(v) Jawatankuasa Penilaian Perunding
(vi) Lain-lain Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

1.5.6 Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan adalah seperti berikut:

(a) Setiap individu yang dilantik sebagai Ahli/ Ahli Ganti Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan seperti di **LAMPIRAN 1E**. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan.

(b) Setiap Ahli/ Ahli Ganti Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan seperti di **LAMPIRAN 1F** pada setiap mesyuarat setelah selesai melaksanakan tugas. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan.

(c) Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan adalah seperti berikut:

(i) Lembaga Perolehan/ Tender Persekutuan atau Negeri
(ii) Lembaga Perolehan/ Tender 'A'
(iii) Lembaga Perolehan/ Tender 'B'
(iv) Lembaga Perolehan/ Tender Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan
(v) Jawatankuasa Sebut Harga
(vi) Jawatankuasa Projek Sakit
(vii) Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja/ Tuntutan
(viii) Jawatankuasa Penyelarasan Harga
(ix) Lain-lain Lembaga/ Jawatankuasa seumpamanya

1.5.7 Proses Kerja Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pembida adalah seperti berikut:

(a) Setiap Agensi hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida disertakan bersama dokumen tender/ sebut harga yang diedarkan kepada pembida. Sesalinan Surat Akuan Pembida seperti di **LAMPIRAN 1G**.

(b) Apabila menghantar dokumen tender/ sebut harga setiap pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkan bersama dokumen tender/ sebut harga.

(c) Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembida yang berjaya, Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **LAMPIRAN 1H**.

(d) Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada Agensi.

(e) Pembida adalah merujuk kepada Petender/ Penyebut Harga.

1.5.8 Proses Kerja Pelaksanaan Integrity Pact Bagi Pelantikan Perunding ICT adalah seperti berikut:

(a) Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding disertakan bersama Surat Niat dan diserahkan kepada perunding ICT. Surat Akuan Perunding seperti di **LAMPIRAN1I**.

(b) Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding ditandatangani dan dikembalikan kepada Agensi berkaitan bersama-sama dengan Cadangan Perunding yang dikemukakan.

(c) Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik disertakan bersama Surat Setuju terima yang dikeluarkan kepada perunding ICT yang berjaya. Surat Akuan Perunding Yang Dilantik seperti di **LAMPIRAN 1J**.

1.5.9 Setiap Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di **LAMPIRAN 1K** dimasukkan di dalam semua dokumen kontrak.

1.6 KOD BIDANG BEKALAN/ PERKHIDMATAN ICT

1.6.1 Syarikat/perunding ICT yang menyertai perolehan Kerajaan perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

1.6.2 Agensi hendaklah memastikan bahawa syarikat/perunding ICT yang dilantik untuk melaksanakan perolehan ICT hanya dibenarkan memberi perkhidmatan berdasarkan kod-kod bidang yang telah didaftarkan sahaja sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan.

1.6.3 Perolehan bekalan/perkhidmatan oleh syarikat/perunding ICT yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau tidak berdaftar di bawah kod bidang berkaitan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan.

1.7 PROSES PEROLEHAN PROJEK ICT

Perolehan projek ICT dapat dibahagikan kepada lima (5) proses utama seperti berikut:

1.7.1 Perancangan Perolehan (Bab 2)
1.7.2 Pelaksanaan Perolehan (Bab 3)
1.7.3 Proses Penilaian Perolehan (Bab 4)
1.7.4 Pemantauan Pelaksanaan Projek (Bab 6)
1.7.5 Pengurusan dan Pentadbiran Kontrak (Bab 7)

CARTA ALIRAN PROSES PEROLEHAN PROJEK ICT



Perincian mengenai setiap proses yang dinyatakan di atas akan dijelaskan di dalam bab seterusnya.

LAMPIRAN 1A

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH *PENJAWAT AWAM/ SYARIKAT BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972

BAGI MENGANGGOTAI ..... di..... pada..... hingga.....

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan *Perkhidmatan Kerajaan/ projek.

Tandatangan:.....

Nama dengan huruf besar:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan:.....

Jabatan/ Syarikat:.....

Tarikh:..... .....

Disaksikan oleh:..... .....

Nama dengan huruf besar:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan:.....

Jabatan:.....

Tarikh:.....

Cop Jabatan:..... .....

CATATAN : *Potong mana yang tidak berkenaan

LAMPIRAN 1B

SENARAI PEKELILING, GARIS PANDUAN, PERATURAN DAN DOKUMEN MENGENAI PEMBANGUNAN, PENGURUSAN DAN PEROLEHAN ICT SEKTOR AWAM YANG BERKAITAN

BIL	PERKARA
1.	Pelan Strategik ICT Sektor Awam
2.	Pelan Strategik ICT Agensi
3.	Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik (EGAA) 2007
4.	Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam dan Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam berkaitan yang berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh MAMPU, JPM
5.	Pekeliling Am MAMPU a) Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2002 – Penggunaan Dan Pemakaian *Data Dictionary* Sektor Awam (DDSA) Sebagai Standard Di Agensi-Agensi Kerajaan b) Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1999 – Pelaksanaan Perkongsian Pintar Antara Agensi-Agensi Kerajaan Dalam Bidang Teknologi Maklumat
6.	Surat Pekeliling Am MAMPU a) Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 – Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Kerajaan b) Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2009 – Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian Dan Sistem ICT Sektor Awam c) *The Malaysian Government Interoperability Framework For Open Source Software* (MyGIFOSS) d) Dasar Keselamatan ICT (DKICT) MAMPU – Versi 5.3
7.	Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU a) Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam
8.	Garis Panduan MAMPU a) Garis Panduan IT *Outsourcing* b) Arahan Teknologi Maklumat Dan Data Aktiviti Kerajaan Elektronik (Akta 680) c) MyMIS – *Malaysian Public Sector Management Of ICT Security Handbook*
9.	Arahan Perbendaharaan 166 hingga 300
10.	Pekeliling Kontrak Perbendaharaan a) Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2011 – Perolehan Perisian

BIL	PERKARA
	Microsoft Oleh Agensi Kerajaan Kecuali Institusi Pendidikan b) Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2010 – Pembekalan Alat *Proprietary* Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan
11.	Surat Pekeliling Perbendaharaan a) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1996 – Garis Panduan Pengurusan Barangan Import Kerajaan b) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2000 – Pelaksanaan ePerolehan Di Bawah Program Kerajaan Elektronik c) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 16 Tahun 2001 – Perolehan Perkakasan Dan Perisian ICT Yang Diimport d) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002 – Penggunaan Bahan/ Barangan/ Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan e) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 – Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender f) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007 – Had Nilai Dan Syarat-Syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan Dan Perkhidmatan g) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2008 – Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Sebut Harga Dan Tender Melalui Sistem ePerolehan h) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 – Perubahan Had Nilai Dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga i) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2009 – Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi j) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2010 – Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dan Firma Perunding Yang Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan k) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010 – Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan l) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2011 – Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding Bagi Projek Atau Kajian Kerajaan m) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2011 – Perolehan Berkaitan *Information And Communication Technology* (ICT) Dan Rangkaian Internet

BIL	PERKARA
	n) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2012 – Tatacara Pengurusan Perolehan Secara *eBidding* Melalui Sistem ePerolehan
12.	Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan yang berkuat kuasa
13.	Garis Panduan Penilaian Tender (Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 21 Mac 2008)
14.	Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding (Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2011)
15.	Lain-lain peraturan semasa berkaitan ICT yang berkuat kuasa

LAMPIRAN 1C

SURAT AKUAN AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

Saya, ... No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ..... dari ..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam tender/sebut harga (**TAJUK DAN NO. RUJUKAN TENDER/SEBUT HARGA**);

ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak sehingga boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa proses perolehan;

iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];

iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];

v. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan

vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama : .....

No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) : .....

Tandatangan : .....

Jawatan : .....

Kementerian/Jabatan : .....

Tarikh : .....

LAMPIRAN 1D

SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

Saya, ... No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ..... dari ..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli (**NAMA JAWATANKUASA, TAJUK DAN NO. RUJUKAN TENDER/SEBUT HARGA**) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]

ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan

iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama	: .....
No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis)	: .....
Tandatangan	: .....
Jawatan	: .....
Kementerian/Jabatan	: .....
Tarikh	: .....

LAMPIRAN 1E

SURAT AKUAN AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN

Saya, ... No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ..... dari ..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Ahli (**NAMA LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN**);

ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;

iii. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;

iv. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan

v. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

Nama	: .....
No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis)	: .....
Tandatangan	: .....
Jawatan	: .....
Kementerian/Jabatan	: .....
Tarikh	: .....

LAMPIRAN 1F

SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN

Saya, ... No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ..... dari ..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli (**NAMA LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN**) (**BILANGAN MESYUARAT/TAHUN**) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]

ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan

iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama	: .....
No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis)	: .....
Tandatangan	: .....
Jawatan	: .....
Kementerian/Jabatan	: .....
Tarikh	: .....

LAMPIRAN 1G

SURAT AKUAN PEMBIDA (TAJUK DAN NO. RUJUKAN TENDER/SEBUT HARGA)

Saya ..... No. Kad pengenalan ..... yang mewakili ..... No. Pendaftaran (**MOF/ROS/ROC/ROB**) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana- mana individu dalam (**NAMA KEMENTERIAN/AGENSI**) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharaan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (**NAMA KEMENTERIAN/AGENSI**) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga di atas; dan

2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

(TANDATANGAN)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cap Syarikat :

CATATAN : (i) *Potong mana yang tidak berkenaan

(ii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

LAMPIRAN 1H

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA (TAJUK DAN NO. RUJUKAN TENDER/SEBUT HARGA)

Saya ..... No. Kad pengenalan ..... yang mewakili ..... No. Pendaftaran (**MOF/ROS/ROC/ROB**) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana- mana individu dalam (**NAMA KEMENTERIAN/AGENSI**) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharaan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (**NAMA KEMENTERIAN/AGENSI**) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga di atas; dan

2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

(TANDATANGAN)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cap Syarikat :

CATATAN : (i) *Potong mana yang tidak berkenaan

(ii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

LAMPIRAN 1I

SURAT AKUAN PERUNDING
(DISERTAKAN BERSAMA SURAT PELAWAAN)

Saya, ... No. Kad Pengenalan/No. Pasport ..... selaku pemilik ..... dengan No. Pendaftaran (**MOF/ROS/ROC/ROB**) dengan ini mengisythiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah atau menggunakan pengaruh kepada mana-mana individu dalam (**NAMA KEMENTERIAN/AGENSI**) atau mana- mana individu lain sebagai sogokan untuk mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

Yang benar, (**TANDATANGAN**)
Nama :
No. Kad Pengenalan/No. Pasport:
Tarikh :
Cap Syarikat :

LAMPIRAN 1J

SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK (DISERTAKAN BERSAMASURATSETUJUTERIMA)

Saya, ... No. Kad Pengenalan/No. Pasport ..... selaku pemilik ..... dengan No. Pendaftaran (**MOF/ROS/ROC/ROB**) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah/sogokan kepada mana-mana individu dalam (**NAMA KEMENTERIAN/AGENSI**) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapat tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan memberi/menawarkan rasuah sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (**NAMA KEMENTERIAN/AGENSI**) atau mana-mana individu lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik Surat Setuju Terima; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi perkhidmatan perunding selaras dengan peruntukan dalam kontrak; dan

2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

Yang benar,

(TANDATANGAN)

Nama :

No. Kad Pengenalan/No. Pasport:

Tarikh :

Cap Syarikat :

LAMPIRAN 1K

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

"TERMINATION ON CORRUPTION, UNLAWFUL OR ILLEGAL ACTIVITIES

(a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the (Company/Firm), its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this (Agreement/Contract) or any other agreement that the (Company/Firm) may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this (Agreement/Contract) at any time, by giving immediate written notice to that effect to the (Company/Firm).

(b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.

(c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the (Company/Firm) shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this (Agreement/Contract)."

BAB 2 PERANCANGAN

PEROLEHAN ICT

Perolehan ICT boleh dikategorikan sebagai perolehan berisiko tinggi terutamanya apabila mengambil kira kompleksiti dan perubahan teknologi yang begitu pantas. Sehubungan itu, Agensi perlu merancang dengan teliti untuk mengenal pasti strategi dan pendekatan perolehan yang sesuai dilaksanakan. Pelaksanaan perolehan ICT hendaklah selaras dengan *ICT Strategic Plan* (ISP) Agensi dan mematuhi peraturan perolehan semasa. Ia juga mengambil kira dasar-dasar perolehan seperti keutamaan barangan buatan tempatan dan keutamaan Bumiputera tanpa kompromi terhadap mutu dan persaingan yang sihat.

Perancangan perolehan ICT memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap keperluan keseluruhan untuk melaksanakan perolehan tersebut seperti halatuju yang ingin dicapai oleh Agensi, polisi, kekangan kewangan, skop dan objektif, serahan, perancangan sumber manusia, faedah yang diharapkan, risiko yang mungkin dihadapi dan sebagainya.

Bagi mengelakkan kegagalan dan memastikan perolehan ICT memberi faedah yang diharapkan, langkah pertama yang perlu dibuat adalah mewujudkan perancangan rapi yang meliputi perkara-perkara berikut (rujuk Carta Aliran Proses Perancangan Perolehan ICT):

2.1 KENAL PASTI KEPERLUAN

2.1.1 Agensi perlu memastikan benar-benar wujud keperluan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan. Perolehan ICT hendaklah berasaskan keperluan sebenar yang dikenal pasti dengan teliti serta menetapkan faedah yang diharapkan. Untuk meningkatkan kebarangkalian kejayaan perolehan tersebut, keperluan perolehan perlu difahami dengan mendalam melalui aktiviti pengumpulan maklumat dan analisa yang terperinci.

2.1.2 Proses mengenal pasti keperluan ini hendaklah dilaksanakan secara komprehensif dan *exhaustive* mengikut keperluan sebenar.

2.1.3 Bagi projek yang kritikal dan memberi impak tinggi kepada Kerajaan, Agensi hendaklah mengenal pasti keperluan memperoleh khidmat jaminan kualiti/ pengujian perisian ke atas perolehan aplikasi/sistem ICT dari pihak ketiga (*Independent Validation and Verification* – IVV) bagi memastikan projek tersebut memenuhi standard yang ditetapkan.

2.1.4 Agensi hendaklah memastikan pihak ketiga tersebut sama ada individu atau syarikat mendapat pengiktirafan/akreditasi dari Jabatan Standard Malaysia. Pihak ketiga yang dilantik hendaklah terlibat secara langsung dari peringkat mula pembangunan sistem hingga peringkat penyerahan kepada Kerajaan.

2.2 PERUNTUKAN

2.2.1 Agensi hendaklah memastikan Anggaran Peruntukan Belanja Mengurus atau Belanja Pembangunan bagi perolehan ICT yang akan dilaksanakan telah diluluskan dan mencukupi.

2.2.2 Penentuan peruntukan perlu mengambil kira semua aspek yang terlibat seperti skop projek, kompleksiti projek, lokasi projek, sumber tenaga kerja, perkakasan, perisian, sumber-sumber lain yang diperlukan, latihan, integrasi dengan sistem aplikasi sedia ada atau penglibatan Agensi lain dan sebagainya.

2.3 KAJIAN PASARAN

Agensi hendaklah membuat kajian pasaran bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan teknologi terkini, produk yang ditawarkan, harga pasaran serta maklumat pembekal. Kakitangan Agensi yang menguruskan perolehan ICT digalakkan mewujudkan jalinan yang baik dengan kakitangan Agensi lain yang terlibat dalam bidang tugas yang sama supaya boleh berkongsi maklumat dan pengalaman berhubung aktiviti perolehan ICT yang dilaksanakan dan isu-isu spesifik berkaitan aktiviti tersebut.

2.4 PENENTUAN SKOP DAN COST BENEFIT ANALYSIS

2.4.1 Agensi hendaklah mengambil kira peruntukan Kerajaan dan prinsip perbelanjaan berhemah bagi memastikan skop perolehan ICT adalah memenuhi keperluan sebenar dan perolehan yang dilaksanakan akan memberi nilai faedah terbaik. Isu-isu berikut perlu diberi perhatian dalam menetapkan skop perolehan:

(a) Perolehan ICT yang dicadangkan hendaklah memenuhi keperluan dan dapat direalisasikan dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

(b) Tahap keupayaan barangan/sistem aplikasi yang diperlukan oleh Agensi.

(c) Perolehan yang dicadangkan hendaklah dapat memberi nilai faedah terbaik dengan mengambil kira keupayaan sistem (contohnya ruang storan dan saiz memori) bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun selepas tarikh siap projek serta mengambil kira *total cost of ownership* (kos projek, pentadbiran, khidmat sokongan dan penyelenggaraan).

2.5 PENENTUAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN & SOKONGAN

2.5.1 Agensi perlu memberi keutamaan untuk melaksana sendiri perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan bagi projek ICT.

2.5.2 Sekiranya Agensi ingin melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan bagi projek ICT secara *out sourcing*, keperluan *transfer of technology* perlu diambil kira di dalam skop pelaksanaan projek.

2.5.3 Agensi hendaklah mengenal pasti perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan yang diperlukan dengan mengambil kira jumlah, kadar, skop dan tempoh perkhidmatan yang diperlukan kerana ia memberi kesan kepada kos keseluruhan (*whole life cost)* perolehan.

2.5.4 Agensi hendaklah memastikan perolehan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan bagi perkakasan/perisian/sistem aplikasi/rangkaian dan lain-lain berkaitan dengan projek ICT dirancang untuk dilaksanakan selepas tamat tempoh waranti.

2.5.5 Agensi hendaklah memastikan kos perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan diperincikan dan tidak ditetapkan secara *lump sum*. Kos alat ganti perlu diasingkan dan ditetapkan siling. Bayaran hendaklah dibuat berdasarkan kerja sebenar yang disiapkan.

2.5.6 Bagi projek pembangunan sistem aplikasi, Agensi hendaklah memastikan kos penyelenggaraan sistem aplikasi tidak dimasukkan dalam kos kontrak projek pembangunan sistem aplikasi. Walau bagaimanapun, Agensi boleh mendapatkan anggaran kos perkhidmatan penyelenggaraan daripada syarikat sebagai panduan untuk pelaksanaan perkhidmatan penyelenggaraan selepas tamat tempoh waranti.

2.5.7 Bagi perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan yang melibatkan kekangan teknologi, *design* atau infrastruktur seperti perkhidmatan rangkaian, Agensi disarankan supaya menetapkan tempoh kontrak minimum dua (2) tahun.

2.5.8 Agensi hendaklah memastikan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan yang dibuat meliputi sekurang-kurangnya perkhidmatan berikut:

(a) Pembaikan(*Corrective*)
Pembaikan yang dilakukan ke atas perkakasan/perisian/sistem aplikasi yang disebabkan oleh kerosakan, *bugs* dan sebagainya.

(b) Pencegahan
(*Preventive*)
Tindakan proaktif yang dibuat secara berkala untuk memastikan perkakasan/ perisian/ sistem aplikasi beroperasi dengan lancar dan sempurna.

2.6 PEMILIHAN PRODUK

2.6.1 Agensi hendaklah memastikan produk yang dipilih berasaskan *open standard* serta memberi keutamaan kepada produk yang berasaskan teknologi sumber terbuka (*open source*). Agensi juga digalakkan melaksanakan dasar Perkongsian Pintar selaras dengan peraturan yang dikeluarkan oleh MAMPU, JPM.

2.6.2 Agensi digalakkan menggunakan produk *Off-The-Shelf* atau produk yang telah dibangunkan untuk Agensi lain (Perkongsian Pintar) sekiranya memenuhi kriteria berikut:

(a) Mengurangkan risiko kegagalan secara signifikan.

(b) Dapat diimplementasi dengan cepat dan mendapat faedah dengan segera.

(c) Melibatkan kos yang lebih murah dari alternatif lain.

2.6.3 Sekiranya Agensi memilih untuk membangunkan produk (produk *developmental)* sama ada secara *in-house* ataupun *outsourcing/co-sourcing*, pastikan keperluan yang ditetapkan memenuhi kehendak sebenar organisasi dan risiko yang mungkin timbul adalah pada tahap yang boleh diterima (*acceptable level of risks*).

2.6.4 Sekiranya Agensi kurang pengetahuan dan kepakaran dalaman, kaedah *outsourcing* boleh dipilih bagi menjamin kejayaan sesuatu projek. Agensi hendaklah memastikan supaya keperluan dan *Terms of Reference* untuk *outsourcing* difahami dengan jelas oleh pihak-pihak yang berkaitan.

2.6.5 Agensi boleh memperoleh perisian komputer daripada pembuat perisian atau pembekal tunggal/agen tunggal secara rundingan terus selaras dengan SPP yang berkuat kuasa. Agensi perlu memastikan syarikat pembekal tunggal/agen tunggal berkenaan mempunyai surat lantikan yang sah daripada pembuat perisian.

2.6.6 Agensi juga digalakkan untuk mendapatkan input daripada Agensi lain yang menggunakan perisian/produk yang sama bagi memastikan fungsi serta keupayaan perisian/produk yang hendak diperoleh benar-benar menepati keperluan serta perbandingan harga dapat dibuat.

2.7 PENENTUAN JANGKAMASA/ JADUAL PELAKSANAAN

2.7.1 Penetapan Skop Dan Jadual Pelaksanaan

Agensi hendaklah mengenal pasti skop dan jadual pelaksanaan projek sama ada Agensi akan memperoleh keseluruhan projek sekaligus atau secara berasingan atau berperingkat.

2.7.2 Penentuan Tempoh Penyerahan

(a) Agensi hendaklah memastikan bahawa tempoh penyerahan yang ditetapkan untuk sesuatu projek adalah munasabah. Perkara ini perlu diteliti dengan mendalam terutamanya untuk perolehan pembangunan sistem aplikasi yang turut melibatkan *prototype*, *Proof Of Concept* (POC), proses pemasangan, pengujian, antara muka, integrasi, pentauliahan (*commissioning*), latihan, *awareness*, *change management* dan lain-lain.

(b) Penetapan tempoh penyerahan ini hendaklah mengambil kira apa-apa jangkaan perubahan faktor-faktor lain yang mempunyai kaitan rapat dengan perolehan tersebut seperti projek bangunan, operasi, pengurusan, pentadbiran Agensi secara keseluruhannya, aspek perundangan dan lain-lain.

2.8 PENENTUAN KAEDAH PELAKSANAAN

2.8.1 Agensi hendaklah mengenal pasti sama ada pelaksanaan projek ICT mampu dilaksanakan secara *in-house* atau perlu diperoleh secara *outsourcing/ co-sourcing.*

2.8.2 Perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam menentukan pelaksanaan secara *in house* atau *out sourcing/ co-sourcing* adalah seperti berikut:

(a) Kemampuan tenaga kerja dalaman sama ada menggunakan tenaga kerja sedia ada atau memerlukan pengambilan kakitangan baru secara tetap/ khidmat sementara/ kontrak.

(b) Isu/ faktor keselamatan.

(c) Kompleksiti sesuatu projek.

(d) Perbandingan kos yang menguntungkan Kerajaan.

(e) Kemampuan pelaksanaan dari segi kepakaran, fasiliti dan lain-lain.

2.8.3 Agensi juga perlu mengenal pasti pengguna sebenar projek yang dicadangkan dan memastikan pengguna tersebut komited dengan projek, terlibat sepenuhnya sepanjang pelaksanaan projek dan menerima latihan yang mencukupi.

2.9 KENAL PASTI IMPAK

Agensi hendaklah mengenal pasti impak (positif atau negatif) cadangan perolehan ICT secara keseluruhan terhadap perkhidmatan *(business)* Agensi termasuk prosedur, proses kerja, aplikasi sedia ada, integrasi dengan sistem aplikasi lain dan sebagainya.

2.10 KENAL PASTI KEKANGAN

Agensi hendaklah mengenal pasti kekangan yang mungkin timbul semasa pelaksanaan projek seperti kepakaran, bajet, staf, masa, ICT *architecture* Agensi (semasa & *target), interoperability standards* dan lain-lain dalam melaksanakan sesuatu projek.

2.11 KENAL PASTI RISIKO

2.11.1 Agensi perlu mengenal pasti risiko yang mungkin timbul di dalam pelaksanaan projek supaya ia dapat dikawal dan diminimakan. Risiko yang dikenal pasti boleh digunakan oleh Agensi dalam penilaian tender iaitu sama ada cadangan yang

dikemukakan berisiko tinggi atau pun tidak dan apakah kaedah yang dikemukakan untuk meminimakannya.

2.11.2 Aspek-aspek risiko yang perlu diberi perhatian ialah dari segi pengurusan, kakitangan, keperluan projek, pengurusan perubahan, teknikal, pengujian dan integrasi, pemilihan pembekal dan lain-lain.

2.12 LAPORAN KAJIAN

Agensi hendaklah menyediakan laporan bagi hasil kajian yang telah dibuat untuk kelulusan pihak pengurusan atasan yang merangkumi skop, jadual pelaksanaan, anggaran kos projek, peruntukan, kaedah pelaksanaan, impak dan lain-lain.

2.13 KELULUSAN PELAKSANAAN

Agensi hendaklah mendapatkan kelulusan pihak pengurusan atasan, kelulusan teknikal daripada JPICT Kementerian/Agensi dan/atau JTICT MAMPU dan pihak-pihak lain yang berkaitan sebelum perolehan dilaksanakan.

CARTA ALIRAN PROSES PERANCANGAN PEROLEHAN ICT



BAB 3 PELAKSANAAN

PEROLEHAN ICT

3.1 MEWUJUDKAN STRUKTUR TADBIR URUS PROJEK ICT

3.1.1 Agensi hendaklah mengenal pasti dan menubuhkan struktur tadbir urus projek selaras dengan Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU, JPM bagi mengurus dan memantau pelaksanaan projek dari peringkat awal hingga penyerahan projek.

3.1.2 Setiap projek ICT mestilah mempunyai struktur tadbir urus yang jelas terma rujukannya bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT. Setiap ahli jawatankuasa berkaitan perlu dilantik secara rasmi dan seterusnya dimaklumkan terma rujukan masing-masing.

3.1.3 Struktur tadbir urus utama dalam pelaksanaan setiap projek ICT adalah seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Pemandu Projek

(i) Bertanggungjawab dalam melulus dan mengesahkan pelaksanaan setiap peringkat projek berdasarkan kepada cadangan dan perakuan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal Projek dan Pasukan Projek.

(ii) Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam tempoh projek atau mengikut keperluan.

(iii) Perincian keahlian dan bidang tugas Jawatankuasa Pemandu Projek seperti di **LAMPIRAN 3A**.

(b) Jawatankuasa Teknikal Projek

(i) Bertanggungjawab dalam memutuskan perkara-perkara teknikal di dalam projek tersebut.

(ii) Mesyuarat dan perjumpaan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali sepanjang tempoh projek atau mengikut keperluan.

(iii) Perincian keahlian dan bidang tugas Jawatankuasa Teknikal Projek seperti di **LAMPIRAN 3B**.

(c) Pasukan Projek

(i) Setiap projek ICT perlu mewujudkan Pasukan Projek yang mesti diterajui oleh personel ICT yang kompeten dan berkemahiran dalam pengurusan projek ICT.

(ii) Pasukan ini terdiri daripada satu (1) atau lebih kumpulan yang akan memberi fokus kepada bidang teknikal dan bisnes mengikut keperluan dan kesesuaian projek.

(iii) Bertanggungjawab dalam mengurus dan melaksanakan projek mengikut skop yang ditetapkan.

(iv) Perincian keahlian dan bidang tugas Pasukan Projek seperti di **LAMPIRAN 3C.**

3.2 KEPERLUAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI/ TERMA RUJUKAN (TERMS OF REFERENCE -TOR)

3.2.1 Penyediaan spesifikasi (bekalan/perkhidmatan ICT)/TOR (perkhidmatan perunding ICT) yang jelas dan lengkap adalah penting untuk memastikan agensi dapat memahami keperluan dan kehendak projek yang ingin dilaksanakan dan seterusnya memastikan kelancaran sesuatu projek dan kajian. Selain itu ia bertujuan untuk tidak menimbulkan keraguan/kekeliruan kepada kontraktor/ pembekal/perunding ICT tentang apa yang dikehendaki oleh Agensi.

3.2.2 Agensi bertanggungjawab menyediakan spesifikasi/TOR yang baik bagi mengurangkan risiko kelewatan pelaksanaan projek/kajian, tambahan kos atau salah tafsiran ke atas kehendak sebenar Agensi. Selain itu, ia juga dapat membantu agensi dalam membuat anggaran kos yang lebih tepat.

3.3 PENUBUHAN JAWATANKUASA SPESIFIKASI BAGI PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN ICT

Satu Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah dilantik oleh Ketua Agensi bagi menyediakan spesifikasi umum/khusus/teknikal bagi setiap perolehan yang hendak dibuat. Ahli Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan dan boleh juga terdiri daripada wakil Agensi lain yang berkaitan.

3.4 PENUBUHAN PASUKAN PENYEDIAAN TERMA RUJUKAN BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING ICT

Bagi perkhidmatan perunding ICT, Agensi hendaklah menyediakan TOR bagi setiap projek/kajian yang ingin dilaksanakan. Penyediaan TOR sebaik-baiknya disediakan secara berpasukan yang terdiri daripada pegawai yang berpengetahuan dalam projek/kajian tersebut.

3.5 BUTIRAN SPESIFIKASI

3.5.1 Dalam menggariskan spesifikasi, perkara-perkara seperti warna, saiz, bentuk, kualiti, pembungkusan, nisbah, kandungan dan butir-butir lain yang berkaitan hendaklah dinyatakan dengan jelas supaya tidak menimbulkan keraguan kepada kontraktor/pembekal tentang apa yang dikehendaki oleh agensi.

3.5.2 Spesifikasi teknikal tidak boleh dibuat berdasarkan kepada sesuatu jenama atau buatan. Sekiranya tidak dapat dielakkan, ungkapan '*atau persamaan*' hendaklah digunakan.

3.5.3 Spesifikasi hendaklah dibuat berasaskan fungsi penggunaan dan sekurang-kurangnya memenuhi piawaian Malaysia atau piawaian antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan. Sekiranya barangan tersebut tidak mempunyai sebarang piawaian, Agensi hendaklah memastikan barangan yang ditentukan adalah sesuai, selamat digunakan dan dijamin oleh pembuatnya atau syarikat.

3.5.4 Spesifikasi yang disediakan hendaklah ditanda aras (*benchmark*) dengan barangan buatan tempatan yang memenuhi piawaian yang diiktiraf.

3.5.5 Agensi hendaklah memastikan Jadual Harga dalam spesifikasi Sebut Harga/ Tender bagi perkakasan (bahan/barangan) ICT yang dimport hanya mempunyai satu jenis harga tawaran sahaja iaitu sama ada CIF, FOB atau pun *Ex-Stock* bergantung kepada keperluan Agensi.

3.5.6 Agensi hendaklah menyatakan dengan jelas keperluan projek seperti skop projek, bilangan unit, kapasiti, lokasi, output yang diperlukan, standard yang digunapakai, latihan dan sebagainya.

3.5.7 Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah diberi masa secukupnya dan bersesuaian dengan perolehan yang dibuat untuk merangka dan mewujudkan spesifikasi yang sempurna dan jelas.

3.6 BUTIRAN TERMA RUJUKAN (TOR)

3.6.1 Bagi perkhidmatan perunding ICT, Agensi hendaklah menyediakan TOR dan skop kerja dengan jelas dan bersesuaian dengan keperluan projek/kajian. Agensi hendaklah memastikan perunding mengambil kira semua unsur cukai semasa mengemukakan Cadangan Kos bagi sesuatu projek/kajian yang akan dilaksanakan. Kerajaan tidak akan membenarkan sebarang pengecualian berhubung perkara ini.

3.6.2 TOR hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

(a) Latar belakang projek/ kajian;
(b) Objektif pelantikan perunding;
(c) Skop perkhidmatan perunding;
(d) Tempoh perkhidmatan perunding;
(e) Kaedah penetapan kos perkhidmatan perunding;
(f) *Deliverables* (output yang dihasilkan);
(g) Maklumat yang boleh disediakan oleh Kerajaan kepada perunding;
(h) Brif projek; dan
(i) Perkara-perkara lain yang berkaitan.

3.6.3 Butiran terperinci TOR hendaklah merujuk Manual Perkhidmatan Perunding, Kementerian Kewangan yang berkuat kuasa.

3.7 KELULUSAN SPESIFIKASI/ TOR

3.7.1 Spesifikasi yang disediakan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan ICT hendaklah dikemukakan/dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Projek/Jawatankuasa Teknikal Projek/Pegawai yang diberi kuasa untuk kelulusan sebelum perolehan dilaksanakan.

3.7.2 TOR bagi perkhidmatan perunding ICT yang disediakan hendaklah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) terlebih dahulu sebelum proses perolehan dilaksanakan.

3.8 PENENTUAN KAEDAH PEROLEHAN

Agensi boleh melaksanakan perolehan bekalan/perkhidmatan ICT sama ada secara Pembelian Terus, Sebut Harga, Tender Terbuka, Tender Terbuka Pra Kelayakan, Tender Terhad, *Request For Proposal* (RFP) atau *eBidding* tertakluk kepada had nilai dan tatacara perolehan yang berkuat kuasa.

Sekiranya Agensi memerlukan syarikat mengadakan demonstrasi/*benchmarking*/ *prototype*/POC ke atas tawaran yang dikemukakan, keperluan tersebut hendaklah dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga/Tender. Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kos yang terlibat untuk pelaksanaan demonstrasi/*benchmarking*/*prototype*/POC. Demonstrasi/*benchmarking*/*prototype*/POC hendaklah dilaksanakan di kalangan syarikat yang telah lulus penilaian dan telah di senarai pendek

Perolehan perkhidmatan perunding ICT boleh dilaksanakan secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling/Tender Terhad/Tender Terbuka tertakluk kepada had nilai yang ditetapkan. Syarikat yang dilantik menjadi perunding tidak boleh menjadi kontraktor (*service provider*) kepada projek yang sama.

3.8.1 ITEM KONTRAK PUSAT/ KONTRAK PANEL

Semua Agensi yang berkaitan hendaklah menggunakan Kontrak Pusat apabila membeli barangan gunasama yang terdapat di dalam Kontrak Pusat yang diuruskan oleh Perbendaharaan, Kementerian Kewangan melainkan mendapat pengecualian Perbendaharaan terlebih dahulu.

3.8.2 PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

(a) Perolehan bekalan/perkhidmatan ICT yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara Sebut Harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan.

(b) Perolehan bekalan/perkhidmatan ICT yang bernilai melebihi RM100,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara Sebut Harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan.

(c) Sebut Harga hendaklah terbuka kepada pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Syarikat pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga berdasarkan SPP yang berkuat kuasa.

(d) Agensi yang telah eP *enabled* hendaklah melaksanakan perolehan bekalan/perkhidmatan ICT secara sebut harga melalui sistem ePerolehan.

(e) Perincian pelaksanaan perolehan secara Sebut Harga adalah berdasarkan kepada SPP yang berkuat kuasa dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

3.8.3 PEROLEHAN SECARA TENDER

(a) Perolehan bekalan/perkhidmatan ICT yang melebihi RM500,000 hendaklah diurus secara Tender Terbuka.

(b) Tender tempatan bagi barangan buatan tempatan hendaklah dipelawa dengan menggunakan harga bersih sahaja. Tender tempatan bagi barangan yang perlu diimport hendaklah dipelawa dengan menggunakan harga tawaran *Free On Board* (FOB) sahaja.

(c) Tender antarabangsa hanya boleh dipelawa bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan ICT yang tidak boleh disediakan atau dikeluarkan oleh sumber dalam negara.

(d) Tender Terbuka Pra Kelayakan dilaksanakan bertujuan untuk menapis syarikat/ kontraktor supaya mereka yang mempunyai pengalaman, kebolehan teknikal, keupayaan kewangan dan pengurusan bagi melaksanakan sesuatu projek sahaja dibenarkan mengambil bahagian di dalam sesuatu tender yang diadakan setelah Agensi mendapat kelulusan khas Kementerian Kewangan.

(e) Tender Terhad bagi perolehan bekalan/perkhidmatan ICT yang tidak melebihi RM5 juta boleh dilaksanakan setelah Agensi mendapat kelulusan Lembaga Perolehan Agensi. Tender Terhad yang melebihi nilai tersebut perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

(f) Agensi yang telah eP *enabled* hendaklah melaksanakan perolehan bekalan/perkhidmatan ICT secara Tender melalui sistem ePerolehan.

(g) Perincian pelaksanaan perolehan secara Tender adalah berdasarkan kepada SPP yang berkuat kuasa dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

3.8.4 PEROLEHAN SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

(a) Agensi boleh melaksanakan perolehan ICT secara Tender mengikut kaedah RFP bagi mencari penyelesaian (*solutions*) yang paling tepat mengikut keperluan sesuatu projek. Untuk melaksanakan RFP, Agensi perlu jelas tentang matlamat, visi dan fungsi projek yang hendak dilaksanakan bagi membantu syarikat menyediakan cadangan penyelesaian.

(b) Agensi hendaklah menjelaskan kepada semua syarikat yang menyertai tender RFP dan memasukkannya di dalam dokumen RFP, syarat-syarat khusus seperti berikut:

(i) Sekiranya diperlukan, Agensi berhak memilih satu cadangan RFP atau kombinasi RFP untuk dijadikan satu spesifikasi baru Agensi tanpa melibatkan sebarang bayaran atau pampasan kepada syarikat.
(ii) Kerajaan tidak terikat untuk melantik mana-mana syarikat berdasarkan cadangan RFP yang dikemukakan.
(iii) Syarikat bertanggungjawab *(accountable)* terhadap apa-apa representasi dan dokumen RFP yang dikemukakan adalah sulit.

(c) Dokumen RFP perlu mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

(i) Ringkasan eksekutif mengenai pendekatan *(approach)* pelaksanaan projek.
(ii) Proses pelaksanaan projek, *project milestones* dan serahan projek.
(iii) Cadangan skop projek.
(iv) Maklumat korporat syarikat termasuk saiz syarikat dan keupayaan kewangan.
(v) Kepakaran/keupayaan tenaga kerja syarikat.
(vi) Pengalaman syarikat dalam bidang yang berkaitan termasuk senarai projek/pelanggan.
(vii) Cadangan prosedur menangani risiko seperti kelewatan projek, isu-isu pelaksanaan dan risiko kewangan yang terlibat.
(viii) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

(d) Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan bagi menilai semua cadangan RFP. Laporan hasil penilaian hendaklah dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk keputusan.

(e) Dalam keadaan di mana semua RFP yang ditawarkan oleh syarikat tidak memenuhi keperluan Agensi, Jawatankuasa Penilaian Teknikal boleh membuat syor kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk menerima pakai beberapa gabungan RFP untuk dijadikan sebagai keperluan baru Agensi.

(f) Sekiranya Lembaga Perolehan Agensi bersetuju, penyediaan spesifikasi baru yang meliputi maklumat teknikal dan kewangan (harga dan keupayaan kewangan syarikat) hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi dan pelawaan semula hendaklah dibuat kepada syarikat yang mengemukakan RFP. Tempoh dan tawaran tender hendaklah selaras dengan peraturan dan tatacara perolehan yang berkuat kuasa.

(g) Penilaian Teknikal dan Kewangan kali kedua hendaklah dibuat mengikut tatacara penilaian Tender dan dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk keputusan.

3.8.5 PEROLEHAN SECARA EBIDDING

(a) *eBidding* merupakan satu modul tambahan di bawah sistem ePerolehan yang memberi pilihan kepada Kementerian/Agensi yang eP *enabled* untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal yang eP *enabled*. Pembekal akan bersaing secara interaktif melalui internet dengan menawarkan harga tawaran terbaik yang menguntungkan Kerajaan.

(b) Empat (4) kriteria utama perlu dipatuhi sebelum mempelawa *eBidding* seperti berikut:

(i) Bekalan/Perkhidmatan yang sesuai dilaksanakan secara *eBidding* seperti berikut:

1) Bekalan yang mempunyai spesifikasi standard, telah siap untuk diguna pakai dan tidak memerlukan penilaian teknikal yang rumit dan kompleks.
2) Bekalan atau perkhidmatan yang diuruskan di bawah sistem panel.
3) Perkhidmatan yang mempunyai skop dan spesifikasi yang standard dan sesuai serta sesuai dilaksanakan secara *eBidding*.

(ii) Pelawaan *eBidding* bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000.

(iii) Pegawai Pengawal bertanggungjawab dalam menentukan syarat atau kriteria yang perlu dipatuhi oleh syarikat/pembekal sebelum notis pelawaan dikeluarkan oleh Kementerian/Agensi kepada syarikat/pembekal yang ingin menyertai *eBidding*.

(iv) Bilangan pembekal yang menyertai *eBidding* adalah tiga (3) syarikat/pembekal atau lebih. Sekiranya didapati bilangan syarikat/pembekal kurang daripada tiga (3), Kementerian/Agensi hendaklah melaksanakan perolehan secara Sebut Harga atau Tender.

(c) Proses *eBidding* dilaksanakan dalam empat (4) peringkat utama iaitu Persediaan, Pra Kelayakan, Bidaan (Atas Talian) dan Pembekalan. Perincian proses *eBidding* seperti di **LAMPIRAN 3D**.

(d) Pelaksanaan perolehan secara *eBidding* hendaklah selaras dengan SPP yang berkuat kuasa.

3.8.6 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING ICT

(a) Perolehan Perkhidmatan ICT adalah di bawah Bidang Perunding Bukan Fizikal seperti berikut:

(i) kajian kemungkinan, kajian ekonomi, kajian penswastaan dan kajian-kajian lain;

(ii) Kajian berkaitan pengurusan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan dan perakaunan, percukaian, pengurusan kualiti, perundangan, kerja-kerja audit kewangan, kerja-kerja audit pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang-bidang pengurusan lain; dan

(iii) Perkhidmatan Perunding lain mengikut kategori yang diperlukan oleh Agensi dan ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

(b) Sebelum Agensi melaksanakan sesuatu projek/kajian Kerajaan, Agensi hendaklah menentukan terlebih dahulu keperluan projek/kajian tersebut serta bidang dan skop perkhidmatan firma perunding yang diperlukan dengan mengambil kira keupayaan Agensi iaitu dari segi kepakaran dan pengetahuan kakitangan Agensi sedia ada.

(c) Agensi hendaklah mengutamakan penggunaan kepakaran dalaman sektor awam untuk perolehan perkhidmatan perunding ICT.

(d) Pemilihan Firma Perunding hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan tiga kaedah berikut:

(i) Lantikan Terus Berserta Kos Siling.
(ii) Tender Terhad.
(iii) Tender Terbuka (tanpa/melalui pra kelayakan).

(e) Firma perunding adalah dibenarkan untuk bergabung bagi memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan oleh Agensi untuk pelaksanaan projek pembangunan bukan fizikal/kajian Kerajaan. Sekiranya gabungan dibenarkan, Agensi hendaklah menetapkan kaedah gabungan sama ada gabungan tersebut adalah secara *project basis* atau secara penubuhan konsortium. Kaedah gabungan hendaklah dinyatakan secara *upfront* di dalam iklan/dokumen pelawaan.

(f) Perolehan perkhidmatan perunding luar (*outsourcing*) hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

(i) Mendapatkan persetujuan/kebenaran daripada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

(ii) Mendapatkan persetujuan MAMPU melalui JPICT Kementerian/Agensi selaras dengan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding yang berkuat kuasa.

(g) Perolehan perkhidmatan perunding adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

LAMPIRAN 3A

KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA PEMANDU PROJEK ICT

KEAHLIAN		BIDANG TUGAS
Pengerusi	Ketua atau Timbalan Ketua Agensi atau CIO	- Menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan projek; - Memantau status pelaksanaan projek; - Memantau dan menyelaras aliran kewangan projek bersamaan kemajuan projek; - Meluluskan setiap pembayaran projek yang hendak dilakukan; - Menimbang dan meluluskan cadangan penguatkuasaan terma-terma kontrak seperti penalti, pelanjutan masa *(extension of time)* dan penamatan kontrak; - Menyelesaikan isu-isu dasar yang timbul berkaitan dengan projek; - Melulus dan mengesahkan pelaksanaan setiap peringkat projek; dan - Meluluskan serahan projek.
Ahli-ahli	┘ Pengurus ICT ┘ Pegawai-pegawai dari Agensi pemilik projek ┘ Wakil-wakil Agensi yang berkaitan (jika perlu) ┘ Pengguna utama	
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat Agensi	

LAMPIRAN 3B

KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA TEKNIKAL PROJEK ICT

KEAHLIAN		BIDANG TUGAS
Pengerusi	Pengurus ICT Agensi atau jawatan lebih tinggi	• Menyemak dan memastikan serahan projek memenuhi keperluan yang ditetapkan; • Mengkaji isu-isu dasar yang timbul semasa pelaksanaan projek dan memperakukan cadangan penyelesaian kepada Jawatankuasa Pemandu Projek untuk kelulusan; • Mengkaji dan memperakukan cadangan penguatkuasaan terma-terma kontrak kepada Jawatankuasa Pemandu Projek; • Memberi penyelesaian kepada isu-isu teknikal yang timbul semasa pelaksanaan projek; • Memperakukan serahan projek kepada Jawatankuasa Pemandu Projek untuk kelulusan; dan • Melaporkan status kemajuan projek kepada Jawatankuasa Pemandu Projek.
Ahli-ahli	• Pegawai-pegawai Teknologi Maklumat Agensi • Pegawai-pegawai dari Agensi pemilik projek • Wakil Pihak Pembekal (jika berkenaan) • Pengurus Projek • Wakil-wakil Agensi yang berkaitan (jika perlu) • Pengguna utama	
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat Agensi	

LAMPIRAN 3C

KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS PASUKAN PROJEK ICT

KEAHLIAN		BIDANG TUGAS
Pengerusi	Pegawai Teknologi Maklumat Agensi	- Merancang serta menyediakan arah tuju dan strategi projek; - Mengenal pasti aktiviti projek dan jadual pelaksanaan secara terperinci; - Melaksanakan projek mengikut skop dan jadual yang telah ditetapkan; - Mencadangkan penguatkuasaan terma-terma kontrak (sekiranya berkaitan) kepada Jawatankuasa Teknikal Projek; - Mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan projek dan cadangan penyelesaian; - Memantau kemajuan pelaksanaan projek berdasarkan kontrak serta jadual-jadual yang telah dipersetujui; - Menyemak dan memastikan serahan projek melalui proses jaminan kualiti serta menepati standard yang ditetapkan; dan - Melaporkan status projek kepada Jawatankuasa Teknikal Projek.
Ahli-ahli	⌋ Personel ICT Agensi ⌋ Pegawai-pegawai dari Agensi pemilik/ pelaksana projek ⌋ Perunding dan Wakil Pihak Pembekal (jika berkenaan) ⌋ Wakil-wakil Agensi yang berkaitan (jika perlu)	
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat Agensi	

LAMPIRAN 3D

PROSES EBIDDING

PERINGKAT	SUB-PROSES
Persediaan	Penyediaaan Spesifikasi Penetapan Syarat dan terma Publisiti eBidding Penyediaan Jadual Pelaksanaan Penyediaan Pelan Kontigensi Penubuhan Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Penubuhan Jawatankuasa Pra Kelayakan Kelulusan Lembaga Perolehan Kementerian/ Agensi/ Jabatan Pegawai Pengawal
Pra Kelayakan	Kemasukan maklumat bidaan* Pengeluaran Notis Pelawaan *eBidding*** Taklimat Pembekal (jika ada) Penghantaran Cadangan Tawaran Permulaan oleh pembekal* Penilaian Pra Kelayakan untuk menyenarai pendek pembekal yang layak Pengesahan senarai pendek pembekal yang layak oleh Lembaga Perolehan Kementerian/ Agensi/ Jabatan Jemputan kepada pembekal yang layak untuk bidaan* Pengesahan penyertaan bidaan oleh pembekal*
Bidaan (Atas Talian)	Bidaan oleh pembekal yang mengesahkan penyertaan Keputusan Lembaga Perolehan Kementerian/ Agensi/ Jabatan
Pembekalan	Pengeluaran Surat Setuju Terima* Penerimaan Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan Penyediaan dokumen kontrak Pembekalan/ pelaksanaan perkhidmatan Pentadbiran kontrak

CATATAN : * Atas Talian
** Atas Talian dan Manual

BAB 4

PROSES PENILAIAN PEROLEHAN ICT

Penilaian bagi pemilihan syarikat hendaklah mengikut kaedah semasa yang ditetapkan dengan mengambil kira nilai faedah terbaik yang merangkumi *the best combination of whole life cost* di dalam menyediakan *required capability at acceptable treated risk.*

Sebelum menilai sesuatu perolehan/projek ICT, Kementerian/Agensi hendaklah terlebih dahulu menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan secara rasmi dan berasingan dalam melaksanakan proses penilaian selaras dengan dengan tatacara perolehan semasa seperti berikut:

4.1 PENILAIAN TEKNIKAL BAGI PEROLEHAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN ICT

4.1.1 Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah membuat penilaian secara terperinci bagi memastikan penilaian yang dibuat adalah berasaskan kepada spesifikasi perolehan yang ditetapkan di dalam dokumen Tender/Sebut Harga.

4.1.2 Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan dan penyataan pematuhan *(statement of compliance)*. Bagi maksud perolehan ICT, maklumat dan teknologi semasa mengenai barang/perkhidmatan tersebut boleh diambil kira.

4.1.3 Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan mengenai barangan/perkhidmatan ICT tersebut seperti berikut:

(a) Seorang Pengerusi dan dua (2) orang ahli.

(b) Sekurang-kurangnya salah seorang ahli hendaklah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

(c) Pegawai daripada MAMPU, JPM atau Agensi berkaitan bagi Kementerian/ Agensi yang tidak mempunyai kemahiran dalaman.

4.1.4 Penilaian Teknikal boleh dilaksanakan mengikut langkah-langkah berikut:

(a) <u>Pematuhan Dan Kecukupan Dokumen Sebut Harga/Tender</u>

Menyemak semua tawaran syarikat dan memastikan semua dokumen wajib yang ditetapkan dalam Sebut Harga/Tender untuk tawaran teknikal mencukupi.

(b) <u>Penilaian Peringkat Pertama</u>

Penilaian berasaskan pematuhan kepada beberapa spesifikasi mandatori/wajib yang telah ditetapkan dalam dokumen spesifikasi teknikal bagi menentukan sama ada syarikat layak dipertimbangkan untuk Penilaian Peringkat Kedua. Sekiranya

tiada spesifikasi wajib ditetapkan semasa penyediaan dokumen spesifikasi teknikal, proses penilaian boleh diteruskan ke peringkat kedua.

(c) Penilaian Peringkat Kedua

(i) Penilaian peringkat ini dibuat terhadap spesifikasi wajib dan spesifikasi am yang ditetapkan dalam dokumen spesifikasi teknikal. Penilaian dibuat berasaskan kepada wajaran dan sistem pemarkahan (*point system*) yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi atau Jawatankuasa Penilaian Teknikal di peringkat awal sebelum penilaian dijalankan.

(ii) Penetapan nilai wajaran bagi setiap komponen teknikal ditentukan mengikut kepentingan setiap komponen dan kesannya kepada pelaksanaan projek.

(iii) Penentuan skema pemarkahan bagi setiap komponen teknikal dibuat secara objektif dan kuantitatif. Pemberian markah bagi setiap item teknikal yang ditawarkan dibuat berdasarkan kepada tahap ketepatan sesuatu tawaran memenuhi spesifikasi teknikal yang diperlukan dalam dokumen Sebut Harga/Tender.

(iv) Tiada lebihan markah boleh diberikan bagi tawaran syarikat yang melebihi spesifikasi minimum yang ditetapkan dalam dokumen Sebut Harga/ Tender. Namun, Agensi boleh mencatatkan kelebihan berkenaan dalam Laporan Penilaian Teknikal sebagai makluman untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus.

(v) Bagi spesifikasi teknikal yang memerlukan cadangan penyelesaian terbaik, lebihan markah boleh diberikan kepada *proposed solution*/tawaran/ cadangan teknikal terbaik yang dikemukakan oleh syarikat.

(d) Contoh penetapan Skema Pemarkahan Teknikal adalah seperti jadual di bawah:

JADUAL: SKEMA PEMARKAHAN TEKNIKAL

MARKAH	CIRI KETEPATAN
2	**MEMENUHI SPESIFIKASI MINIMUM** Spesifikasi yang ditawarkan memenuhi spesifikasi minimum
1	**DEVIATION** Terdapat sedikit penyimpangan spesifikasi tetapi tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan atau barangan yang ditawarkan.
0	**TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI MINIMUM** Tidak memenuhi spesifikasi minimum atau tidak mengemukakan maklumat.

4.1.5 Contoh Laporan Jawatankuasa Penilaian Teknikal adalah seperti di **LAMPIRAN 4A**.

4.2 PENILAIAN HARGA BAGI PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN ICT

4.2.1 Penilaian harga hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan syarikat dan sebagainya.

4.2.2 Perbandingan di antara setiap tawaran syarikat hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).

4.2.3 Jawatankuasa Penilaian Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan seperti berikut:

(a) Seorang Pengerusi dan seorang ahli.

(b) Salah seorang ahli hendaklah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

4.2.4 Penilaian Harga boleh dilaksanakan mengikut langkah-langkah berikut:

(a) <u>Pematuhan Dan Kecukupan Dokumen Sebut Harga/Tender</u>

Menyemak semua tawaran syarikat dan memastikan semua dokumen wajib yang ditetapkan dalam Sebut Harga/Tender untuk tawaran harga mencukupi.

(b) <u>Semakan Am Berkaitan Syarikat</u>

(i) Jawatankuasa Penilaian Harga perlu menyemak kedudukan syarikat berdasarkan profail syarikat, status sijil pendaftaran atau sijil taraf Bumiputera sama ada masih berkuat kuasa atau pun tidak serta kepakaran khusus/syarikat perlu bersamaan dengan kod bidang pendaftaran syarikat.

(ii) Jawatankuasa Penilaian Harga juga perlu menyemak perkara-perkara berikut:

1) Bilangan kakitangan yang akan terlibat dalam projek.
2) Profil pekerja yang dicadangkan oleh syarikat bersesuaian dengan kadar harga yang ditawarkan.
3) Pengalaman dan prestasi kontrak perolehan semasa atau yang lepas.
4) Perkara-perkara lain yang berkaitan tentang syarikat atau perkara yang berkaitan mengenai Sebut Harga/Tender berkenaan.

(c) Penilaian Harga Tawaran

(i) Jawatankuasa perlu membuat analisa harga yang ditawarkan oleh syarikat berasaskan kesaksamaan dan harga pasaran terbuka. Untuk tujuan perbandingan, harga anggaran Jabatan yang disediakan perlu menunjukkan maklumat terperinci mengenai pecahan harga yang dijangkakan. Jawatankuasa perlu mengambil inisiatif untuk menyemak semula harga pasaran terkini dengan disokong dokumen-dokumen yang berkaitan.

(ii) Di dalam membuat penilaian harga sesuatu sebut harga/tender, faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh bayaran, diskaun dan sebagainya perlu diambil kira.

(iii) Penilaian bagi pembelian harta modal projek ICT hendaklah berdasarkan kepada prinsip tawaran harga menyeluruh (*total cost bid*), yang bermaksud mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan/pemasangan, jaminan, penyelenggaraan dan lain-lain.

(d) Penilaian Keupayaan Kewangan Syarikat

(i) Jawatankuasa Penilaian Harga hendaklah membuat penilaian terhadap keupayaan kewangan syarikat bagi perolehan secara tender. Ini bagi memastikan syarikat yang terpilih adalah berkeupayaan dan kukuh dari segi kedudukan kewangannya dalam menyempurnakan obligasi kontrak.

(ii) Kegagalan untuk menyemak kedudukan keupayaan kewangan syarikat boleh meningkatkan risiko kegagalan projek kerana kemungkinan syarikat yang dilantik tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi bagi menyelesaikan obligasinya.

(iii) Penilaian keupayaan kewangan syarikat hendaklah dibuat berdasarkan dokumen-dokumen berikut:

1) Profil dan kedudukan kewangan syarikat yang mengandungi maklumat terperinci tentang latar belakang dan keupayaan kewangan syarikat.

2) Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya.

3) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai wang dalam tangan syarikat bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup tender. Semakan ke atas penyata bulanan akaun bank boleh memberi gambaran kedudukan kewangan syarikat untuk menampung kos operasi syarikat. Sekiranya penyata tersebut menunjukkan keadaan positif (peningkatan wang masuk melebihi wang keluar) kedudukan syarikat tersebut adalah stabil.

4) Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan. Semakan perlu dibuat bagi memastikan sama ada kemudahan kredit telah digunakan atau pun tidak. Penilaian yang sewajarnya harus diberikan kepada syarikat yang dapat menguruskan kemudahan kredit dengan baik.

(iv) Penetapan wajaran dan skema pemarkahan bagi setiap kriteria penilaian ditentukan oleh Agensi mengikut keperluan dan kepentingannya terhadap pelaksanaan projek.

(v) Contoh penetapan Wajaran dan Skema Pemarkahan adalah seperti berikut:

JADUAL: PENETAPAN WAJARAN DAN SKEMA PEMARKAHAN

BIL	KRITERIA	WAJARAN	SKEMA PEMARKAHAN	MARKAH
1.	Harga Tawaran berbanding min keseluruhan Harga Tawaran	60	±10% daripada Min ±15% daripada Min ±20% daripada Min ±>20% daripada Min	60 55 50 45
2.	Modal Berbayar (Z)	10	Melebihi Z Melebihi Y hingga Z X hingga Y Kurang daripada X	10 9 8 7
3.	Nisbah Semasa *(Current Ratio)* = *Current Assets* / *Current Liabilities* - Menunjukkan kedudukan aset semasa berbanding liabiliti semasa untuk menilai kecairan syarikat dan keupayaan membayar hutang jangka pendek - Nilai nisbah yang lebih besar adalah lebih baik	10	≥ 1.00 0.50 – 0.99 0.01 – 0.49 < 0.00	10 8 5 3

BIL	KRITERIA	WAJARAN	SKEMA PEMARKAHAN	MARKAH
4.	*Net Profit Margin* = *Net Income After Tax* *Revenue* Mengukur keuntungan keseluruhan perniagaan syarikat Nilai nisbah yang lebih besar adalah lebih baik	10	≥ 1.00 0.50 – 0.99 0.01 – 0.49 < 0.00	10 8 5 3
5.	*Debt Ratio* = *Total Debt* *Total Asset* Menunjukkan tahap kebergantungan syarikat pada pinjaman yang dibuat untuk membiayai aset Nilai nisbah yang lebih kecil adalah lebih baik	10	≥ 1.00 0.50 – 0.99 0.01 – 0.49 < 0.00	3 5 8 10
	JUMLAH	**100**		

Nota:
1. Min : Purata Harga Keseluruhan Tawaran Petender termasuk harga anggaran Jabatan
2. Z : Modal Berbayar Minimum yang bersesuaian dengan nilai projek atau Modal Berbayar yang ditetapkan dalam syarat tender.
3. X, Y : Modal Berbayar Petender

4.2.5 Contoh Laporan Jawatankuasa Penilaian Harga adalah seperti di **LAMPIRAN 4B**.

4.3 PENILAIAN POC (TERTAKLUK KEPADA KEPERLUAN)

4.3.1 Penilaian POC dilaksanakan bagi menunjukkan/membuktikan produk atau *solutions* yang dicadangkan oleh syarikat boleh berfungsi dan beroperasi sepertimana yang diperlukan dalam persekitaran sebenar. Penilaian peringkat POC adalah bergantung kepada keperluan sesuatu projek dan boleh berasaskan seperti berikut:

(a) Keupayaan/ kapasiti maksimum dan minimum.

(b) Tatacara ujian (*methods of tests/test protocol*).

(c) Kepantasan (*speed*).

(d) Pematuhan kepada ciri-ciri keselamatan wajib.

(e) Pematuhan kepada keutamaan teknikal, contoh: *equipment rating*.

(f) Mempunyai sijil ujian/pengesahan standard.

(g) Keputusan ujian untuk ujian kualiti (*quality control*).

(h) Jangka hayat dan faktor keupayaan.

(i) Memenuhi keperluan pengguna dan berkualiti.

(j) Keputusan ujian dan analisa. Pematuhan kepada Standard Malaysia atau Standard Antarabangsa.

(k) *Solutions/System Design*
Penilaian berasaskan kepada keupayaan (*usability and functionality*) *solutions* yang ditawarkan. *Solutions*/teknologi yang ditawarkan hendaklah setara atau lebih baik daripada spesifikasi yang dikehendaki dalam Sebut Harga/Tender dan boleh menyokong keperluan masa hadapan (*capacity for growth*).

(l) Pengurusan Risiko
Penilaian hendaklah mengambil kira risiko yang dikenal pasti boleh diterima (*acceptable risks*) atau sebaliknya serta kaedah menangani risiko yang dicadangkan.

4.4 PENILAIAN PRA KELAYAKAN BAGI PEROLEHAN SECARA EBIDDING

4.4.1 Jawatankuasa Penilaian Pra Kelayakan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli seperti berikut:

(a) Seorang Pengerusi dan dua (2) orang ahli.

(b) Pengerusi hendaklah daripada kalangan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

(c) Dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

4.4.2 Jawatankuasa Penilaian Pra Kelayakan hendaklah bermesyuarat untuk menilai tawaran secara terperinci berasaskan spesifikasi teknikal dan kriteria Pra Kelayakan yang ditetapkan oleh Agensi.

4.4.3 Jawatankuasa Penilaian Pra Kelayakan hendaklah mengemukakan laporan penilaian dan syor senarai pendek pembekal yang akan dijemput untuk menyertai bidaan atas talian melalui Urus Setia Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan atau Jawatankuasa Sebut Harga untuk kelulusan pihak bertanggungjawab seperti berikut:

NILAI PEROLEHAN	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB
Melebihi RM50,000 hingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga
Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan

4.4.4 Kriteria penilaian Pra Kelayakan secara *eBidding* adalah seperti berikut:

(a) Tawaran harga awal pembekal hendaklah dalam lingkungan nilai peratusan yang dianggarkan oleh Kementerian/ Agensi/ Jabatan daripada anggaran Harga Jabatan;

(b) Pematuhan spesifikasi mandatori;

(c) Pengalaman minimum di dalam skop bidang bekalan/perkhidmatan ICT;

(d) Keperluan minimum kakitangan teknikal atau jawatan-jawatan lain yang berkaitan; dan

(e) Lain-lain yang berkaitan.

4.4.5 Perincian proses penilaian Pra Kelayakan secara *eBidding* adalah berdasarkan SPP yang berkuat kuasa.

4.5 PENILAIAN PERUNDING BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING ICT

4.5.1 Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya empat (4) orang ahli tetap daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional seperti berikut:

(a) Ketua/Wakil Ketua Agensi Pelaksana - Pengerusi

(b) Sekurang-kurangnya tiga (3) Ahli Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada kategori berikut:

(i) Seorang atau lebih pegawai yang berkelayakan daripada Agensi Pelaksana/ Agensi lain; dan

(ii) Seorang atau lebih pegawai agensi daripada Bahagian yang menguruskan perolehan perunding berkenaan.

(iii) Wakil MAMPU, JPM (Skim Perkhidmatan F).

4.5.2 JPP adalah bertanggungjawab di dalam memastikan bahawa sebelum sesuatu cadangan perunding dibuka dan dinilai, kriteria dan sub kriteria penilaian hendaklah terlebih dahulu ditentukan. Ini adalah penting dalam memastikan perkara berikut:

(a) Tidak berlaku sebarang *bias*/berat sebelah terhadap mana-mana cadangan perunding yang dinilai.

(b) Mengenal pasti perkara yang perlu dinilai dalam cadangan perunding.

4.5.3 Proses dan kriteria asas pemilihan firma perunding ICT adalah seperti berikut:

(a) Proses pemilihan firma perunding ICT hendaklah berdasarkan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding, Kementerian Kewangan yang berkuat kuasa.

(b) Kriteria asas penilaian perkhidmatan perunding adalah seperti berikut:

(i) Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan sentiasa aktif untuk sepanjang tempoh pelaksanaan projek/kajian.

(ii) Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diiktiraf.

(iii) Bilangan kakitangan profesional firma perunding hendaklah mencukupi, mempunyai kepakaran khusus dan bersesuaian dengan projek/kajian.

(iv) Firma perunding yang mempunyai nisbah ekuiti Bumiputera melebihi ekuiti Bukan Bumiputera/Asing diberi pemarkahan yang lebih tinggi dalam sesuatu penilaian.

(v) Firma tempatan di negeri projek/kajian dilaksanakan hendaklah diberi permarkahan yang lebih tinggi.

(vi) Pengalaman/pengetahuan firma dalam melaksanakan projek/kajian yang seumpama dan prestasi firma bagi projek/kajian lepas.

(vii) Bilangan, nilai dan status kerja dalam tangan (*ongoing projects/studies)* yang masih belum selesai pelaksanaannya.

(viii) Kedudukan kewangan firma perunding.

(ix) Sub-kriteria lain yang bersesuaian.

4.6 SYOR DAN PERAKUAN URUS SETIA PEROLEHAN

4.6.1 Urus Setia Perolehan hendaklah menyediakan Kertas Taklimat Sebut Harga/ Tender/*eBidding* yang merangkumi laporan-laporan penilaian teknikal dan kewangan dan membuat syor kepada Pihak Berkuasa Melulus.

4.6.2 Urus Setia JPP hendaklah menyediakan Kertas Perakuan kepada Pihak Berkuasa Melulus yang merangkumi laporan penilaian perunding dan syor bagi Lantikan Terus Berserta Kos Siling/Tender Terhad/Tender Terbuka.

4.6.3 Perakuan dan syor hendaklah berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi teknikal, harga dan kualiti mengikut keperluan Agensi dan hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip perolehan dan dasar-dasar semasa Kerajaan.

4.7 KELULUSAN PELANTIKAN

Kertas Taklimat Sebut Harga/Tender, Laporan Bidaan bagi e*Bidding* dan Laporan Penilaian JPP bagi Perkhidmatan Perunding hendaklah dibentangkan kepada Pihak Berkuasa Melulus untuk pertimbangan dan kelulusan pelantikan syarikat.

LAMPIRAN 4A

CONTOH

LAPORAN PENILAIAN TEKNIKAL

BAGI

TENDER MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI TERIMA DAN MENYELENGGARA .....
KEMENTERIAN KEWANGAN

DISEDIAKAN OLEH:

JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL,
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA TARIKH:

CONTOH
LAPORAN PENILAIAN TEKNIKAL BAGI
TENDER MEMBEKAL, MEMASANG PERKAKASAN DAN PERISIAN SERTA MEMBANGUN DAN MENGUJI TERIMA SISTEM
..... KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA

1. TUJUAN

1.1 Tujuan kertas ini adalah bagi melaporkan hasil penilaian teknikal bagi Tender Membekal, Memasang Perkakasan dan Perisian serta Membangun dan Menguji Terima Sistem ..... untuk Kementerian Kewangan Malaysia serta memperakukan petender yang berjaya untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Perolehan Kementerian Kewangan.

2. LATAR BELAKANG/ MAKLUMAT TENDER

BIL.	PERKARA	KETERANGAN		
i.	Agensi Pelaksana/ Klien	Kementerian Kewangan		
ii.	Kaedah Perolehan	Tender Terbuka melalui Sistem ePerolehan		
iii.	Anggaran Jabatan	RM7,051,000.00		
iv.	Tarikh Iklan Tender	18 April 2008 (Jumaat)		
v.	Tarikh Taklimat Tender	22 April 2008 (kehadiran diwajibkan)		
vi.	Tarikh Tutup Iklan	15 Mei 2008 (Khamis)		
vii.	Tempoh Sah Laku Tender Asal	13 Ogos 2008	Tempoh Sah Laku Tender Dilanjutkan	9 Februari 2009
viii.	Syarat-Syarat Penyertaan Tender:			
	a. Kod Bidang	210101 (*Hardware (low end technology)*) 210102 (*Hardware (high end technology)*) 210103 (*Software*) 210104 (*Software/System development/Customization & maintenance including data entry, data processing*) 210106 (*Data management*) 210107 (*ICT security & firewall, Encryption, PKI, Anti Virus*)		
	b. Modal Berbayar	Minimum RM1juta		
	c. Pengalaman	Sekurang-kurangnya 5 tahun dalam pelaksanaan sistem di sektor awam		
ix.	Tempoh Kontrak	12 bulan		
x.	Bil. Petender Yang Kemukakan Tawaran	10		
xi.	Bil. Petender Yang Dinilai	9 (**PETENDER 10/10 TELAH DITOLAK KERANA TIDAK HADIR TAKLIMAT TENDER**)		
xii.	Peruntukan	P43 (Pembangunan) – RM7,051,000.00		

3. JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL (JPT)

3.1 Keahlian JPT

Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 15 Mei 2008 telah melantik Jawatankuasa Penilaian Teknikal seperti jadual di bawah untuk membuat penilaian ke atas tawaran teknikal yang diterima bagi Tender Membekal, Memasang, Menguji Terima Dan Menyelenggara .....

BIL.	PERANAN	NAMA	JAWATAN
1.	Pengerusi		
2.	Ahli		
3.	Ahli		
4.	Ahli		

Jawatankuasa ini turut dibantu oleh 3 orang pegawai yang bertindak sebagai urus setia, iaitu:

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.		
2.		
3.		

3.2 Bidang Tugas JPT

Terma dan tanggungjawab JPT yang dipersetujui dan ditetapkan adalah seperti berikut:

i. Menyemak dan menentukan kepatuhan terhadap keperluan mandatori yang mesti ditepati.
ii. Menetapkan kaedah penilaian, nilai wajaran dan skema pemarkahan.
iii. Menilai dan memberi markah kepada tawaran-tawaran yang telah melepasi keperluan mandatori berdasarkan skema pemarkahan yang telah ditetapkan.
iv. Mengemukakan laporan bertulis yang lengkap kepada Lembaga Perolehan.

3.3 Maklumat Mesyuarat JPT

Mesyuarat JPT telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.		

(Minit-minit mesyuarat adalah seperti di **LAMPIRAN I**)

4. PENEMUAN JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL

4.1 Di sepanjang penelitian ke atas dokumen teknikal tender, JPT telah mengenal pasti beberapa kelemahan/kekurangan di antaranya seperti berikut:

i. Bilangan server yang ditulis dalam *Worksheet 1* tidak sama dengan bilangan server yang dinyatakan dalam dokumen tender.

ii. Maklumat yang diminta dalam *Worksheet 1* tidak merangkumi keseluruhan spesifikasi peralatan yang diperlukan di dalam dokumen tender seperti maklumat berkenaan dengan *Wireless Equipment*. Maklumat ini disebut dalam spesifikasi tender tetapi tiada ruang disediakan dalam *Worksheet 1* untuk diisi oleh petender.

5. METODOLOGI PENILAIAN

Penilaian Teknikal ke atas cadangan petender dijalankan seperti berikut:

5.1 Pematuhan Dan Kecukupan Dokumen Tender

JPT menyemak semua tawaran petender untuk memastikan semua dokumen wajib yang ditetapkan untuk tawaran teknikal mencukupi. **PETENDER YANG GAGAL MENGEMUKAKAN MANA-MANA DOKUMEN SEPERTI JADUAL DI BAWAH TIDAK DINILAI DI PERINGKAT SETERUSNYA.**

BIL.	DOKUMEN/MAKLUMAT
1.	*Worksheet 1 - Technical Requirements*
2.	*Worksheet 2 - Support Services Information During Warranty Period*
3.	*Worksheet 3 - Training Information*
4.	*Worksheet 4 - Proposed Solution/ Functional Requirements*
5.	*Worksheet 5 - Project Management and Project Team Curriculum Vitae*
6.	*Worksheet 6 - Documentation Information*
7.	*Worksheet 7 - Proposed Implementation Schedule*
8.	*Worksheet 8 - Deviation*
9.	*Technical Architecture Design Diagram*
10.	*Brochures*

5.2 Penilaian Peringkat Pertama – Pematuhan Kepada Spesifikasi/Syarat Wajib

i. JPT membuat penilaian berasaskan pematuhan kepada beberapa spesifikasi/syarat wajib yang telah ditetapkan dalam dokumen spesifikasi teknikal. Pematuhan kepada spesifikasi/syarat wajib

ditandakan pada dua (2) kedudukan sahaja sama ada mematuhi (M) atau tidak mematuhi (T). Ciri spesifikasi/syarat wajib yang telah ditetapkan adalah seperti di **LAMPIRAN II**.

ii. Petender yang mematuhi kesemua spesifikasi/ syarat wajib **LAYAK** dipertimbangkan untuk penilaian Peringkat Kedua.

5.3 Penilaian Peringkat Kedua – Pemarkahan

i. Penilaian dilaksanakan berasaskan kriteria penilaian dan skema pemarkahan yang telah ditetapkan oleh JPT. JPT menetapkan petender yang mendapat markah **70% DAN KE ATAS ADALAH LAYAK DIPERAKUKAN MENGIKUT KEUTAMAAN KEDUDUKAN**. Asas penetapan markah sebanyak 70% ini adalah untuk memastikan keupayaan teknikal yang dipilih dapat menjamin sistem yang dibangunkan berkualiti, memenuhi keperluan dan memberi nilai faedah terbaik.

ii. JPT telah bersetuju dan memutuskan penilaian ke atas Spesifikasi Teknikal dibuat bagi lapan (8) komponen dengan wajaran seperti jadual di bawah. Penetapan nilai wajaran adalah berdasarkan kepada kepentingan sesuatu komponen serta implikasinya kepada projek.

BIL.	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN (%)
1.	*Proposed Solution/ Functional Requirements*	40
2.	*Technical Requirements*	20
3.	*Support Services Information During Warranty Period*	20
4.	*Proposed Implementation Schedule*	5
5.	*Training Information*	5
6.	*Project Management and Project Team*	5
7.	*Documentation Information*	3
8.	*Technical Architecture Design Diagram*	2
	JUMLAH	**100**

iii. Skema pemarkahan digunakan bagi menunjukkan tahap ketepatan kriteria yang ditawarkan oleh petender berbanding kriteria yang diperlukan dalam dokumen tender. JPT telah bersetuju dan memutuskan skema pemarkahan bagi setiap komponen adalah seperti berikut:

a) *Proposed Solution/ Functional Requirements*

BIL.	CIRI KETEPATAN	MARKAH
1.	Sangat memenuhi kriteria Cadangan yang ditawarkan memenuhi kriteria serta mempunyai nilai tambah yang tinggi	3
3.	Memenuhi kriteria Cadangan yang ditawarkan memenuhi kriteria	2
4.	Kurang Memenuhi Kriteria Cadangan yang ditawarkan pada tahap sederhana dan kurang memenuhi kriteria	1
5.	Tidak Memenuhi Kriteria Tidak memenuhi kriteria yang diperlukan atau tidak mengemukakan maklumat	0

b) *Technical Requirements*

BIL.	SPESIFIKASI TAWARAN	MARKAH
1.	Melebihi atau sama dengan spesifikasi minimum yang ditetapkan	2
2.	Terdapat sedikit penyimpangan spesifikasi tetapi tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan atau barangan yang ditawarkan	1
3.	Tidak memenuhi spesifikasi minimum atau tidak mengemukakan maklumat	0

c) *Support Services Information During Warranty Period*

BIL.	KRITERIA	MARKAH	MARKAH PENUH
1.	Khidmat sokongan: i. Sepanjang masa (24x7x365) ii. *Weekdays and weekend (7.30am-5.30pm)* iii. *Weekdays (7.30am-5.30pm)* iv. Tiada maklumat	 3 2 1 0	3
2.	Jumlah kakitangan sokongan: i. 3 orang ke atas ii. < 3 orang iii. Tiada maklumat	 2 1 0	2
3.	Maklumat tambahan jaminan/ sokongan teknikal: i. *Platinum/ Gold Partner* atau setara ii. *Direct/* Agen iii. Tiada maklumat	 2 1 0	2

BIL.	KRITERIA	MARKAH	MARKAH PENUH
4.	*Post Implementation Support* *Call and on-site response time* a) *Immediate* b) Dalam tempoh satu jam c) Dalam tempoh dua jam dan ke atas d) Tiada maklumat	 3 2 1 0	3

d) *Proposed Implementation Schedule*

BIL.	KRITERIA	MARKAH	
		ADA	TIADA
1.	Perincian aktiviti	1	0
2.	Turutan logikal	1	0
3.	Perancangan aktiviti selari dengan cadangan	1	0
4.	*Timeline*	1	0
5.	Memenuhi syarat pelan pengujian	1	0

e) *Training Information*

BIL.	KRITERIA	MARKAH	MARKAH PENUH
1.	Bilangan latihan i. 3 latihan dan ke atas ii. 1 hingga 2 latihan iii. Tiada maklumat	 2 1 0	2
2.	Bilangan peserta i. 25 peserta dan ke atas ii. 15 hingga 24 peserta iii. 5 hingga 14 peserta iv. 1 hingga 4 peserta v. Tiada maklumat	 4 3 2 1 0	4
3.	Modul Latihan Disertakan i. Ada ii. Tidak atau tiada maklumat	 1 0	1
4.	Mengemukakan pelan pelaksanaan *Transfer of Technology* (TOT) i. Komprehensif *ii. Moderate* *iii. Simple Proposal* iv. Tiada maklumat	 3 2 1 0	3

f) *Project Management and Project Team*

BIL.	KRITERIA	MARKAH	MARKAH PENUH
1.	Struktur pasukan i. Ada ii. Tiada	 1 0	1
2.	Bilangan kakitangan i. 7 orang ke atas ii. 3 hingga 6 orang iii. 0 hingga 2 orang	 2 1 0	2
3.	*Roles & responsibilities* i. Ada ii. Tiada	 1 0	1
4.	Menyertakan *Curriculum Vitae* i. Ada ii. Tiada	 1 0	1
5.	Menyediakan *Quality Assurance Group* i. Ada ii. Tiada	 1 0	1

g) *Documentation Information*

BIL.	KRITERIA	MARKAH	MARKAH PENUH
1.	Bahasa i. Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris ii. 1 bahasa sahaja (Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris)	 2 1	2
2.	Jenis dokumentasi yang telah diserahkan i. Mencukupi ii. Tidak mencukupi	 2 1	2

h) *Technical Architecture Design Diagram*

BIL.	KRITERIA	MARKAH	MARKAH PENUH
1.	Mengemukakan *Design* i. Ada ii. Tiada	 1 0	1

5.4 Sesi Demonstrasi/Prototaip (Tertakluk kepada syarat tender yang ditetapkan)

i. JPT bersetuju supaya hanya petender yang memperolehi markah teknikal 70% dan ke atas sahaja akan dijemput untuk pengujian demonstrasi.

ii. JPT telah menetapkan kriteria penilaian bagi pengujian demonstrasi dan skema pemarkahan adalah seperti berikut:

BIL.	KRITERIA	MARKAH
1.	*Understanding and planning of project* i. *Understanding of project requirements* ii. *Project planning and organization*	5
2.	*Project framework and integration model* i. *Explanation on technical and functional solution (including technical diagram, system architecture and proposed solution)* ii. *Integration model*	5
3.	*Prototype* i. *Project prototype (including dashboard, analyze, reporting and integration)* ii. *Question and answer session*	5

6. HASIL PENILAIAN TEKNIKAL

6.1 PEMATUHAN KEPADA DOKUMEN TENDER/ KECUKUPAN DOKUMEN

i. JPT telah menyemak kesemua tawaran petender dan mendapati 5 petender daripada 9 petender, iaitu **PETENDER 1/10, 2/10, 3/10, 4/10** dan **7/10** tidak memenuhi sepenuhnya syarat Pematuhan Kepada Dokumen Tender/Kecukupan Dokumen seperti berikut:-

PETENDER	KETERANGAN	KEPUTUSAN
1/10	Tidak mengemukakan dokumen *Support Services Information During Warranty Period*	Gagal
2/10		
3/10		
4/10	Tidak mengemukakan dokumen *Proposed Implementation Schedule*	Gagal
5/10	**SEMUA DOKUMEN LENGKAP DAN MENCUKUPI**	**LULUS**
6/10	**SEMUA DOKUMEN LENGKAP DAN MENCUKUPI**	**LULUS**
7/10	Tidak mengemukakan dokumen *Project Management and Project Team*	Gagal
8/10	**SEMUA DOKUMEN LENGKAP DAN MENCUKUPI**	**LULUS**
9/10	**SEMUA DOKUMEN LENGKAP DAN MENCUKUPI**	**LULUS**

ii. Senarai lengkap hasil penilaian bagi Pematuhan Kepada Dokumen Tender/ Kecukupan Dokumen adalah seperti di **LAMPIRAN III**.

iii. Petender **5/10, 6/10, 8/10** dan **9/10** telah mematuhi semua syarat Pematuhan Kepada Dokumen Tender/ Kecukupan Dokumen dan layak dinilai ke peringkat seterusnya.

6.2 PENILAIAN TEKNIKAL

i. Disepanjang penelitian ke atas tawaran petender, JPT mendapati perkara-perkara berikut:-

a. Terdapat petender yang tidak mengemukakan jadual-jadual yang diminta.
b. Petender mengemukakan borang/jadual yang tidak diisi.
c. Petender mengemukakan borang/jadual kosong yang tidak ditandatangani.
d. Petender mengembalikan contoh borang yang disediakan di dalam dokumentender.
e. Petender tidak mengemukakan brosur.
f. Petender mengemukakan brosur tetapi untuk jenama atau model lain daripada jenama/model yang ditawarkan.
g. Petender memaklumkan bahawa spesifikasi yang ditawarkan *comply* tetapi tidak menyatakan dengan jelas kapasiti atau setakat mana *comply* tersebut. Oleh itu perbandingan *compliance*/ kelebihan tidak dapat dibuat.
h. Petender tidak menyusun dokumen dengan teratur bagi memudahkan penyemakan.
i. Petender diminta mengemukakan *Project Management*/*Project Team* bagi perolehan tetapi petender telah memberikan maklumat Pengurusan Syarikat.
j. Latihan dikehendaki dibuat sebelum *hand-over* tetapi terdapat syarikat menawarkan latihan selepas *hand-over*.
k. Maklumat Latihan hanya dinyatakan di dalam *Implementation Schedule*/Jadual Kerja, tiada penerangan mengenainya diberikan.
l. Petender menawarkan spesifikasi kurang daripada spesifikasi yang dikehendaki.
m. Terdapat petender yang hanya mengisi maklumat jenama dan model sahaja, maklumat terperinci diminta merujuk kepada *data sheet*/ brosur atau kepada item lain yang telah diisi sebelumnya.
n. Terdapat petender yang memberikan Tempoh Serahan dengan menanda di dalam *Implementation Schedule*/Jadual Kerja sahaja, tiada maklumat secara jelas/bertulis dalam minggu atau bulan diberikan.
o. Terdapat petender yang mengemukakan maklumat Khidmat Sokongan dalam sebaris ayat sahaja.
p. Sukar untuk menyemak spesifikasi yang ditawarkan dengan maklumat dalam brosur kerana tiada tandaan dibuat.
q. Maklumat spesifikasi yang diisi di dalam borang tidak dapat dibandingkan dengan spesifikasi yang dikehendaki dalam tender.

ii. Penemuan di atas telah diambil kira di dalam pemberian markah dan memberi kesan kepada hasil penilaian secara keseluruhan.

6.2.1 HASIL PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

i. JPT telah menyemak dan meneliti setiap tawaran berdasarkan kepada spesifikasi/ syarat wajib dan didapati satu (1) daripada empat (4) petender iaitu petender **9/10** telah gagal kerana tidak mematuhi spesifikasi/ syarat wajib seperti di bawah:

BIL	PETENDER	ASAS-ASAS PENOLAKAN
1.	9/10	a) Tidak menyatakan atau menerangkan cadangan penyelesaian keperluan fungsian. b) Tidak mengemukakan cadangan dokumentasi bagi: i. Manual Pentadbir Sistem ii. *Data Dictionary* iii. Rekabentuk Pangkalan Data

ii. Petender **5/10**, **6/10** dan **8/10** telah mematuhi semua spesifikasi/ syarat wajib, oleh itu layak dinilai di Peringkat Kedua. Hasil Penilaian Peringkat Pertama-Pematuhan Kepada Semua Spesifikasi/ Syarat Wajib adalah seperti di **LAMPIRAN IV.**

6.2.2 HASIL PENILAIAN PERINGKAT KEDUA

i. JPT telah menyemak dan meneliti setiap tawaran dan memberi markah berpandukan kepada skema permarkahan yang telah ditetapkan. Perincian pemarkahan bagi setiap komponen bagi Penilaian Peringkat Kedua adalah seperti di **LAMPIRAN V.**

ii. Ringkasan pemarkahan yang diperoleh bagi setiap petender **5/10**, **6/10** dan **8/10** adalah seperti di **LAMPIRAN VI**.

iii. Ketiga-tiga petender iaitu **5/10, 6/10** dan **8/10** didapati telah memperolehi markah melebihi 70% dan layak untuk dinilai di peringkat seterusnya iaitu Pengujian Demonstrasi.

6.2.3 HASIL PENGUJIAN DEMONSTRASI

i. Perincian pemarkahan bagi Pengujian Demonstrasi adalah seperti di **LAMPIRAN VII.**

ii. Ringkasan pemarkahan bagi Penilaian Peringkat Kedua dan Pengujian Demonstrasi adalah seperti berikut:

BIL.	PETENDER	MARKAH PENILAIAN PERINGKAT KEDUA (%)	MARKAH PENGUJIAN DEMONSTRASI (%)
1.	5/10	71.92	60.00
2.	6/10	88.74	86.67
3.	8/10	71.25	46.67

iii. Berdasarkan markah Penilaian Peringkat Kedua dan Pengujian Demonstrasi, JPT memperakukan ketiga-tiga petender iaitu **PETENDER 5/10, 6/10** dan **8/10** mengikut keutamaan seperti berikut:

BIL.	PETENDER	MARKAH	CATATAN
1.	6/10	87.71	Menawarkan *channel range for wireless equipment* 50km berbanding spesifikasi minimum 15km
2.	5/10	65.96	Menawarkan *channel range for wireless equipment* 20km berbanding spesifikasi minimum 15km
3.	8/10	58.96	-

7. PERAKUAN

7.1 JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL MEMPERAKUKAN PETENDER TIGA (3) BERIKUT UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA KEMENTERIAN KEWANGAN:- PEROLEHAN

PETENDER	MARKAH PENILAIAN TEKNIKAL (%)	MARKAH PENGUJIAN DEMONSTRASI (%)	PURATA MARKAH KESELURUHAN (%)	KEDUDUKAN
6/10	88.74	86.67	84.71	1
5/10	71.92	60.00	65.96	2
8/10	71.25	46.67	58.96	3

8. Ditandatangani Oleh Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal:

Pengerusi :.....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)
(No. Kad Pengenalan)

Ahli : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)
(No. Kad Pengenalan)

Ahli : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)
(No. Kad Pengenalan)

Ahli : .....
(Nama Pegawai)
(Jawatan Pegawai)
(No. Kad Pengenalan)

Tarikh : .....

LAMPIRAN 4A1

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI TERIMA DAN MENYELENGGARA .....
KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. .....//.....

Tarikh :
Masa :
Tempat :

Kehadiran:

Perkara :

1. Pendahuluan

2. Perkara-Perkara yang Dibincangkan

   2.1 Metodologi Penilaian Dan Spesifikasi Mandatori

   2.1.1 Penilaian Peringkat Pertama-Pematuhan Kepada Spesifikasi/ Syarat Wajib

   2.1.2 Penilaian Peringkat Kedua-Pemarkahan

   2.2 Kriteria

   2.3 Markah Penilaian

   2.4 Pengurusan Projek

   2.5 Sesi Demonstrasi/ *Prototype*

3. Penutup

LAMPIRAN 4A2

SENARAI SPESIFIKASI/ SYARAT WAJIB

		PETENDER								
BIL.	**DOKUMEN**									
1.	Cadangan penyelesaian keperluan fungsian									
2.	Cadangan penyelesaian keperluan teknikal									
3.	Cadangan penyelesaian keperluan antaramuka									
4.	Cadangan pendekatan dan metodologi									
5.	Penjelasan keseluruhan strategi dan pendekatan pelaksanaan sistem									
6.	Penjelasan dan pematuhan mengenai keperluan									
7.	Penjelasan dan pematuhan mengenai keperluan khidmat sokongan dalam tempoh jaminan									
8.	Penjelasan dan pematuhan mengenai keperluan Pengurusan Projek dan Pengurusan Perubahan									
9.	Cadangan dokumentasi yang meliputi: - Manual Pengguna - Manual Teknikal Bagi Senibina - Manual Pentadbir Sistem - *Data Dictionary* - Rekabentuk Pangkalan Data - Kod Sumber									
10.	Gantt Chart yang menjelaskan dengan terperinci mengenai cadangan jangkamasa projek dan perancangan sumber yang merangkumi *priorities*, *milestone*, *major tasks* (termasuk aktiviti dan *deliverables*), jumlah kakitangan, hari bekerja, kepakaran, tarikh mula/ tarikh akhir projek									
11.	Cadangan Struktur Pasukan Projek dan penerangan fungsi setiap ahli pasukan projek (Carta Organisasi Pasukan Projek) - Senarai ahli pasukan projek dan									

		PETENDER								
BIL.	**DOKUMEN**									
	tanggungjawab - *Curriculum Vitae* Pasukan Projek									
12.	Menyediakan maklumat *appendix* berikut: - Ringkasan cadangan teknikal - Diagram reka bentuk seni bina teknikal - Diagram reka bentuk seni bina data									
13.	Lampiran termasuk brosur, bahan rujukan bagi SEMUA peralatan, sistem aplikasi dan cadangan perkakasan serta dilabelkan									

LAMPIRAN 4A3

PEMATUHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN TENDER

		PETENDER								
BIL.	**DOKUMEN**	**1/10**	**2/10**	**3/10**	**4/10**	**5/10**	**6/10**	**7/10**	**8/10**	**9/10**
1.	*Worksheet 1 - Technical Requirements*	✓	✓ ✓		✓	✓ ✓		✓	✓ ✓	
2.	*Worksheet 2 - Support Services Information*	X	X	X	✓	✓		✓	✓	
3.	*Worksheet 3 – Training Information*	✓	✓		✓	✓		✓	✓	
4.	*Worksheet 4 – Proposed Solution/Functional Requirements*		✓		✓	✓ ✓		✓	✓ ✓	
5.	*Worksheet 5 – Project Management and Project Team Curriculum*	✓	✓ ✓		✓	✓ ✓		X	✓ ✓	
6.	*Worksheet 6 – Documentation Information*	✓	✓ ✓		✓	✓		✓	✓	
7.	*Worksheet 7 – Proposed Implementation*				X	✓		✓	✓	
8.	*Worksheet 8 - Deviation*	✓	✓ ✓		✓	✓		✓	✓	
9.	*Technical Architecture Design Diagram*	✓	✓		✓	✓		✓	✓	
10.	*Brochures*		✓		✓	✓		✓	✓ ✓ ✓ ✓ ✓ ✓ ✓ ✓	

PETUNJUK:

√:	Mematuhi Syarat Pematuhan Kepada Dokumen Tender/ Kecukupan Dokumen
X :	Tidak mematuhi syarat
	Petender yang gagal mematuhi syarat pematuhan dan kecukupan dokumen tender

LAMPIRAN 4A4

HASIL PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA – PEMATUHAN

KEPADA SPESIFIKASI/SYARAT WAJIB

		PETENDER			
BIL.	**DOKUMEN**	**5/10**	**6/10**	**8/10**	**9/10**
1.	Cadangan penyelesaian keperluan fungsian	M	M	M	T
2.	Cadangan penyelesaian keperluan teknikal	M	M	M	M
3.	Cadangan penyelesaian keperluan antara muka	M	M	M	M
4.	Cadangan pendekatan dan metodologi	M	M	M	M
5.	Penjelasan keseluruhan strategi dan pendekatan pelaksanaan sistem	M	M	M	M
6.	Penjelasan dan pematuhan mengenai keperluan latihan	M	M	M	M
7.	Penjelasan dan pematuhan mengenai keperluan khidmat sokongan dalam tempoh jaminan	M	M	M	M
